


TUN ABDUL RAZAK

POTRET DALAM KENANGAN

Kompilasi
oleh
Yayasan
Tun Razak

تون عبد الرزاق حسين

Dilahirkan pada 11 Mac 1922, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein ialah anak sulung Pembesar Jajahan Negeri Pahang. Beliau dipelihara oleh datuk dan nenek beliau di sebuah kampung yang terletak di tepi sungai. Semasa zaman kanak-kanak, beliau berkaki ayam ke Sekolah Langgar, Pahang. Beliau seorang pelajar yang dihormati dan disegani di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak dan di Kolej Raffles, Singapura. Pengajian beliau terbantut ekoran penjajahan Jepun. Beliau menyertai pasukan Wataniah untuk menentang penjajahan. Selepas tamat peperangan Tun Razak mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Lincoln's Inn, London.

Tun Razak adalah antara pelajar elit yang diasuh untuk mengambil alih pentadbiran British. Pembangunan Luar Bandar sentiasa di hati beliau, di samping memberi penekanan kepada porfolio beliau yang lain: Pelajaran, Pertahanan, Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kewangan. Beliau hanya berumur 48 tahun sewaktu dilantik menjadi Perdana Menteri.

Tun Razak merupakan penggerak utama dalam pembentukan Malaysia dan menamatkan konfrontasi. Dalam tahun 1969, beliau menerajui Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan mengembalikan pemerintahan demokrasi berparlimen. Beliau mencatat sejarah sebagai pemimpin Asia yang pertama melawat China, dan beliau jugalah yang menubuhkan Barisan Nasional—suatu barisan yang menggabungkan pelbagai pandangan dan kepentingan bagi sebuah negara yang berbilang kaum.


Dengan
Ingatan
Tulus Ikhlas
Dari
Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Tun Razak

TUN ABDUL RAZAK

POTRET DALAM KENANGAN

TUN ABDUL RAZAK

POTRET DALAM KENANGAN

Kompilasi oleh
Yayasan Tun Razak

Pengerusi
Tun Abdullah bin Mohd Salleh



Diterbitkan bersama
Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak
d/a Memorial Tun Abdul Razak
Jalan Perdana
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26949287
Fax: 03-26949320

dan
Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A, Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak
Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2006

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tun Abdul Razak: potret dalam kenangan / kompilasi oleh Yayasan Tun Razak.
Termasuk index
ISBN 967-61-1785-4
1. Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun, 1922-1976.
2. Prime ministers–Malaysia.
3. Malaysia–Politics and government–History.
I. Yayasan Tun Razak.
320.9595092

Dicetak oleh
PRIN-AD SDN. BHD.
No. 27-29, Jalan 2/148A,
Tmn. Sg. Besi Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur.

Diterjemah dan disunting oleh
Datin Shajaratuddur bt. Sh. Abdul Halim

Isi

Kata Pengantar xi

Daripada Editor xvii

DETIK BAHAGIA 1
Oleh DYMM Tuanku Jaafar ibni al-Marhum Tuanku Abdul Rahman

NEGARAWAN SEPANJANG ZAMAN 13
Oleh Prof. Tan Sri Maurice Baker

SAYA MENDAYUNG, DIA MENGEMUDI 25
Oleh Tan Sri Mohd Ghazali Shafie

BUSJAKET YANG SELALU DILIHAT 37
Oleh Tan Sri Dato' Michael Chen

MASA BERSAMA RAKAN-RAKAN 47
Oleh Tan Sri Robert Kuok

LEBIH DISAYANGI DARIPADA DITAKUTI 57
Oleh Tan Sri Datuk Seri Abdullah Ahmad

MENCARI JODOH PAK CIK 67
Oleh Datin Kalsom Tan Sri Taib

HATI YANG MUDAH DITAWAN 75
Oleh Tun Hajah Rahah Tan Sri Haji Noah

TUN ABDUL RAZAK, TEMAN SAYA* 85
Oleh Des Alwi Abu Bakar

PERHATIAN! ORANG SEDANG BEKERJA 109
Oleh Dato' K. Pathmanaban

MINAT YANG SEIMBANG 119
Oleh Dato' P.G. Lim

DARI CILI KE CHINA 129
Oleh Tan Sri Lee Siew Yee

IBU PERTIWI SEMUA RAKYAT MALAYSIA 137
Oleh Tun Datuk Seri Dr. Lim Chong Eu

MENAWAN HATI PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK
Oleh Tan Sri Datuk Amar Ling Beng Siew **145**

TUN RAZAK SEBAGAI MENTOR POLITIK* **151**
Oleh Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah

BERSATU BERSAMA RAKYAT **165**
Oleh Tunku Tan Sri Dato' Shahriman bin Tunku Sulaiman

TUN RAZAK MENYENTUH NADI MASYARAKAT DESA* **177**
Oleh Tun Abdul Ghafar Baba

MENERAJUI PENTADBIRAN **191**
Oleh Tun Ismail Mohamed Ali

MENGENALI TUN RAZAK* **197**
Oleh Tan Sri Abdul Samad Idris

PENAMPILAN PERTAMA MEMBUAHKAN KEPERCAYAAN* **217**
Oleh Tan Sri Jeneral (B) Benny Moerdani

PRIHATIN TERHADAP KAUM WANITA* **223**
Oleh Tan Sri Dato' Aishah Abdul Ghani

MEMUJUK SARAWAK **237**
Oleh Tan Sri Datuk Dr. Ong Kee Hui

JEJAK BERTAPAK DI ATAS PASIR **253**
Oleh Dato' Mazlan Nordin

KEPERIBADIAN YANG SUKAR DICONTOHI **265**
Oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

KEHALUSAN DAN WAWASAN **275**
Oleh Tan Sri Dato' Musa Hitam

"BANYAK LAGI YANG PERLU DILAKSANAKAN" **283**
Oleh Datuk Harris Mohamed Salleh

HADIAH PERPISAHAN **293**
Oleh Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak

BIOGRAFI PENGARANG **305**

INDEKS **319**

---

* Artikel asal ditulis dalam bahasa Melayu. Dengan itu, terdapat sedikit kelainan daripada artikel yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris.

Kata Pengantar

Beliau adalah seorang yang bekerja kuat dan rajin—malah rasa saya beliau adalah seorang yang sangat tekun bekerja. Disiplin yang diamalkan sejak zaman pelajar sehingga ke peringkat awal beliau memulakan kerjayanya, meningkat melalui peredaran masa. Malah apabila beliau menjadi Perdana Menteri, pegawai-pegawai kanannya sendiri berasa amat kagum dengan cara beliau bekerja.

Inilah dia gambaran mengenai Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein.

Beliau adalah seorang mentor kepada ramai dan kejayaannya sentiasa dijadikan teladan oleh ramai ibu bapa kepada anak-anak mereka. Beliau juga merupakan seorang sahabat, yang menghargai erti kata persahabatan yang sebenar-benarnya, walaupun hanya di kalangan satu kumpulan kecil yang telah bersama beliau sejak zaman muda dan yang sama-sama berkongsi impian dan minat mengenai negara. Antara mereka, yang pasti saya sebutkan ialah Tan Sri Taib Andak dan Tan Sri Maurice Baker, yang boleh dianggap sebagai kawan seumur hidup.

Beliau tidak banyak bercakap, dan bukan seperti sebuah tin kosong yang bunyinya lantang tetapi tidak berisi. Beliau padat dengan pengetahuan dan pengalaman. Tidak ramai yang dapat menandingi beliau dalam menangani seseorang atau sesuatu keadaan sepantas yang dapat beliau lakukan. Ini adalah bakat semula jadi yang diasah mengikut peredaran masa. Tun Razak dapat memahami setakat mana yang dapat diharapkan daripada seseorang. Beliau meletakkan satu ukuran yang tinggi dan mengharapkan ia dapat dilakukan dengan sempurna.

Sifat penuh hormat dan sopan yang dimilikinya membuatkan beliau memberi khidmat kepada Tunku Abdul Rahman dengan penuh setia tanpa sebarang rungutan selama 15 tahun.

Pada masa dahulu, orang Melayu boleh dikatakan berasal dari kampung. Walaupun beliau telah lama berkhidmat tetapi sikap dan sifat "kampungnya" tidak pernah dilupakan beliau. Tun Razak masih dapat menikmati hidangan yang ringkas—ikan dan pucuk ulam. Yang terpenting sifat kemelayuan beliau tidak pernah meninggalkan diri beliau. Tun Razak tegas tetapi sentiasa

sopan. Beliau tidak pernah meninggikan suaranya. Beliau menerima apa saja persediaan tempat tinggal yang diberikan kepadanya. Beliau mengharung selut dan membuat lawatan dengan menaiki rakit. Orang kampung menerima beliau sebagai sebahagian daripada mereka.

Beliau hidup dalam suasana yang penuh mesra. Rakan-rakan seangkatannya turut pergi bercuti ke tempat-tempat sejuk di kawasan berbukit. Mereka menari bersama. Mereka lebih selesa bertutur bahasa Inggeris daripada bahasa ibunda. Sungguhpun mereka kelihatan lebih banyak terpengaruh oleh gaya hidup cara Inggeris, tetapi mereka lebih nasionalistik daripada nasionalis-nasionalis hari ini. Mereka mewakili generasi yang berusaha memperjuang dan mendapatkan kemerdekaan. Perkataan "Merdeka" bukan sahaja menjadi satu perkataan yang sering dilaungkan setiap 31 Ogos. Perkataan itu kental dalam jiwa mereka dan menjadi semangat dalam kehidupan mereka. Mereka mengibaratkannya sebagai satu cara hidup.

Dengan itu, dalam menyediakan negara untuk berkerajaan sendiri, Tun Razak dan rakan-rakan seperjuangannya telah meletakkan batu asas pentadbiran berpandukan undang-undang dan corak yang digunakan oleh pentadbiran British yang banyak diketahui mereka. Mereka kemudiannya sedikit demi sedikit membuat perubahan mengikut keadaan. Perlembagaan Beraja, Demokrasi Berparlimen, Perwakilan yang dipilih, Kabinet Malaya dan kemudian pengisytiharan memansuhkan darurat selepas rusuhan 13 Mei adalah dipadankan mengikut cara pentadbiran pemerintahan British. Sistem kewangan Malaya, yang pada mulanya bersandarkan kepada tanaman kontan akhirnya tidak dapat bertahan dan dengan itu tertubuhlah bank, koperasi, pertubuhan profesional, persatuan sekerja yang semuanya juga diasaskan dengan berpandukan kepada produk British. Perlu juga saya sebutkan di sini bahawa seluruh perlembagaan Malaysia ditulis oleh seorang individu—Allahyarham Tun Mohammed Suffian Hashim—dan walaupun telah banyak perubahan dibuat kemudiannya, ia masih tetap kekal sebagai asas dan menjadi *blue print* kepada pemerintahan mengikut prinsip undang-undang (*Rule of Law*).


Tun Razak juga seorang perintis dalam hal-hal berkaitan dasar luar negara. Beliau bekerja keras, dan secara diam-diam, menamatkan konfrontasi dengan Indonesia. ASEAN ditubuhkan semasa pentadbiran beliau. Beliaulah juga yang membuka langkah pertama sehingga membolehkan Dialog Selatan-Selatan diwujudkan. Beliau mungkin lebih dikenang sebagai pemimpin

pertama di rantau ini yang menghulurkan tangan persahabatan kepada negara China ketika negara-negara lain bersikap dingin terhadap China.

Di dalam negeri beliau berjaya menubuhkan Barisan Nasional —satu gabungan yang lebih besar daripada Perikatan—dengan menarik parti-parti pembangkang menyertai Barisan. Ini adalah tindak balas pantas daripada Tun Razak sebagai satu langkah bagi menyelesaikan masalah hubungan kaum dalam rusuhan 13 Mei. Langkah ini sebenarnya telah meninggalkan kesan jangka panjang yang merumitkan. Hari ini, pengganti-pengganti beliau menikmati hasil yang ditinggalkan beliau, tidak banyak kekeliruan yang timbul dalam pilihan raya dan semuanya ini adalah hasil usaha warisan beliau.

Daripada semua peninggalan Tun Razak kepada rakyat Malaya, kita dapat merasakan yang beliau adalah seorang yang unik. Beliau meletakkan kepentingan negara lebih daripada kepentingan diri dan apabila beliau disahkan menghidap penyakit leukemia, beliau terus bekerja dengan lebih keras, seolah-olah tidak mahu melepaskan tanggungjawab beliau. Pada tahun-tahun akhir hayatnya, beliau berkesempatan menyebar-kan semangat memberi. Maka hari ini, bagi pihak rakan-rakan sekalian, sahabat handai dan keluarga beliau, saya serahkan kepada pembaca buku *Tun Abdul Razak: Potret dalam Kenangan.*

Tun Abdullah bin Mohd Salleh



Pengerusi
Yayasan Tun Razak

Daripada Editor

Buku ini mengandungi koleksi esei yang saya rasa mungkin telah ditulis sendiri oleh Allahyarham Tun Razak sekiranya beliau mempunyai masa yang lebih panjang. Meskipun terlewat, memoir-memoir ini ditulis oleh mereka yang sangat mengenali beliau—rakan-rakan beliau, teman sekerja, dan ahli keluarga yang menyimpan pelbagai memori indah tentang insan yang istimewa ini.

Buku ini telah mengambil masa yang terlalu lama untuk disiapkan. Selama tujuh tahun tetapi pada hakikatnya kerja sebenar mungkin hanya separuh dari masa tersebut, sedangkan selebihnya diisi dengan masa menanti yang panjang. Mengenal pasti penyumbang, memujuk mereka untuk menulis, membuat susulan tentang perkembangan penulisan mereka, menyunting artikel mereka, dan menjalani tiga pusingan pembetulan—semuanya ini memakan masa. Selain itu, editor terpaksa pula melalui tugas biasa seorang editor untuk memilih gambar, menulis biografi, membaca pruf awal di samping menjalankan satu tugas yang luar biasa, iaitu menterjemah artikel yang ditulis dalam bahasa Melayu ke bahasa Inggeris dan untuk edisi bahasa Melayu ini beberapa artikel yang asalnya ditulis dalam bahasa Inggeris oleh pengarang-pengarangnya terpaksa pula diterjemahkan ke bahasa Melayu.

Sepanjang tempoh itu, beberapa orang penyumbang ternama telah meninggal dunia. Antaranya yang paling ketara ialah Tan Sri Lee Siew Yee yang sentiasa bersemangat semasa hayatnya, Datuk K. Padmanaban yang sangat bersopan, Tan Sri Ong Kee Hui, Tun Ismail Ali, dan Tan Sri Abdul Samad Idris.

Kekesalan juga timbul kerana beberapa orang penyumbang yang dihormati telah tidak sempat menulis kerana keuzuran mereka dan saya dengan rendah hati ingin memohon maaf kerana tidak mengetahui dengan lebih awal tentang keadaan kesihatan mereka. Mereka telah pergi meninggalkan kita tanpa menulis memoir-memoir mengenai tempoh yang paling penting dalam perkembangan negara. Yang paling terkenal antara mereka ialah Allahyarham Tun Mohamed Suffian Hashim dan Tan Sri Zain Azraai. Pemergian mereka adalah satu kehilangan yang amat saya rasakan.

Terdapat juga beberapa orang yang telah menolak apabila diminta membuat sumbangan. Ada juga yang telah memberi persetujuan untuk menulis tetapi tidak dapat berbuat demikian. Tarikh akhir yang ditetapkan telah beberapa kali berlalu. Akhirnya kami tidak dapat menunggu lagi.

Kepada mereka yang menulis, saya ucapkan terima kasih kerana menyiapkannya dengan penuh kerelaan. Mereka memudahkan tugas editor yang penuh dengan bebanan kerja. Pembaca, saya rasa, menghargai gaya penulisan yang pelbagai daripada mereka yang menulis dengan hati yang ikhlas. Bagaimanapun saya sedar tidak semua antara kita yang mempunyai bakat menulis semula jadi dan kerana itu sedikit pertolongan telah diberi kepada sekumpulan kecil daripada mereka.

Saya juga sangat berterima kasih kepada mereka yang turut membantu saya dengan menyumbang gambar-gambar. Antara mereka yang perlu diberi penghargaan ialah Datin Kalsom Taib dan Tan Sri Maurice Baker kerana telah menyumbang gambar yang bersesuaian dengan artikel mereka. Sebahagian besar daripada gambar-gambar lain adalah daripada penyelidikan yang cermat dan teliti di Memorial Tun Razak dan dari Arkib Negara. Saya ingin merakamkan rasa terhutang budi yang istimewa kepada Encik Yusri Alhadi dari Memorial Tun Razak kerana bantuan yang amat tinggi nilainya dalam memilih dan mengatur gambar.

Menyentuh mengenai biografi penulis-penulis dalam buku ini, saya harap saya telah berlaku adil kepada semua. Oleh kerana buku ini adalah mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak, saya harap semua penyumbang dapat memahami kenapa latar belakang mereka terpaksa dibuat dengan ringkas dan padat. Sesetengah daripada penyumbang membantu dengan menghantar biografi mereka manakala yang lain terpaksa saya cari dari buku *Who's Who*. Walau bagaimanapun saya harap semuanya telah saya lakukan dengan tepat dan adil. Setelah semuanya hampir siap, Datin Shajaratuddur bt. Sh. Abdul Halim telah memberi persetujuan untuk bukan sahaja menyunting malah menterjemah semua artikel yang telah ditulis dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Kepada beliau diucapkan terima kasih.

Nukilan saya ini juga tidak akan sempurna tanpa memberi penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa Yayasan Tun Razak yang begitu sabar menanti projek ini disempurnakan. Penghargaan istimewa ditujukan kepada Jawatankuasa Editorial, terutama sekali Puan Azah Aziz yang telah bersusah payah

memastikan projek ini bermula dengan lancar. Ucapan terima kasih juga kepada Pengerusi Yayasan Tun Razak, Tan Sri Abdullah Mohd Salleh, dan kepada Tun Mohamad Hanif Omar, Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Rama Iyer, dan kepada Dato V.C. George atas pembacaan yang teliti dan nasihat yang berharga. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dato' Ahmad Johari Tun Abdul Razak, yang mewakili keluarganya dengan meluangkan banyak masa dengan kami dan memberi cadangan-cadangan yang bernas.

Saya tidak bermaksud melarikan diri daripada tanggung-jawab, tetapi saya perlu menyatakan di sini bahawa semua pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis-penulis itu sendiri. Walaupun saya telah mengambil langkah-langkah menyemak semua fakta-fakta yang sudah diketahui ramai, dengan mengambil kira kedudukan sejarah, cerita-cerita menarik yang tidak berkaitan dan kedudukan sensitif setiap penyumbang, namun sesetengahnya adalah di luar kawalan editor. Ketepatan petikan-petikan mungkin telah lenyap ditelan kabus masa. Oleh itu, saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan fakta, dan saya tidak keberatan sekiranya ada di antara pembaca yang dapat menunjukkan sebarang kekurangan supaya ia dapat diperbetulkan untuk dihayati bersama.

Banyak yang saya pelajari semasa menyiapkan projek ini. Mereka yang sezaman dengan Allahyarham Tun Abdul Razak mungkin berasa gembira kerana dapat menghayati semula kisah-kisah lama semasa sama-sama membina negara ini dengan penuh keikhlasan dan semangat kekitaan. Mereka yang kemudiannya turut mengikuti perkembangan tersebut sudah tentu akan lebih dapat menghargai semua perjuangan beliau untuk negara.

Suhaini Aznam
Editor

Detik Bahagia

Oleh DYMM Tuanku Jaafar ibni al-Marhum Tuanku Abdul Rahman

Bibliotheek
Delft

TUN Abdul Razak ialah sahabat karib saya sejak di bangku sekolah lagi. Saya juga adalah salah seorang daripada mereka yang mengagumi beliau sebagai Perdana Menteri. Pernah dalam satu perjumpaan sosial, saya secara bergurau menawarkan khidmat saya kepada beliau. Beliau telah menjawab, "Jeff, tidak perlu untuk anda membabitkan diri."

Pada suatu waktu lain pula, juga di perjumpaan sosial, saya telah memberi pendapat saya atas sesuatu perkara tentang kerajaan. "Mari kita bergembira dan jangan cakap fasal kerja," beliau membalas.

Tidak lama selepas itu, saya mendapat tahu beliau tidak gemar membincangkan cara pimpinan beliau dengan sesiapa pun, terutama dengan mereka yang bukan anggota kerajaan. Mungkin ini sifat semua pemimpin. Kadangkala mereka perlu bersikap seperti diktator. Memang sukar untuk memimpin jika beliau terpaksa mendengar cadangan semua orang.

Semangat Kesukanan

Beliau menyertai Maktab Melayu pada tahun 1934. Walaupun beliau setahun lebih tua daripada saya, tetapi saya sudah berada di situ setahun lebih awal. Yang peliknya, kami menyukai antara satu sama lain dengan serta-merta. Saya memanggil beliau Razak dan beliau memanggil saya Jeff. Kami mempunyai banyak persamaan, umpamanya, ayah beliau ialah seorang pegawai kerajaan, begitu juga dengan ayah saya.

Kami juga meminati sukan. Barangkali sebab itulah kami bertambah rapat. Kami suka permainan yang sama—bola sepak, kriket, hoki, tenis, dan skuasy.

Kami mewakili sekolah dan sentiasa berlatih bersama. Kami berdua memang handal bermain tenis dan skuasy tetapi saya selalu menewaskan beliau dalam perlawanan akhir, mungkin kerana saya telah meluangkan lebih banyak masa untuk berlatih berbanding dengan beliau. Saya selalu menyakat beliau dengan memanggil beliau "kongsai" atau "Razak Kongsai"



kerana rupa beliau mirip wajah Cina. Ia menjadi nama gelaran beliau tetapi mujurlah hanya beberapa orang sahaja yang masih mengingati nama jolokan tersebut. Namun, beliau tidak pernah membalas dengan memberi nama gelaran kepada saya ataupun sesiapa sahaja.

Beliau tidak pernah menipu dalam permainan sukan. Sewaktu perlawanan bola sepak, tidak sekalipun saya nampak beliau bermain kotor. Jika seseorang bersifat kasar dan menjatuhkan beliau, beliau tidak pernah mengadu ataupun membalas dendam. Beliau hanya berdiri semula dan kembali bergegas menyertai perlawanan itu. Kami juga menjadi ahli pasukan kadet di Maktab, berpangkat sarjan. Semasa beliau menjadi ketua pengawas, saya menjadi timbalannya. Tidak lama kemudian, saya telah mewarisi tempat beliau. Sebagai pengawas dan ketua murid, saya tidak pernah melihat beliau memarahi sesiapa. Malah beliau sentiasa sedia membantu orang lain. Walaupun beliau kurang ketawa dan jarang sekali berjenaka, beliau tetap disukai semua orang, termasuk pengetua dan guru. Sungguhpun

Perdana Menteri Ethopia, Tsehafi Taezaz Akhlou Habtewolde (kiri) menerima kunjungan Tuanku Jaafar (kanan), Duta Malaysia ke Mesir semasa lawatan Tun Razak. (1965)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

beliau seorang yang pendiam, beliau hebat berbahas. Beliau juga ahli Persatuan Persuratan Kesusasteraan, Drama, dan Persatuan Bahas di Maktab.

Perbezaan antara kami ialah beliau seorang yang serius, pendiam, dan rajin belajar. Beliau ada kalanya berjenaka tetapi raut wajah beliau tetap bersahaja.

Beliau sangat pintar dan sering kali mendapat tempat pertama dalam kelas kami. Beliau lulus dengan cemerlang dalam Peperiksaan Rendah Cambridge pada tahun 1937 dan setahun kemudian memperoleh Sijil Sekolah.

Pada 31 Mei, 1940, Tun Razak telah meninggalkan Maktab Melayu dengan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus ekonomi, undang-undang, dan sejarah selama tiga tahun di Kolej Raffles, Singapura—tempat pengajian yang hampir serupa dengan universiti pada masa itu. Beberapa bulan kemudian, saya telah menyertai beliau di sana.

Sebagai Ejen Perisik

Pada penghujung tahun 1941, kolej terpaksa ditutup disebabkan penjajahan Jepun, dan kami semua telah diberi arahan supaya pulang ke negeri masing-masing. Ada yang balik menaiki kereta api, dan yang lainnya menaiki kereta. Tun Razak memberitahu saya kemudian yang beliau terpaksa berhimpit-himpit di dalam kereta api yang perlahan dan gelap ke Kuala Lumpur, dan dari sana meneruskan perjalanan dengan menaiki kereta ke Bentong di mana ayah beliau berkhidmat sebagai pegawai daerah.

Dalam perjalanan pulang tersebut, beliau telah melihat bagaimana pihak British dengan tergesa-gesa membiarkan rakyat yang sepatutnya dilindungi, dan ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri Tun Razak. "Mereka telah mengabaikan kita. Adakah kita masih mahu mereka kembali?" soal beliau kepada saya kemudian.

Kami jarang berjumpa sepanjang penaklukan Jepun kerana perjalanan semasa itu amat susah dan berbahaya. Bagaimanapun kami saling berutusan dan dengan cara inilah kami berhubung sesama sendiri. Setahun sebelum kami menamatkan pengajian di Maktab Melayu, kami masing-masing telah dilantik menjadi pegawai pelatih dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu. Oleh sebab itu, kami telah diserap ke dalam perkhidmatan pentadbiran di negeri masing-masing semasa zaman penjajahan—beliau di Pahang dan saya di Negeri Sembilan.

Tun Razak menyertai Wataniah (Pergerakan Melayu Anti-Jepun) tetapi kekal berkhidmat dalam Pentadbiran Jepun

sebagai ejen perisik. Pejuang gerila Melayu bertanggungjawab untuk menghalang pihak Jepun daripada meneruskan kemaraan mereka ke barat dari markas mereka di Pantai Timur. Mereka dibantu dengan maklumat yang telah diseludup keluar oleh rakan perisik daripada pentadbiran Jepun.

Setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, kumpulan Wataniah dan anggota payung terjun Gurkha daripada Pasukan 136 telah mengambil alih melindungi rakyat jelata di kebanyakan daerah di Pahang, sehingga pasukan pejuang khas mendarat melalui kapal perang di Kuantan. Pergerakan Wataniah telah dibubarkan pada 1 Disember, 1945 ketika perarakan di Kuala Lipis, di mana Sultan Pahang memberi tabik hormat. Antara yang berarak dengan bangganya di hadapan pemerintah mereka ialah Kapten Abdul Razak.

Semua peristiwa tersebut telah Tun Razak ceritakan kepada saya dalam perjalanan dari Seri Menanti ke Kuala Lipis, sejurus selepas perang berakhir dan setelah Pentadbiran Tentera British (PTB) kembali berkuasa di seluruh negara. Beliau datang untuk tinggal bersama saya beberapa hari sebelum beliau dilantik memangku jawatan Penolong Pegawai Daerah, Raub. Suatu pagi, beliau telah mencadangkan kami menaiki kereta ke Kuala Lipis untuk bertemu dengan seseorang.

Saya memandu kereta jenis Hillman kepunyaan ayah saya. Masa itu, tidak ada trafik dan hanya kami sahaja di atas jalan raya hampir sepanjang perjalanan. Di akhir perjalanan yang lama itu, Tun Razak memperkenalkan saya kepada Encik D.J. Ambler, Pengetua Sekolah Clifford sebelum perang. Semasa peperangan berlaku, beliau menjadi Penasihat Urusan Pahang kepada Pasukan 136 yang berpangkalan di Ceylon (sekarang dikenali sebagai Sri Lanka). Beliau sering menghubungi ejen Wataniah dalam kerajaan Jepun di Pahang. Kemudian, beliau menjadi guru besar di sekolah lama kami, Maktab Melayu.

Bibit Awal Semangat Nasional

Pada masa yang sama, orang Melayu di seluruh Semenanjung, terutama golongan belia, telah dihasut oleh British dengan cadangan untuk menggabungkan kesemua Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat untuk dijadikan Malayan Union. Saya telah menyertai Pemanas (Pemuda Negeri Sembilan) yang menjadi komponen kepada Pemuda UMNO, setelah UMNO dibentuk.

Pada Mac 1946, Persatuan Melayu dari semua negeri dan beberapa persatuan lain bertemu dalam kongres di Kuala


Lumpur di mana penubuhan UMNO (United Malays National Organization) telah dicadangkan. Tun Razak menghadiri kongres tersebut sebagai wakil Persatuan Melayu Pahang cawangan Raub. UMNO sebenarnya hanya wujud pada 11 Mei, setelah "piagamnya" diterima. Malayan Union tidak kekal lama dan setelah ia dimansuhkan, kerajaan British merasmikan Persekutuan Malaya pada 1 Februari, 1948.

Sementara itu, Tun Razak memohon biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di Universiti London. Beliau berjaya dan pada 27 Ogos, telah belayar ke London menaiki kapal Scythia. Dalam pelayaran, kapal tersebut telah singgah di Bombay untuk beberapa hari. Di sana, beliau dan pelajar lain sempat merasakan kebahagiaan dan kemegahan sebuah negara yang baru merdeka. India telah menjadi negara berdaulat pada 15 Ogos 1948. Akan tetapi Tun Razak juga telah mendapat tahu tentang pertelingkahan Hindu-Muslim yang tercetus akibat pembahagian itu. Ia telah menyedarkan beliau bahawa pertelingkahan perkauman boleh tercetus di negara kita sendiri, dan betapa bahayanya jika ia berlaku, dan adalah amat penting untuk menghindarkan perkara ini demi keamanan dan kemajuan negara.

Jelas sekali, perkara ini terus-menerus menghantui beliau. Cerita-cerita tentang pertumpahan darah kerana pertelingkahan kaum merupakan perkara pertama yang beliau ceritakan kepada saya setibanya saya di London pada tahun 1948 untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di Universiti Nottingham. Beliau mengulanginya berkali-kali sambil membawa saya bersiar-siar di kota London.

Ketika di London

Selepas beberapa hari di London, beliau telah menemani saya menaiki kereta api ke Nottingham. Hanya setelah saya diterima masuk secara rasmi oleh universiti tersebut dan setelah saya meyakinkan beliau bahawa saya sudah menyesuaikan diri di sana, barulah beliau meninggalkan saya untuk balik ke London. Saya pergi ke London hampir setiap bulan dan setiap kali saya ke sana, saya akan menginap di flat beliau. Malah, ramai pelajar telah menginap di flat beliau setiap kali mereka ke London. Mereka dibenarkan datang pada bila-bila masa sahaja, siang atau malam. Flat beliau menjadi seperti sebuah kelab. Antara mereka yang kerap berkunjung ialah Tengku Ahmad Shah, iaitu Tengku Mahkota Pahang, Mimi Shahrir anak perempuan kepada Perdana Menteri Indonesia ketika itu, Sutan Shahrir dan anak



angkat Sutan Shahrir, iaitu Des Alwi. Juga seorang pelajar, Ghazali Shafie yang memang akrab dengan pelajar Indonesia.

Tun Razak berkongsi flat dua bilik itu dengan seorang lagi pelajar jurusan undang-undang, Tan Sri Taib Andak yang merupakan salah seorang daripada ahli kumpulan kami—termasuk Datuk Harun Idris dan "Coco" Majid (gelaran yang telah diberi kepada bekas Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan—Tan Sri Abdul Majid Ismail)—yang sering mengadakan perjumpaan dengan Tun Razak sehingga Tun Razak meninggal dunia. Taib, bagaimanapun, sudah berada di London lebih awal daripada kami semua, dan tidak lama kemudian, menamatkan pengajian dan pulang ke tanah air. Teman serumah baru Tun Razak selepas itu ialah Raja Idris, yang pada masa itu merupakan Raja Muda Perak.

Kami semua menjadi anggota Persatuan Melayu Great Britain pada masa itu dan Tunku Abdul Rahman menjadi presiden manakala Tun Razak sebagai setiausaha. Tun Razak juga melibatkan diri dalam banyak pertubuhan lain. Tujuan utama beliau adalah untuk menggalakkan keharmonian antara kaum dengan mendorong mereka supaya mengambil bahagian dalam aktiviti persatuan. Beliau hampir keterlaluan dalam perkara ini. Beliau sangat kecewa apabila tidak berjaya mendorong kaum Melayu untuk menyertai aktiviti berbilang kaum. Justeru, untuk mempromosikan program ini, beliau telah mengadakan sesi perjumpaan berbilang kaum di flat beliau dan menubuhkan apa yang kemudian dinamakan "Malayan Forum", di mana pelajar dari Singapura juga telah dijemput untuk turut serta. Tahun-tahun berikutnya, bilangan ahli bertambah, antaranya termasuklah Tengku Razaleigh Hamzah dan Lorraine Osman.

Tun Razak semakin bertambah serius dalam politik setelah terbabit dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut. Beliau mula menyertai pelbagai jenis forum untuk memperbaiki kebolehan beliau berbahas. Beliau meneliti ucapan Winston Churchill dan sering kali pergi ke Parlimen di London untuk melihat dengan lebih dekat lagi.

Pada musim panas 1949, saya dan Tun Razak telah diberitahu oleh pegawai ejen Malaya bahawa kami terpilih untuk mewakili negara kami ke Perhimpunan Belia Sedunia yang akan diadakan di Brussels. Ia amat sesuai bagi kami kerana pada masa itu kami baru sahaja bercadang untuk membuat lawatan ke Eropah bersama Des Alwi dan beberapa pelajar lain. Kami mengubahsuai sedikit rancangan kami supaya kesemua rakan karib kami dapat turut serta ke Eropah. Di Brussels, saya dan Tun Razak

Membentuk pemimpin masa hadapan—Tun Razak ketika muda (duduk) dan Tuanku Jaafar (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan) di Kolej Melayu Kuala Kangsar. (1937)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

diberi tempat penginapan dan mereka sanggup bersempit bersama kami. Namun, setelah selesai perhimpunan tersebut, kami terpaksa menumpang di rumah rakan-rakan yang sedang menuntut di universiti-universiti di Eropah. Di tempat tiada kenalan pula, kami terpaksa menginap di hotel murah dan rumah tumpangan. Dengan cara ini dan dengan menaiki kereta api kelas ketiga, kami mampu bersiar-siar di Perancis, Belanda, Switzerland, dan Itali.

Dalam ucapan beliau di perhimpunan itu, Tun Razak telah mendorong semua belia untuk mendesak kerajaan supaya menyediakan kemudahan untuk pelajar mengisikan masa lapang mereka. Beliau juga berkata kemudahan tersebut harus mampu memikat pelajar supaya mereka tidak mensia-siakan kemudahan yang ada dan tidak terpengaruh dengan aktiviti yang tidak elok.

Watak Kepimpinan Terserlah

Tun Razak meninggalkan London pada bulan Mei 1950 untuk menangani urusan keluarga berikutan kematian ayah beliau. Apabila beliau melaporkan diri untuk bertugas dengan kerajaan negeri Pahang, beliau dilantik menjadi Penolong Setiausaha Negeri. Kemudian, beliau menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri. Beliau juga telah mewarisi keahlian arwah ayah beliau dalam Majlis Perundangan Persekutuan, Parlimen baru negara. Ia merupakan tahun yang paling sibuk bagi Razak. Pada akhir tahun tersebut, beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO dengan Tunku Abdul Rahman sebagai Presidennya.

Pada tahun 1952, dalam usia 30 tahun, Tun Razak telah berkahwin dengan Rahah, 19 tahun, anak perempuan kepada Tan Sri Mohd Noah bin Omar, Pengerusi UMNO Johor, dan ahli Majlis Negeri Johor serta Majlis Persekutuan Undang-undang pada masa itu. Saya sengaja mengusik beliau tentang perbezaan umur mereka. Sejurus selepas perkahwinan mereka, pasangan pengantin ini telah menaiki kereta ke Pulau Pinang untuk berbulan madu. Mereka singgah untuk beberapa jam di Ipoh di mana saya sedang berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri. Kami bertiga makan tengah hari bersama sambil berbual-bual tentang keadaan dalam negara.

Tahun-tahun berikutnya, kami kerap bertemu di Kuala Lumpur. Beliau sentiasa dalam keadaan tergesa-gesa dan beliau sempat menyatakan bahawa beliau mempunyai terlampau banyak kerja dan masa yang suntuk. Beliau tidak lagi serius

tentang bersukan. Hanya setelah bertahun-tahun kemudian baru beliau mula meminati permainan golf.

Beliau bertambah sibuk setelah dicalonkan untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1955. Dengan mudah, beliau memenangi undian di kawasan Semantan dan dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Dengan kuasa yang ada, dan sebagai ahli Kabinet Pra-Merdeka, beliau telah menghasilkan Laporan Razak, yang mencadangkan penubuhan "sistem pembelajaran nasional yang boleh diterima semua rakyat Persekutuan."

Disebabkan sifat beliau yang tidak mudah mengalah, beliau berjaya membentuk dan melaksanakan kebanyakan strategi kerajaan, untuk menjaminkan keselamatan negara, dan memperbaiki kehidupan rakyat. Saya paling mengagumi beliau kerana kualiti ini: kejujuran dan sifat adil serta sentiasa memberi peluang kepada semua orang.

Oleh sebab beliau bukan seorang yang peramah dan selalu serius, ramai akan mengambil masa yang lama untuk menyedari ciri ini dalam diri beliau. Penduduk bukan Melayu, khususnya bangsa Cina, pada mulanya menganggap beliau bersifat berat sebelah kerana beliau dengan bersungguh-sungguh telah memperjuangkan hak petani Melayu. Akan tetapi mereka menjadi yakin semula apabila beliau dengan tegas menggalakkan kesabaran dan kesederhanaan.

Malah, apabila beliau mencadangkan penubuhan parti-parti gabungan nasional (*ruling alliance*); sebagai cara untuk mengurangkan permainan politik dan meneruskan dengan pembangunan, hampir semua yang menduduki kerusi Parlimen menyokong beliau.

Beliau tidak pernah mempengaruhi saya supaya aktif dalam politik. Apabila negara mencapai kemerdekaan, saya kekal dalam perkhidmatan awam dan cukup bertuah kerana mendapat jawatan sebagai duta ke beberapa negara. Semasa saya berada di Kaherah, Tun Razak ketika itu sudah menjadi Timbalan Perdana Menteri, datang membuat lawatan rasmi ke beberapa negara di rantau itu. Saya menemani beliau ke Algeria, Tunisia dan Magribi. Beliau juga telah melawat London beberapa kali semasa saya ditempatkan di situ, dan juga Nigeria ketika saya di sana.

Malah, sejak perkenalan kami yang pertama pada tahun 1934 sehingga beliau meninggal dunia dalam tahun 1976, kami kekal sebagai sahabat karib. Kami sering berjumpa walaupun beliau sudah menjadi pemimpin negara dan saya dinobatkan sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1967.

Pemergian beliau merupakan suatu kerugian besar bagi diri saya seperti mana ia juga merupakan kehilangan yang tidak ternilai bagi rakyat jelata khususnya. Dalam suatu perjumpaan keluarga, saya telah menegur beliau bahawa berat badan beliau kelihatan susut dan bertanya sama ada beliau sihat atau tidak. Beliau tidak mengambil endah sama sekali teguran dan soalan saya itu.

Sebagai Perdana Menteri, sudah tentu beliau mempunyai jadual yang sentiasa sibuk, namun beliau jarang sekali gagal untuk menghadiri perjumpaan dengan rakan-rakan, sama ada di Bukit Fraser atau di Kuala Lumpur. Peraturan dalam perjumpaan ini hanya satu—jangan cakap fasal kerja. Ia tentu sekali peraturan yang telah ditetapkan Tun Razak tetapi semua orang bersetuju dan amat mudah untuk mematuhinya. Joget, harus ada—hampir menjadi kemestian dalam perjumpaan kami pada masa itu. Detik-detik kami bersama merupakan masa yang sangat bahagia.

Negarawan Sepanjang Zaman

Oleh Prof. Tan Sri Maurice Baker

His life was gentle, and the elements so mix'd
in him, that nature might stand up
And say to all the world, "This was a man!"

[Kehidupannya lemah lembut, dan elemen-elemen bercampur aduk dalam dirinya, membuatkan alam mengumumkan kepada dunia, "Inilah dia orangnya!"]

–Shakespeare, Julius Ceaser

SEWAKTU Tun Abdul Razak dari Pahang mendaftar sebagai penuntut di Kolej Raffles, Singapura dalam tahun 1940, saya berada dalam tahun ketiga, iaitu tahun terakhir pengajian saya. Tidak ramai antara kami yang mengenali beliau kerana sifatnya yang pemalu dan rendah diri. Kemudian, dalam sekelip mata sahaja beliau menjadi seorang wira.

Dengan menghasilkan gol kemenangan dalam perlawanan bola sepak tahunan menentang musuh ketat kami, Kolej Perubatan, Tun Razak dengan serta-merta meletakkan dirinya sebagai seorang mahasiswa baru yang patut diberi perhatian. Ia merupakan satu perlawanan yang sengit. Kedudukan pada masa itu adalah seri dan kedua-dua pihak masih belum menjaringkan sebarang gol. Lima minit sebelum permainan tamat, Tun Razak berjaya menguasai bola. Beliau berlari dengan pantas di sebelah sayap kiri, menggelecek bola melepasi pertahanan tengah yang sedang mara menujunya dan menyepak bola dari satu sudut yang sukar. Bola itu tidak dapat diselamatkan oleh penjaga gol dan itulah gol kemenangan kami. Kami bersorak gembira dan Tun Razak dinobatkan sebagai wira yang telah memberi kemenangan dan menyelamatkan kedudukan kami.

Tahun-tahun berikutnya, Tun Razak telah membuktikan kemahiran dan stamina beliau mengatasi lebih jauh dari padang bola dan suatu hari nanti beliau akan berkhidmat untuk Malaysia dengan cemerlang.

Tiga puluh tahun kemudian, pada tahun 1970, dalam satu majlis di Kelab Taman Perdana, saya mengusik Tun Razak

tentang perlawanan bola sepak tersebut dengan menyatakan angin kencang yang telah meniup bola itu masuk gol. Beliau yang pada masa itu sudah pun menjadi Timbalan Perdana Menteri tertawa dan menjawab dengan bersahaja, "Tidak, tidak, ia adalah tendangan pisang saya yang termasyhur!" Beliau menyebabkan semua orang ketawa.

Pada masa itu Tun Razak sedang berusaha untuk menggalakkan kakitangan kerajaan menyertai Kelab Taman Perdana supaya mereka dapat bertukar-tukar fikiran dan berbincang tentang masalah bersama dalam keadaan yang tidak formal. Beliau mahu memperbaiki mutu perkhidmatan awam. Fikiran beliau sentiasa aktif untuk mencari jalan bagaimana mahu melaksanakan sesuatu dengan lebih baik dan segera untuk kebaikan negara. Rakyat dan negara menjadi agenda utama dalam fikiran dan perancangan beliau.

Kolej Raffles, selain daripada Kolej Perubatan yang menjadi saingan mereka merupakan satu-satunya institusi pendidikan tertinggi untuk seluruh Malaya dan Singapura di bawah pemerintahan British. Pencerobohan Jepun dan penaklukannya menghalang Tun Razak daripada menamatkan pengajiannya di Raffles. Tun Razak sebaliknya pulang ke Pahang.



Pemimpin Pelajar

Dalam tahun 1947, kami bertemu kembali, kali ini di atas kapal tentera Scythia dalam pelayaran ke United Kingdom. Razak telah dianugerahkan biasiswa untuk belajar undang-undang di England. Saya pula menerima Biasiswa Queen yang telah saya menangi di Raffles dalam tahun 1941.

Pada tahun 1948, Tun Razak telah dipilih sebagai Presiden Persatuan Melayu yang ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman. Saya telah dipilih sebagai Presiden Persatuan Pelajar Malaya dalam tahun yang sama. Kami berdua telah dilantik semula untuk tempoh tiga tahun berikutnya. Kami bekerjasama rapat untuk menguruskan Malaya Hall, No. 44, Brynston Square. Kami bertemu dengan semua penuntut yang baru tiba, menggalakkan mereka dan memberi ceramah kepada mereka tentang apa yang diharapkan daripada mereka sebagai duta pelajar Malaya di United Kingdom. Tun Razak ingin supaya tidak ada sesiapa pun yang patut menjatuhkan maruah negara dengan berkelakuan buruk atau membazirkan peluang untuk belajar dengan baik. Tun Razak sendiri lulus peperiksaan akhir undang-undang dalam tempoh 18 bulan dan terpaksa menunggu sehingga Mei 1950 sebelum dipanggil ke Bar. Sementara menunggu, beliau mengambil keputusan untuk mempelajari ilmu ekonomi di London School of Economics.

Kami selalu menganjurkan acara sosial dan majlis tari-menari bagi memberi peluang kepada rakan-rakan penuntut untuk bersantai dan merasakan seperti berada di negara sendiri. Kebanyakan daripada kami menganggap pelajaran sebagai satu perkara yang serius, tetapi terdapat juga beberapa orang penuntut yang mempunyai terlalu banyak wang dan bersikap tidak bertanggungjawab. Kami semua dalam lingkungan umur dua puluhan.

Di sebalik penderitaan kami selama tiga setengah tahun semasa pemerintahan Jepun, tidak ramai penuntut yang menunjukkan minat dalam bidang politik. Pihak British benar-benar mengecewakan kami. Tun Razak kuat berpendapat kita seharusnya sudah belajar daripada apa yang telah terjadi dan kita sepatutnya berjuang untuk kemerdekaan dan cuba mempertahankan diri sendiri. Suatu hari, Goh Keng Swee (kemudian menjadi Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri Singapura), Tun Razak, dan saya mengadakan pertemuan di flat Tun Razak di Jalan Cromwell, yang jauhnya hanya lima minit berjalan kaki dari tempat saya, 39, Bramham Gardens di Earls Court.

Anekdot dan gelak ketawa mengeratkan talian persahabatan mereka berdua —seorang ketua negara, dan seorang lagi duta yang disegani dari negara jiran.

(Ihsan daripada Tan Sri Maurice Baker)

Kami mengambil keputusan untuk melakukan sesuatu agar rakan-rakan penuntut lebih prihatin tentang politik, dan dengan itu mereka akan berusaha untuk kemerdekaan Malaya. Razak

mencadangkan supaya kami menubuhkan sebuah lagi persatuan selain daripada dua persatuan yang sedia ada. Dengan itu, tertubuhlah Forum Malaya.

Forum Malaya akan menjemput penceramah yang terdiri daripada ahli Parlimen British dari kedua-dua pihak, iaitu Parti Buruh dan Parti Konservatif serta pemimpin kita seperti Dato' Onn bin Jaafar semasa lawatan mereka ke London, untuk berucap dalam mesyuarat yang diadakan. Kami mengambil keputusan supaya Goh Keng Swee menjadi pengerusi kerana Tun Razak dan saya sudah pun mengetuai pertubuhan penuntut yang lain. Kami juga memutuskan untuk memperbesarkan jawatankuasa kami dengan menjemput mendiang F.C. Arulanandom dan Philip Hoalim Jr menyertai kami. Kami juga menjemput seorang pemuda yang langsing dan penuh bertenaga, Mohamed Sopiee menjadi setiausaha forum tersebut.

Mohamed Sopiee ialah seorang yang periang dan penyokong kuat Parti Buruh United Kingdom. Kami menerbitkan sebuah buletin yang disiklostil dan dengan berani kami namakan *Suara Merdeka*. Tun Razak menjadikan saya sebagai pengarangnya. Kami menulis artikel yang mengkritik pentadbiran penjajah British dan berhujah untuk kemerdekaan Malaya dan Singapura. Pada masa itu, kami tidak memikirkan Singapura sebagai satu entiti yang berasingan. Pihak British menjadikannya sebagai salah sebuah daripada Negeri-Negeri Selat, sama seperti Pulau Pinang. Pihak perkhidmatan perisikan British sudah tentu memperhatikan pergerakan kami, dan menurut tuan rumah saya, mereka datang menggeledah bilik saya.

Saya mengesyaki Tun Razak dan mereka yang terlibat dengan penerbitan Forum Malaya juga diletakkan di bawah pemerhatian tetapi disebabkan tidak ada sesiapa antara kami yang cenderung kepada komunis, tidak ada apa yang boleh dibuat oleh mereka. Selepas Perang Dunia Kedua, kami mendapat ilham daripada apa yang terjadi di India, semua jajahan, sama ada di perintah oleh British, Perancis atau Belanda menuntut kemerdekaan. Jadi, kami penuntut Malaysia tidaklah melakukan sesuatu yang condong kepada pemberontakan atau perkara yang luar biasa dalam menaruh keinginan untuk mendapat kebebasan.

Dalam usaha ke arah matlamat ini, Tun Razak terbukti sebagai seorang pemimpin semula jadi dengan cara beliau yang tenang dan berkesan. Kami semua menyayangi dan menghormati beliau. Kematian bapanya secara mengejut pada bulan Mei 1950 menyebabkan beliau terpaksa bergegas pulang ke Pahang. Di sana beliau dilantik sebagai Setiusaha Kerajaan Negeri dalam usia yang sangat muda, 30 tahun, dan tidak lama kemudian sebagai Menteri Besar.

Meluang Masa untuk Sahabat Lama

Lapan belas tahun berlalu, Tun Razak sudah menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ia merupakan pencapaian yang lebih tinggi daripada apa yang pernah dijangkakan suatu masa dulu. Pada bulan Mei 1968, Tun Razak singgah selama 24 jam di New Delhi, dalam perjalanan pulang dari Eropah. Beliau telah menemui beberapa orang Perdana Menteri dan Presiden, bagi mendapatkan bantuan ekonomi untuk Malaysia. Ketika itu saya bertugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi Singapura yang pertama ke India. Oleh sebab ingin benar berjumpa dengan seorang sahabat lama, saya menyertai rakan sejawat saya, Raja Tan Sri Aznam bin Raja Ahmad, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India untuk menyambut Tun Razak di Lapangan Terbang Palam.

Sungguhpun beliau masa itu sudah memegang jawatan yang kedua tertinggi, Tun Razak tidak pernah melupakan sahabat lama. Beliau gembira berjumpa saya dan beliau memeranjatkan pegawai protokol India dengan memberitahu mereka yang beliau akan meluangkan masa untuk minum teh bersama saya, di celah-celah pertemuan rasmi yang telah diatur dengan menteri-menteri India. Ini adalah salah satu cara beliau menunjukkan kemesraan beliau dengan sahabat lama. Adakah mungkin bagi seseorang yang berkedudukan seperti beliau, mengetepikan protokal dalam lawatan rasmi semata-mata untuk berjumpa dengan sahabat lama? Satu lagi contoh yang menunjukkan beliau mengambil berat dan sayangkan kawannya adalah apabila beliau mengambil keputusan untuk menyelamatkan seorang peguam yang cerdik tetapi mempunyai masalah dengan minuman keras. Beliau melantik peguam tersebut menjadi seorang hakim dan menghantarnya ke Kelantan, sebuah negeri yang sejak awal 1970-an lagi mengamalkan kesederhanaan dan mengharamkan minuman keras. Percubaan tersebut berjaya dan dia menjadi seorang hakim yang baik dan bijaksana.

Apabila tragedi 13 Mei menimpa Malaysia, kerajaan Singapura dengan segera memindahkan saya dari New Delhi ke Kuala Lumpur. Singapura menjangkakan Tunku Abdul Rahman akan bersara dan akan menyerahkan pemerintahan negara kepada Tun Razak. Pemimpin Singapura menganggap persahabatan saya dengan Tun Razak akan membolehkan saya melaporkan dengan segera semua perkembangan yang berkaitan dengan krisis tersebut kerana ia mempunyai kesan tertentu kepada Singapura.

Dua hari selepas saya tiba di Kuala Lumpur, Tun Razak menjemput saya dan isteri untuk minum teh di kediaman beliau di Sri Taman. Hanya isteri beliau yang cantik, Toh Puan Rahah turut bersama. Tun Razak dengan penuh nostalgia menceritakan



saat gembira kami di London bersama kawan-kawan. Beliau memberitahu saya yang beliau telah mengumpulkan semua sahabat sewaktu belajar di Raffles dahulu untuk tinggal di ibu kota Persekutuan kerana katanya masih banyak yang hendak dilaksanakan. Beliau hendak menaikkan taraf kehidupan rakyat, terutama sekali orang Melayu, dan beliau percaya para sahabat akan bekerja kuat untuk mencapai matlamat ini. Salah seorang daripada mereka ialah Tan Sri Taib Haji Andak, seorang sahabat rapat yang bersama kami semasa di London.

Tun Razak merasakan bahawa perkara terburuk tentang Tragedi 13 Mei telah pun berakhir, namun kesan pahitnya kepada hubungan kaum akan kekal dan akan mengambil masa yang lama untuk dipulihkan. Tun Razak sendiri, pada hari itu, nampak ceria berbanding dengan apa yang saya jangkakan. Saya telah diberitahu oleh diplomat asing bahawa Tun Razak berada dalam keadaan yang tertekan selepas rusuhan kaum pada 13 Mei itu. Beliau dan Tun Dr. Ismail telah dengan susah payah berusaha mengawal keadaan.

Tun Razak sangat sayangkan Tan Sri Taib dan apabila Tan Sri Taib berkahwin dengan isteri keduanya, dan kemudian terpaksa dimasukkan ke hospital kerana serangan jantung, Tun Razak bimbang tentangnya dan selalu melawat beliau di hospital. Tun Razak menasihati Tan Sri Taib secara berseloroh supaya bersikap "ambil mudah". Anehnya, ketentuan nasib memperlihatkan Tan Sri Taib hidup jauh lebih lama daripada Tun Razak.

Tun Razak menjadi Perdana Menteri pada tahun 1970. Dalam tahun 1971, beliau berucap dalam satu rancangan radio sempena hari jadi dan dalam ucapannya, beliau menyebut tentang tiga sahabat baiknya dengan menyebut nama Tan Sri Taib, Maurice Baker, dan F.C. Arulanandom, seorang hakim dan semuanya pernah bersama di Kolej Raffles dan semasa di London. Saya sungguh terharu dengan penghormatan yang diberikan beliau.

Para penuntut Malaya-Singapura menikmati makan malam formal di London. Tun Razak yang masih muda duduk bertentangan dengan kamera (kedua dari kiri) manakala Lee Kuan Yew, rakan sejawat masa depannya duduk di kanan sekali.

(Ihsan daripada Tan Sri Maurice Baker)

Datang dan Pergi

Penggal pertama saya sebagai Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia adalah dari Ogos 1969 hingga Jun 1971. Tun Razak, sehingga waktu itu, telah membuat keputusan bahawa satu-satunya cara untuk mengelak daripada peristiwa seperti 13 Mei itu berlaku lagi adalah dengan menaikkan taraf kehidupan orang Melayu secara perlahan-lahan supaya mereka tidak kekal sebagai masyarakat petani yang miskin. Mereka perlu diberi

peluang untuk mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Mereka perlu diberi pendidikan bertaraf universiti untuk menaikkan taraf hidup mereka.

Beliau mahu memulihkan segera Parlimen bagi menggantikan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Adalah penting bagi Perikatan memperoleh majoriti dua pertiga dalam Parlimen supaya undang-undang yang diperlukan untuk reformasi ekonomi dapat diluluskan. Bagaimanapun, Parti Perikatan telah kalah dengan teruknya dalam Pilihan Raya 1969. Tun Razak terpaksa mengharapkan pilihan raya Sabah dan Sarawak yang telah ditunda untuk setahun, akan memberikan majoriti yang diperlukan itu.

Apa yang terjadi adalah seperti *touch and go*. Tun Razak terpaksa menggunakan kemahiran "memujuknya" untuk mendapatkan sokongan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), yang telah memenangi lima kerusi lagi, bagi memastikan Perikatan memiliki 96 kerusi yang diperlukan umtuk mendapat kemenangan dua per tiga. SUPP pada mulanya menentang Parti Perikatan, jadi adalah satu kemenangan besar buat Tun Razak apabila beliau berjaya memujuk SUPP. Kejayaan tersebut telah memulihkan semula demokrasi berparlimen.

Saya bertemu Tun Razak sekembalinya dari Sarawak. Beliau memberitahu saya bagaimana beliau terpaksa meyakinkan Tan Sri Ong Kee Hui dan ahli-ahli SUPP yang lain supaya menyokong Perikatan dalam Parlimen.

Malam yang Informal

Ada ketikanya Tun Razak memerlukan masa untuk berehat daripada tekanan dan bebanan kerja. Beliau berbuat demikian dengan menjemput sahabat rapatnya ke Sri Taman pada sebelah malam. Saya pernah mengelolakan jamuan makan secara informal untuk beliau dan sahabat-sahabatnya dari Raffles dan London, di kediaman saya yang terletak berhampiran dengan pintu masuk Kelab Golf Diraja Selangor. Dalam majlis seperti ini, saya perhatikan sesetengah pegawai kerajaan yang hadir mengelak daripada menghampiri beliau. Apabila saya bertanya, mereka menjawab kerana mereka takut ditanya tentang kerja mereka!

Beliau sendiri sering mengadakan majlis hari jadinya setiap tahun di Kelab Taman Perdana. Dalam salah satu daripada majlis tersebut, Tunku Abdul Rahman semasa berucap telah mengusik Tun Razak dengan mengatakan yang Tun Razak kelihatan lebih tua daripada beliau walaupun dari segi umur beliau jauh lebih

tua daripada Tun Razak. Menurut Tunku ini adalah kerana Tun Razak terlalu kuat bekerja, mengabdikan diri sepanjang hari, sedangkan Tunku hanya bekerja untuk beberapa jam sahaja. Kemudian apabila Tun Razak sudah menjadi Perdana Menteri, beliau berkata tidak banyak perbezaan dalam jadual kerjanya kerana beliau sudah lama menjalankan tugas Perdana Menteri semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri! Hanya nama jawatan sahaja yang berlainan.

Tun Razak terus-menerus meraikan hari jadinya di Kelab Taman Perdana pada setiap tahun dan ia selalu diadakan dengan sedikit sentuhan kelucuannya. Beliau mengadakan sambutan itu pada 1 April. Saya selalu datang dari Singapura untuk menghadirinya. Sungguhpun beliau berjawatan tinggi, beliau masih suka bergurau. Beliau pernah menceritakan tentang suatu peristiwa semasa beliau membuat lawatan untuk meninjau perkhidmatan awam di sebuah negeri. Beliau nampak bendera di salah sebuah bangunan pentadbiran di situ dikibarkan separuh tiang. Beliau tertanya-tanya siapakah agaknya yang telah meninggal dunia. Kemudian beliau mendapat jawapannya. Kakitangan di situ semuanya setengah mati, dengan itu wajarlah bendera tersebut dikibarkan separuh tiang.

Tabah Hingga ke Akhir

Saya memang tahu yang beliau ialah seorang yang tabah dalam menghadapi pelbagai kesukaran tetapi saya tidak sedar betapa kuatnya ketabahan beliau sehingga beliau sudah tidak ada lagi. Sepanjang tujuh tahun terakhir, beliau memang sudah mengetahui yang beliau menghidap leukemia tetapi beliau terus berkhidmat tanpa henti untuk negara. Kematian beliau pada Januari 1976 di London dalam usia 53 tahun menjadi suatu kehilangan besar kepada Malaysia. Pencapaian beliau, terutama dalam bidang pendidikan, pembangunan luar bandar, dan reformasi ekonomi akan dikenang selama-lamanya oleh rakyatnya yang telah banyak terhutang budi. Hampir setiap bandar di Malaysia mempunyai nama jalan dengan nama beliau.

Secara peribadi, semua sahabat beliau akan tetap mengingati beliau sehingga ke akhir hayat mereka. Beliau adalah yang terbaik.

Saya Mendayung, Dia Mengemudi


Oleh Tan Sri Mohd Ghazali Shafie

SEBAGAI seorang sahabat dan rakan seperjuangan, sukar sekali bagi saya untuk menulis tentang Allahyarham Tun Razak. Saya rasa apa sahaja yang saya rakamkan tidak akan dapat memberi gambaran yang adil atas jasa-jasa yang telah beliau tinggalkan.

Kami mengenali antara satu sama lain sejak remaja lagi. Persahabatan kami bertambah rapat dan erat apabila kami bersama menuntut di Kolej Raffles, Singapura (1941). Pada waktu itu, semangat kebangsaan sudah mula menular di kalangan anak muda Melayu. Tun Razak dipilih sebagai setiausaha dan saya sebagai wakil pelajar tahun satu anggota Jawatankuasa Penuntut Islam yang ahlinya terdiri daripada penuntut Melayu dan beberapa orang bukan Melayu yang beragama Islam. Pada masa itu pun, saya sudah dapat memerhati kemahiran Tun Razak mengatur strategi untuk membebaskan Ungku Abdul Aziz selaku Setiausaha Persatuan Penuntut, daripada tohmahan yang bertujuan menyingkirkan beliau daripada jawatannya.

Apabila Jepun berjaya mendarat di Singapura pada 8 Disember 1941 dan mengebom Singapura, Tun Razak bersama sepupu saya, Allahyarham Tan Sri Ibrahim bin Ali, seorang nasionalis, menganggotai Perkhidmatan Pembantu Perubatan (*Auxilliary Medical Service*). Saya, pada masa itu, sudah menjadi anggota Pasukan Sukarelawan Malaya (*Malayan Volunteer Force*) dan sedang cuba untuk balik ke markas di Raub untuk melaporkan diri.

Saya juga seorang pegawai perisikan yang terlatih dan pernah bertugas di Pantai Semut Api, Pengkalan Chepa, Kelantan. Untuk perjalanan pulang, saya terpaksa menumpang gerabak kereta api barang dan bermalam di beberapa perhentian termasuk Gemas. Apabila tiba di Mentakab saya dapati pasukan sukarelawan telah bersurai kerana tentera British terus berundur. Saya mengambil keputusan menetap di Mentakab, menumpang di rumah bapa saudara saya. Sebelum itu, bapa saudara saya telah ditangkap oleh British dan dipenjarakan di Outram Road, Singapura, bersama Ibrahim Haji Yaakub, Ishak



Haji Mohammad dan beberapa orang lain yang disyaki terlibat dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Mereka dituduh bekerjasama dengan tentera Jepun yang diketuai oleh Fujiwara.

Saya kemudian lari ke Kuala Lipis dan menetap di rumah datuk saya di Penjum, sebuah kampung kecil di pinggir Kuala Lipis.

Sementara itu, saya cuba merisik berita di mana Tun Razak dan Ibrahim Ali berada. Tidak lama selepas itu, Ibrahim Ali muncul di Penjum, membawa berita yang Tun Razak telah selamat kembali ke Bentong. Saya mengambil keputusan untuk berbasikal sejauh 150 kilometer ke Bentong untuk bertemu Tun Razak bagi membincangkan tindakan terbaik yang perlu diambil dalam suasana ketika itu.

Kami berunding dan mengambil keputusan bahawa buat masa itu adalah lebih wajar untuk kami berdiam diri dan memerhatikan perubahan yang berlaku sambil merancang langkah seterusnya. Dengan itu, saya balik ke Lipis dan hidup sebagai seorang pesawah. Pada masa yang sama, saya belajar membaca buku Jepun.

Saya menjadi pesawah sepanjang tahun 1942 sehingga awal tahun 1943. Tun Razak, saya dengar juga menganggur. Akhirnya, saya mendapat tahu yang beliau telah diberi jawatan kerani di Pejabat Daerah di mana bapanya Dato' Hussein bin Mohd Taib bertugas sebagai Pegawai Daerah. Tidak lama selepas itu pihak pentadbiran Jepun menghantar beliau ke Koa Kunrenshu, pusat latihan pegawai kerajaan Jepun di Singapura yang mengajar bahasa Jepun dan latihan semangat. Selepas itu, pihak Jepun mencari saya dan menghantar saya ke Koa Kunrenshu di Melaka. Saya mengesyaki Abdul Razak telah memberi nama saya kepada kerajaan Jepun dengan harapan saya juga dihantar ke Singapura, tetapi sebaliknya saya telah dihantar ke Melaka. Di sana saya diasuh dengan semangat Jepun (*Nippon Seishin*), mungkin untuk mengubah semangat kebangsaan yang ada dalam diri saya. Kursus tersebut sepatutnya mengambil masa selama enam bulan, namun saya diperintah balik selepas empat bulan. Semasa di Melaka, saya menjalinkan persahabatan yang erat dengan seorang yang bernama Ghafar Baba. Kami berjanji akan berjuang untuk negara kami.

Setelah tamat kursus di Koa Kunrensho, Singapura, Tun Razak kembali sebagai seorang pegawai pentadbiran Jepun. Saya balik ke Lipis dan pada mulanya menjadi guru tetapi disebabkan saya berasa bosan dengan pekerjaan tersebut, saya telah meminta ditukarkan ke Jabatan Penerangan Pahang (*Pahang Shu Senden Han*). Di jabatan ini saya bebas menjelajah ke seluruh negeri Pahang dan selalu berjumpa dengan Tun Razak untuk bertukar-tukar fikiran tentang hal-ehwal semasa dan politik.

Berusia 28 tahun, Timbalan Setiausaha Negeri yang paling muda. (1950)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Pada masa itu, kami sangat marah kepada pihak British kerana menganggap semua orang Melayu menentang British dan menyebelahi Jepun. Sebenarnya, orang Melayu berjiwa kebangsaan dan menentang sebarang bentuk penjajahan. Kami merasakan kami lebih mengenali pihak British dan memahami bahasanya, maka adalah lebih mudah menentang mereka daripada menentang Jepun yang belum diketahui sifat dan bahasanya. Kami mengambil keputusan untuk menguasai bahasa Jepun dan dalam masa yang sama cuba menghubungi pihak British untuk memperbetulkan salah anggapan mereka supaya mereka boleh menolong menentang Jepun.

Oleh sebab saya boleh bergerak dengan bebas, saya dapat menjalin hubungan dengan gerakan bawah tanah British. Tun Razak telah dipindahkan ke Pejabat Daerah Raub. Saya pula berada di Kuala Lipis, kira-kira 60 kilometer jauhnya dari Raub. Kami selalu bertemu dalam keadaan yang menggembirakan dan kami telah menubuhkan pasukan Wataniah yang diketuai oleh Yeop Mahidin di Ulu Sungai Lipis. Tempat itu kemudiannya menjadi pangkalan Kolonel Richardson daripada pemerintahan Asia Tenggara yang kemudiannya diketuai oleh Lord Mountbatten.

Hanya Seorang Dikemudi

Suatu hari, ketika kami sedang berbaring di atas lantai di rumah saya di Kuala Lipis, arwah ibu saya yang sangat menyayangi Tun Razak telah menasihati kami, dan nasihat tersebut telah kekal menjadi falsafah hidup kami, "Di antara kamu berdua, hanya seorang boleh jadi jurumudi." Berasaskan nasihat tersebut kami telah membuat suatu pakatan dan pakatan tersebut telah kami pegang sepanjang hayat. Saya berikrar yang saya akan mendayung dan tidak akan bercita-cita untuk menjadi jurumudi. Kami juga berjanji akan sentiasa berkongsi apa juga kemungkinan yang akan ditakdirkan kepada kami. Ibu saya memahami dengan baik sifat yang ada pada kami, dan beliau merasakan sekiranya tidak dibendung dari awal, ia mungkin akan menimbulkan pertelingkahan yang dapat membawa akibat yang tidak baik. Kata-kata arwah ibu saya telah menjadi panduan dan kami terus berjuang bergandingan bahu.

Semasa kami belajar di United Kingdom, kami memimpin beberapa pergerakan. Antaranya termasuklah Forum Malaya, yang akhirnya menghasilkan ramai pemimpin politik di Malaya dan Singapura. Tun Razak memiliki otak yang pintar dan beliau menamatkan pengajian undang-undangnya di Lincoln's Inn dalam tempoh yang singkat. Semasa menghabiskan masa menunggu tempoh tiga tahun yang diperlukan—suatu pembaziran masa bagi beliau—bapa beliau Dato' Hussein, meninggal

dunia. Saya berada di London pada waktu itu. Saya datang dari Aberyswyth, Wales, tempat saya menuntut. Kami berbincang dan kemudian saya menggesa beliau supaya balik dengan segera kerana takut mungkin ada gejala luar yang akan menghalang beliau daripada mengganti bapanya sebagai Datuk Shahbandar. Sekarang, saya teringat pula apabila beliau meninggal, saya jugalah yang telah memohon kepada DYMM Sultan Pahang supaya dengan segera melantik anaknya, Najib sebagai Shahbandar untuk mengelak daripada sebarang halangan. Hanya Allah sahaja yang mengetahui keadaan masa hadapan.


Selepas kepulangan beliau, Tun Razak dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri di Kuala Lipis, ibu negeri Pahang pada masa itu. Oleh sebab ibu saya tinggal di Kuala Lipis, maka kami selalu juga berjumpa. Saya bekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebelum ditukarkan ke Seremban.

Terdapat suatu peristiwa yang tidak dapat saya lupakan. Suatu hari, Tun Razak menelefon saya dan meminta saya datang menemui beliau di Kuala Lipis dengan segera. Jadi, pada tengah hari tersebut saya dengan segera menaiki kereta balik dan terus ke rumah beliau tanpa terlebih dulu singgah ke rumah ibu saya. Beliau kelihatan gelisah dan berada dalam keadaan yang cemas.

Rupa-rupanya Almarhum Sultan Pahang (ayahanda kepada Sultan yang ada sekarang) telah meminta wang daripada kerajaan negeri untuk pergi bercuti ke England. Kerajaan negeri ketika itu tidak mempunyai wang dan DYMM Sultan tidak mengetahui keadaan kewangan negeri dan mungkin tidak dapat memahaminya. Kami berbincang tentang masalah tersebut sehingga ke larut malam. Saya secara berseloroh mencadangkan supaya DYMM Sultan dijemput untuk melihat sendiri buku kira-kira negeri, atau mungkin lebih elok meminta baginda melihat sendiri peti besi khazanah negeri. Cadangan yang saya buat sambil lewa itu, rupa-rupanya mendatangkan kesan yang baik. Beliau telah meminta kunci pintu besi khazanah daripada pembantu pejabat.

Keesokannya, selepas subuh, kami bertolak ke Pekan. Sultan Pahang sedang menunggu kedatangan kami dan kami dibawa menghadap baginda. Baginda Sultan nampaknya berada dalam keadaan riang. Selepas makan saya menyembahkan rasa gembira saya mendengar yang baginda akan bercuti ke luar negeri.

"Itulah rancangan saya," jelas baginda "tapi Razak ni tak mahu bagi wang." Saya kemudiannya memberitahu baginda tentang kedudukan kewangan negeri dan mencadangkan supaya baginda sendiri memeriksa buku kira-kira kerajaan negeri. Dalam perlembagaan 1948, Sultan sebagai pemerintah (*Ruler-in-Council*) berhak berbuat demikian. Melihat keadaan baginda yang selesa dan riang, Tun Razak mengeluarkan kunci panjang



dari begnya dan dengan berani meminta supaya baginda Sultan memeriksa sendiri perbendaharaan negeri. Sebenarnya anak kunci itu tidak ada kena-mengena dengan perbendaharaan negeri. Baginda Sultan ketawa dan menjawab, "Tak kanlah sampai begitu sekali." Baginda ialah seorang yang bijak dan tidak sedikit pun mengambil hati akan perkara tersebut. Dengan itu, tamatlah cerita tersebut. Tun Razak dan saya balik ke Kuala Lipis dengan senang hati.

Tolak Ansur Politik

Semasa keadaan darurat selepas 13 Mei, Tun Razak telah menjemput saya untuk membantu beliau dalam Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Saya keberatan menerimanya tetapi beliau mengingatkan saya tentang janji yang saya akan sentiasa menolong beliau dan berkongsi nasib. Selepas itu, beliau melantik saya menjadi menteri, setelah Tunku bersetuju dengan perlantikan saya sebagai senator.

Pada masa itu, tidak terdapat kekosongan dalam Dewan Negara. Oleh sebab beliau berkeras untuk saya bertugas dengan kerajaan, Allahyarham Senator Saidon Kecut menawarkan dirinya untuk bersara. Saya sudah tentu tidak akan menerima tawaran tersebut sekiranya beliau tidak memberi persetujuan agar Saidon Kecut dilantik sebagai setiausaha politik saya.

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan selepas rusuhan kaum pada 13 Mei dengan dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak (tengah). Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman duduk di kanan beliau sementara Penulis, Tan Sri Ghazali Shafie duduk tiga dari kiri. Perdana Menteri Malaysia sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (berdiri paling kiri) menjadi pembantu peribadi kepada MAGERAN pada masa itu.

(Ihsan daripada Jabatan Penerangan Malaysia)

Begitulah cerita tentang Saidon Kecut, seorang nasionalis tulen yang sanggup mengorbankan kedudukannya dalam Dewan Negara.

Tunku Abdul Rahman pada masa itu sangat marah dengan Tun Dr. Mahathir dan Musa Hitam. Tun Razak dan saya berbincang berhubung tindakan Tunku sebagai Presiden Parti yang telah memecat kedua-dua mereka daripada UMNO, dan tindakan ini mungkin akan menyulitkan keadaan pada masa hadapan. Oleh itu, kami mengambil keputusan untuk memupuk kedua-dua mereka supaya menjadi pelapis pengganti yang cemerlang pada masa akan datang. Untuk tujuan tersebut, saya telah berusaha mendapatkan biasiswa dan tempat untuk Musa Hitam melanjutkan pelajarannya dan dengan kerelaan dan usahanya sendiri beliau melanjutkan pelajaran ke United Kingdom. Sementara itu, Tun Dr. Mahathir telah diminta untuk menolong berkempen di Lipis dalam satu pilihan raya. Tun Razak memerlukan bantuan pemimpin muda seperti Tun Dr. Mahathir dan Musa Hitam yang beliau harapkan dapat menyambung perjuangan yang sedia ada.

Begitulah caranya Tun Razak mengendalikan sesuatu keadaan. Semasa krisis Dato' Harun, beliau juga telah memanggil saya untuk membincangkan perkara tersebut. Oleh sebab Dato' Harun ialah bapa saudara isteri saya dan anak saudara beliau, Abu Bakar berkahwin dengan adik perempuan saya, beliau tidak dapat menerima hakikat untuk melihat Dato' Harun dijatuhkan hukuman. Apatah lagi, selama ini Dato' Harun dianggap sebagai seorang ahli politik yang mempunyai masa depan yang cerah yang diharapkan dapat menjadi kumpulan yang akan mengambil alih daripada pemimpin yang sedia ada.


Tun Razak sanggup, dengan sokongan saya, menawarkan Dato' Harun dengan jawatan duta ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau ke mana-mana sahaja untuk sementara waktu bagi meredakan keadaan. Begitulah pekerti beliau yang sangat mengambil berat dan cuba menolong mengawal keadaan. Sekiranya dua tokoh politik bersengketa, beliau akan mencari jalan terbaik untuk menyelesaikannya, dan kedua-dua pihak akhirnya akan lebih menghormati dan menyayangi beliau.

Allahyarham Tun Razak memang terkenal sebagai seorang pemimpin yang berkaliber. Cara beliau membawa diri memang istimewa. Apabila beliau mendapat sesuatu idea, beliau akan memanggil semua penasihat dan rakannya untuk berbincang dengan mendalam, termasuklah menyediakan kertas kerja dan membuat kajian sekiranya perlu. Sekiranya idea tersebut didapati dapat mendatangkan kebaikan kepada negara, maka ia akan dibawa ke mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan kemudian ke majlis Barisan Nasional. Hanya selepas per-

setujuan diberi oleh kedua-dua pihak tersebut barulah perkara ini dibawa ke kabinet dan diumumkan. Pada masa itu, semua pegawai kanan kerajaan yang terlibat sudah pun diberi taklimat tentang tujuan dan cara melaksanakannya. Oleh itu, mereka tidak boleh berkata yang mereka tidak tahu tentang perkara tersebut dan masih cuba mendapatkan penjelasan tentangnya. Dengan cara ini, cadangannya tidak akan lari daripada tujuan asal dan tidak akan dibuat separuh jalan.

Tun Razak mempunyai suatu sifat yang agak luar biasa. Beliau kenal semua pegawai pentadbiran dan pembangunan di seluruh negara, dan beliau dengan pantas dapat membuat penilaian tentang keupayaan dan sifat pegawai tersebut. Semasa banjir besar di Kuala Lumpur awal tahun 1970-an, saya telah diberi tugas untuk menyelenggarakan bantuan sambil memikirkan cara untuk mengatasi masalah banjir ini sekiranya berulang.

Allahyarham Tun Razak juga pernah memanggil saya untuk memberitahu tentang seorang pegawai daerah yang lemah semangat, yang tidak dapat menangani masalah banjir di daerahnya. Saya ingin bercakap dengan pegawai tersebut tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana talian telefonnya rosak. Jadi, saya pergi ke sana menaiki helikopter. Apabila saya tiba, pegawai berkenaan sudah tidak ada di situ, dan penduduk di daerah tersebut terpaksa menghadapi bencana alam tersebut tanpa seorang pemimpin. Pegawai daerah tersebut dengan segera telah ditukarkan ke kawasan lain dan penggantinya telah berjaya mentadbir dan menangani masalah dalam keadaan terdesak itu.



Pegawai Daerah yang terdahulu sebenarnya telah berjaya membawa pembangunan ke daerah tersebut tetapi dalam keadaan terdesak beliau gagal bertindak. Allahyarham Tun Razak telah menasihatkan saya supaya jangan memarahi pegawai tersebut. Kata beliau, "Sebagai manusia biasa kita mempunyai kekurangan. Kita patut melihat kepada kebaikan mereka dan cuba mengagumi dan memujinya. Seseorang pegawai tidak akan dapat menjadi produktif dalam suasana yang tidak bersesuaian dengannya." Inilah kualiti istimewa yang dimiliki beliau dalam mentadbir pembangunan negara dengan jayanya.

Tangan Persahabatan

Dalam memelihara kepentingan bangsa dan negara, falsafah beliau agak mudah dan terus kepada tujuannya: "Untuk menjadi musuh memang mudah, tetapi untuk menjadi kawan adalah susah. Pilihlah yang susah." Arahan inilah yang diberikan kepada saya apabila saya ditugaskan untuk menyelesaikan masalah konfrontasi dengan Indonesia. Bukan sahaja kita ingin cuba menamatkan konfrontasi dengan Soekarno, kita juga ingin menjalinkan hubungan yang baik dengan rakan negara jiran supaya perbalahan antara jiran tidak akan timbul lagi. Dengan semangat inilah lahirnya ASEAN sebagai sebuah jentera untuk memastikan yang kita di Asia Tenggara tidak akan berbalah sesama sendiri. Tun Razaklah yang mengorak langkah mengadakan mesyuarat tidak rasmi dengan rakan sejawatnya dari ASEAN, dan beberapa buah negeri lain di luar ASEAN seperti dengan Ne Win dari Myanmar. Pada masa yang sama beliau mengarahkan pegawai Malaysia untuk berbincang dengan rakan sejawat mereka dari negara-negara ASEAN.

Bagi membendung kegiatan komunis yang telah mengangkat senjata dan untuk menenteramkan rakyat daripada kaum Cina dalam negara ini, Tun Razak mencadangkan supaya kita menjalinkan hubungan diplomatik dengan China. Idea ini tidak mendapat sokongan daripada Tunku Abdul Rahman yang pada masa itu telah pun bersara. Bagaimanapun, Tun Razak tegas dengan dasar untuk berbaik-baik dengan China dan beberapa negara lain kecuali Israel dan Afrika Selatan.

Untuk selama setahun, di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, perwakilan Malaysia dan China membincangkan perkara tersebut tanpa dapat mencapai sebarang keputusan. China tidak mahu memberi jaminan yang mereka tidak akan memberi bantuan kepada Parti Komunis Malaya (PKM) kerana mereka mendakwa yang selama ini pun mereka tidak pernah memberi bantuan kepada PKM.

Tan Sri Ghazali Shafie (kanan) sering bertindak sebagai proksi Tun Razak.

(Ihsan daripada Tan Sri Ghazali Shafie)

Kita sebenarnya mempunyai bukti yang cukup bahawa PKM ialah hasil daripada penubuhan Parti Komunis China (PKC) apabila mereka menentang Chiang Kai-shek, dan selepas itu penjajahan Jepun dan British. Kami juga mempunyai bukti yang cukup bahawa PKC telah memberi bantuan kepada PKM. Saya telah diarahkan oleh Tun Razak untuk menyelesaikan masalah tersebut, walaupun pada masa itu saya sebagai Menteri Dalam Negeri sedang cuba untuk menghapuskan PKM.

Tun Razak dan saya berbincang tentang cara untuk mengatasi masalah yang sedang menghalang kemajuan negara. Tun Razak bersetuju dengan cadangan saya untuk menjalin hubungan diplomatik tanpa hubungan antara rakyat. Formula ini merupakan formula luar biasa yang pada masa itu belum pernah diamalkan oleh mana-mana pihak. Saya segera berangkat ke Hong Kong setelah meminta seorang perwakilan daripada Kerajaan Komunis China secara sulit datang ke sana untuk berjumpa saya. Mesyuarat tersebut berhasil. Tun Razak melawat China dan bertemu dengan Mao Zedong, dan selepas itu satu perjanjian dipersetujui. Hubungan diplomatik antara Malaysia-China terlaksana dan kedua-dua pihak menghantar duta masing-masing.

Beberapa tahun kemudian, apabila Tun Dr. Mahathir sudah menjadi Perdana Menteri dan saya bertugas sebagai Menteri Luar Negeri, saya diarah untuk mengetuai satu perwakilan rasmi ke China. Saya bertemu dengan mendiang Hu Yaobang, Setiausaha Agung PKC pada masa itu, untuk secara rasmi menghapuskan apa yang saya anggap sebagai dasar *double standard* China yang masih menyokong PKM di peringkat parti. Selepas itu, kami menerima pengakuan daripada Setiausaha Agung PKC yang tidak akan mencampuri hal-ehwal dalam negeri Malaysia. Dengan kata lain, PKM tidak lagi akan menerima sebarang bantuan dari China. Hanya selepas itu barulah rakyat kedua-dua negara dibenarkan melawat antara satu sama lain dengan bebas dan tanpa syarat. Perdagangan dan pelaburan dipertingkatkan. PKM sudah tidak ada lagi.

Allahyarham Tun Razak ialah seorang pemimpin yang istimewa. Pemikiran beliau sentiasa waras dan beliau tegas dengan keputusan yang dibuat apabila berbincang dengan rakan sejawatnya berhubung dasar yang dianggap dapat membawa kebaikan kepada negara dan bangsa. Gaya beliau berkhidmat adalah luar biasa, bersahaja, dan bukan sesuatu yang ditiru atau yang boleh ditiru oleh orang lain. Disebabkan inilah saya berasa amat berpuas hati kerana diberi penghormatan menjadi pendayung sementara beliau memegang kemudinya.

Busjaket yang Selalu Dilihat

Oleh Tan Sri Dato' Michael Chen

SEPERTI kebanyakan pemimpin yang hebat, Tun Razak pada dasarnya mencapai kejayaan atas daya usaha beliau sendiri. Bapa beliau ialah seorang pegawai daerah, jawatan yang dianggap tinggi dan dihormati pada zaman pemerintahan Inggeris. Namun, ini tidak bermakna beliau hidup dalam kemewahan. Latar belakang beliau yang serba sederhana dan kepintaran beliau telah mendorong beliau meletakkan nilai yang tinggi untuk diri beliau dalam mencapai matlamat hidup. Akhirnya, beliau berjaya menjadi seorang pemimpin politik yang amat dihormati di Malaysia dan di rantau ini semasa era pembangunan negara dari tahun 1954-1976.

Di bawah pemerintahan rejim British, tidak ramai pelajar Melayu diberikan hak istimewa untuk berpendidikan tinggi. Hanya pelajar yang benar-benar pintar dan bertuah sahaja dianggap layak mendapat biasiswa dan dihantar ke United Kingdom. Dengan itu, London menjadi tempat mendidik ahli politik dari negara-negara Komanwel. Dalam keadaan sebegini Tun Razak didaftar untuk menuntut dalam jurusan undang-undang di Lincoln's Inn. Di sana, beliau berkenalan dengan Tunku Abdul Rahman yang juga sedang mengikuti kursus tersebut. Mereka berkongsi minat yang sama dalam politik. Mereka kemudiannya menjadi teman dan pemimpin dalam UMNO, sama-sama berjuang untuk kemerdekaan Malaya.

Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957. Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri pertama dan Tun Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ketika itu beliau baru berusia 35 tahun.

Jika kepandaian boleh diukur melalui prestasi, Tun Razak boleh dianggap sebagai pelajar yang cemerlang kerana menyempurnakan kursus undang-undang hanya dalam tempoh 18 bulan, mungkin suatu jangka masa terpendek yang diperlukan. Ia merupakan rekod yang sangat bagus. Jelas sekali beliau meminati bidang undang-undang. Jika beliau tidak ditakdirkan memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan, beliau tentu dilantik menjadi Peguam Negara atau Ketua Hakim Negara di Mahkamah Persekutuan. Walaupun beliau tidak berpeluang bertugas dalam bidang undang-undang, beliau telah diterima masuk sebagai seorang peguam dalam tahun 1973 ketika beliau sudah pun menjadi Perdana Menteri.

Malaysia telah membangun dengan pesatnya. Pada mulanya, ia negara pertanian, pengeluar utama getah, minyak kelapa sawit, dan bijih. Keadaan ekonomi ketika itu stabil tetapi tidak dinamik. Kekayaan yang dimiliki di kawasan bandar adalah jauh berbeza berbanding dengan luar bandar, begitu juga antara kaum. Masalah ini boleh dan telah membawa ancaman yang serius kepada kestabilan negara dan terpaksa ditangani sejurus selepas kemerdekaan.

Tun Razak dipertanggungjawabkan dengan tugas ini, pada mulanya sebagai Menteri Pelajaran dan kemudian sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar. Kedua-dua jawatan tersebut sangat disayangi beliau. Beliau tidak pernah lupa zaman kanak-kanak sewaktu beliau terpaksa berkaki ayam ke sekolah. Pengalaman ini membuatkan beliau amat bersimpati dengan penduduk luar bandar. Jika beliau tidak bertugas ke luar negara, separuh daripada masa beliau akan diluangkan melawat kampung-kampung, biasanya antara hari Khamis dan Ahad untuk benar-benar memahami masalah di situ, juga untuk memastikan projek luar bandar dilaksanakan dengan sempurna.



Berbeza dengan sekarang, salah satu daripada perkara yang menjadi masalah pada tahun 1960-an dan 1970-an ialah cara mengelak penduduk luar bandar daripada berhijrah ke kota untuk mencari pekerjaan. Keutamaan dan penekanan diberi kepada pembangunan luar bandar. Beribu-ribu ekar tanah baru terpaksa dibuka. Kelompok penduduk luar bandar dipindahkan ke tanah rancangan FELDA. Ramai daripada mereka yang tidak memiliki tanah telah diberikan tanah untuk diusahakan dan menjadi pekebun kecil agar dapat memperbaiki kehidupan masing-masing. Hari ini, ada pekebun kecil berjaya menjadi jutawan apabila mereka menjual tanah mereka untuk pembangunan industri.

Malaysia hari ini menjadi contoh negara berbilang kaum yang harmoni. Keadaan ini tidak dapat dicapai tanpa usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh. Salah satu daripada penyebab utama berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 ialah ketidakseimbangan agihan kekayaan antara kaum. Oleh itu, jelas sekali pemulihan keadaan dan tindakan yang sewajarnya perlu diambil untuk menenangkan situasi ketika itu. Dalam tahun 1973, Tun Razak telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan tujuan membantu kaum bumiputera mendapat bahagian yang sama rata daripada kekayaan negara. Ini adalah risiko yang telah dipertimbangkan. DEB boleh menyebabkan perkara yang tidak diingini berlaku dalam politik negara. Pada masa itu, penduduk bukan bumiputera belum bersedia untuk menerima perubahan sebegitu. Tragedi 13 Mei telah meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada semua rakyat Malaysia. Tun Razak mempunyai masa yang terhad untuk bertindak. Beliau terpaksa mencari penyelesaian untuk bertahan dengan segera dan beliau berjaya melakukannya.


Tun Razak sedar beliau memerlukan persefahaman dan kerjasama golongan bukan bumiputera untuk melaksanakan DEB dengan sempurna. Kestabilan politik harus dipastikan terlebih dahulu. Parti Perikatan berkembang menjadi Barisan Nasional untuk memperluaskan lagi dasar politiknya bagi menangani Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Gerakan, PPP dan lain-lain gabungan parti kecil.

Sekiranya timbul masalah, unsur subversif akan mengambil kesempatan ekoran situasi tersebut. Komunis masih aktif pada awal tahun 1970-an. Kerajaan tidak boleh berpuas hati dan tidak boleh membenarkan mana-mana komuniti musnah kerana pengaruh subversif. Apabila negara China memulakan dasar terbuka menjalin persahabatan, Tun Razak mengambil peluang untuk menjalin hubungan diplomatik dengan China. Malaysia dan China mempunyai dasar politik yang berbeza. Namun, kedua-dua negara bersetuju untuk bekerjasama.

Tun Razak dan rombongannya diberi sambutan besar-besaran ketika tiba di Lapangan Terbang Peking. Di sini Timbalan Perdana Menteri Li Hsien-nien menemani tetamu-tetamu kehormatnya. (1974)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)





Tun Razak (kedua dari kiri) dalam upacara minum ucap selamat dengan Perdana Menteri Li Hsien-nien (kanan sekali) semasa lawatan rasmi ke negara China. Di tengah-tengahnya ialah Ma Tien-shui, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Revolusioner Bandar Shanghai. (1974)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

Tun Razak melawat China dalam tahun 1974 dan disambut mesra oleh Pengerusi Mao Zedong dan Perdana Menteri Zhou Enlai.

Perdana Menteri Zhou secara peribadi mengadakan majlis makan malam rasmi untuk Tun Razak dan rombongan walaupun beliau sedang sakit kuat. Selepas Zhou mendapat kebenaran daripada doktor, beliau terus keluar dari hospital untuk mengalu-alukan kedatangan Tun Razak. "Saya menanti-nantikan kedatangan Yang Berbahagia. Saya gembira atas kehadiran Yang Berbahagia", beliau mengalu-alukan Tun Razak. Majlis rasmi itu merupakan majlis terakhir oleh Perdana Menteri Zhou yang meninggal dunia beberapa hari sebelum kematian Tun Razak sendiri pada tahun 1976.

Pertemuan Tun Razak dengan Pengerusi Mao juga amat mesra. Di samping itu, Tun Razak telah meminta pandangan Pengerusi Mao tentang cara mengatasi masalah komunis di Malaysia. Pengerusi Mao berkata, "Anda (kerajaan) adalah sah di sisi undang-undang, mereka (komunis) tidak sah. Mereka tidak akan berani menonjolkan diri. Jika tentera anda tidak mendekati mereka, tiada alasan untuk mereka menyerang anda. Lama-kelamaan mereka akan hilang."

Kesan kenyataan Pengerusi Mao ke atas pergerakan komunis Malaysia itu memang tidak dapat dinilai, tetapi sejak itu, pihak komunis akhirnya mencapai kata sepakat dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand dan mengundur diri daripada perang bersenjata.

Pada tahun itu juga, selepas lawatan beliau ke China, Tun Razak mengisytiharkan pilihan raya umum. Kali ini Barisan Nasional mendapat sokongan padu pengundi dan berjaya dengan undian yang cukup memuaskan.

Era baru selepas 13 Mei bermula. Strategi politik Tun Razak terbukti berkesan dan membawa hasil yang diharapkan.

Masalah politik yang lain bagaimanapun masih memerlukan usaha Tun Razak. Pada pandangan umum ketika itu, bangsa Melayu dianggap tidak berkemampuan untuk menangani masalah kewangan. Portfolio kewangan berada di tangan seorang menteri berbangsa Cina sejak kemerdekaan. Ia bukan persoalan bangsa Cina atau Melayu yang patut menjadi Menteri Kewangan. Kita hanya ingin memperbetulkan anggapan palsu itu dan memberi semangat kepada bangsa Melayu, supaya lebih yakin dengan diri sendiri dalam menguruskan kewangan jika mereka ingin memperbaiki diri mereka dari segi ekonomi.

Tun Razak bersama rombongannya bersiar-siar di sepanjang Tembok Besar China. Tan Sri Michael Chen keempat dari kiri. (1974)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

Dalam tahun 1974, Tun Razak sendiri mengambil alih portfolio kewangan dan menjadi Menteri Kewangan Melayu yang pertama selepas persaraan Tun Tan Siew Sin. Beliau meng-

uruskannya dengan agak cekap sekali walaupun beliau tidak pernah memperoleh ijazah dalam ekonomi atau kewangan.

Secara umumnya memang terdapat kepercayaan setiap individu mempunyai tiga ciri—peribadi yang dipamerkan, peribadi yang sebenar, dan peribadi yang beliau anggap sebagai peribadinya sendiri. Akan tetapi Tun Razak ialah dirinya yang sebenar. Selaku seorang ahli politik, beliau lurus dan jujur. Sesetengah pihak menganggap beliau tidak mesra dan tidak dapat mempamerkan perasaan hanya kerana perkara kecil seperti cara beliau berjabat tangan. Namun, beliau tidak boleh berubah, keikhlasan dan kemesraan beliau berada dalam diri beliau dan bukan di luar. Terdapat juga pembantu politik beliau yang merasakan ucapan beliau tidak cukup dramatik dan kurang bersemangat, dan kerana itu mereka telah menyediakan rangka ucapan untuk beliau. Apabila beliau melihatnya beliau akan berkata, "Ini bukan saya," dan beliau akan merangka semula ucapan tersebut.

Tun Razak bukan seorang yang semata-mata berserah kepada nasib. Beliau memegang teguh kepada falsafah hidup, "Manusia merancang, Tuhan menentukan." Sebagai Timbalan Perdana Menteri yang paling lama di dunia pada masa itu, 13 tahun—tentu sekali ada di kalangan penyokong beliau yang cuba mengahsut beliau. Akan tetapi beliau kekal setia kepada Tunku, berdiri teguh, tidak beralih arah, dan meneruskan kedudukan beliau sebagai orang kedua sehingga Tunku melepaskan jawatan pada tahun 1970 berikutan tragedi 13 Mei. Tun Razak pernah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri dalam tahun 1959 ketika Tunku Abdul Rahman terpaksa menumpukan perhatian kepada kempen pilihan raya persekutuan yang pertama. Tun telah menyerahkan semula jawatan tersebut kepada Tunku beberapa bulan kemudian. Tunku pula mengundurkan diri sehari sebelum anak saudara beliau, Sultan Kedah, menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 22 September 1970.

Pertimbangan dan hujah yang berfaedah merupakan kualiti kepimpinan yang penting. Selain membentuk dasar yang berkesan, pemimpin yang bagus mesti berkemampuan memimpin mereka yang sesuai menjalankan sesuatu tugas supaya dasar yang diperkenalkan mencapai kejayaan. Apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri, beliau secara langsung mengambil alih pucuk pimpinan Barisan Nasional dan UMNO.

Salah satu agenda beliau adalah untuk mencari pemimpin yang lebih muda, berkebolehan, dan menyediakan mereka untuk masa hadapan. Antara mereka yang terpilih merupakan Tun Dr.

Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah, dan Tan Sri Musa Hitam. Ketiga-tiga mereka telah membuktikan kecemerlangan mereka walaupun hanya salah seorang daripada mereka yang boleh menjadi pemimpin tertinggi pada sesuatu masa.

Secara kebetulan, Tun Razak juga ialah insan yang cenderung dengan fesyen, terutamanya berkaitan dengan busjaket. Beliaulah yang mencadangkan supaya busjaket dipakai ke pejabat dan juga untuk melawat kawasan luar bandar. Busjaket asalnya digunakan oleh orang Barat untuk memburu. Namun, ia sungguh sesuai dengan keadaan cuaca di Malaysia. Sedikit perubahan terhadap pakaian tersebut, sama ada berlengan pendek atau panjang, telah diterima dalam kebanyakan majlis pada siang hari, walaupun ia tidak pernah diterima secara rasmi. Menteri kabinet dan kakitangan kerajaan dengan cepat mengikuti cara ini. Orang awam juga mula menyukainya dan ia masih digemari hingga sekarang.

Tun Razak gemar bermain golf, dengan *handikap 16*—agak bagus untuk seseorang yang hanya dapat bermain pada hujung minggu. Selain memberikan ketenangan dan mengurangkan ketegangan, beliau dapat memperoleh komen tentang dasar dan prestasi kerajaan daripada teman-teman golf beliau. Malah, untuk memperkenalkan Bukit Fraser, beliau sering membawa sekumpulan teman untuk bermain golf di situ setiap kali beliau ke sana dalam lawatan rasmi. Anak-anak beliau juga, lebih-lebih lagi Datuk Seri Najib menjadi ketagih dan mahir bermain golf.

Dengan bantuan Tun Rahah untuk menjaga keadaan di rumah, beliau dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerja. Sebagaimana kata orang Cina, "Semuanya akan menjadi baik jika rumah dalam keadaan harmoni." Tun Razak memang mempunyai keluarga yang bahagia. Mungkin beliau berasa sedikit kecewa kerana tidak mendapat anak perempuan. Bagaimanapun, beliau mempunyai lima anak lelaki. Kesemuanya berjaya dalam kerjaya masing-masing. Penganut Buddha percaya, "Jika seseorang itu banyak membuat jasa baik, generasi seterusnya akan mendapat balasan yang baik."

Tun Razak sudah meninggal dunia lebih daripada 20 tahun. Mereka yang bernasib baik telah mengenali Tun Razak, dan mereka yang tidak pernah bertemu dengan Tun Razak tetapi mendapat faedah daripada kerja-kerja beliau pula akan sentiasa mengingati Tun Razak.

Semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atas roh beliau.

Masa Bersama Rakan-rakan

Oleh Tan Sri Robert Kuok

SAYA mula bertemu Tun Razak di Raffles College, Singapura pada bulan Mei atau Jun 1941. Tun Razak, seperti yang dikenali pada masa itu, ialah Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah. Saya ialah seorang penuntut baru yang diusik dan diejek (*ragged*) oleh mahasiswa-mahasiswa lama dengan teruk. Suatu hari pintu bilik saya diketuk, dan dengan perasaan takut saya membuka pintu kerana menjangkakan ia adalah sebahagian daripada *ragging* ke atas saya. Jangkaan saya salah, sebaliknya saya melihat seorang pemuda berwajah serius berdiri di hadapan saya. Tun Razak sedang menjalankan tugas mengambil ahli baru untuk persatuan sejarah. Saya dapati beliau seorang yang baik dan beradab. Sudah tentunya saya menjadi ahli persatuan sejarah dengan serta-merta.

Beberapa bulan sebelum tercetusnya peperangan Jepun, saya tidak mempunyai banyak peluang berjumpa Tun Razak. Beliau adalah salah seorang ahli sukan yang mewakili pasukan hoki kolejnya dan beberapa permainan lain. Beliau juga seorang yang terpelajar, bersopan santun dan berbudi bahasa, bercakap dengan lemah lembut, tidak pernah bergaduh, dan seorang yang berpengetahuan luas. Beliau boleh kelihatan baik dan bengis secara serentak, suatu sifat yang jelas dapat dilihat sepanjang kerjaya politik beliau.

Dalam bulan Disember 1941, apabila peperangan tercetus, kolej ditutup. Selepas Jepun menyerah kalah pada bulan Ogos 1945, ramai pelajar berangkat ke luar negara untuk menyambung pelajaran mereka, antaranya termasuklah Tun Razak. Beliau melanjutkan pelajaran ke England dalam bidang undang-undang dan lulus dalam tempoh terpendek, iaitu hanya 18 bulan. Di England beliau aktif dalam Persatuan Melayu di mana Tunku Abdul Rahman menjadi presidennya dan beliau pula menjadi setiausahanya. Perhubungan inilah yang menjadi asas perkongsian yang panjang dan berguna untuk tahun-tahun berikutnya.

Selepas menerima ijazah, Tun Razak pulang untuk menyertai perkhidmatan kerajaan British di Malaya. Pada masa itu, beliau sering ke Johor untuk memikat seorang gadis yang kemudian dikahwininya. Gadis ini telah diperkenalkan kepada beliau oleh



Meskipun Tun Razak begitu sibuk dengan tugasannya, beliau masih boleh meluangkan masa untuk permainan kegemarannya.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Tan Sri Taib Andak, seorang sahabat karib sejak mereka sama-sama menuntut di England.

Hanya satu atau dua tahun kemudiannya, dalam satu jamuan yang dianjurkan oleh Datuk Wan Rahim, Setiausaha Sulit kepada Tunku Mahkota Johor (yang kemudiannya menaiki takhta sebagai Sultan Ismail) barulah saya berjumpa semula dengan Tun Razak.

Pergerakan menuntut kemerdekaan untuk Malaya pada masa itu sudah mula bertapak. Apabila Malaya berjaya menubuhkan kerajaan sendiri, Tun Razak menjadi menteri dalam kabinet pertama Tunku Abdul Rahman. Beliau tinggal di rumah kerajaan di Jalan Bellamy.

Dalam tahun 1950, saya bekerja di Singapura, tapi saya tetap mengunjungi Tun Razak setiap kali saya ke Kuala Lumpur. Kadang-kadang saya tinggal di rumah beliau di Jalan Bellamy; mungkin empat atau enam kali setahun. Sekiranya saya tidak berbuat demikian, dan beliau mendapat tahu, beliau akan bertanya, "Robert, apa yang anda buat tinggal di Majestic Hotel atau Station Hotel? Anda tahu saya sentiasa ada bilik untuk anda di rumah saya." Layanan mesra beliau ini sangat berharga dan beliau selalu membuat rakan-rakan beliau merasa istimewa.

Setiap bulan beliau bersama isteri, Tun Rahah, mengunjungi rumah keluarga Tun Rahah di Johor. Semasa kunjungan ini, Tun Razak dan Tun Rahah, Datuk Wan Rahim, Mansor Bakri, dan saya bersama isteri masing-masing akan ke Singapura untuk makan malam di Restoran Chicken Inn di Seaview Hotel. Restoran tersebut dibina di atas laut dan kedinginan angin malam memberi suasana yang sesuai untuk beristirahat. Di situ kami menjamu selera dan berhibur, menari dengan muzik yang dimainkan oleh sebuah pancaragam. Persahabatan saya dengan Tun Razak sentiasa mesra dan hubungan kami langsung tidak mempunyai kaitan dengan politik.

Apabila negara mencapai kemerdekaan, Tun Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri dan kunjungannya ke Johor berkurangan, hanya datang apabila perlu. Di sekitar waktu itu, sebutir bintang sedang menyerlah di Singapura—Lee Kuan Yew—yang secara kebetulan seangkatan dengan Tun Razak semasa di Kolej Raffles. Tun Razak ialah orang yang memperkenalkan Lee Kuan Yew kepada Tunku, atau apa yang dikatakan sekarang "menjual" Lee Kuan Yew kepada Tunku.

Singapura pada masa itu sudah bertaraf pemerintahan sendiri. Apabila Singapura mengadakan pilihan raya penuh, Lee Kuan Yew menang besar dengan menguasai semua kerusi.



Dalam semangat berpasukan yang jati—pemain-pemain hoki Abdul Razak di England.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963 selepas Tunku membuat rundingan dengan kerajaan British untuk memasukkan Singapura, Sabah, dan Sarawak. Britain merasakan itu merupakan langkah penyatuan yang lebih baik. Dua tahun kemudiannya Singapura menarik diri daripada persekutuan tersebut.


Pada awal 1965, ketegangan berlaku dan pertengkaran serta perdebatan hangat meletus antara kedua-dua pihak; pemimpin UMNO yang panas baran mahukan Kuan Yew dipenjarakan. Tunku dan Tun Razak menentangnya. Tun Razak sendiri membuat lawatan ke Singapura beberapa kali. Suatu pagi, bersama-sama Tan Sri Jamal Latiff, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura pada masa itu, kami bertiga bermain golf di Kelab Golf Singapura. Untuk tujuan ini saya terpaksa membuat persediaan khas untuk mendapat kebenaran bagi memulakan permainan golf tersebut sebelum pukul 8.00 pagi. Peraturan kelab tersebut tidak membenarkan permainan dimulakan sebelum pukul 8.00 pagi.

Tun Razak menganggap saya sebagai tempat beliau mengadu hal, dan saya rasa saya telah melakukan apa yang diharapkan, dengan meminjamkan telinga, dan mendengar apa yang diceritakan dengan baik. Beliau selalu bersendirian dan di bahu beliaulah terletaknya beban tanggungjawab hal-ehwal negara yang berat. Saya kira setiap manusia memerlukan seseorang untuk meluahkan perasaan, dan saya selaku seorang yang berada di luar arena politik dapat mendengar tanpa ada sebarang kepentingan diri.

Pada awal bulan Mei 1969, saya bermain golf dengan Tunku dan Tun Razak, kedua-dua mereka sangat bimbang dengan sentimen politik negara. Semasa kejadian 13 Mei tercetus, saya berada di Kuala Lumpur dan terkurung di dalam sebuah rumah di Jalan Delima. Saya menghubungi Allahyarham Tun Dr. Ismail yang kemudiannya berjumpa Tun Razak bagi mendapatkan pertolongan untuk saya. Tun Dr. Ismail pada masa itu belum lagi menyertai kerajaan. Tun Razak menghantar beberapa orang polis bersenjata yang mengiringi saya ke kediaman beliau dan kemudian ke lapangan terbang untuk penerbangan balik ke Singapura.

Tun Razak telah banyak kali menjemput saya untuk menganggotai salah satu jawatankuasa, tidak secara langsung dalam kerajaan tetapi secara tidak langsung sebagai menyokong usaha-usaha kerajaan. Sewaktu diajak buat pertama kali, saya menerima tetapi untuk kali keduanya, saya dengan dukacita menolaknya.

Selepas rusuhan 13 Mei, beliau telah meminta saya menjadi anggota Majlis Perundingan Negara. Majlis ini terdiri daripada



65 orang anggota yang dipertanggungjawabkan menyusun imbangan politik dan sosioekonomi bagi merintis jalan untuk memulihkan demokrasi berparlimen. Saya menolaknya kerana dua sebab. Pertama, saya terlalu sibuk dengan usaha membangunkan perniagaan saya, dan kedua, saya sentiasa percaya bahawa perniagaan dan politik tidak boleh dicampuradukkan. Kita patut memilih salah satu daripadanya dan saya memilih untuk berniaga.

Pada suatu ketika, sejurus selepas 13 Mei 1969, Tun Razak mahukan saya menyusun dan membangun semula Kuala Lumpur. Kuala Lumpur ialah ibu kota Malaysia tetapi dari segi kemudahan perumahan, perancangan bandar, dan perumahannya, ia kelihatan seperti sebuah bandar yang lintang-pukang. Saya rasa saya tidak akan berjaya kerana terdapat ramai yang mempunyai kepentingan diri. Saya dapat merasakan mereka akan mendatangkan masalah besar kepada saya dan akan menghalang segala usaha saya. Allahyarham Tun Dr. Ismail yang sudah pun menjadi Timbalan Perdana Menteri pada masa itu bersetuju dengan saya untuk tidak menerima tugasan tersebut. Tahap penyusunan semula Kuala Lumpur, telah dikurangkan dan kemudiannya dipertanggungjawabkan kepada Badan Pembangunan Bandar (UDA) yang baru ditubuhkan.

Tunku Abdul Rahman (kanan) dengan Sharifah Rodziah, Tun Razak (kiri) dengan Toh Puan Rahah dan T. H. Tan (membelakangkan kamera) sedang minum teh sambil menikmati suasana kedinginan udara Tanah Tinggi Cameron di Pahang.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Bagaimanapun, saya telah menerima jawatan Pengerusi Syarikat Penerbangan Malaysia Singapura (MSA) dalam tahun 1969, dengan persetujuan daripada kedua-dua negara, kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura. Dalam industri penerbangan, MSA menjadi satu kes kajian menarik untuk melihat adakah syarikat penerbangan yang dimiliki bersama boleh diusahakan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kemudiannya kedua-dua kerajaan merasakan adalah lebih baik bagi kedua-dua kerajaan mempunyai syarikat penerbangan yang berasingan. Hari ini Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan Syarikat Penerbangan SIA menggantikan MSA.

Dalam tahun 1973, semasa Tun Razak sedang menghadiri Persidangan Perdana Menteri Komanwel di Kanada, orang kanan beliau Tun Dr. Ismail meninggal dunia. Tun Razak bergegas balik, dan memastikan yang Allahyarham Tun Dr. Ismail dikebumikan dengan penuh penghormatan di Makam Negara kerana seperti yang dikatakan Tun Razak sendiri, Tun Dr. Ismail meninggal semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Dua tahun kemudiannya, Tun Razak pula meninggal dunia. Tidak ramai yang tahu Tun Razak menghidap penyakit leukemia, walaupun Tun Dr. Ismail mengetahuinya. Sebenarnya, sekitar tahun 1969/70, sekiranya ingatan saya betul, semasa memohon cuti ke luar negara untuk rawatan perubatan, Tun Dr. Ismail terpaksa memberitahu Tun Razak yang beliau menghidap kanser tekak.

Tun Razak sangat terkejut dan bertanya, "Anda juga Ismail?" Hanya pada masa itulah Tun Dr. Ismail mengetahui Tun Razak juga sedang menghidap penyakit yang teruk. Dengan mengambil kira dedikasi kedua-dua mereka ini kepada negara dan rakyat Malaysia, rasa sedih saya ke atas kedua-dua sahabat saya ini lebih dirasakan kerana mengenangkan tidak ada seorang pun daripada mereka yang hidup lama selepas kematian salah seorang daripada mereka.

Lebih Disayangi daripada Ditakuti

Oleh Tan Sri Datuk Seri Abdullah Ahmad

ALLAH mengurniakan kepada Tun Abdul Razak bin Hussein pelbagai anugerah semasa kelahirannya pada 11 Mac 1922. Beliau mempunyai sifat pemalu, sopan santun, dan pendiam—seorang ahli politik dan negarawan yang baik.

Tun Razak mungkin seorang yang pemalu, tetapi beliau tajam pemikiran dan tidak pernah kurang dengan gurauan dan sindiran yang menambahkan lagi daya penariknya. Tun Razak berpakaian dengan sempurna dan bergaya. Beliau telah mempopularkan busjaket dan memperkenalkan baju batik lengan panjang untuk ke majlis separuh rasmi pada sebelah malam. Pakaian kesukaan beliau ialah busjaket berlengan panjang, yang direka berasaskan baju kot, dan beliau selalu membawa tongkat, terutamanya apabila melawat kawasan luar bandar. Kadang-kadang beliau akan menggunakan tongkat yang lazimnya digunakan oleh pengadil permainan kriket yang bukan sahaja boleh dijadikan tongkat malah dapat juga digunakan sebagai tempat duduk.

Tun Razak bertutur dengan lemah lembut. Beliau seorang yang petah bercakap dan tidak pernah mengkritik orang secara langsung dalam ucapan atau pergerakannya. Seperti Tunku Abdul Rahman, beliau juga lebih fasih bertutur dalam bahasa Inggeris daripada bahasa ibundanya sendiri kerana beliau seperti rakan-rakan seangkatannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Kolej Raffles di Singapura, dan rakan-rakan yang sama belajar di London, dalam perkhidmatan awam dan politik, ialah produk zamannya.

Walaupun beliau tidak suka diberi perhatian, tetapi beliau sukakan kemeriahan dan temasya. Beliau ialah seorang ahli sukan yang boleh bermain banyak jenis permainan, menjadi ketua pengawas di Maktab Melayu, dan seorang pelajar yang pintar semasa di sekolah. Beliau seorang pemain golf yang bagus dengan *handikap* antara 12 hingga 16. Beliau bukan seorang yang rajin membaca tetapi beliau membaca buku yang betul-betul berguna—kebanyakan mengenai catatan kehidupan dan kisah hidup, serta akhbar dan majalah seperti *The Economist, Far Eastern Economic Riview, Time* dan *Newsweek, The New Straits Times, The Star, Utusan Malaysia,* dan *Berita Harian.* Beliau jarang membaca *Utusan Melayu* sungguhpun beliau

boleh membaca jawi. Adalah menjadi tugas saya untuk memaklumkan kepada beliau apa-apa yang tertulis dalam penerbitan jawi. Akhbar kesukaan beliau ialah *The New Straits Times* dan *Utusan Malaysia.*

Sepanjang hayatnya beliau banyak menghabiskan masa dalam perkhidmatan awam dan politik. Beliau gemar berkata, "Saya berkhidmat lama dalam perkhidmatan awam untuk mengetahui apa yang berlaku tapi tidak cukup lama untuk memperoleh tabiat-tabiat yang buruk!" Minit-minit mesyuaratnya, komen dan ucapan-ucapannya adalah mudah, pendek, dan tepat; menggambarkan sifat pendiamnya. Bekerja rapat dengan beliau selama 14 tahun, seperti yang saya lalui, adalah suatu perjalanan yang sentiasa menemui perkara baru. Jelas sekali bahawa beliau tidak pernah kekurangan idea tentang wawasan untuk Malaysia dan rakyatnya. Betapa pentingnya beliau dan peninggalannya kepada sejarah Malaysia dapat dilihat dengan mudah.

Saya bertemu Tun Razak buat pertama kalinya pada Disember 1954 di Kuala Lipis. Saya diperkenalkan kepada beliau oleh adik lelakinya, Abdul Latiff, seorang rakan sekolah yang telah menjemput saya untuk menghabiskan cuti sekolah di rumah abangnya. Tun Razak meletakkan saya di bawah naungan beliau apabila saya menyertai *The New Straits Times* pada tahun 1957. Kami menjadi rakan karib. Beliau menghantar saya ke Amerika Syarikat untuk berkursus dan kemudian mengambil saya untuk bekerja dengan beliau apabila saya kembali ke tanah air dua tahun kemudiannya.

Ada masa-masanya saya menjalankan tugas sebagai setiausaha sulit beliau, dan ada masanya sebagai setiausaha akhbar dan kadang-kadang sebagai setiausaha politik—tiga tugas sekali gus. Mungkin kerana inilah yang membuatkan saya lebih mengenali beliau daripada orang lain. Dalam hal ini saya amat bernasib baik kerana pengalaman tersebut telah melatih saya dengan cemerlang. Pada masa yang sama beliau juga menjadi mentor saya, seorang abang, dan seorang sahabat.

Tun Razak sangat dihormati oleh pihak British lama sebelum beliau terlibat dalam politik. Ini adalah disebabkan beliau terlibat sebagai salah seorang pegawai pentadbir atasan dalam perkhidmatan awam Malaya yang dikuasai oleh British. Beliau adalah salah seorang pegawai Melayu yang cerdik dan berpengaruh dalam pentadbiran itu. Pihak British cuba memujuk beliau untuk tidak melibatkan diri dalam politik dengan suatu tawaran yang menarik tetapi beliau menolaknya. Beliau berpendapat menjadi Timbalan Perdana Menteri adalah lebih baik daripada menjadi Ketua Setiausaha kepada kerajaan penjajah ataupun kerajaan sendiri. Beliau menolak satu tawaran yang

kukuh dan memilih sesuatu yang tidak menentu dalam bidang politik, iaitu berjuang untuk kemerdekaan negara.

Apabila Presiden yang mengasas UMNO, Dato' Onn bin Jaafar meletakkan jawatan dalam tahun 1951, Tun Razak yang pada masa itu berumur 29 tahun ialah orang yang memujuk Tunku. Akhirnya, Tunku dengan berat hati mengambil alih kepimpinan pertubuhan itu. Pada masa itu, Tun Razak ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, negeri beliau sendiri. Tunku yang pada masa itu seorang pendakwa raya ialah seorang sahabat yang sama-sama menuntut di London dalam bidang undang-undang pada akhir tahun 1940-an. Hubungan mereka adalah hubungan yang istimewa. Tun Razak menganggap Tunku sebagai abangnya dan memanggil Tunku dengan nama Pak Hitam. Tun Razak akan membaca kes undang-undang kepada Tunku dan untuk itu Tunku akan membelanja beliau makan atau membayar sedikit upah. Tunku pula mengambil Tun Razak yang pada masa itu memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda, sebagai timbalannya, mewujudkan suatu hubungan rakan kerjasama yang hanya berakhir apabila Tun Razak mengganti Tunku semasa Tunku berusia 69 tahun sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO dalam tahun 1970.

Pada masa itulah politik orang Melayu berada dalam keadaan yang tidak menentu. Mereka miskin, lemah, dan langsung tidak bersatu. Pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) yang diterajui kaum Cina nampaknya mula berjaya dan kerajaan penjajah British pula tidak sensitif kepada hak-hak orang Melayu, tidak menghiraukan tentang cita-cita mereka, dan tidak mempedulikan tentang masa depan orang Melayu. Keadaan pada masa itu amat genting. Saya berusia 14 tahun pada masa itu dan berada dalam tingkatan tiga di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

Tunku yang pada masa itu dikenali sebagai seorang *playboy* dan kemampuan beliau sebagai pemimpin, manakala Tun Razak yang baru berkahwin, tidak terkenal di peringkat kebangsaan. Walau bagaimanapun, mereka berdua bekerja keras untuk mendapatkan sokongan orang Melayu bagi menentang pihak British dan kumpulan Dato' Onn dalam bidang kuasa, media, dan wang.

Akhirnya, satu nama baru—Tunku—walaupun tidak terkenal dan belum teruji, memperoleh sokongan orang Melayu yang ketika itu berada dalam keadaan tertekan. UMNO bekerjasama dalam Perikatan dengan MCA dan MIC, menang besar dalam pilihan raya pertama tahun 1955 dan menubuhkan kerajaan. Beberapa tahun kemudiannya Perikatan yang dipimpin oleh UMNO menjadi Barisan Nasional.

Tun Razak dengan pantas menunjukkan kebolehan beliau dalam kabinet pertama kerana menteri lainnya kurang atau tidak berpengalaman dalam kerajaan, juga kerana kemampuannya telah membezakan beliau dengan yang lain-lain. Disebabkan pengalamannya, beliau lebih dipercayai daripada yang lain-lain kecuali Tunku yang menjadi Perdana Menteri. Tun Razak ialah Menteri Pelajaran pertama dan dalam usia 35 tahun beliau terus menjadi Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pembangunan Luar Bandar, dan kadangkala Menteri Luar Negeri.

Tun Razak ialah seorang yang sangat bijaksana walaupun jarang diiktiraf. Hampir setiap perkara yang dilakukan dalam tempoh hidupnya yang pendek itu mencapai kejayaan kecuali dua atau tiga perkara, Kelantan adalah salah satu daripadanya.

Beliau sepatutnya tidak menggadaikan reputasi beliau—walaupun Tunku menjadi ketua—untuk mengetuai kempen merampas semula Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum 1964 dan 1969. Ia merupakan satu langkah politik yang bodoh kerana PAS mendapat sokongan besar berikutan kemenangan mengejut mereka dalam tahun 1959.



Beliau mengambil risiko ini kerana beliau sayangkan Kelantan. Beliau mahu membebaskan orang Kelantan daripada ketinggalan di belakang. Beliau sangat sedih kerana UMNO gagal memenangi Kelantan. Beliau memberitahu saya, "Dollah negeri anda memilih untuk berada di luar arus perdana politik Melayu. Saya hanya mahu membantu kerana anda semua rajin-rajin belaka dan orang Kelantan sepatutnya boleh membantu mempercepatkan pembangunan dan menunjukkan contoh kepada penduduk negara kita yang lain."

Dengan perasaan terkejut dan hampa, Tun Razak menukar strategi. Dalam tahun 1973, setelah dua tahun memegang jawatan Perdana Menteri, beliau membentuk kerajaan campuran di Sarawak, Pulau Pinang, Perak, Kedah, Terengganu, dan Kelantan, dan dalam tahun 1974 menubuhkan Barisan Nasional untuk mengurangkan permainan politik dan sebaliknya menumpukan perhatian kepada pembangunan dan pembinaan negara.

Melalui proses tersebut, beliau meletakkan asas bagi UMNO untuk kembali berkuasa semula di Kelantan dalam tahun 1978 —setelah 19 tahun negeri Kelantan berada dalam tangan pembangkang. PAS kembali berkuasa dalam tahun 1990, dengan pertolongan Semangat 46 yang ditubuhkan oleh mereka yang terkeluar daripada UMNO di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Parti ini telah pun dibubarkan dan kebanyakan ahlinya kembali semula ke pangkuan UMNO.

Berikutan dengan pilihan raya 1974, beliau menawan Datuk Asri Haji Muda, Presiden Parti PAS, dengan kerelaan dan sokongan kuat daripada Sultan Kelantan, Tuanku Yahya Petra yang kemudiannya menjadi Yang di-Pertuan Agong. Pentadbiran PAS di bawah Datuk Asri digantikan dengan sebuah kerajaan campuran PAS-UMNO yang prokerajaan Persekutuan, diketuai oleh Datuk Mohamad Nasir, seorang yang berperwatakan sederhana dan tidak terlibat dengan politik. Semuanya nampak baik bagi negeri Kelantan walaupun ada tentangan terpendam daripada Datuk Asri yang mahukan Wan Ismail Wan Ibrahim menjadi Menteri Besar. Sebaliknya beliau menjadi Timbalan Menteri Besar.

Tun Razak amat meminati sukan. Sewaktu majlis hari jadinya, beliau sempat mengikuti siaran langsung perlawanan kelayakan hoki di mana Malaysia berjaya ke separuh akhir pada tahun 1974 melalui radio. Raja Tun Mohar (tiga dari kiri) sedang berbual dengan Tan Sri Abdullah di sebelah kiri belakang beliau.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Allah menentukan segalanya. Permainan politik kembali bergolak. Rancangan Tun Razak untuk pembangunan Kelantan telah dikurangkan dan dikaji semula berikutan kematian mengejut beliau pada 14 Januari 1976. Tidak sampai dua tahun kemudiannya, Datuk Asri dengan marah menarik PAS keluar dari Barisan Nasional.

Orang Kelantan sudah mula menyebelahi UMNO kerana tertarik dengan program istimewa membina sekolah agama, masjid baru, memperbaiki dan mengubahsuai masjid, surau dan



madrasah yang telah sedia ada, membekalkan elektrik, air paip, jalan bertar dan beberapa kemudahan lain yang dirancangkan oleh Tun Razak. Mereka meratapi kematian Tun Razak yang tidak disangka-sangka itu.

Tuanku Yahya Petra menanggalkan cermin mata tebalnya dan dengan mengesat air mata Baginda memberitahu saya, "Dollah lampu yang terang bagi negeri kita telah padam." Rakyat di kawasan saya sendiri, di Machang, seperti orang Melayu di tempat lain, merasakan kehilangan seorang pemimpin yang mewakili isi hati mereka.

Beliau benar-benar merupakan seorang Melayu yang berbudi bahasa dan pemimpin yang baik. Legasinya luas (lebih daripada apa yang diharapkan beliau) dan kemudian dilaksanakan dengan giatnya oleh Perdana Menteri Keempat, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sekiranya umur Tun Razak panjang, PAS mungkin masih kekal dalam Barisan Nasional, sejarah negara ini dan Kelantan akan bertukar dengan banyaknya. Saya amat yakin tentang perkara ini kerana saya turut memainkan peranan yang agak penting dalam membina kepercayaan mereka dan menubuhkan kerajaan campuran Barisan Nasional.

Tun Razak ialah seorang Perdana Menteri dan pemimpin Melayu yang bercakap bagi pihak orang kampung dan luar

Meraikan kejayaan pasukan hoki Malaysia melayakkan diri ke separuh akhir. Tun Razak (paling kanan) berdiri berhampiran Nazir yang masih kecil dan Tan Sri Abdullah yang sedang bertepuk tangan (tengah).

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

bandar. Beliau percaya golongan ini patut diberi keperluan sosial dan ekonomi dengan lebih serius jika dibandingkan dengan penduduk bandar.

Tun Razak memberi dan mewujudkan harapan baru serta membangkitkan perasaan megah dalam diri mereka. Beliau membekalkan apa yang dijanjikan. Mereka meletakkan sepenuh kepercayaan kepada beliau.

Selain Tunku Abdul Rahman, Tun Razak ialah diplomat Melayu terbaik pada tahun-tahun awal, apabila Malaysia mula mempunyai hubungan diplomasi. Antara kedua-duanya, Tun Razak kurang cenderung memberi ucapan yang menyinggung perasaan orang lain, sama ada dalam bidang politik mahupun diplomatik. Hal ini adalah salah satu sebab mengapa Tunku menaruh kepercayaan kepada beliau. Selepas peristiwa 13 Mei, hubungan mereka agak terjejas sedikit walaupun mereka masih mengekalkan persahabatan tanpa kemesraan seperti pada awal-awal hubungan mereka.

Tun Razak dan Suharto diberi penghormatan sebagai dua orang pemimpin yang berjaya membawa perdamaian dan mengakhirkan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dalam tahun 1966. Tun Razak jugalah orang yang menamatkan pemencilan Malaysia dalam arena hubungan luar apabila beliau sendiri pergi ke Beijing untuk menjalin hubungan diplomatik Malaysia-China pada musim bunga 1974.

Saya mengiringi beliau semasa beliau ke Jakarta dan Beijing sebagai Setiausaha Politik. Apabila beliau ke Afrika, Timur Tengah, sekitar Asia, Eropah dan Amerika Syarikat, dan beberapa tempat lain yang kurang disenangi Tunku, saya turut menemani beliau. Tun Razak pergi ke negara-negara tersebut untuk menjalin persahabatan bagi Malaysia semasa tempoh konfrontasi Indonesia dan apabila konfrontasi berakhir, beliau pergi dengan tujuan untuk membina jambatan bagi hubungan dan kerjasama baru—yang menjadi asas kepada persaudaraan Selatan-Selatan sekarang ini.

Tun Razak menjelajah dunia untuk menerangkan dasar kerajaan Malaysia, sama seperti beliau melawat setiap pelosok negara untuk merapatkan hubungan antara kerajaan dengan rakyat. Walau bagaimanapun, kekuatannya terletak kepada politik dalam negeri. Di kawasan luar bandar terutamanya, beliau berjaya dan terserlah serta dihormati. Pada masa yang sama, rekod diplomatiknya juga cemerlang kerana beliau seorang kosmopolitan, sama seperti perdana menteri Asia lain yang sezaman dengannya.

Tun Dr. Mahathir yang tidak lama kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, menulis sebuah belo-

songkawa dalam akhbar *The New Straits Time* dengan menggunakan nama samaran "Seorang Rakan Sejawat". Tulisan itu berbunyi, "Seperti insan yang lain, Razak bukan seorang insan yang sempurna, beliau mempunyai kelemahan, tetapi tidak ada seorang pun yang dapat menandingi beliau sebagai pemimpin bangsa yang berbakti tanpa mementingkan diri sendiri, kepada rakyat, negara dan agamanya." Tun Razak telah merapatkan dirinya kepada Tun Dr. Mahathir semasa Tun Dr. Mahathir dipinggirkan oleh orang lain. "Inilah dia seorang pemimpin yang telah kita tangisi pemergiannya 29 tahun yang lalu." Beliau menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang melaluinya lahir "Melayu baru".

Melalui penulisan saya ini, saya telah cuba menggambarkan beliau sebagai seorang Melayu berketurunan bangsawan yang mempunyai wawasan, dan seorang pemimpin yang diplomatik, berwibawa, pragmatik, dan bersopan santun sama seperti Zhou Enlai.

Tun Razak yang bijak dan lemah-lembut dalam pertuturan, memberikan Malaysia harapan, kuasa, kehormatan dan kepercayaan yang dilahirkan melalui perwatakan dan komitmennya yang mahukan Malaysia menjadi sebuah negara yang bersatu, maju, aman, dan berdemokrasi. Beliau telah bertindak lebih daripada orang lain dalam menentukan tahap baru persefahaman dan saling hormat-menghormati dalam kalangan kaum Cina Malaysia dengan golongan bumiputera selepas rusuhan kaum yang dahsyat dalam tahun 1969.

Kematian Tun Razak secara mengejut ini, secara tidak langsung telah melemahkan usaha yang diperjuangkan oleh Tun Razak selama ini untuk melahirkan hak persamaan kaum dan taraf kebangsaan serta niat beliau untuk melahirkan bangsa Malaysia dalam konteks negara Malaysia—satu perkara yang telah diberi tumpuan sepanjang hayat beliau.

Sungguhpun Tun Razak kelihatan serius, beliau masih boleh berjenaka dan oleh itu beliau tidak perlu berlagak berlebih-lebihan tentang perkara tersebut. Menyentuh tabiat peribadinya, beliau seorang yang sederhana dan murah hati kepada orang yang memerlukannya tanpa menunjuk-nunjuk. Beliau tidak suka kepada pemborosan dan kehidupan yang menunjuk-nunjuk. Beliau meninggal dunia dalam keadaan yang tidak kaya kerana beliau tidak pernah menyerah kepada godaan wang ringgit.

Beliau seorang penggubal strategi yang berkesan dan menghadapi semua perjuangan dengan penuh pengalaman. Maksud saya di sini adalah antara disayangi dan ditakuti, Tun Razak lebih disayangi daripada ditakuti.

Mencari Jodoh Pak Cik

Oleh Datin Kalsom Tan Sri Taib



PERTAMA kali saya berjumpa dengan "Pak Cik Razak" adalah pada tahun 1951 ketika saya berusia sembilan tahun. Hari itu masih jelas dalam ingatan saya kerana beliau telah datang bersama ayah saya, Allahyarham Tan Sri Taib Andak, untuk menjemput saya dari sekolah. Biasanya, saya akan berjalan kaki pulang kerana rumah kami terletak tidak jauh dari sekolah saya, Convent Holy Infant Jesus, Johor Bahru.

Akan tetapi hari itu istimewa sekali. Saya berasa seronok kerana ayah datang untuk menjemput saya dengan kereta beliau —satu peluang yang jarang dapat dirasai kerana beliau sentiasa sibuk bekerja. Ketika itu, saya belum mengetahui tentang niat ayah. Kemudian baru saya mendapat tahu bahawa ayah, dengan alasan untuk menjemput saya telah membawa Pak Cik Razak bersama supaya beliau boleh melihat Chu Rahah (panggilan saya untuk Tun), pelajar tingkatan lima di sekolah saya. Patutlah saya nampak Pak Cik Razak tersengih-sengih sepanjang perjalanan pulang ke rumah kami di Jalan Dato' Menteri.

Saya diberitahu kemudian bahawa arwah ayah Pak Cik Razak dalam surat kepada ayah telah menyatakan keinginan beliau supaya ayah bantu mencarikan jodoh yang sesuai untuk Pak Cik Razak, sebaik-baiknya orang Johor. Tun Rahah bukan lagi orang asing bagi kami sebab kakak sulung beliau, Fakhariah ialah isteri kepada pak cik saya, Abdullah. Sudah tentu ia cinta pandang pertama bagi Pak Cik Razak kerana tidak lama selepas itu, ibu bapa saya telah berkunjung ke rumah ibu bapa Tun Rahah untuk merisik—bagi masyarakat Melayu, langkah pertama yang diambil oleh rakan-rakan atau kaum keluarga sebelum lamaran perkahwinan rasmi dibuat. Pendek kata, ibu bapa saya telah mewakili Pak Cik Razak, mengunjungi rumah ibu bapa Tun Rahah untuk mendapatkan kebenaran.

Ibu saya telah menceritakan kepada saya bahawa Pak Cik Razak dan Tun Rahah pernah keluar bersama hanya sekali sahaja selepas pertunangan rasmi mereka, itu pun ibu bapa saya serta Fakhariah dan suami telah menemani mereka.

Perhubungan antara Pak Cik Razak dan ibu bapa saya sangat akrab kerana mereka pernah tinggal bersama di London dari tahun 1947 sehingga tahun 1949 semasa beliau sedang menuntut di Lincoln's Inn dan ayah pula di Middle Temple. Biarpun

Tan Sri Taib Andak (kiri) dan Tun Razak berkongsi sebuah flat di London dan menjadi sahabat karib. Pada tahun 1952, Taib dihantar ke Kuala Lipis sebagai Pegawai Daerah manakala Tun Abdul Razak pula menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. (1953)

(Ihsan daripada Datin Kalsom Taib)



Ikatan kekeluargaan yang sudah lama terjalin—"Pak Cik Razak" (dua dari kanan) mengusik Datin Kalsom pada hari perkahwinannya. Almarhum Sultan Ismail, Johor, duduk di antara dua pengantin dan kelihatan kemas, Datuk Shafee Yahaya. Tun Razak kemudiannya melantik Datuk Shafee sebagai Setiausaha peribadinya. Toh Puan Lim Cheng Neo, isteri kepada Menteri Kewangan pada masa itu, mendiang Tun Tan Sew Sin menyerikan meja pengantin (paling kanan). 1966

(Ihsan daripada Datin Kalsom Taib)

perbezaan peribadi mereka sungguh ketara, Tun dan ayah sebenarnya sangat rapat.

Beliau seorang yang pendiam dan agak suka bersendiri berbanding dengan ayah yang peramah dan berasa seronok apabila dikelilingi ramai teman. Perbezaan umur enam tahun juga tidak menjadi penghalang kepada persahabatan mereka walaupun pada masa itu beliau bujang, sementara ayah telah mempunyai empat orang anak. Mereka banyak berkongsi minat dan sangat gemar meluangkan masa bersama.

Apabila ibu saya, Puan Seri Zainab Ahmad menyertai ayah di London kemudian, Tun Razak dengan segera menyenangi ibu saya serta memanggil ibu dengan gelaran *Mummy*. *Mummy* sentiasa memasak untuk beliau dan ayah, dan beliau selalu tolong membasuh pinggan serta membuat kerja-kerja harian rumah yang lain. Beliau juga sering menemani ibu pergi membeli barang-barang keperluan rumah dan akan memastikan ibu tidak mengangkat barangan berat itu sehingga ke pangsapuri mereka di 61, Courtfield Garden, London.

Mummy mengingati beliau sebagai seorang yang pandai bergaya, sentiasa dengan topi dan pakaian sut, sering berdiri di depan cermin sambil berkata, "*Mummy*, satu hari nanti saya akan menjadi Perdana Menteri Malaya." Pada usia yang semuda itu, 25 tahun, beliau sudah mempunyai wawasan masa depan tentang apa yang ingin beliau lakukan untuk negara dan berazam untuk melaksanakannya.

Setelah Tun Razak kembali ke Malaya pada tahun 1950, beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Negeri Pahang dan kemudian dilantik menjadi Setiausaha Negeri. Secara kebetulan, ayah ditugaskan ke Kuala Lipis dalam tahun 1952 sebagai Pegawai Daerah, dan ini telah menguatkan lagi tali persahabatan mereka.

Saya selalu tidak sabar untuk pergi berkunjung ke rumah Tun Razak kerana beliau berbeza daripada rakan-rakan ayah yang lain. Beliau sentiasa memberi perhatian kepada kanak-kanak dan mengusik kami. Beliau mampu untuk berkomunikasi dengan semua peringkat umur dan walaupun ketika itu sikap orang dewasa terhadap kanak-kanak adalah "untuk dilihat bukan untuk didengar", beliau tetap meluangkan masa untuk berbual-bual dengan kami, dan menunjuk minat yang mendalam dengan aktiviti kami. Beliau bukan seorang yang peramah, beliau memiliki aura tersendiri dan kami sangat meminati serta menghormati beliau. Beliau berkemampuan untuk membuat mereka yang berada di sekeliling beliau merasakan diri mereka istimewa.

Memberikan maklumat kepada Perdana Menteri—Pengerusi FELDA, Tan Sri Taib Andak menerangkan penekanan dalam rancangan penyelesaian beliau di Kulai, Johor. 1968.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Semasa majlis perkahwinan saya dengan Shafee pada tahun 1966, saya diberi penghormatan untuk duduk bersebelahan dengan Tun di meja utama pengantin. Walaupun saya telah



26th August '69.

My dear mummy,

First a short note to remember our stay in England. Wherever you are, you will always remain a charming mummy to me.

Yours affectionately,

61, Courtfield Gardens, London S.W.5

Rosmah Mansor

Tun Razak ditemani Pengerusi FELDA Tan Sri Taib Andak (kanan) semasa tiba di padang bola sepak Gedangsa untuk melawat rancangan FELDA di Selangor. (1966)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

menjadi pengantin, dan bukan lagi budak kekok berumur sembilan tahun, beliau tetap mengusik saya. Waktu itu, beliau sudah menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi bagi kami, beliau tetap Pak Cik Razak yang dulu—mesra, mengambil berat, dan tidak sombong.

Shafee berpeluang untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit beliau dari tahun 1969-75. Setiap kali beliau membuat lawatan ke luar negara, beliau tidak pernah gagal untuk membawa balik coklat dan buah-buahan eksotik untuk anak-anak kami. Sikap bertimbang rasa beliau sentiasa kami ingati, lebih-lebih lagi kerana beliau tetap berterusan membelikan hadiah untuk kami ataupun anak-anak kami setiap kali beliau melawat ke negara luar, meskipun setelah Shafee bertugas dalam Majlis Keselamatan Negara.

Shafee juga kagum dengan keikhlasan dan sikap bertanggungjawab yang tinggi dalam diri beliau. Shafee masih ingat satu peristiwa apabila beliau tidak benarkan Toh Puan Rahah menukar langsir dan fabrik perabot bilik tamu di kediaman rasmi beliau, Sri Taman, biarpun langsir dan perabot-perabot demikian sudah nampak usang. Hiasan yang sederhana dan ringkas di Sri Taman mencerminkan sifat beliau yang berjimat cermat dan menghormati tabung awam.

Sewaktu kematian Tun Razak di London, kami sekeluarga diselubungi kesedihan yang amat sangat. Malaysia telah kehilangan seorang pemimpin yang hebat, dan bagi kami sekeluarga, seorang sahabat yang dikasihi.

Mummy masih lagi dengan bangganya menyimpan buku autograf lama yang sudah kekuningan kerana terdapat catatan penghargaan beliau kepada *Mummy*.

Shafee juga, dengan pilunya, terkenang kembali bahawa dua minggu selepas Tun Razak meninggal dunia, beliau menerima hadiah daripada beliau melalui pegawai pengiring beliau—sehelai kemeja yang telah dibeli Tun Razak di London semasa beliau sedang menjalani rawatan. Sehingga ke saat akhir pun, Tun Razak tidak mementingkan diri sendiri dan masih memikirkan orang lain.

Biarpun 27 tahun sudah berlalu, kami masih mengingati beliau dengan penuh rasa hormat, sebagai seorang yang mempunyai sifat kepimpinan yang tegas, berdisiplin dan rendah diri. Usaha beliau yang tidak pernah mengenal erti penat untuk membangunkan negara, cara beliau menumpukan masa dan tenaga untuk memperbaiki kehidupan penduduk luar bandar yang miskin, dan sifat tidak mementingkan diri sendiri serta keyakinan beliau dengan prinsip tanggungjawab, sifat ketelusan dan adil akan sentiasa kami hargai. Kemahiran dan prinsip moral beliau akan terus menjadi ilham dan pengukur supaya kami boleh menilai diri sendiri.

Lembaran sejarah—Tun Razak menulis kenangan manisnya dalam buku autograf "Mummy". (1949)

(Ihsan daripada Datin Kalsom Taib)

Hati yang Mudah Ditawan

Oleh Tun Hajah Rahah Tan Sri Haji Noah

SAYA berusia 19 tahun semasa pertama kali kami bertemu. Pada masa itu, saya baru sahaja menamatkan persekolahan, masih mentah dan kurang berkeyakinan. Sewaktu pertemuan tersebut, saya merasa amat gementar dan malu. Berbeza pula dengan beliau yang kelihatan begitu tenang dan yakin.

Allahyarham Tan Sri Taib Andak, sahabat karib kepada beliau yang telah menemukan kami, tentu sekali dengan pengetahuan dan kebenaran ibu bapa saya. Ketika itu, ayah saya ialah Pengerusi UMNO di Johor dan beliau telah mengunjungi pejabat UMNO di sana. Tan Sri Taib memperkenalkan kami. Beliau memang karib dengan Tun Razak; mereka sama-sama menuntut dalam jurusan undang-undang ketika di London.

Pada zaman itu, gadis-gadis tidak diberi kebebasan untuk memilih pasangan sendiri. Perkahwinan antara mereka yang berlainan negeri juga jarang berlaku. Akan tetapi, atas sebab tertentu, arwah ayah beliau telah menasihati beliau supaya mencari gadis Johor apabila tiba masanya beliau hendak berkahwin. Ibu saya menunjukkan gambar beliau kepada saya. Daripada pandangan saya, beliau kelihatan tampan, muda, dan tegap. Kedua-dua kakak saya, Suhaila dan Cik Teh juga telah dijodohkan dengan cara sebegini dan perkahwinan mereka masih kekal bahagia. Saya memberi sepenuh keyakinan kepada ibu bapa saya walaupun ibu saya agak risau tentang penghijrahan saya ke Pahang, yang bagi ibu saya ialah "tempat asing". Bagaimanapun, ayah saya berasa yakin saya akan dijaga dengan baik. Saya rasa ibu bapa saya tahu apa yang terbaik untuk saya. Jadi, saya berfikir; apa salahnya?

Kami bertunang selama sembilan bulan. Sepanjang masa itu, kami dibenarkan keluar bersama sebanyak tiga kali sahaja, selalunya untuk makan malam di Singapura. Namun, itu pun kami terpaksa ditemani, biasanya oleh kakak saya Cik Teh. Saya tidak pernah terfikir beliau akan menjadi seorang pemimpin negara. Ketika itu, tidak terlintas langsung dalam fikiran saya bahawa hidup saya akan mengalami perubahan yang agak dramatik.

Kami telah diijabkabulkan pada 4 September, 1952. Hingga ke saat itu, saya tidak pernah mengenali dunia luar selain Johor.



Bersama isteri, Rahah bt Tan Sri Haji Noah sewaktu istiadat bersanding. (1952)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Saya tidak pernah pergi jauh dari rumah. Saya telah biasa dengan kehidupan yang terlindung. Selaku pengantin baru, saya terpaksa menyesuaikan diri dengan banyak perkara dan saya berasa takut. Bagaimanapun, beliau telah memudahkan segalanya.

Salah satu daripada perkara tersebut ialah kesukaran untuk membiasakan diri dengan kehidupan di Pahang—tempat baru, makanan yang berbeza, dan loghat percakapan di sana, yang pada mulanya agak asing bagi saya. Sebelum sempat saya menyesuaikan diri, saya sudah hamil dengan anak pertama. Najib dilahirkan pada 23 Julai 1953, dan diikuti Johari pada tahun seterusnya. Kemudian, kami mendapat tiga lagi anak lelaki, iaitu Nizam, Nazim, dan Nazir.

Setahun selepas perkahwinan kami, selepas Najib dilahirkan, Razak mendapat Anugerah Kepimpinan. Kami mengembara ke sekeliling dunia: itu merupakan kali pertama bagi saya. Kami melawat Switzerland, England, dan beberapa buah negara di Eropah, Rusia, Amerika Syarikat, dan Jepun. Kami juga membuat beberapa persinggahan di beberapa bandar raya di sana. Kami pernah tinggal di sebuah pangsapuri di London untuk beberapa bulan. Ketika itu, kami sempat hidup seperti pasangan biasa. Saya memasak dan mengemas rumah untuk beliau. Saat itu merupakan waktu paling gembira bagi kami. Bagaimanapun, kebahagiaan kami itu hanya sementara. Negara kita sedang berjuang untuk kemerdekaan dan perkhidmatan beliau telah diperlukan semula.

Semasa perkahwinan kami, saya berusia 19 tahun dan beliau 30 tahun. Perbezaan umur kami agak jauh tetapi ia merupakan suatu perkara yang baik kerana beliau matang dan memahami. Beliau sentiasa baik hati dan tenang, jarang sekali hilang pedoman. Kami banyak bertolak ansur sesama sendiri. Beliau hampir tidak pernah meninggikan suara, sama ada dengan saya, dengan anak-anak, mahupun dengan pembantu-pembantu rumah. Beliau lebih suka menasihati daripada memarahi, dan menunjukkan kepada kami apa kesalahan kami. Beliau memikat hati kami, dan adalah mudah untuk kami menambat hati beliau.

Kami jarang sekali bertengkar dan jika ia terjadi pun, beliau yang akan memujuk. Sebenarnya, bukan mudah untuk menimbulkan perasaan marah ataupun untuk kekal marah dengan beliau. Beliau tidak pernah memulakan pertengkaran. Saya mengagumi beliau kerana dalam diam beliau mempunyai daya kekuatan.

Kami telah dikurniakan anak-anak lelaki. Beliau mengharapkan anak perempuan tetapi sudah takdir bagi kami untuk mendapat semua anak lelaki. Kami bersyukur kerana anak-anak kami baik-baik belaka. Bagaimanapun, kami mengambil tiga kanak-kanak perempuan sebagai anak angkat. Semua anak kami



sekarang sudah dewasa dan berjaya dalam kerjaya masing-masing—Najib menceburi politik dan beliau nampaknya serasi dengan kerjaya beliau sebagai Menteri Kabinet. Johari ialah peguam berkelayakan, Nizam dan Nazir dalam bidang kewangan, dan Nazim ialah seorang arkitek. Kesemuanya sudah berkeluarga kecuali Nazim yang masih mencari pasangan yang sesuai.

Beliau memang rapat dengan anak-anak dan sangat mengutamakan pembelajaran mereka. Kami sekeluarga sangat bahagia. Pada malam yang kami tidak perlu pergi ke majlis rasmi, kami menikmati makan malam di rumah bersama anak-anak. Walaupun beliau seorang yang serius di pandangan awam, beliau gemar bermain dan berjenaka bersama anak-anak. Suasana di kediaman kami akan dipenuhi dengan gelak ketawa mereka.

Ada kalanya kami sekeluarga akan pergi bercuti. Beliau amat menyukai laut dan beliau sangat gemar bermain sukan air, mungkin kerana beliau sendiri membesar di kampung berhampiran dengan sebatang sungai. Kami melancong ke Pulau Tioman, Langkawi, dan Pangkor. Bersama kami menghabiskan masa menaiki bot dan memancing, sementara beliau pula bermain luncur air. Semasa muda, beliau biasa bermain tenis

Tun Razak juga merahsiakan penyakitnya daripada Tun Rahah, isteri kesayangannya.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

tetapi mula bermain golf apabila beliau semakin tua. Beliau mendapati permainan golf dapat memberi ketenangan minda. Biarpun masa lapang beliau amat berharga bagi kami sekeluarga, kami tidak pernah menghalang beliau untuk meluangkan masa tersebut di padang golf kerana beliau gembira apabila bermain golf.

Tun Razak menggemari semua jenis makanan laut; ikan kegemaran beliau ialah ikan patin. Namun, beliau tidak pernah cerewet fasal makanan. Beliau lebih suka dengan hidangan ringkas. Lagipun, beliau seorang yang "berjiwa kampung". Beliau suka menikmati makanan seperti orang kampung—sayur-sayuran yang tumbuh di kawasan kampung dan dimasak dengan santan kelapa, tempoyak, cemperai, keledek, dan makanan lain seperti itu.

Sepanjang kehidupan kami bersama, beliau tidak pernah mengharapkan saya memasak atau melakukan kerja harian di rumah. Memang mudah untuk menggembirakan hati beliau. Beliau hanya inginkan saya untuk memerhati dan memastikan seisi rumah dalam keadaan teratur. Walau bagaimanapun, saya telah melakukan perkara yang bijak dengan mengupah seorang tukang masak paling jujur dan setia yang mampu menyediakan hidangan sebagaimana yang disukai beliau.

Bagi beliau, adalah lebih penting untuk saya meluangkan masa bersama anak-anak dan memainkan peranan sebagai isteri kepada seorang ahli politik. Sebagai isteri kepada ahli politik, saya juga mempunyai jadual yang ketat dan beliau sangat memahami situasi saya.

Tun Razak gemar dikelilingi sahabat handai dan suka dikunjungi tetamu. Beliau menggalakkan mesyuarat, jadi mereka sering berkumpul untuk membincangkan tentang hal-hal penting dan cadangan-cadangan yang bagus. Sesi-sesi ini bukannya selalu diadakan di pejabat; beliau sering kali mengadakan perbincangan sambil bersarapan di rumah. Semasa sesi-sesi ini, ada kalanya beliau lebih suka jika saya turut serta.

Kadang-kadang mereka akan membawa isteri masing-masing, dan ketika itulah saya diperlukan. Kami sering melayan tetamu di Sri Taman. Jadual beliau sentiasa penuh. Beliau selalu ke sana sini tetapi apabila ada masa terluang yang selalunya jarang diperoleh, beliau gemar membaca. Beliau tidak pernah bosan membaca. Beliau telah mengumpul banyak buku, sejumlah daripadanya didermakan kepada Memorial Tun Abdul Razak. Beliau telah membaca semua jenis buku tetapi kegemaran beliau ialah buku yang lebih serius, seperti autobiografi dan riwayat hidup negarawan yang terkenal.

Walaupun beliau tidak pandai menyanyi ataupun bermain alat muzik, beliau tetap menggemari muzik. Beliau suka irama



Bercuti di luar negeri bersama Tun Rahah di sebelahnya.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Melayu tradisional, bukan sangat balada yang sentimental, tetapi lebih kepada rentak ronggeng yang ceria seperti *Enjit-enjit Semut*, *Yang Ditunggu Tak Tiba,* dan *Joget Pahang*. Beliau juga menyukai lagu tradisional *Selendang Mak Inang*. Daripada lagu-lagu Inggeris pula, beliau menggemari khususnya lagu *Autumn Leaves*. Beliau benar-benar seronok apabila mengunjungi Kelab Taman Perdana dan telah meminta supaya pancaragam memainkan irama-irama tersebut. Kadang-kadang beliau menurut keinginan untuk berjoget ronggeng. Pada masa itu, mereka yang berpasangan berjoget dengan rakan-rakan.

Sikap peribadi beliau sama seperti semasa beliau bertugas. Tidak angkuh. Beliau gemar berpakaian ringkas. Beliau tidak suka berpakaian keterlaluan, sama ada untuk diri sendiri, mahupun untuk saya. Atas sebab-sebab tertentu, beliau tidak suka warna hijau dan lebih-lebih lagi pakaian berjalur. Beliau pernah berkata ia serupa baju tidur. Beliau hanya inginkan saya berpakaian ringkas tetapi anggun.

Beliau ialah seorang suami yang bertimbang rasa. Jika saya tidak mengikut beliau ke luar negara, beliau akan membelikan saya hadiah—biasanya sehelai kain untuk dibuat baju. Kami telah banyak kali melancong bersama—kebanyakannya atas urusan kerja, dan sekali-sekala percutian peribadi ke luar negara.

Saya gemar membeli-belah, tetapi seperti kebanyakan lelaki, beliau tidak mempunyai kesabaran untuk mengunjungi lebih daripada sebuah kedai untuk mencari barang tertentu, sama ada ia hanya sepasang kasut atau sebuah beg tangan. Saya masih mengingati saat beliau bertanya perlukah untuk kami mengunjungi 11 buah kedai—angka yang diperbesar-besarkan—hanya untuk membeli sepasang kasut. "Satu kedai kan cukup, masuk saja dan beli apa yang berkenan," kata beliau. Tetapi seperti kebanyakan wanita lain, saya lebih suka melihat-lihat dahulu sebelum membuat pilihan.

Lawatan ke luar negara sebenarnya bukanlah suatu kebiasaan. Beliau lebih suka melawat kawasan luar bandar secara tetap dan kadangkala saya menemani beliau. Hampir setiap masa, beliau memikirkan penduduk luar bandar yang sentiasa berada di hati beliau. Cara menambahkan pendapatan dan membuka peluang kepada mereka supaya memperbaiki diri sendiri sering difikirkan beliau. Beliau sentiasa memberi dengan sepenuh hati. Beliau terlalu terlibat dalam memperjuangkan hak penduduk luar bandar. Beliau merupakan budak kampung; dari mula sehinggalah ke akhir hayat beliau.

Beliau tidak suka menyusahkan orang lain. Di mana sahaja berada, beliau sentiasa cuba untuk menanggung segala kesukaran sendiri tanpa menimbulkan kesukaran kepada orang lain. Sehingga ke saat akhir, beliau merahsiakan penyakit beliau,

walau pun dengan saya. Beliau telah meneruskan kehidupan harian dan tugasan beliau seperti biasa. Doktor-doktor beliau hanya memberitahu saya bahawa keadaan beliau kritikal seminggu sebelum beliau meninggal dunia. Saya menganggap beliau hanya menghidap sakit ringan, saya tidak mengesyaki langsung beliau menghidapi penyakit yang memudaratkan. Beliau telah mengarahkan doktor-doktor beliau supaya menyimpan rahsia ini daripada semua orang, termasuk saya supaya saya bebas daripada kebimbangan.

Sekarang saya berusia 69 tahun. Saya mempunyai 12 cucu: lima perempuan dan tujuh lelaki. Alangkah bagusnya jika beliau masih hidup dan dapat melihat bagaimana anak-anak beliau berjaya dan bagaimana negara sudah membangun. Pada masa kami bersama, beliau berkongsi harapan dengan saya dan impian untuk anak-anak serta untuk kami. Akan tetapi takdir telah menentukan sebaliknya. Sehingga kematian beliau pada tahun 1976, perkahwinan kami kekal bahagia selama 24 tahun.

Tahun-tahun tersebut amat berharga bagi saya. Ketika itu, saya hanya berusia 44 tahun, belum bersedia untuk menjadi balu. Bagaimanapun, anak-anak saya sangat baik terhadap saya. Keluarga kami tetap akrab seperti dahulu.

Tun Abdul Razak, Teman Saya

Oleh Des Alwi Abu Bakar

MALAM itu saya menemani Sutan Shahrir di kamar beliau di Calaridges Hotel, Bond Street, London. Bung Shahrir ketika itu baru kembali dari Lake Succes, Amerika Syarikat pada akhir bulan Ogos/ September 1947 setelah menghadiri sidang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ketika itu Bung Shahrir dan Bapak Haji Agus Salim menjadi utusan khusus Presiden Soekarno untuk memprotes aksi militer Belanda terhadap kedaulatan Indonesia.

Waktu itu kami sedang menunggu kedatangan kelompok Pemuda Persatuan Melayu (Malay Society), sebuah organisasi masyarakat Semenanjung Malaya yang umumnya terdiri daripada mahasiswa dan pelajar Melayu yang belajar di England. Mereka ingin menemui pemimpin Indonesia ini setelah mengetahui bahawa Bung Shahrir berada di London.

Terdengar pintu kamar diketuk, lalu saya membuka pintu kamar. Terlihat empat pemuda berdiri di depan pintu. "Silakan masuk," pelawa Shahrir. Keempat-empat pemuda memperkenalkan diri masing-masing, Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Umum, kemudian Abdul Razak, Wakil Ketua didampingi Sofyan dan Zulkifli Ahmad. Tunku membuka cerita bahawa kedatangan mereka menemui Sutan Shahrir adalah untuk menyampaikan rasa simpati dan mendukung perjuangan kemerdekaan Indonesia.

Perbualan menjadi semakin seronok apabila kami sama-sama membahas mengenai situasi Asia Tenggara sejak Pasca Perang Pasifik.

Yang menarik Sutan Shahrir adalah huraian Tun Razak berhubung situasi di Semenanjung. Tun Razak menjelaskan, aksi gerila anti-Inggeris sebenarnya bukan perjuangan orang Melayu, tetapi ialah komunis keturunan Cina yang berusaha untuk mengkomuniskan Semenanjung Malaya.

Bung Shahrir tertarik kerana di Indonesia juga terdapat aksi kegiatan aktivis ekstrem komunis yang mahu menghancurkan Partai Sosialis yang dipimpinnya. Pada masa revolusi kemerdekaan, barisan ekstrem sosialis ingin berkuasa. Kemudian mereka membentuk barisan komunis dan memberontak. Tetapi pemberontakan komunis di Madiun pada bulan September tahun 1948 hancur ketika pemerintahan kerajaan Mohammad Hatta.



Sutan Shahrir tertarik dengan keempat-empat pemuda Melayu itu. Terasa sekali ada persamaan rumpun Melayu dalam satu cita-cita, iaitu untuk mewujudkan nasionalisme bangsa-bangsa yang merdeka di Asia Tenggara.

"Sebaiknya kita selalu berhubungan," Sutan Shahrir mengusulkan sambil menambah, "sementara menunggu kedatangan Subandrio sebagai kepala perwakilan Indonesia ke England, sebaiknya berhubunglah dengan Des Alwi saja," tambah beliau sambil menoleh kepada saya. Walaupun saya masih menuntut, saya juga dilantik sebagai staf perwakilan Republik Indonesia bahagian penerangan di Knightsbridge, London.

Tun Razak mendekati saya, sambil menghulurkan tangannya memberi kad nama: *"Abdul Razak, Vice Chairman Malay Society."* Sejak itu perkenalan dengan rakan-rakan Semenanjung Malaya di England terjalin. Selain akrab dengan Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman, saya juga berkawan dengan Ghazali Shafie, Wan Daud, Taib Andak, Raja Muda Idris (kemudian Sultan Perak), Tengku Mahkota Ahmad (kemudian Sultan Pahang), Mohammad Sopie, Kadir Samsudin dan lain-lain.

Tun Adam Malik, Menteri Luar Negeri (kiri) memastikan beliau sendiri menyambut Tun Razak dan Toh Puan Rahah pada permulaan cuti seminggunya di Bali. (1974)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Empat Sekawan

Setelah menandatangani Perjanjian Linggarjati pada bulan Mac 1947, saya dikirim ke London oleh bapa angkat Shahrir, Hatta untuk belajar. Kakak saya, Mimi dan Taty Suwandi menyusul setahun kemudian dalam tahun 1948.

Semasa belajar di England saya benar-benar menikmati hubungan bersama rakan-rakan dari Semenanjung Malaya. Bahkan kami menjadi Empat Sekawan, yakni, Tun Razak, Wan Daud, Taib Andak dan saya. Kami sering berkumpul dan benar-benar hidup dalam suasana kebersamaan dan persaudaraan di perantauan. Kami saling bertandang dan bergilir memasak. Masing-masing punya keistimewaan, dan saya terkenal kerana masakan gado-gado, sayur campur *sauce peanut butter* dan belacan serta ditambah sambal buatan Holland yang pedas untuk menambah selera. Tugas Tun Razak ialah memasak nasi.

Sebagai Empat Sekawan, kami jarang berpisah dan selalu bersiar-siar bersama. Saya sering berkunjung ke flat Razak, di mana Taib Andak dan Raja Muda Idris tinggal di tingkat bawah, di Court Field Garden. Oleh kerana sering dengan mereka hingga jadi bising dan ribut di kediaman tersebut, maka itu saya digelar "Ribut". Kalau datang, disambut oleh Razak "Ribut datang". Suasana menjadi ceria oleh pelbagai cerita dan jenaka lucu.

Kebiasaan di England yang menjadi tradisi Empat Sekawan selalu memeriahkan suasana setiap kali berkumpul walau di mana pun. Yang selalu menjadi sasaran ialah Tunku Abdul Rahman selaku ketua Persatuan Melayu di England. Kebiasaan ini juga diteruskan, misalnya ketika berkumpul pada hari ulang tahun Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur pada tahun 1968. Bersama Tun Razak dan Tan Sri Taib kami menghadiahkan hadiah hari jadi. Tunku memang sudah merasa curiga tetapi tetap membuka bungkusan. Setelah dibuka, Tunku bersuara kaget "Hah!" sambil meledak ketawa kerana isinya *Barrel Man* dari Filipina. Ledakan tawa tersebut menjadi perhatian hadirin. Ruang gedung meledak dengan suara riuh tawa ketika Tunku membuka *barrel*. Taib spontan bersuara: "Lagi-lagi si Ribut."

Bakat Kepimpinan

Sewaktu Sukan Olimpik 1948, kami beramai-ramai menghadiri perasmiannya. Kami juga sering menonton sukan di Arsenal Stadium dan kadang-kadang berolah raga, bermain tenis, hoki, bersama mahasiswa Semenanjung Malaya lainnya. Daripada pergaulan dengan mahasiswa Semenanjung Malaya saya berkenalan dengan rakan-rakan dari Singapura seperti "Harry Lee" Kuan Yew, Goh Keng Swee, Toh Chin Chye, Lee Kun Choy dan Maurice Baker. Razak, pada perhatian saya, sudah memiliki



sifat memimpin, beliau menjadi kapten Pasukan Hoki Malaya di London. Kesan ini juga dapat dilihat ketika beliau memimpin atau berpidato dalam rapat mahasiswa. Apabila Razak berpidato, hadirin mendengar dan mengikutinya dengan penuh perhatian, hingga disegani kawan-kawannya terutama dalam Malaya Forum. Pembawaan ini menempatkan Razak sebagai negarawan bagi bangsanya.

Tun Razak adalah keturunan hulubalang daripada pemerintahan Sultan Jalil yang berasal dari Goa, iaitu cucu Sultan Hassanudin dari Makassar yang gigih melawan Belanda. Hulubalang ini kemudian mengahwini adik tiri Sultan Jalil dan berpindah ke Pahang. Tun Razak adalah berketurunan dari hulubalang ini.

Kepahlawanan orang Bugis dari Sulawesi Selatan turut mengilhami Tun Razak untuk membangkitkan kembali identiti Melayu. Tambahan pula sasaran Tun Razak adalah untuk mendukung perjuangan kemerdekaan Indonesia bagi mewujudkan kemerdekaan Semenanjung Malaya daripada kekuasaan Inggeris. Tujuannya pasti Inggeris akan memberikan kemerdekaan kepada Malaya jika Indonesia juga mendapat pengakuan negara Barat atas kemerdekaan Indonesia.

Membantu Perjuangan Kemerdekaan Indonesia

Razak sangat dekat dengan Indonesia dan mendukung perjuangan kemerdekaan Indonesia. Dukungan ini diperlihatkan ketika Persatuan Melayu membantu mahasiswa Indonesia melakukan pertunjukan kesenian di kampus-kampus universiti England untuk mengutip dana bagi perjuangan kemerdekaan Indonesia dan memperkenalkan Indonesia kepada pihak Inggeris.

Waktu itu, Belanda melakukan sekatan terhadap Indonesia termasuk larangan pengeluaran eksport bahan-bahan mentah ke luar negeri seperti getah, kopi, teh, lada dan sebagainya. Sekatan Belanda itu menerima kritikan yang hebat dari dunia luar.

Aksi mengutip dana dengan pertunjukan seni tari dibantu mahasiswa Indonesia dari Belanda seperti Hanna Nimpuno, Oke Jelantik dan mahasiswa lainnya yang belajar di Eropah. Acara pertunjukan kesenian Indonesia yang beraneka ragam yang dibantu oleh mahasiswa Malaya menarik perhatian khalayak Inggeris. Selain tarian Bali oleh Oke, terdapat juga tari piring dari Sumatera, tari serimpi, pencak silat serta tari lengso dari Maluku. Para anggota Persatuan Melayu turut membuat pertunjukan dan ia dikunjungi tidak hanya oleh mahasiswa tetapi juga masyarakat Inggeris.

Tun Razak bermain golf dengan Pak Suharto di Jakarta. (1970)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)



Pernah terjadi peristiwa yang cukup tegang sesudah pertunjukan. Seorang wakil Parti Buruh melakukan kempennya dengan mengajak hadirin mendukung semangat perjuangan kemerdekaan Indonesia. *"Please comrades, let us donate to help the Indonesia struggle for Independence,"* ujar wakil Parti Buruh itu. Secara kebetulan Sir Richard Winstedt dan isteri beliau hadir dalam pertunjukan itu. Beliau merupakan seorang ilmuwan Inggeris yang mendalami bahasa Melayu.

Istilah *comrades* tidak dapat diterima oleh Lady Winstedt yang dengan spontan berdiri. *"Richard, let's go back, we have nothing to do with the communist,"* ujar Lady Winstedt sambil bergegas untuk keluar dewan. Melihat situasi itu, Tun Razak terus mendekati Lady Winstedt untuk menenangkan keadaan. Tun Razak pun berkata: *"Please Lady Winstead, you should not be angry at us. This is not a communist gathering. If the guest speaker from the Labour Party greet the audience with comrades it does not mean we are communist."* Tun Razak berhasil meyakinkan Lady Winstedt, dan beliau pun duduk kembali dan segera melupakan "insiden kecil" dan menikmati acara seni tari kesenian gabungan Indonesia-Malaya. Dana daripada hasil pertunjukan gabungan mahasiswa Indonesia dan

Berbincang tentang kedamaian dengan Tun Adam Malik yang periang (tengah) di Bangkok. (1966)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Persatuan Melayu sangat membantu, terutama untuk ubat-ubatan yang dikirim kepada Palang Merah Indonesia.

Melawat Eropah

Pada musim panas tahun 1949, saya, Tun Razak dan Wan Daud merancang untuk membawa mahasiswa Malaya ke Eropah supaya dapat melihat negara seperti Perancis, Belgium, Belanda dan beberapa negara Barat sambil mencari kontek untuk perjuangan kemerdekaan dan bersilaturahim. Waktu itu tidak mudah bagi pelajar-pelajar Melayu berkunjung ke Eropah kerana ada peraturan kerajaan kolonial Inggeris dengan kebijaksanaan Menteri Kewangan Sir Stamfford Cripps. Setiap warga yang keluar dari England dilarang membawa wang tunai melebihi lima pound sterling. Oleh itu, mahasiswa Semenanjung Malaya tidak berkesempatan untuk melihat negara lain di Eropah.

Setelah didobrak oleh Tun Razak dan saya, kami berangkat dengan rombongan seramai lapan orang. Yang lain menyusul kemudian dan berkumpul di Paris bersama Mimi, serta mahasiswa lainnya di sana. Selain itu, saya mengajar bagaimana cara membawa lebih daripada lima pound sterling. Mata wang pound yang kukuh nilai itu boleh ditukar di mana-mana sahaja untuk menampung perjalanan kami. Rombongan berangkat dengan kereta api, menuju ke Harwich. Dari sana dengan feri menuju Hoek van Holland. Rombongan disambut oleh mahasiswa Indonesia di Amsterdam. Mereka merasakan suasana persaudaraan ketika dijamu dengan pelbagai makanan Indonesia yang disebut Rijstafel dan aktiviti kemahasiswaan lainnya.

Perjalanan diteruskan ke Belgium untuk menghadiri Kongres Pemuda Sedunia di kota Brussel. Padahal, undangan hanya untuk tiga orang, Tun Razak, Tunku Jaafar (sekarang DYMM Tuanku Jaafar, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan), dan Wan Daud dan mereka menginap di asrama Sekolah Ecole Normal yang disediakan panitia untuk para peserta. Akan tetapi, kami lapan orang dan tidur bersesakan dalam tiga bilik. Tujuannya adalah untuk berjimat kerana tujuan utama kami ialah Paris.

Bagi Tun Razak, forum ini merupakan pengalaman baru kerana pertama kali hadir pada konferensi antarabangsa yang dihadiri wakil daripada 30 negara di dunia. Tun Razak juga mendapat kesempatan berbicara di mimbar dan mengemukakan pandangannya di hadapan peserta daripada pelbagai bangsa. Beliau menyatakan betapa pentingnya pemuda memperoleh kemudahan untuk mengembangkan kreativiti berproduksi bagi memajukan masa depan bangsanya. Dengan demikian pemuda tidak terjerumus menjadi boneka kolonialis.



Ketika kongres berakhir, hostel tempat kami tinggal pada hari itu juga ditutup, kerana itu kami terus berangkat ke Antwerpen. Keesokan hari menuju Paris dan tinggal di Hotel Fortain Blue yang murah sewanya di daerah Latin Quarter berdekatan kampus University City dan University Sorbonne. Kami tidak mempunyai banyak wang dan harus berhemat, dan apabila makan, hanya di kantin mahasiswa atau di kedai-kedai makan yang sederhana.

Kenakalan di Paris

Suatu malam, saya bersama Tengku Eddy (gelaran untuk Tengku Ahmad) berjalan bersama dua mahasiswi Perancis yang membawa kami menikmati kehidupan malam kota Paris yang sangat romantis. Kami menikmati pertunjukan erotik penari-penari Perancis di Kelab Malam Follies Berger yang terkenal. Setelah menonton, kami berpisah dengan kedua-dua mahasiswi itu, dan masuk ke Kelab Malam Naturist. Di situ kami berkenalan dengan dua orang penari dan mengajak mereka ke restoran untuk makan lewat malam. Sebelumnya, kami berdua menghitung jumlah wang yang kami bawa. Saya punya lima pound, dan Tengku Ahmad lima pound. Menurut perhitungan, paling-paling belanja makan mungkin lebih kurang enam pound. Ternyata kedua-dua penari itu memesan wain, dan makanan ditambah pula dengan

Gabenor Sulawesi Selatan menghadiahkan kapal layar Putera Makasar sebagai tanda penghargaan kepada Tun Razak di Pelabuhan Kelang. (1975)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

pencuci mulut. Saya mulai curiga dan mendatangi pelayan menanyakan berapa kami harus bayar. Benar juga, ternyata bil kami 11 pound. Setelah itu, saya berbisik pada Tengku Eddy: "Tengku, wang kurang. Yang mahal ialah wain yang diborong kedua-dua penari itu." Alhasil, Tengku Eddy harus tinggal di restoran, sementara saya pulang mencari bantuan. Setiba di hotel, saya bangunkan Tun Razak jam 3.00 pagi. Ketika bangun, beliau marah-marah kerana tidak diajak. *"Can I borrow five pound from you, please,"* sambil memberitahu yang Tengku Eddy menjadi "tawanan" di restoran. *"I don't care,"* balas Tun Razak. "Sudah keluar diam-diam tak ajak. Sekarang waktu susah, saya yang harus tanggung," rungut Razak lagi.

"Kasihanilah Tengku Eddy, kerana kalau tidak, dia pasti masuk dapur dan cuci pinggan," ujar saya.

"Biar saja, saya suruh balik ke London besok," balas Tun Razak. "Jangan begitulah," kata saya terus merayu, *"Otherwise we will spend one night in jail."*

Akhirnya wang lima pound keluar juga dari dompet Razak. Beliau memberi ingatan: *"Remember Ribut, you owe me five pound."*

Ketika kembali ke restoran, Tengku Eddy ternyata memesan kopi kerana menunggu lama. Bil pun bertambah mahal.

Kejadian tersebut menjadi bualan dalam rombongan, tambahan pula kami berdua adalah yang termuda dalam rombongan. Tetapi petang itu juga Tengku Eddy dihantar oleh Raja Muda Idris kembali ke London. Sedih juga ketika harus melepaskan mereka, kerana biasanya Raja Muda Idris menjadi sandaran kewangan kami.

Selama perjalanan di daratan Eropah banyak pengalaman suka dan duka. Yang menggembirakan kami ialah rasa kebersamaan. Mimi dan teman-teman lainnya menyusul dan rombongan bertambah besar di Perancis. Yang dukanya ialah pengalaman ketika kembali ke England dari Belanda melalui Belgium.

Rancangan kami di Belanda adalah untuk menemui Bapak Mohammad Hatta, Perdana Menteri Indonesia yang terkenal di kalangan rakyat Semenanjung Malaya. Ternyata ketika pasport diperiksa pegawai imigresen Belgium di perbatasan Perancis-Belgium, rombongan kami tidak dibenarkan masuk ke Belgium, kerana visa untuk masuk Belgium sudah dipakai sebelumnya. Sedangkan status pasport mahasiswa Semenanjung Malaya adalah di bawah naungan British (*British Protectorate*), dan bukan warga negara British. Untuk itu diperlukan visa transit. Tun Razak marah dan mengatakan mereka hanya transit dan tak turun ke Belgium. Akan tetapi penjelasan Tun Razak tidak diterima dan mereka harus turun dari kereta api. Sekalipun

kami tidak terlibat, tetapi demi rasa setiakawan, kami turun bersama di perbatasan.

Keadaan cukup sengsara ketika menuju pelabuhan di Calais, Perancis, untuk menaiki feri kerana kewangan tambah tipis. Yang terkaya antara kami hanya Wan Daud yang mempunyai lima pound. Akan tetapi wang Wan Daud menjadi milik bersama untuk membayar tiket feri dan kami belayar kembali ke England dan mendarat di bandar Dover.

Razak sering berkelakar: *"Des, you still owe me five pound."* Saya telah membayar balik pada tahun 1974 di Bali. Ketika itu beliau memerlukan Rp.300.000, untuk membeli kain Bali. Sambil menyerahkan jumlah wang yang diminta, saya pun berkata puas: "Sekarang sudah langsai lima pound yang dulu saya hutang Tun," dan Tun Razak menjawab, *"Plus 30 years of interest,"* sambil meledak ketawa bersama isterinya, Rahah.

Bertemu Mohammad Hatta

Pada bulan Ogos 1949, saya bersama Razak berangkat ke Belanda sekali lagi, dan di Amsterdam, kami menginap di asrama penuntut. Beliau ingin ikut menemui Wakil Presiden dan Perdana Menteri Mohammad Hatta yang akan menghadiri perundingan Meja Bulat The Hague.

Razak senang kerana dapat bertemu langsung dengan Bung Hatta pada bulan Ogos. Razak menjelaskan perkembangan politik nasionalisme di Semenanjung Malaya melalui kegiatan Parti UMNO yang ditubuhkan oleh Dato' Onn. Bung Hatta tertarik mendengar penuturan Razak hingga suasana bagai abang dengan adik.

Hatta kemudian mengungkapkan bahawa banyak pemuda Semenanjung Tanah Melayu berada di Sumatera, terutama dari Johor dan Pahang giat membantu perjuangan revolusi kemerdekaan Indonesia. Di antara mereka terdapat Agan bin Abu Sammah. Bung Hatta juga menceritakan pada Tun Razak masa dia merantau dan belajar di Eropah pada 1920-an. Beliau juga menghuraikan tentang kebangkitan nasionalisme dilakukan oleh pelajar dan mahasiswa Indonesia di Eropah. Sebagai abang, Bung Hatta menganjurkan agar para mahasiswa semenanjung yang belajar di England jangan hanya mendalami ilmu-ilmu sosial tetapi juga mendalami ilmu kedoktoran, ilmu abstrak dan pengetahuan sains dan teknologi sebagai persiapan prospek Asia Tenggara pada masa akan datang.

Pertemuan dengan Hatta sangat berkesan bagi Tun Razak. Setelah pertemuan, Razak kembali ke London sendirian kerana saya sibuk melayani rombongan selama berada di Belanda. Ketika itu saya menjadi ADC, kepada ketua komisi militeri

Republik Indonesia Dr. J. Leimena, dan anggota lainnya terdiri dari Kolonel T.B. Simatupang, Let-Kol Daan Yahya, Mayor M.T. Haryono dan Kolonel (AL) Subiakto. Mereka berada di sana kerana menghadiri Persidangan Meja Bulat di The Hague.

Sekembali dari Belanda pada awal bulan Disember 1949, Tun Razak mengajak saya tinggal di kamar Taib Andak yang sudah tamat pengajian dan pulang ke Malaya. Tun Razak kembali ke Pahang ketika mendapat kawat bahawa ayahanda beliau sakit tenat. Razak kembali semula ke London bulan Januari mengambil barang-barangnya. Sementara di London, beliau mendapat berita ayahanda beliau meninggal. Walau baru kenal tiga tahun, tetapi rasa persaudaraan terhadap Tun Razak sangat melekat. Hal ini juga dirasakan Mimi. Kami sedih mendengar berita duka ayahanda Tun Razak sudah tiada.

Tun Razak kembali ke Malaya pada tahun 1950. Sebelum berpisah, Razak menceritakan keadaan keluarganya. Daripada ibu kandung, beliau hanya dua bersaudara bersama kakak perempuan. Ayahnya meninggalkan banyak adik-adik daripada lain ibu. Begitu dekat persahabatan kami, hingga Tun Razak sering menceritakan isi hati pada saya mengenai kehidupan peribadi dan keluarganya. Ketika kakaknya meninggal pada 1971, dengan hiba beliau berkata, "Des, saya sekarang benar-benar *lonely* setelah kehilangan kakak." Kakak saya, Mimi (yang juga sudah tiada) sempat menjenguk Razak dalam perjalanan pulang ke Indonesia pada tahun 1951 di Johor.

Awal Konfrontasi

Pada akhir bulan Disember 1949, para mahasiswa Semenanjung ikut gembira mendengar penyerahan kedaulatan kerajaan Belanda oleh Ratu Juliana kepada Indonesia yang diwakili Perdana Menteri Mohammad Hatta. Tetapi mereka kecewa, kerana Subandrio hanya mengirim lima undangan untuk upacara pengakuan kedaulatan Republik Indonesia ke perwakilan di London. Padahal mereka banyak membantu dalam mengumpulkan dana. Ini adalah disebabkan Persatuan Melayu (*Malay Society*) sebelum ini melakukan diskusi dan mengundang Dr. Darma Setiawan membahas konferensi Kesatuan Melayu Great Britain (KMB). Subandrio tersinggung, apalagi terpengaruh dengan gosip yang Dr. Darma Setiawan akan menjadi Duta Besar Republik Indonesia ke United Kingdom.

Dapat saya bayangkan betapa marahnya Tun Razak di London. Dendam Subandrio menjadi titik awal konfrontasi sesama rumpun Melayu di Asia Tenggara yang akan saya paparkan kemudian.

Pada tahun 1952 saya menjadi diplomat di Deplu (Departmen Luar Negeri), dan bertugas sebagai Atace Penerangan di

Switzerland. Kemudian Hungary dan Austria. Selepas itu saya dipindahkan ke Manila pada tahun 1957. Suhu politik di Indonesia pada tahun 1957 meninggi ketika Mohammad Hatta menarik diri dari pemerintahan kerana Soekarno mengabaikan pembangunan ekonomi. Sedangkan nasionalisasi semua perusahaan Belanda di Indonesia masih tidak dapat memperbaiki ekonomi.

Ketika Soekarno demam kuasa, beliau telah menyingkirkan semua lawan politiknya termasuk ayah angkat kami, Sutan Shahrir. Partai Sosialis Indonesia (PSI) dan Masyumi dibubarkan. Surat-surat khabar *Indonesia Raya*, *Pedoman*, *Keng Po* dan lain-lain ditutup kerana menentang politik pemerintah Soekarno.

Pada tahun 1957, saya bercuti ke Jakarta dan menemui Setiausaha Agung Deplu, Suwito Kusumowidagdo untuk melapor akan berkunjung ke Kuala Lumpur menghadiri undangan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Suwito marah kerana saya ke Jakarta tanpa izin dan memerintahkan saya kembali ke pos.

Saya berusaha menemui Subandrio agar menolong saya ke Kuala Lumpur. Tetapi Subandrio tidak mahu menemui saya. Subandrio juga marah kepada pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu (waktu itu) kerana berkecuali dalam



sengketa Irian Barat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pemerintahan Tunku Abdul Rahman ketika itu sama sekali tidak mengetahui permasalahan tersebut kerana masalah komunikasi dengan Jakarta hingga mengambil sikap berkecuali. Jakarta tidak pula cuba mendekati Kuala Lumpur untuk menjelaskan kedudukan itu. Malah mereka melontarkan ejekan kepada Malaya sebagai "Boneka Inggeris".

Laungan Perang Soekarno

Keadaan mungkin berlainan sekiranya Jakarta menempatkan saya di Kuala Lumpur. Saya pernah menawarkan diri pada 1956. Sebelumnya, Abdullah Kamil pernah mengusul agar tempatnya diganti oleh saya, dan jika boleh beliau menempati pos saya di Manila. Sebenarnya, usul Abdullah Kamil sudah dipersetujui Subandrio. Ternyata Subandrio berubah fikiran. Keadaan bertambah buruk ketika Soekarno mengirim bangsa Indonesia memusuhi Semenanjung dengan aksi "ganyang Malaysia" pada awal tahun 1960-an.

Padahal, masyarakat Semenanjung Tanah Melayu mengagumi Hatta, Soekarno dan Shahrir dan menempatkan mereka sebagai pemimpin-pemimpin Melayu. Foto mereka menghiasi dinding rumah penduduk Melayu di Semenanjung. Mereka hairan, mengapa Soekarno memusuhi Malaysia yang serumpun. Jauh sebelumnya, sudah ada hubungan antara Soekarno-Hatta dengan pemimpin-pemimpin Melayu. Misalnya pertemuan mereka dengan Dr. Burhanuddin dan tokoh-tokoh Melayu di Taiping dalam perjalanan menuju Saigon untuk menemui Panglima Tentera Jepun di Asia Tenggara, Marsyal Hisaichi Terauchi pada awal bulan Ogos 1945. Pertemuan Soekarno-Hatta dengan Terauchi untuk membicarakan mengenai persiapan kemerdekaan Indonesia. Pada pertemuan di Taiping awal Ogos 1945, mereka mengusul kemerdekaan Semenanjung, termasuk Sarawak dan Borneo Utara diikutsertakan menjadi Kesatuan Melayu Raya bersama Indonesia.

Pertemuan lanjut berlangsung setelah Soekarno-Hatta kembali dari Saigon dengan tokoh-tokoh Melayu seperti Dr. Burhanuddin, Onan Haji Siraj dan Ibrahim Yaakob. Pertemuan di Taiping membahas mengenai persiapan integrasi Melayu Raya didukung oleh KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung). Tetapi keadaan berubah ketika Jepun menyerah tanpa syarat kepada Tentera Bersekutu pada 15 Ogos 1945.

United Kingdom merupakan tempat latihan bakal para pemimpin negara Malaya, Singapura dan Indonesia. Abdul Razak (kiri) berdiri di sebelah rakan karibnya Des Alwi (kedua dari kanan).(1949)

(Ihsan daripada Datin Kalsom Taib)

Sahabat Dalam Kesusahan

Saya merasakan dampak penahanan Sutan Shahrir oleh rejim Soekarno. Saya dimarahi Suwito kerana membawa Ninoy

Aquino, (suami mantan Presiden Ny. Curazon Aquino) seorang wartawan *The Manila Times* bersama tiga wartawan Filipina mengunjungi Manado menjelang pergolakan Permesta di Sulawesi Utara.

Saya ke Jakarta untuk mundur, kerana Deplu membiarkan diri saya diserang media-media komunis. Saya dituduh tidak setia kepada bangsa Indonesia oleh surat khabar *Warta Bakti*, *Bintang Timur*, dan *Harian Rakyat*. Peribadi saya diserang. Saya kembali ke Manila untuk menjemput keluarga saya. Tiba di Manila ternyata isteri saya, Anne dan anak-anak sudah ke Jakarta. Mereka kembali setelah mendengar khabar saya sudah keluar. Untuk kembali ke Jakarta sudah tentu tidak mungkin kerana saya pasti ditangkap. Saya menuju ke Kuala Lumpur dan menumpang sementara di rumah Tun Abdul Razak di Federal Hill (Bukit Persekutuan). Razak menugaskan Duta Besar Persekutuan Tanah Melayu di Jakarta membantu keluarga saya memperoleh visa.

Sementara itu, Anne dan dua orang anak mendapat pasport berkat bantuan teman-teman imigresen yang bersimpati dengan saya. Dengan alasan mengambil perabot di Manila, mereka menuju ke Singapura. Setelah berkumpul, kami sekeluarga berangkat ke Eropah, kemudian bermukim di Hong Kong.

Pada awal tahun 1961 saya mengirim kad ucapan Selamat Aidilfitri kepada Tun Razak. Kerana tidak ada kad lebaran, saya



menggunakan kad Selamat Tahun Baru Cina (*Kong Hey Fat Choy*). Kad berhuruf Mandarin itu hanya satu-satunya di antara ratusan kartu tahniah. Tun Razak tertarik dan mengambilnya. Ketika mengetahui "Ribut" bersama keluarga di Hong Kong, beliau bimbang mengenai diri saya dan saya menghargai rasa setia kawan yang beliau tunjukkan.

Beliau mendengar bahawa rejim Soekarno melakukan abolisi terhadap pelaku PRRI-Permesta dan harus kembali dari luar negeri dan saya pasti akan ditangkap. Tun Razak menugaskan Taib Andak bersama doktor peribadi, Dr. McPherson mencari saya sewaktu mereka ke Hong Kong, dan bersama keluarga kami dibawa ke Malaysia. Empati dan sifat mengambil berat Tun Razak benar-benar membuatkan saya sekeluarga rasa seperti bersama keluarga sendiri.

Tun Razak dan Indonesia

Politik konfrontasi yang dilakukan Soekarno menentang Malaysia menyebabkan keamanan Asia Tenggara dilanda konflik. Sutan Shahrir dan pemimpin-pemimpin antikomunis dipenjarakan pada tahun 1961.

Pembentukan Malaysia dengan menggabungkan Borneo Utara tidak disenangi Soekarno. Beliau menuduh ia sebagai peluasan pengaruh "The British Neokolonials". Ramai ketu-runan bekas kesultanan ditindas semasa kempen antirejim orde lama Soekarno. Contohnya, keturunan bekas Kesultanan Bulungan, di utara Kalimantan Timur. Mereka dituduh menjalin hubungan dengan Malaysia. Akibatnya, semua keturunan ke-sultanan tersebut dipenjara atau dibunuh pada tahun 1963. Istana Kesultanan di Bulungan dan Kutai dibakar hangus. Semua keturunan Sultan Bulungan dilenyapkan.

Sikap radikal Soekarno mempengaruhi kestabilan keamanan di Asia Tenggara dan dimanfaatkan PKI untuk melakukan *coup d'etat* pada 30 September 1965. Akan tetapi kemudiannya di-hancurkan oleh Mejar Jeneral Soeharto, ketika itu Panglima Kostrad yang didukung kesatuan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI). Sejak itu situasi keamanan di Asia Tenggara mulai pulih dan konfrontasi Indonesia-Malaysia berakhir.

Setelah Konfrontasi Berakhir

Des Alwi (kiri) tidak pernah terlepas menghadiri majlis sambutan hari jadi Tun Razak. Tan Sri Taib Andak berdiri di tengah-tengah.

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

Apa yang menarik bagi Tun Razak ketika peralihan kepemim-pinan dari Presiden Soekarno kepada Jeneral Soeharto ialah pengeluaran surat perintah 11 Mac pada tahun 1966. Bagi Tun Razak merupakan hadiah hari jadi kerana bertepatan dengan hari jadi beliau yang ke-44. "Sungguh merupakan tuah ter-sendiri," ujar Tun Razak kepada saya waktu itu.

Perhatian Tun Razak terhadap Indonesia memang tinggi dan dilandasi rasa kebersamaan rumpun Melayu. Ia mengagumi perwira-perwira muda Indonesia. Misalnya Leftenan Kolonel Benny Moerdhani ketika itu merupakan Kuasa Usaha Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur setelah konfrontasi berakhir.Tun Razak bangga ketika mendapati pesawat Hercules Angkatan Udara Indonesia yang membawa rombongan persahabatan Indonesia pada 1966 dikemudikan juruterbang "Melayu-Indonesia". Beliau bertekad menempatkan juruterbang Malaysia dalam semua penerbangan Malaysia di seluruh dunia.

Pernah saya bersama Ali Moertopo dan Benny Moerdhani berbincang akrab dengan Tun Razak dan Tan Sri Ghazali. Tun Razak mengeluarkan idea membentuk satu kerjasama antara Malaysia dan Indonesia untuk maju bersama. "Rasanya tidak baik kalau kami sebagai dua negeri serumpun maju sendiri," kata beliau. Kerjasama itu akan mempertemukan Indonesia-Malaysia untuk membangun Asia Tenggara.

"Bagaimana dengan Singapura?" Ali bertanya.

"Boleh juga, dan masukkan Thailand, Filipina untuk kesatuan Asia Tenggara," jawab Tun Razak. "Pokoknya jangan serupa Maphilindo laaah ..." sampuk Tun Razak lagi. Tawa pun meledak mengingatkan Maphilindo adalah idea Soekarno.

Saranan Tun Razak mengenai hubungan dengan Indonesia menimbulkan idea hingga lahir ASEAN pada bulan Ogos 1967 di Bangkok sebagai sebuah organisasi serantau di Asia Timur.



Warisan Bugis

Tun Razak akrab dengan Indonesia, dan dekat dengan Presiden Soeharto. Ada cerita menarik ketika Tun Razak ke Jakarta menemui Pak Soeharto berkenaan dengan jawatannya sebagai Perdana Menteri menggantikan Tunku Abdul Rahman. Pesawat yang membawa rombongan sudah siap mendarat di Lapangan Terbang Kemayoran. Ternyata acara kunjungan kenegaraan terawal satu jam. Rupanya beza waktu Kuala Lumpur dengan Jakarta satu jam, dan baru disedari ketika akan mendarat. Sedangkan lapangan terbang belum siap dan tuan rumah yang menyambut belum datang. Alhasil, pesawat dialihkan dan mendarat di Pangkalan Udara Halim Perdana Kusumah, dan Razak bersama rombongan menunggu sampai waktu upacara tiba.

Ketika tiba di Palembang saya membawa Tun Razak dan isteri, Rahah, berbelanja dan masuk pasar sangat informal. Orang di pasar bingung, kerana Tun Razak tidak dikawal sedangkan beliau menaiki mobil tamu negara.

Sesuatu yang menarik juga telah berlaku ketika berada di pantai Kuta, Bali pada bulan November tahun 1974. Ketika itu, Tun Razak menunggang motor dan Toh Puan Rahah membonceng. Tiba-tiba beliau dihentikan oleh polis. Saya bersama para pengawal berlari tergopoh-gapah kerana khuatir Tun Razak akan ditahan kerana tidak ada lesen memandu. Polis yang menghentikan motor, masih sempat berkata: "Rasanya muka Bapak sering saya lihat. Tetapi di mana ya?" sambil menggaru kepala. Polis tersebut baru sedar apabila kami menjelaskan siapa pengemudi itu. Polis pada masa itu sedang bertugas kerana ada latihan SAR (*Search And Rescue*) berdekatan Lapangan Terbang Nugrah Rai.

Tun Razak juga pernah mengunjungi tempat asal usul beliau di Sulawesi Selatan pada tahun 1972. Ketika itu perjalanan dilakukan melalui laut dari Tawau menuju Makassar (kini Ujung Padang) yang mengambil masa tiga hari.

Kapal perang Hang Tuah yang membawa rombongan kawal dua korvet dari Tentera Laut Diraja Malaysia belayar ke Makassar dan Tun Razak diterima dengan adat kebesaran masyarakat Bugis. Tun Razak sangat tertarik kerana upacara adat menempatkan kapal-kapal pinisi berjejer rapat hingga Tun Razak dengan mudah berjalan dari satu pinisi ke pinisi lain.

Abdul Razak bersiar-siar menikmati udara segar bersama Rahah ketika bercuti di Pulau Bali, Indonesia. (1974)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Kapal-kapal pinisi dari kayu merupakan kebanggaan masyarakat Sulawesi Selatan. Pada masa silam, kapal-kapal pinisi berperanan penting sebagai armada niaga bagi kesultanan Hassanudin. Pinisi tidak hanya mengharungi gugusan Nusantara, tetapi juga sekitar Asia Tenggara. Makassar dikenali melalui

pinisi oleh pelbagai kerajaan Asia Tenggara, termasuk Indo-China, Thailand dan Semenanjung Tanah Melayu. Bahkan kapal-kapal pinisi turut digunakan untuk perdagangan di Selat Melaka. Dengan pinisilah moyang Tun Razak bermukim ke Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-18, dan sebagai keturunan Sultan Jalil dari Goa, beliau kembali ke leluhur dua abad kemudiannya.

Persahabatan yang Tidak Luntur

Hubungan akrab saya dengan Tun Razak pernah disoal di Parlimen Malaysia awal tahun 1970-an, terutama oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Bahkan saya dituduh sebagai *Foreign Spy*. Mereka mungkin kurang mengetahui yang saya sudah menjadi teman Tun Razak semenjak 1947.

Dalam sidang Parlimen, Wan Abu Bakar dari PAS mempersoalkan hubungan Tun Razak dengan saya. Mulanya Tun Razak menjawab singkat: "Des Alwi ialah *businessman*." Beliau tidak ingin menghuraikan lebih panjang, *"It will take me 1001 days to explain about you, Des?"* kenang Tun Razak kemudian hingga hanya menjawab singkat. Akan tetapi Tan Sri Khir Johari dari UMNO berkata, "Kalau saya yang ditanyakan di Parlimen tentang Des Alwi – *I would have told the honourary members of parliement that Des Alwi is one of the architects of the ending of confrontation*."

Dengan adanya desakan ini, Tun Razak kemudian menghuraikan peranan saya. Selain sebagai penghubung antara Kuala Lumpur dengan Jakarta, Razak mengungkapkan mengenai peranan penting yang saya lakukan ketika mengakhiri konfrontasi Indonesia-Malaysia. Waktu konfrontasi, perbelanjaan besar dikeluarkan pihak kerajaan membiayai pasukan tentera Inggeris yang bertugas untuk mempertahankan Malaysia dari ancaman luar.

Tun Razak menerangkan saya banyak membantu menjalin hubungan dengan pemerintahan Indonesia. Saya dikatakan berperanan membantu pembangunan Malaysia, dengan membantu mendatangkan guru-guru matematik dari Indonesia untuk sekolah-sekolah luar bandar di Malaysia. Hal ini banyak manfaat bagi kepentingan memajukan Malaysia. Misalnya bersama Prof. Soemitro Djoyohadikusumo, menyusun konsep pengembangan MARA.

Pada November tahun 1974, saya mendampingi Tun Razak yang melakukan pertemuan penting dengan Presiden Soeharto di Bali. Di The Pertamina Cottage di Kuta, saya tidak diberikan kamar dengan alasan bukan anggota rombongan Tun Razak. Saya terpaksa tinggal di hotel lain.

Kepada Duta Besar Malaysia di Indonesia, Tun Razak bertanya, *"Where is Des, why is he not with us, find out!"* Tidak

lama kemudian Zainal Sulong kembali dan memberi penjelasan kepada Tun Razak: *"According to the committee, Des is not in the guest list."* Tun Razak geram dan mengatakan*: "Make sure he gets a room here."*

Keesokan hari, Tun Abdul Razak memberitahu kepada Jeneral Benny Moerdhani mengenai coretan nama saya oleh Yudo Sumbono dari Pertamina yang kurang mengetahui hubungan saya dengan Perdana Menteri Malaysia. Sewaktu bermain golf dengan Benny akhirnya persoalan ini menjadi bahan ketawa kerana Tun Razak menyatakan mungkin Pertamina sangka Des tak bayar hotel. Des mahu hutang dulu. Pembawaan untuk bersatu dan rasa setia kawan dari Tun Abdul Razak tetap konsisten dan tetap dibawanya.

Sejak awal tahun 1970-an, saya sudah mulai giat dengan pelbagai usaha di Indonesia. Antara lain bergerak di dunia perfileman. Beberapa filem komersial telah saya produksi seperti *Cucu*, *Gabernur Sehari*, *Tanah Gersang* dan lain-lain. Tun Razak ternyata juga turut memperhatikan dan mendukung kegiatan yang saya lakukan. Beliau menonton *preview* filem *Cucu*, hasil kerjasama dengan bintang-bintang Malaysia.

Selepas itu saya memproduksi filem-filem dokumentari dan kemudian filem-filem perjuangan kemerdekaan, seperti *Riwayat Hidup Bung Hatta*, *Perjuangan 11 Mac* dan lain-lain dan mendapat perhatian pemerintah Indonesia. Saya sempat dikenal sebagai pemburu filem-filem dokumentari perjuangan kemerdekaan Republik Indonesia, yang saya cari sendiri dan kumpulkan dari pelbagai dokumentasi filem di seluruh dunia.

Sekarang saya jarang berada di Jakarta dan lebih sering di Kepulauan Banda dan berkonsentrasi membangun daerah leluhur tempat asal saya. Lagi pula, pemerintah mengarahkan saya untuk membangun daerah. Sebahagian besar daripada modal saya, dikonsentrasikan membangun Kepulauan Banda yang kaya dengan peninggalan sejarah seperti tempat pembuangan perintis kemerdekaan Indonesia dan kolonial Eropah masa lalu.

Saya juga mempromosikan keindahan alam dan kehidupan laut Kepulauan Banda ke seluruh dunia. Saya telah membangunkan dua hotel yang bagus di Banda. Sebagai hasilnya, Banda mulai berkembang terutama dalam sektor pelancongan dan mulai dikenali oleh para pelancong di seluruh dunia, terutama bagi mereka yang gemar menyelam dan menikmati keindahan taman-taman laut. Kesemuanya ini turut memberi hasil bagi penduduk setempat memperbaiki kehidupan sosio-ekonomi.

Masa Terakhir dengan Tun Razak

Sejak awal tahun 1973 kegiatan usaha mengembangkan perniagaan saya adalah tertumpu di Indonesia. Kesibukan itu menyebabkan saya agak jarang bersama Tun Razak. Beliau pernah bertanya pada saya kenapa saya tidak hadir pada hari ulang tahun beliau pada tahun 1975. Saya pun menjawab hairan, *"Usually I always get an invitation but not this year, and I don't know why."* Pernah dalam tahun 1975 saya bertemu Tun Razak pada acara tinju antara Mohammad Ali melawan Joe Bugner dari England di Kuala Lumpur.

Tun Razak sempat mengganggu saya: *"Des, you are in a Thousand Dollar seat sudah kayakah?"*

"Tak adalah, *actually I bought a 50 dollar ticket,"* jawab saya.

"Very smart," jawab beliau sambil tersenyum

Senyuman dan suara Tun Razak waktu itu terkesan kering dan tidak ceria tidak seperti biasanya bila kami bertemu. Saya dapat mengesan keadaan fizikal Tun Razak yang tidak sihat dan dapat melihat bagaimana beliau menahan sakit bila berbicara atau berjalan. Daripada Dr. McPherson saya pernah dengar Tun Razak menghidap penyakit kurang darah. Dr. McPherson tidak pernah mengatakan bahawa ia adalah leukemia.

Tun Razak sendiri tidak pernah menyatakan penyakit yang diderita beliau sejak sekian lama, dan saya pula tidak mahu bertanya. Yang tahu mengenai penyakit Tun Razak hanyalah doktor peribadi beliau, Dr. McPherson yang juga mengetahui tentang penyakit lemah jantung yang diderita Tun Dr. Ismail. Namun beliau tetap merahsiakan, agar tidak menimbulkan rasa negatif di kalangan ahli politik yang mudah dihinggapi rasa iri hati yang mungkin dapat menimbulkan suasana tegang dunia politik Malaysia.

Saya sering memperhatikan bila Tun Razak bertemu dengan Tun Dr. Ismail, mereka saling berbisik. Mulanya saya fikir kedua-duanya sedang terlibat berbicara isu politik atau isu nasional. Rupa-rupanya, masing-masing membicarakan mengenai sisa hidup mereka, kerana kedua-duanya sedar bahawa penyakit mereka tidak dapat sembuh lagi dan hanya tunggu waktu saja. Perkara ini baru saya sedari setelah kedua-duanya sudah tiada. Disebabkan itulah Tun Razak ataupun Tun Dr. Ismail kurang mempersiapkan anak didik yang akan memimpin Malaysia pada masa akan datang.

Ketika bertemu di Brastagi, pada muka Tun Razak kelihatan bintik-bintik putih kehitam-hitaman yang tidak pernah saya lihat sebelumnya. Setelah pertemuan enam mata antara Indonesia, Malaysia dan Thailand, Tun Razak tidak ikut Presiden Soeharto yang bersama Perdana Menteri Kukrit Pramoj dari Thailand meninjau kebun sayur dan buah-buahan di sekitar Brastagi, kota

yang sejuk di Sumatera Utara. Tun Razak ingin beristirahat agar dapat bermain golf pada petangnya.

Tun Razak juga akrab dengan Presiden Soeharto dan mereka gemar bermain golf dalam setiap pertemuan. Acara golf selalu tersenarai dalam pertemuan mereka.

Pada sebelah petangnya, Tun Razak bermain golf dengan Presiden Soeharto di Brastagi pada bulan November 1975 sebanyak sembilan lubang. Ketika itu Benny Moerdhani juga hadir, padahal beliau terlambat ketika akan mengikuti Pak Harto ke Jakarta hingga menggunakan pesawat khusus Angkatan Udara Republik Indonesia (AURI). Waktu itu Tun Razak berjalan perlahan tertatih-tatih. Presiden Soeharto ternyata juga memerhatikan dan berasa hiba. Pada lubang keenam, Presiden Soeharto panggil saya dan berbisik: "Des, tolong tanyakan pada Tun Razak, apa masih bisa melanjutkan, jika tidak, kita cukup bermain sampai di sini saja. Jangan dipaksakan, barangkali Tun ingin istirahat."

Saya pun mendekati Tun dan menanyakan: *"Tun, are you alright? Pak Harto said we can stop here and rest for a while if you want to."*

Akan tetapi Tun menjawab, *"No, no. I'm alright, let's continue."*

Untuk menenangkan kekhuatiran Presiden Soeharto, Tun Razak berkata bahawa bulan depan beliau akan ke London untuk pemeriksaan perubatan. Ketika itu saya benar-benar mengkhuatiri keadaan kesihatan Tun Razak.

Sama sekali tidak diduga permainan golf antara Tun Razak dengan Presiden Soeharto di Brastagi merupakan pertemuan terakhir kami. Juga merupakan lawatan terakhir bagi Tun Razak ke Indonesia. Tidak lama setelah kembali dari Brastagi, beliau langsung berubat ke England.

Pagi 16 Januari 1976, saya sedang dalam perjalanan dengan mobil menuju studio saya di daerah Cempaka Putih. Seperti biasanya saya mendengar warta berita pagi melalui radio. Secara spontan saya tersentak ketika pada sari berita penting, penyiar memberitakan bahawa Tun Razak telah meninggal dunia di London setelah menghidap sakit cukup lama. Saya langsung menghentikan mobil ke pinggir jalan di Jakarta By-pass. Kemudian mengikuti siaran berita, dan penyiar membacakan berita itu secara lengkap menjelaskan bahawa Tun Razak sudah tiada. Saya kaget mendengar berita duka hingga jantung langsung berdetak keras. Lama saya terdiam menenangkan diri, tidak dapat membendung air mata. Semua kegiatan saya hentikan hari itu dan perhatian sepenuhnya tertuju pada sahabat saya, Tun Abdul Razak yang sudah tiada.

Sore hari saya bersama Harry Kawilarang, wartawan *Sinar Harapan*, terbang ke Kuala Lumpur. Harry juga mengenal Tun Razak, dan pernah bertugas sebagai wartawan *Utusan Malaysia* tahun 1968-1971. Dari Lapangan Terbang Subang, kami langsung menuju Sri Taman di mana teman-teman lain sudah menunggu. Jenazah Tun Razak tiba pada malam hari bersama Toh Puan Rahah. Yang hadir tidak berdaya membendung air mata ketika jenazah Allahyarham memasuki gedung dan disemayamkan di ruang tengah. Yang hadir masih bisa melihat wajah Tun Razak yang dilapisi kaca pada peti jenazah. Mulanya, sangat sukar bagi saya untuk menerima kenyataan bahawa Tun Abdul Razak telah pergi untuk selamanya. Apa yang saya peroleh dari Tun Abdul Razak, bukan hanya sebagai sahabat abadi, tetapi idealisme mendalam yang mewujudkan rasa kebersamaan dan solidariti bagi kelanjutan rumpun Melayu kini dan seterusnya.

Perhatian! Orang Sedang Bekerja

Oleh Dato' K. Pathmanaban


BAGI mereka yang pernah bekerja bersama Tun Razak, beliau dianggap seorang ketua serta pembimbing. Bagi mereka yang kurang cekap atau pernah melintasi kehidupan Tun Razak, beliau ialah seorang yang mampu membaca karakter seseorang, gagah, dan akan menghukum tanpa ragu-ragu.

Ketua Komander dalam Perkhidmatan Awam

Daripada keempat-empat Perdana Menteri Malaysia yang sedia ada, Tun Razaklah yang paling mengenali dan memahami perkhidmatan awam. Beliau mengenali hampir kesemua mereka yang berpangkat tinggi dalam perkhidmatan awam. Beliau mempelajari segala kelebihan dan kelemahan mereka. Bagi mereka yang tidak mampu menjalankan tugas pengurusan dan pembangunan, beliau akan hadir tanpa diberitahu di daerah atau kementerian mereka, meminta maklumat urusan secara ringkas, gaya pentadbiran askar, dengan rajah dan carta perkembangan, dan alasan berhubung penundaan dan kurangnya aktiviti.

Memang jelas, pengalaman beliau sebagai kakitangan kerajaan di Pahang dan kemudiannya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, telah memberi beliau pemahaman yang mendalam berkaitan masalah pengurusan. Beliau juga sangat bersimpati dengan masalah kemiskinan dan kekurangan peluang bagi golongan yang kurang bernasib baik untuk menjalani kehidupan yang selesa. Kemerdekaan dan peranan Tun Razak sendiri sebagai timbalan kepada Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman—dengan pengalaman luas untuk berfungsi dalam kerajaan—memberi beliau peluang yang unik untuk berkhidmat kepada masyarakat dan membangunkan negara.

Beliau ialah seorang insan yang berpandangan jauh dan menyumbang tenaga tanpa mengenal erti penat. Beliau menangani urusan negeri di pejabat, tetapi sentiasa mengambil masa untuk turun padang—beliau sendiri melihat dan mendengar laporan kemajuan pembangunan—untuk memastikan usaha mereka sepadan dengan matlamat yang ditetapkan beliau. Walaupun agak pemalu, terutama menghadapi perhimpunan



besar, beliau memiliki kebolehan untuk menghadapi masalah dan gangguan di seluruh negara. Rancangan Buku Merah dan sistem pengawasan yang diadaptasi mengikut cara tentera telah memudahkan beliau dalam menjalankan tugas-tugas berat.

Dalam menguruskan kerja-kerja bertulis, rancangan pembangunan dan ucapan-ucapannya sendiri, beliau tidaklah sesempurna seperti mana yang dianggap ramai. Dalam menangani sesuatu projek beliau membuat pemeriksaan dan penakrifan yang teliti, sumber bantuan yang diperlukan untuk pelaksanaannya, dan jangkaan masa untuk pelaksanaan tersebut dengan terperinci. Masalah dan gangguan yang boleh menyebabkan penundaan dan kegagalan, khususnya yang berpunca daripada penyelarasan yang lemah dan kekurangan sumber kewangan serta tenaga buruh, perlu dikenal pasti.

Beliau begitu mahir menyelesaikan masalah dan menghapuskan gangguan yang timbul. Beliau percaya dan sering menyuarakan bahawa persediaan dan pelaksanaan harus dibuat sebaik mungkin. Namun, jika ada kelemahan atau perubahan yang harus dilakukan semasa menjalankan tugas, ia sentiasa boleh diperbetulkan atau diubahsuaikan. Projek tidak perlu ditangguhkan untuk mencapai kesempurnaan. Pendirian ini juga digunakan dalam pembentukan undang-undang Parlimen dan program-program yang tertakluk dalam Rancangan Pemba-

Projek-projek luar bandar merupakan kegemaran beliau. Tun Razak mencuba jambatan gantung bernilai RM16 000 yang baru di Kampung Sengkola, Raub. (1961)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

ngunan Lima Tahun. Penglibatan menteri-menteri, ketua bahagian, dan kakitangan kerajaan adalah sangat mustahak dan perlu diperlihatkan kepada ramai.

A Team

Sepanjang tempoh saya bertugas dalam Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (1968-74), kami sering diminta untuk menyediakan kertas kerja, komen-komen, dan ulasan berhubung isu yang timbul, perkara yang penting dan kontroversi sebelum Mesyuarat Kabinet Hari Rabu. Ketua kami, Tan Sri Thong Yaw Hong dan timbalan beliau, Dr. C.L. Robless sering dipanggil secara langsung dan EPU *A Team* akan bergegas untuk berkumpul pada bila-bila masa sahaja, tidak kira siang ataupun malam.

Oleh itu, kami mendapatkan khidmat setiausaha lelaki yang boleh bekerja lebih masa di pejabat atau dipanggil datang ke pejabat pada lewat malam atau pada hari cuti. Isteri-isteri merindui kami tetapi mereka tidak pernah marah kerana mengetahui kami berada di pejabat.

A Team ini perlu menangani pelbagai jenis urusan jauh lebih banyak berbanding dengan tugas-tugas EPU. Kami membentuk Perbadanan Pembangunan Bandar. Kami mengulas tawaran untuk melancarkan 4-nombor ekor (4-D) dan Toto untuk menghapuskan sindiket perjudian haram. Kami menulis kertas kerja untuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) sambil menyiapkan—dalam satu malam—sistem elaun sementara untuk kakitangan kerajaan, sebagai percubaan pertama Malaysia mengatasi inflasi ekoran kenaikan harga petrol pada tahun 1974. Sebelum itu, Malaysia menikmati kadar inflasi yang kurang daripada satu peratus setahun.

Menteri kewangan pada masa itu, Tun Tan Siew Sin dilaporkan terperanjat kerana Kertas Perbendaharaan kepada kabinet berhubung hal ini telah diganti dengan kertas daripada Perdana Menteri sendiri. Tun Razak ingin memberi bantuan kepada kakitangan kerajaan tetapi pada masa yang sama beliau tidak mahu menyebabkan inflasi dalam masyarakat. Kami selalu menulis semula kertas-kertas kabinet yang dibentangkan oleh kementerian atau menghasilkan nota-nota sulit kepada Tun Razak. Tan Sri Thong berpendapat kami melakukan semua itu untuk mengekalkan keyakinan Perdana Menteri dengan kemampuan kami menjalankan tugas-tugas utama.

Dengan bebanan kerja yang banyak, tidak hairanlah mengapa dahi Tun Razak sering kelihatan berkerut. Beliau bekerja sepanjang masa. Jadi, pekerja-pekerja beliau juga terpaksa mengikut rentak beliau. Ketika itu, kami tidak mengetahui langsung tentang penyakit serius beliau. Walaupun begitu,

semakin tenat penyakit beliau, semakin bertambah kerja-kerja yang dicungkil daripada kami. Beliau sendiri tidak senang tidur.

Darah Muda

Pilihan raya umum pada Mei 1969 terbukti membawa malang kepada Parti Perikatan. Ramai ahli Parlimen Perikatan gagal dalam pilihan raya tersebut. Perikatan juga tewas di peringkat negeri. Dewan Perundangan Pulau Pinang dan Kelantan jatuh ke tangan pembangkang. Selangor, Perak, dan Terengganu menang dengan margin yang tipis sekali dan menimbulkan kesukaran dalam pembentukan kerajaan di Selangor.

Antara punca kekalahan ini ialah kemerosotan ekonomi pada akhir tahun 1960-an dengan catatan kadar pengangguran melebihi lapan peratus. Satu lagi faktor yang nyata ialah negara sudah mula bertukar; keriangan merdeka sudah menurun dan 12 tahun selepas kemerdekaan, keseluruhan pengundinya terdiri daripada golongan muda. Bangsa Melayu dan bukan Melayu mula merasakan kerajaan yang terdiri daripada nasionalis generasi pertama tidak memahami secukupnya situasi tersebut dan dengan itu tidak menerima kenyataan bahawa masyarakat berbilang bangsa sudah moden. Zaman pengorbanan sebelum dan selepas era kemerdekaan telah berakhir. Sekarang, para belia mahukan pekerjaan dan "bahagian" yang sama rata daripada kekayaan negara.

Allahyarham Tun Razak dan timbalan beliau dari tahun 1971, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman ialah ahli politik yang bijak. Mereka sudah menjangkakan masalah ini dan menghargai desakan generasi baru tersebut. Tun Dr. Ismail selalu berkata, "MCA dan MIC nampaknya tidak mahu hidup dan tidak mahu pula mati," sama seperti pepatah Melayu, Hidup segan, mati tak mahu. Menurut beliau dalam hal ini, mereka tidak menunjukkan semangat dan kebolehan dalam politik. Malangnya, beliau meninggal dunia dalam tahun 1973, lebih awal daripada Tun Razak.

Dalam keadaan beginilah Tun Razak memulakan proses membawa masuk "darah muda" ke dalam parti-parti komponen Perikatan. Beliau secara aktif mula mencari orang yang lebih muda, berpelajaran tinggi, sebaik-baiknya mereka yang berkebolehan menggunakan tiga bahasa. Pihak pentadbiran pula boleh mendapat keuntungan daripada kemahiran dan latihan mereka. Kebolehan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa asal, bahasa Malaysia, dan bahasa Inggeris memudahkan pemahaman tentang masalah masyarakat di seluruh negara pada pelbagai peringkat. Perbincangan berikutnya akan menjadi lebih membina; keputusan yang dicadangkan lebih berkesan. Rakyat jelata akan bertambah yakin dengan pemimpin mereka dan ini

dapat membantu mengatasi masalah yang timbul dari masa ke masa.

Malah, lebih kurang 40 peratus daripada calon UMNO pada pilihan raya Parlimen tahun 1974 ialah muka baru, kebanyakannya profesional muda. Parti MCA dan MIC juga telah diminta berbuat demikian. Daripada 12 calon pilihan raya negeri dan persekutuan, MIC menurunkan lapan muka baru, kebanyakannya profesional muda.

Jadi, saya adalah salah seorang daripada mereka yang "ditarik" menyertai dunia politik. Saya bertanding untuk kerusi parlimen bahagian Telok Kemang (Port Dickson). Selaku kaki-tangan kerajaan, saya pernah bekerja dengan Tan Sri V. Manickavasagam dari tahun 1960 dan merasa bertuah kerana dapat mengenali beliau. Beliau menjadi Presiden MIC pada tahun 1971, mengambil alih tempat Tun V. T. Sambanthan.

Saya juga pernah bekerja dengan Tun Razak dalam pelbagai perkara walaupun sebelum menyertai Unit Perancangan Ekonomi (EPU) pada tahun 1968. Kedua-dua mereka mencadangkan supaya saya meletakkan jawatan daripada perkhidmatan awam dan bertanding sebagai calon Barisan Nasional—gabungan parti politik yang lebih besar menggantikan Perikatan, yang telah diasaskan oleh Tun Razak.

Parti pembangkang, Democratic Action Party (DAP) memenangi kerusi Telok Kemang pada tahun 1969. Sekarang sebagai rakan kongsi baru Barisan Nasional, Parti Progresif Rakyat (PPP) juga mengharapkan kerusi tersebut. Calon PPP ialah seorang peguam dan ipar kepada Presiden PPP, S.P. Seenivasagam. Beliau banyak membelanjakan harta keluarga untuk membantu kempen beliau di kawasan pilihan raya.

Pada Mei 1974, saya menyatakan persetujuan untuk bertanding dalam pilihan raya. Tun Razak amat gembira. Bagaimanapun, dua bulan kemudian beliau memanggil saya ke pejabat beliau dan Tunku Shahriman, pembantu peribadi beliau pada masa itu diminta untuk menasihati saya tentang kesukaran yang akan saya hadapi di kawasan Telok Kemang. Calon PPP sudah aktif; DAP bertanding untuk mengekalkan kedudukan; MIC Negeri Sembilan juga mempunyai calon tersendiri, dan beberapa masalah lain.

Tun Razak menasihati saya supaya memikir dan menimbang untuk bertanding di Sungei Siput sebagai ganti, kawasan yang dipegang oleh bekas Presiden MIC, Tun V. T. Sambanthan, sejak tahun 1957. Perkara ini telah disampaikan oleh Tunku Shahriman. Tun Razak merasakan Tun V. T. Sambanthan mungkin lebih sukakan saya berbanding dengan calon-calon MIC lain kerana beliau masih sakit hati dengan cara beliau disingkirkan daripada jawatan paling tinggi dalam MIC. Tun Razak sendiri



menjadi pengantara dalam perbalahan tersebut dan beliau juga yang menasihati Tun V. T. Sambanthan supaya mengundurkan diri dan memberi jalan kepada Tan Sri V. Manickavasagam yang lebih muda.

Saya terus menjawab yang saya agak yakin dapat memenangi kawasan Telok Kemang. Ia merupakan tempat asal saya dan saya mempunyai ramai saudara-mara dan sahabat handai di situ yang akan menyokong saya. Teluk Kemang ialah kampung halaman nenek moyang saya dan ayah saya dihormati di kebanyakan tempat di situ kerana telah menetap dan bekerja di ladang berdekatan Linggi sejak tahun 1921. Saya menjelaskan lagi yang saya akan menjadi orang asing di Sungei Siput dan perlu mengharapkan pertolongan Tun V. T. Sambanthan dan mereka yang saya tidak pernah kenali untuk masa yang panjang. Dalam situasi sebegitu, saya lebih suka meneruskan tugas saya dalam perkhidmatan awam.

Selepas mendengar alasan saya, Tun Razak bersetuju. Namun, beliau benar-benar inginkan saya dan beberapa calon baru lain yang beliau sendiri galakkan menyertai Barisan Nasional, menang. Beliau memberitahu saya dalam kempen dua minggu tersebut beliau akan meluangkan sekurang-kurangnya sehari di Teluk Kemang untuk memberi semangat dan membantu dalam kempen tersebut. Malah beliau berada selama satu setengah hari dan selain berucap di hadapan

Menghapuskan khabar angin sehari sebelum ulang tahun Mei 13—Tun Razak meyakinkan ahli-ahli Majlis Muhibbah dan penduduk bahawa sebarang kekacauan tidak akan berlaku pada hari-hari yang berikutnya. (1970)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

perhimpunan seramai 15 ribu orang, beliau sendiri telah meminta Menteri Besar supaya menyelesaikan masalah tertentu yang timbul. Beliau sangat gembira dengan kempen ini dan penglibatan saya sebagai calon, walaupun ada "kawan-kawan" saya dalam MIC yang telah menghantar beberapa telegram kepada beliau dengan tuduhan bahawa saya bersikap lepas tangan dan tidak meneruskan kempen.

Dari segi inilah, keperibadian Tun Razak kekal dalam kenangan saya—beliau mempunyai wawasan dan apabila beliau sudah menetapkan sesuatu rancangan, beliau akan melakukan sedaya upaya untuk ia berjaya dilaksanakan.

Pemergian beliau meninggalkan kesan sama seperti kesan yang ditinggalkan kerana sumbangan dan kehidupan beliau. Kematian beliau menandakan 25 tahun beliau berkhidmat untuk negara. Beliau ialah seorang timbalan yang berjasa kepada Perdana Menteri yang dikasihi Tunku Abdul Rahman selama 15 tahun dan telah berkhidmat sebagai Perdana Menteri hanya selama lima tahun sahaja. Namun, beliau kekal dalam memori sebagai pemimpin yang hebat dan berjaya memajukan negara sepanjang tempoh beliau bertugas dalam perkhidmatan awam.

Minat yang Seimbang

Oleh Dato' P.G. Lim

SAYA berkenalan dengan Tun Razak semasa beliau sedang menuntut dalam jurusan guaman (Bar) di London, pada tahun-tahun selepas perang, iaitu lewat 1940-an dan awal 1950-an. Ia merupakan masa yang amat seronok bagi kami. Selepas Perang Dunia Kedua, ramai pelajar ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Malaya belum lagi mencapai kemerdekaan. Tetapi berakhirnya peperangan, menandakan bermulanya suatu dunia baru yang bebas daripada kezaliman dan pengabdian, dan semuanya menjuruskan kepada cara untuk menghapuskan penjajahan melalui penubuhan kerajaan sendiri dan kemerdekaan.

Para pelajar ini telah melalui kehidupan semasa pendudukan Jepun dalam tahun 1942-45, dan kini mereka mendukung semangat antipenjajahan. India menjadi ilham mereka kerana ia merupakan negara pertama mencapai kemerdekaan pada tahun 1947. Beberapa orang rakyat Malaya yang pernah tinggal di India semasa pendudukan Jepun, seperti Tun Hussein Onn dan Tun Tan Siew Sin banyak membantu dalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Kehidupan sebagai Penuntut

Kebanyakan pelajar Melayu mendapat biasiswa. Pelajar Melayu dan bukan Melayu menuntut jurusan undang-undang, perubatan, dan kejuruteraan—profesion yang membolehkan mereka membuka peluang untuk memulakan perniagaan sendiri kerana ketika itu peluang pekerjaan dalam kerajaan dan sektor swasta agak terhad. Ramai juga yang dihantar untuk menuntut di dua kolej guru pelatih, iaitu Kirby dan Brinsford bagi memenuhi permintaan guru yang semakin bertambah di Malaya. Apabila mereka pulang, guru-guru ini akan membantu melaksanakan polisi pembelajaran baru yang telah dirancang.

Berpandukan latar belakang ini, bakal pemimpin-pemimpin Malaya dan Singapura selepas kemerdekaan sudah tentulah daripada kalangan pemimpin pelajar yang terserlah dan aktif pada masa itu. Antara mereka ialah seorang yang bernama Abdul Razak bin Hussein.

Pada tahun-tahun tersebut, pelajar daripada Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu telah mengasaskan Persatuan




RADIO MALAYSIA

Bersatu untuk berusaha bersama—sami Thai, Phra (Rev) Sri Sajayarnmuni, menghulurkan cek bagi pihak orang Thai yang beragama Buddha untuk Tabung Bencana Negara. (1971)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Pelajar-pelajar Malaya di London dan Tun Razak memainkan peranan penting. Terdapat juga Persatuan Masyarakat Melayu Great Britain yang ditubuhkan pada tahun 1927 tetapi terbiar dan tidak aktif lagi sehinggalah ia dipulihkan kembali pada tahun 1949 oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak.

Dalam Persatuan Pelajar-pelajar Malaya dan Forum Malaya, sebuah lagi organisasi yang ditubuhkan oleh Tun Razak, semua perbincangan adalah tentang cara untuk menamatkan penjajahan dan mencapai kemerdekaan untuk Malaya dan Singapura. Dato' P.G. Lim merupakan pengerusi Forum Malaya dan pengarang surat beritanya dalam tahun 1953. Beliau mewarisi tempat Mohamed Sopiee dan Goh Keng Swee sebagai pengerusi. Kemudiannya, Toh Chin Chye pula mewarisi tempat beliau. Beberapa tahun selepas itu, Goh Keng Swee dan Toh Chin Chye menjawatnya—pada masa yang berlainan—jawatan Timbalan Perdana Menteri dalam kerajaan Singapura.

Pada tahun 1949, Parti Buruh tanpa diduga memperoleh kemenangan dan mengambil alih pemerintahan kerajaan daripada kerajaan konservatif yang diketuai oleh Winston Churchill. Kerajaan Buruh bersetuju menganugerahkan kemerdekaan kepada Malaya dengan syarat semua bangsa akan bersatu dalam usaha ini. Lagipun, kerajaan Buruh, yang diketuai Clement Attlee inilah yang telah memberi kemerdekaan kepada India.

Tun Razak sendiri mempunyai rancangan yang sama, iaitu untuk menyatupadukan kesemua bangsa bagi mencapai matlamat ini. Dalam membentuk Forum Malaya, beliau telah menyediakan platform dan pelajar-pelajar luar negara boleh memberi pendapat mereka tentang perjuangan ke arah kemerdekaan. Tiada sesiapa pun dapat meramalkan sama ada kemerdekaan dapat dicapai tanpa berlakunya tumpah darah, tetapi dalam perjuangan ini pada keseluruhannya, kami semua bersatu untuk bertindak

Saya mengenali Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak serta insan-insan seperti Taib Haji Andak, Wan Hamid, dan Mohamed Sopiee sepanjang tahun-tahun tersebut, dan telah menjalinkan persahabatan yang berkekalan bersama mereka.

Membina semula kedamaian —selepas rusuhan 13 Mei— Tun Razak mengetuai menteri-menteri kabinet di sebuah kenduri muhibah durian di Hulu Langat. Turut menikmati bersama di sebelahnya ialah Tun Tan Siew Sin (kiri) dan Tun Sambanthan.(1969)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Permulaan Politik

Sekembalinya Mohamed Sopiee ke tanah air pada awal tahun 1950-an, beliau menubuhkan Parti Buruh Malaya untuk menggabungkan Parti-parti Buruh Selangor, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Ia kemudiannya telah ditukar nama kepada Parti Buruh Negara Malaya dan menjadi alat untuk mencapai kemerdekaan dan juga untuk bertindak balas terhadap komunis, suatu prinsip yang nyata sekali dipengaruhi oleh penjajah.





Tun Razak memerhatikan pasu bunga seramik semasa perasmian Pameran Kesenian Moden Jepun dengan diiringi Puan P.G. Lim selaku pengerusi Galeri Seni Kebangsaan (kanan) dan Duta Jepun, Dato' Fumihiko Kai. (1965)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

Beberapa tahun kemudian, selepas kemerdekaan diperoleh, Tunku Abdul Rahman bersama Tun Razak memujuk saya supaya menyertai politik bersama mereka. Akan tetapi, ketika itu saya telah pun menjadi ahli Parti Buruh dan terlibat secara aktif dalam pembentukan beberapa pertubuhan kesatuan sekerja dalam Persekutuan. Saya berkhidmat sebagai penasihat undang-undang kepada Persatuan Kebangsaan Pekerja Estet (NUPW), Persatuan Pekerja Keretapi (RUM), Persatuan Pekerja Pengangkutan, dan Persatuan Kastam. Sebahagian daripada agenda saya termasuklah menjauhkan mereka daripada ancaman politik Kesatuan Sekerja Singapura yang mungkin merebak ke Malaya.

Oleh itu, saya menjauhkan diri daripada politik sehingga tahun 1964 apabila Dr. Tan Chee Khoon, yang sebelum ini pernah saya pengaruhi untuk menyertai Parti Buruh, memujuk saya supaya bertanding dalam pilihan raya negeri di Sentul. Ia merupakan pertandingan tiga penjuru antara Perikatan, PAP—yang mengisytiharkan diri sebagai pembangkang—diketuai oleh Lee Kuan Yew, dan Barisan Sosialis. Perikatan telah memenangi pertandingan tersebut. Di Sentul, Dr. Arasu mewakili Perikatan, G. Thaver untuk PAP, dan saya bagi pihak Barisan Sosialis, iaitu gabungan Parti Buruh dan Parti Rakyat. Saya ditewaskan oleh Dr. Arasu dengan perbezaan sebanyak 1700 undian, jumlah yang diperoleh calon PAP. Jika ia pertarungan dua penjuru, saya mungkin mampu memenangi satu kerusi dan kehidupan saya sudah tentu mengambil arah yang berbeza.

Pada masa itu, menjadi ahli pembangkang bukanlah suatu perbuatan yang menyimpang, dan hakikat bahawa saya menjadi calon pembangkang semasa kempen Indonesia untuk "menghancurkan" Malaysia sedang memuncak, tidak sedikit pun menimbul tentangan terhadap pendirian saya. Sepanjang tahun-tahun tersebut, meskipun kami bermusuhan dalam politik, saya mendapati Tunku dan Tun Razak sentiasa bersedia untuk mendengar pandangan yang bertentangan dan mereka sering berjumpa dengan orang awam.

Batin Hitam Orang Asli Jerantut, Pahang, menerangkan pengertian ukiran patung Orang Asli di Pameran Lukisan Kebangsaan, Kuala Lumpur. (1959)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Penggantungan Parlimen

Tun Razak bukan seorang periang tetapi beliau sentiasa meminjamkan telinganya untuk mendengar pandangan yang baik. Akibat rusuhan kaum pada Mei 1969, Parlimen digantung haknya buat sementara waktu dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dibentuk dengan diketuai Tun Razak sebagai Pengarah Operasi. Pada bulan Januari 1970, Majlis Perundingan

Negara (MPN) ditubuhkan dan Pengarah Operasi menjadi pengerusinya.

Saya salah seorang daripada dua wanita—seorang lagi ialah Aishah Ghani—yang dicalonkan oleh Tun Razak untuk menjadi ahli jawatankuasa MPN. Hal ini merupakan hasil daripada laporan *Straits Times* yang telah mempersoalkan ketiadaan kaum wanita dalam kalangan 63 ahli yang kesemuanya lelaki. Dengan kehadiran kami, keahlian MPN bertambah menjadi 65 orang. Dalam memuji perlantikan ini, *Straits Times* juga terus tertanya-tanya sama ada dua wanita sudah cukup untuk Majlis tersebut.

Mesyuarat pertama MPN diadakan pada 27 Januari 1970, dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, yang memberi jaminan bahawa negara akan segera kembali di bawah pemerintahan demokrasi berparlimen. Tun Razak menggambarkannya sebagai "peristiwa serius dan bersejarah". Beliau meminta rakyat supaya mengatasi sikap perkauman, permusuhan agama, budaya atau pangkat yang berbeza, dan bergabung dalam politik. Mesyuarat-mesyuarat ini telah dirakamkan. Tun Razak meyakinkan ahli-ahli MPN bahawa mereka berhak menyuarakan pendapat mereka. Kerajaan tidak akan mengabaikan pandangan mereka.

Ada kalanya cadangan mereka mungkin tidak boleh diterima jika ia bertentangan dengan dasar kerajaan, tetapi ia tidak boleh dijadikan sebab untuk mereka menunjukkan rasa marah dan kecewa.

Ahli-ahli MPN terdiri daripada golongan profesional, kesatuan sekerja, pemimpin agama, ahli politik dan orang awam. MPN berkumpul beberapa kali setahun. Tun Razak sering mempengerusikan sidang-sidang ini. Jika tidak, timbalan beliau, Tun Dr. Ismail, akan menggantikan tempat beliau. Menteri-menteri kabinet hadir dalam setiap sidang. Perdebatan diteruskan dengan jujur dan ramai yang bebas menyuarakan pandangan masing-masing.

MPN dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Jawatankuasa Ekonomi dan Jawatankuasa Politik. Kesimpulan yang dicapai mereka diperdebatkan dengan panjang lebar dan akhirnya terbentuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rukun Negara. Saya masih ingat, Tun Razak sendiri mempengerusikan sidang-sidang perdebatan ini dan turut serta dalam perbincangan, terutamanya tentang Rukun Negara yang diperiksa huruf demi huruf dan baris demi baris. MPN menyempurnakan tanggungjawabnya dalam jangka masa satu tahun dan kerajaan berparlimen mengambil alih semula pemerintahan dengan serta-merta selepas itu.

En Poste ke New York

Apabila Tun Razak meminta saya supaya berkhidmat sebagai timbalan wakil tetap Malaysia pada tahun 1971, dengan berpangkat duta ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ramai daripada mereka di dalam dan luar negara berasa terkejut. Akhbar-akhbar di Amerika Syarikat berpendapat ia helah semata-mata, untuk mengasingkan saya daripada politik dalam negeri, tetapi saya rasa tanggapan mereka tidak betul.

Kaum Wanita Malaysia, bagaimanapun, mempunyai anggapan baik. Contohnya, Wanita UMNO mengadakan jamuan teh untuk meraikan perlantikan saya. Isteri Ungku Aziz, Azah Aziz mengenakan saya dengan pakaian tradisional Melayu, dan saya telah dilengkapi dengan kain songket, baju kurung cekak musang serta barang-barang kemas yang sepadan ketika bertolak ke New York.

Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman, kedua-duanya berpendidikan dalam bidang undang-undang, telah menunjukkan kepercayaan mereka berhubung peraturan undang-undang melalui sikap mereka dalam memerintah negara. Mereka percaya kepada kebebasan untuk bersuara dan sentiasa mengamalkan "semak-timbang" yang diwarisi oleh demokrasi berparlimen. Terlatih sebagai kakitangan kerajaan di bawah "British Raj", mereka ialah pentadbir yang bagus dan telah berjaya dalam mengekalkan minat yang seimbang antara kaum yang membentuk Malaysia.

Tun Razak meninggal dunia semasa saya masih *en poste* di luar negara—semasa tugas yang terakhir saya di Brussels. Saya tidak sabar untuk berkhidmat di bawah kepimpinan beliau selepas menamatkan perkhidmatan diplomatik, tetapi sayang sekali, peluang tersebut tidak kesampaian.

Dari Cili ke China

Oleh Tan Sri Lee Siew Yee

NO COPIES
PLEASE

Pemerhatian yang Terperinci

"Cili," kata Tun Razak semasa saya masuk ke bilik beliau. Jelas sekali, beliau sedang menyuarakan apa yang sedang bermain dalam fikiran beliau kerana tiada sesiapa berada bersama beliau ketika itu. "Cili untuk dimakan dengan nasi lemak?" saya bertanya. "Jangan merepek," jawab beliau sambil tersenyum. "Tiada siapa makan nasi lemak dengan cili. Sambal, ya, bukan cili. Ia adalah suatu perbuatan yang tidak bertamadun."

"Saya sedang memikirkan tentang perarakan yang akan diadakan minggu depan," beliau menyambung sambil berfikir. "Anda tahu, cili dan bawang akan diperlukan untuk mengelak daripada hujan turun. Itulah yang selalu dikata orang."

Semua itu bukan menjadi masalah bagi saya tetapi ia telah menarik perhatian saya untuk berfikir bahawa semestinya seorang Perdana Menteri tidak mengendahkan perkara kecil seperti itu. Ia adalah suatu peristiwa yang tidak begitu penting tetapi ia tersemat dalam memori saya sebagai suatu tanda keprihatinan beliau yang terperinci dalam semua perkara. Fikiran luas beliau mempunyai ruang bukan sahaja untuk peristiwa penting tetapi juga untuk perkara kecil yang berlaku setiap hari.

Sekolah Kampung

Pertama kali saya berjumpa dengan Tun Razak adalah pada pertengahan tahun lima puluhan, ketika beliau memegang Portfolio Pendidikan dalam Kabinet Pertama. Salah satu daripada cadangan awal beliau adalah untuk menyemak semula kelayakan bagi pelatih-pelatih memasuki kolej perguruan. "Sijil sekolah (tingkatan lima hari ini) adalah terlalu tinggi," beliau berkata. "Kita tidak akan memperoleh jumlah bilangan pelajar Melayu yang memuaskan untuk latihan jika tahap kelulusan tersebut dikekalkan. Sijil Rendah Pelajaran (tiga tahun dalam sekolah menengah) mencukupi, dan sudah pun melambangkan peningkatan dalam taraf pendidikan di kawasan luar bandar."

Beliau berhenti sejenak dan bertanya kepada saya, "Anda ada membaca *Walden?*" Saya mengangguk lalu beliau berkata, "jadi,



Suatu titik bersejarah: Tun Razak bertemu Pengerusi Mao ketika dalam lawatan rasmi ke negara China. (1974)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

anda mengetahui tentang kisah kaum lelaki yang menjalani kehidupan dalam keadaan terdesak. Ia adalah gambaran yang tepat tentang apa yang bermain dalam fikiran seseorang dalam keadaan tertentu. Anda akan bertemu dengan keadaan kehidupan yang terdesak di negara kita, terutamanya dalam kalangan mereka yang sangat miskin, di kampung-kampung dan juga di sawah ladang. Projek luar bandar boleh membantu tetapi untuk kebaikan masa depan, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting."

"Anda tahu, kami bukan sahaja perlu mempertingkatkan taraf kedudukan dan memperkembangkan sistem pembelajaran, sekolah-sekolah yang lebih canggih juga harus dibina. Kebanyakan kawasan kampung, sekolah-sekolah hanyalah bangunan kecil, seperti sebuah pondok. Saya telah berkunjung ke salah sebuah sekolah tersebut pada minggu lepas. Guru besar sekolah tersebut sedang cuba untuk memasang kalendar. Beliau menukul paku ke dinding papan sekolah itu dan dinding tersebut telah pecah dan meninggalkan lubang yang amat besar. Oleh sebab itu, kami harus mendapatkan modal untuk membina sekolah yang lebih elok, membayar gaji kepada guru, dan juga untuk kecemasan."

Keikhlasan dalam Perkhidmatan Awam

Tahun tersebut ialah tahun Laporan Ibrahim Ali berhubung jumlah bayaran gaji dalam perkhidmatan awam. Saya lupa tahunnya—mungkin sekitar tahun 1970. Laporan tersebut bukan suatu perkara baru tetapi ia telah memberi nafas baru kepada perkara lama: Jumlah bayaran gaji dalam perkhidmatan awam berbanding dengan jumlah bayaran gaji dalam sektor swasta.

Setiap hari, *The Straits Times* telah dilimpahi dengan timbunan surat tentang laporan tersebut. Terdapat dua pandangan yang bertentangan—pada satu sudut, terdapat pandangan kakitangan kerajaan sudah diberi kemudahan yang cukup dan tidak patut mengharapkan lebih daripada itu; manakala pada sudut yang lain pula mendakwa hak kakitangan kerajaan sepatutnya setaraf dengan hak peniaga.

Satu tindakan diplomatik yang membuka negara China kepada dunia. Tun Razak dan Perdana Menteri Zhou Enlai menandatangani satu persetujuan yang telah menyayapkan pilihan raya Barisan Nasional 1974 dan membawa negara China ke tengah-tengah pentas. (1974)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

Tun Razak tidak bersetuju dengan pandangan yang terkemudian itu (Laporan Ibrahim Ali juga tidak mengubah pendirian beliau). Kakitangan kerajaan, tegas Tun Razak, tidak mengalami apa-apa kekurangan. "Mereka mendapat gaji yang berpatutan, tempat tinggal, cuti tahunan berbayar, cuti sakit, kenaikan gaji, dan pencen. Paling penting, mereka terjamin dalam jawatan mereka. Hanya jika mereka didapati menipu dalam pengiraan akaun ataupun melakukan kesalahan jenayah, barulah mereka dibuang kerja. Pemecatan tidak akan berlaku



jika seseorang pekerja kurang cekap, seperti mana ia berlaku dalam sektor swasta."

Alasan bahawa membayar gaji kakitangan kerajaan yang setaraf dengan sektor swasta boleh menghindarkan rasuah, Tun Razak telah bertanya, "Di tahap manakah, dalam bentuk wang ringgit godaan rasuah dapat dihindarkan? Berapa harus kami bayar untuk membeli kejujuran? Lagipun ..." beliau berkata dengan tenang, "ia bukan sahaja tentang wang ringgit tetapi akhlak dan sifat moral seseorang juga harus diambil kira."

Mengembalikan Kuasa Parlimen

Sesi Majlis Perundingan Negara (MPN) mula dijalankan beberapa hari selepas 13 Mei. MPN merupakan pengganti Parlimen yang ditubuhkan khas oleh Tun Razak ekoran penggantungan perlembagaan untuk bertindak sebagai sebuah lembaga yang menyalurkan pendapat orang awam bagi menggantikan Parlimen. "Tugas utamanya ..." kata Tun Razak, "adalah untuk bekerja sehingga tiada urusan lagi, seperti mana tugas saya untuk memastikan kesemua matlamat tercapai.

Tun Razak (tengah, berbaju warna cerah) melawat pameran perdagangan dan industri di Shanghai. (1974)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

"Sebagai Pengarah Operasi, saya bertanggungjawab untuk memulihkan keadaan negara, dan untuk melakukan ini, saya diberi kuasa mutlak," beliau menyambung. "Saya seorang diktator. Saya menjalankan tugas dengan memerintah. Ia merupakan tugas yang sukar, dan adalah paling baik jika ia dilakukan secepat mungkin. Jika kita tidak mengembalikan kuasa kepada mereka yang berhak memilikinya, iaitu kepada ahli-ahli Parlimen, segala perjuangan kita untuk memperoleh kemerdekaan serta usaha mencegah komunisme adalah sia-sia sahaja."

Lawatan ke China

Pada April 1974, Tun Razak telah mengetuai perwakilan ke China untuk menjalinkan hubungan diplomatik, suatu langkah berani kerana suasana politik yang kurang stabil di Asia Tenggara pada masa itu. Selepas empat hari kami berada di Shanghai dan ketika itu Tun Razak telahpun berjumpa dengan Zhou Enlai dan rakan-rakan beliau daripada kerajaan China serta Pengerusi Mao Zedong. Tun Razak kelihatan riang. Beliau berasa puas hati kerana kepimpinan China telah mengaku dan menerima hakikat bahawa bangsa Cina di Malaysia ialah warganegara Malaysia, dan negara China tidak akan cuba mempengaruhi mereka.

"Saya akan berkhidmat untuk satu penggal lagi," Tun Razak berkata sewaktu dalam perjalanan pulang ke Malaysia. "Kemudian saya akan bersara dan balik ke Pahang," sambung beliau lagi.

Hajat Tun Razak tidak kesampaian. Semasa beliau berkata demikian, beliau telah pun mengetahui—seperti mana yang dimaklumkan kepada kami kemudian—bahawa beliau tidak mempunyai harapan dari segi perubatan untuk hidup lebih lama lagi. Apabila beliau meninggal dunia, rakyat Malaysia kehilangan seorang pemimpin yang hebat, baik, dan murah hati.

Ibu Pertiwi Semua Rakyat Malaysia

Oleh Tun Datuk Seri Dr. Lim Chong Eu

KAMI berdua masih muda ketika pertama kali bertemu. Sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, Tun Razak telah mewakili Pahang dalam persidangan mengagihkan peruntukan kerajaan pusat kepada beberapa negeri dalam tahun 1954. Saya menghadiri mesyuarat tersebut sebagai ahli Majlis Eksekutif Pulau Pinang, mewakili Pesuruhjaya Tempatan, Encik A.V. Aston. Di sana, kami mempelajari secara ringkas daripada pembesar negeri lain yang lebih tua dan berpengalaman tentang cara menangani penjajah British dalam mengendalikan perbincangan. Saya kagum dengan penerangan ringkas, padat, dan jelas tentang isu yang meyakinkan yang disampaikan Tun Razak, dan lebih-lebih lagi dengan sifat beliau yang baik hati, lemah lembut, dan penuh hormat.

Sepanjang kehidupan Tun Razak, seperti yang saya kenali, beliau menunjukkan sifat semula jadi yang sentiasa menghormati pandangan dan pendapat orang lain. Sifat ini, berserta dengan pemahaman beliau terhadap perkara-perkara yang berbeza dan kadang-kadang mengelirukan, boleh diubahsuai oleh beliau hingga menjadi suatu idea yang boleh diterima pakai. Melalui cara inilah beliau memperkenalkan beberapa idea yang berani dan membolehkan beliau membentuk beberapa dasar baru yang telah memajukan negara kita hingga ke hari ini.

Sepanjang kerjaya beliau dalam dunia politik, Tun Razak memainkan peranan penting dengan tegas dan konsisten. Beliau menumpukan segala usaha beliau untuk menggabungkan semua harapan bangsa Melayu melalui UMNO. Beliau merupakan penggerak utama dalam menggalakkan kerjasama antara ahli pelbagai parti dengan membentuk, pada mulanya Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional.

Ketika kami sedang menggubal rangka perlembagaan ke arah kebebasan dan kemerdekaan Malaysia, beliau dengan jelas menunjukkan komitmen dalam menyatupadukan pelbagai kaum, bahasa, dan agama di kalangan penduduk sebuah negara baru. Beliau menumpukan seluruh perhatiannya kepada kata-kata yang terkandung dalam perlembagaan Malaysia.

Beliau menghargai cara hidup yang demokratik dan merdeka. Beliau bergabung kuasa dengan Tunku Abdul Rahman dalam memperjuangkan kemerdekaan Malaya, memerangi pemberontakan komunis dan selepas itu membentuk semula per-



Satu pasangan berasaskan semangat setiakawan— Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman (kiri) bersama Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

pecahan bangsa di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), dan kemudian memulihkan demokrasi berparlimen. Beliau sentiasa konsisten dalam pendirian politik beliau.

Beliau telah membantu memajukan identiti kebangsaan kita dengan menubuhkan Dasar Pendidikan Negara (DPN) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DPN merupakan kertas cadangan yang menggabungkan penyatuan dasar pelajaran. DEB, pula dibentuk untuk mencapai tujuan mengagihkan kekayaan dan peluang yang sama rata kepada semua bangsa dan antara mereka yang tinggal di bandar dan luar bandar. Kedua-dua dasar ini bertujuan untuk menyelesaikan punca kepada masalah yang menimbulkan ketegangan dan perbalahan antara kaum.

Semasa menyediakan DPN, saya mula menghargai kebolehan bekerja beliau, keazaman, dan ketegasan beliau dalam memberi keadilan. Beliau mendengar dengan penuh cermat, sabar, dan hormat semua hujah yang disampaikan. Kemudian beliau akan menganalisis dan memeriksa dengan penuh teliti sebelum menetapkan keutamaan masing-masing untuk perbincangan dan perundingan seterusnya.

Persediaan dan kajian semula dalam perlaksanaan Rancangan Lima Tahun Malaya yang kedua dengan jelas menunjukkan keteguhan pimpinan beliau. Beliau memberi sepenuh komitmen untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada pelbagai program yang telah beliau lancarkan. Beliau berusaha tanpa mengenal erti letih, bersama sebilangan besar rakyat jelata yang beliau temui semasa lawatan beliau serta bersama pegawai-pegawai yang menyokong beliau.

Beliau juga, dengan tersenyum dan rela hati menunjukkan kebolehan beliau untuk menilai semula tugasan yang telah disempurnakan serta mengambil tindakan susulan secara teliti sekiranya diperlukan. Kesungguhan beliau menyemaikan inspirasi bagi mereka yang bekerja dengan beliau supaya sentiasa berusaha dengan lebih tekun. Kualiti istimewa dalam kepimpinan beliau ialah kemampuan beliau untuk membuat seseorang berasa lebih bersemangat untuk bekerja bukan sahaja kerana bekerja dengan atau di bawah beliau tetapi membuat mereka sedar bahawa mereka bekerja untuk kepentingan masyarakat.

Walaupun beliau bekerja keras, pada masa yang sama juga beliau menunjukkan keupayaan untuk mengagihkan tugas kepada mereka yang telah dipilih dengan cermat untuk membantu beliau. Bagi pegawai-pegawai yang dipercayai ini, beliau merupakan inspirasi.

Pemahaman Tun Razak terhadap rakyat jelata memang hebat. Melalui keteguhan interaksi antara Tun Razak dengan pegawai-pegawai yang bekerja dengan beliau telah memboleh-kan kami, selepas pemulihan semula Parlimen, membentuk

kerjasama yang erat antara kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kerajaan Persekutuan. Tanpa ragu-ragu, rakyat jelata bersama pegawai-pegawai kerajaan serta kakitangan bersatu di bawah kepimpinan beliau.

Semua penduduk di Pulau Pinang menyedari keseimbangan kuasa kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan memainkan peranan yang kritikal dalam menentukan keamanan dan kemantapan sosial yang akhirnya menghasilkan Zon Bebas Cukai untuk industri pengeksportan. Pertumbuhan pesat dalam sektor perkilangan, terutamanya semikonduktor dan alatan elektronik yang berkaitan dengannya, telah membawa kemajuan ekonomi yang seterusnya menyatukan pelbagai kaum yang berbeza berlandaskan komitmen terhadap sebuah negara di bawah Barisan Nasional.

Hanya beberapa orang sahaja tahu bahawa pada tahun-tahun akhir kehidupan beliau, Tun Razak bekerja dengan lebih giat, walaupun beliau menyedari tentang ramalan perubatan yang teruk tentang kesihatan beliau. Beliau tetap meneruskan tugas biarpun mengalami kesakitan. Kesetiaan beliau kepada rakyat dan negara menyebabkan beliau terus bekerja dengan penuh kebaktian dan dedikasi.

Semasa perbincangan dalam Majlis Perundingan Negara (MPN) pada tahun 1970, saya mula mengerti perkataan "setia" adalah unik dari segi maksud dan implikasinya. Jadi, bagi kita rakyat Malaysia, maksudnya hanya satu, iaitu kesetiaan yang tidak berbelah bahagi. Kesetiaan ini yang menjadikan prinsip Rukun Negara sebagai kepercayaan rohani untuk disokong oleh semua rakyat Malaysia.

Saya rasa sikap menghormati yang semula jadi dan kesetiaan beliau yang tidak berubah terhadap Tunku Abdul Rahman menjelaskan komitmen beliau dalam berkhidmat untuk Perdana Menteri kita yang pertama. Dalam sejarah politik Malaysia, komitmen ini mungkin juga menjadi faktor yang menentukan kesinambungan dan keteguhan kepimpinan negara untuk berterusan. Melalui kesetiaan ini, Tun Razak memperoleh kebolehan untuk memandang ke hadapan dan bersiap sedia untuk memilih Tun Hussein Onn sebagai pengganti beliau serta membuka jalan supaya Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh menjadi peneraju seterusnya.

Dalam tahun 1960, saya tidak memahami erti sebenar asas kesetiaan pengikut politik. Kekuatan UMNO sebagai teras Perikatan telah mengasaskan kesetiaan ini. Pemahaman yang berterusan daripada pelbagai pengikut setia yang berkhidmat demi kepentingan negara inilah yang akan menguji daya ketahanan sistem persetujuan bersama yang sekarang merupakan perkara biasa dalam Barisan Nasional.

Bagi rakyat Malaysia berketurunan Cina, perkataan *hua yu* paling hampir ertinya dengan perkataan "setia" ialah *zhong xiao*. Menurut rujukan, ia digunakan oleh Maharaja Sung Bi Gan yang menulis bahawa kesetiaan yang paling tinggi ialah berkhidmat kepada pemerintah atau bangsa "walaupun terpaksa berkorban nyawa".

Sepanjang hidup sehingga beliau meninggal dunia pada Januari 1976, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein telah menumpukan segala usaha demi kepentingan sosial dan ekonomi rakyat Malaysia. Secara ikhlas, melalui usaha yang dilaksanakan sepanjang hayat Tun Razak, Malaysia menjadi ibu pertiwi kepada semua rakyat Malaysia.

Menawan Hati Parti Rakyat Bersatu Sarawak

Oleh Tan Sri Datuk Amar Ling Beng Siew

SAYA tidak pernah mengenali Tun Abdul Razak bin Hussein sebelum "ucapan terkenal" Tunku Abdul Rahman di Kelab Wartawan Antarabangsa Singapura pada Julai 1961. Selepas itu, sebagai anggota Majlis Tertinggi Sarawak, saya dijemput menjadi Ahli Majlis Perundingan Perpaduan Malaysia. Dalam siri mesyuarat ini, Tun Razak dengan cara tersendiri sentiasa mendapatkan pandangan daripada semua parti yang berkenaan. Beliau mendengar dengan simpati desakan kami supaya Negeri-Negeri Borneo dibenarkan mempunyai kuasa autonomi ke atas imigresen negeri, tanah, perlombongan, perhutanan, dan pendidikan.

Beliau ialah seorang yang pendiam dan tidak angkuh. Ucapan beliau seolah-olah seperti syarahan yang disediakan dengan teliti dan bukan kata-kata yang keluar secara spontan. Namun, keikhlasan dan sifat keperimanusiaan beliau sentiasa terserlah. Kualiti inilah yang membuatkan beliau melonjak naik dengan pantas dalam UMNO dan mendapat pujian tinggi masyarakat yang mengagumi beliau.

Semasa penubuhan Malaysia diusahakan, saya sering membincangkan pembangunan Sarawak bersama beliau. Beliau memahami dengan jelas tentang urusan di Sarawak. Beliau sedar corak pertubuhan politik yang telah berkembang di Malaya tidak semestinya sesuai di Sarawak. Beliau juga maklum bahawa orang Sarawak mempunyai cara tersendiri dalam mentadbir dan tidak akan menerima dengan baik jika diberi arahan.

Tun Razak muncul semula dalam tahun 1970 apabila beliau datang untuk mengikuti pilihan raya negeri di Sarawak. Sejak awal lagi, malah sebelum tahun 1969, saya menyokong kemasukan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) ke dalam Perikatan untuk menguatkan kerajaan negeri dalam menangani dan akhirnya menyelesaikan masalah komunis. Saya mencadangkan idea ini kepada Tunku beberapa kali sebelum tahun 1969 tetapi beliau tidak bersetuju dengan cadangan saya. Tunku sentiasa percaya adalah lebih elok jika kita tidak mendekati komunis. Jelas sekali beliau berpendapat demikian setelah melalui pengalaman sendiri dengan Chin Peng dalam "Baling Talks" pada tahun 1955. Tun Razak sendiri berasa ragu-ragu pada mulanya tetapi beliau bertambah yakin kemudiannya.



Tun Razak bersama Tan Sri Ling Beng Siew (kiri) dan abangnya Ling Beng Siong sedang berbincang tentang politik Sarawak (tengah).

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Beliau menyuruh saya supaya bekerjasama dengan Tan Sri Ghazali Shafie untuk menjayakan idea tersebut.

Dalam pilihan raya negeri 1970, nyata sekali yang Parti Cina Sarawak tidak diterima dengan baik dan SUPP berada dalam kedudukan yang selesa. Dengan sepenuh hati, saya mula melaksanakan rancangan saya. Saya meminta untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin SUPP.

Tan Sri Ong Kee Hui dan Tan Sri Sim Kheng Hong datang ke pejabat saya di Hotel Aurora, Kuching. Saya mendesak mereka supaya mengambil langkah pertama membentuk kerajaan baru bersama Perikatan dengan Ong Kee Hui sebagai Ketua Menteri.

Tentu sekali mereka tidak menyangka tetapi mereka memahami bahawa rancangan tersebut boleh membawa kebajikan. Sejurus selepas itu, saya bergegas ke Lapangan Terbang Kuching dan mendapati Tun Razak baru sahaja menaiki pesawat ke Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun saya berjaya memujuk anak-anak kapal supaya membuka pintu kabin dan membenarkan saya masuk beberapa minit untuk menceritakan kepada Tun Razak apa yang baru dibincangkan. Seperti yang dijangka, beliau tidak terus bersetuju tetapi saya yakin beliau akan mempertimbangkan perkara ini dengan serius. Akhirnya, walaupun rancangan tersebut tidak terjadi seperti yang dibincangkan, SUPP tetap menyertai Perikatan untuk membentuk kerajaan negeri dan seterusnya secara perlahan-lahan menghapuskan imejnya sebagai Parti berhaluan kiri.

Prinsip Tun Razak berhubung apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan dalam politik telah membantu menangani perkara yang lebih daripada urusan dalam negeri. Walaupun saya sentiasa mengkritik secara berterus terang tentang komunis di Sarawak—sehingga mereka mengugut nyawa saya—Tun Razak



Timbalan Perdana Menteri, Tun Razak (ketiga dari kiri) mengiringi ketibaan delegasi British yang diketuai Lord Landsdowne (baris hadapan, keempat dari kiri), Menteri British bagi Hal-ehwal Kolonial Sarawak (1962-64) bagi perundingan Malaysia. (1962)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

tetap memujuk saya supaya menyertai perwakilan ke China, yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah untuk memulakan persediaan asas bagi hubungan dagang dengan China. Zhou Enlai menyambut kami di lapangan terbang dan Pengerusi Mao Zedong melayan kami dengan jamuan minum petang.

Tun Razak ialah seorang yang sangat berdisiplin. Semasa bekerja di bawah Tunku, beliau melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan kesetiaan. Tunku tidak perlu risau perihal pentadbiran parti mahupun kerajaan.

Tun Razak seorang yang cermat dan tidak suka mengganggu sesiapa. Beliau juga seorang yang penyabar—beliau akan membenarkan anda bercakap dan beliau mendengar. Biarpun anda meminta jawapan, beliau tidak akan menyuarakan keputusan beliau. Jika anda perlukan nasihat, beliau akan cuba sedaya upaya untuk membantu anda. Beliau sangat diplomatik—jika ada yang menceritakan hal tidak baik tentang anda, beliau akan menggunakan cara yang lebih elok untuk menyampaikannya. Beliau tidak suka menyakitkan hati orang lain. Apa yang paling penting, beliau sentiasa boleh dipercayai untuk menyimpan rahsia—kualiti yang jarang wujud dalam dunia politik.

Saya merasa bangga kerana dapat menjadi rakan peribadi Tun Razak sepanjang pembangunan Malaysia. Tunku Abdul Rahman merupakan seorang tokoh yang dikasihi, penuh karisma tetapi beliau sering bersandar kepada pertimbangan Tun Razak dalam memimpin negara. Tun Razak cemerlang kerana keikhlasan beliau, sifat rendah diri, berperikemanusiaan, kerelaan untuk bekerja keras, dan keazaman untuk mencapai segala cita-cita. Beliau benar-benar seorang negarawan Malaysia.

Tun Razak Sebagai Mentor Politik

Oleh Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah

Berita kematian Allahyarham Tun Abdul Razak di London pada bulan Januari 1976 mengejutkan jutaan rakyat. Negara berkabung dalam suasana yang paling hiba. Secara spontan, ratusan ribu berpusu ke ibu kota memberi penghormatan terakhir kepada jenazah pemimpin tersayang. Tun Abdul Razak adalah legenda negara. Beliau memberi pengertian yang paling mendalam tentang makna kepimpinan dan makna kepahlawanan pada zaman moden.

Saya mengenali Tun Razak sewaktu saya masih kecil, iaitu ketika saya sering menemani ayahanda saya ke Kuala Lipis yang merupakan ibu negeri Pahang ketika itu. Tun Razak yang pada masa itu menjawat jawatan penolong Setiausaha Kerajaan Negeri sering menjemput kami dengan keretanya dari Stesen Kereta Api Kuala Lipis.

Hubungan kami semakin akrab apabila Tun Razak menerajui badan Perhubungan UMNO Kelantan dalam tahun 1964. Saya yang sebelum itu menjadi setiausaha badan itu dilantik Tun menjadi timbalannya. Dalam tahun 1973 saya terpilih menjadi Naib Presiden UMNO. Tun Razak menawarkan jawatan menteri kabinet kepada saya, tetapi saya tidak dapat menerimanya ketika itu kerana ingin memberi sumbangan di luar kerajaan. Apatah lagi ketika itu beberapa projek utama Tun Razak untuk kepentingan Melayu dan negara seperti Bank Bumiputra, Petronas dan PERNAS diamanahkan kepada saya untuk mengendalikannya. Semua ini memerlukan tumpuan sepenuh masa.

Ketika Tun Razak sedang menerima rawatan di London, saya dipanggil beliau ke sana. Walaupun ketika itu beliau sudah kelihatan lemah, Tun sempat berbual mesra dengan saya dan mengajak saya berjalan-jalan di sekitar hotel tempat kami menginap di London. Ini dilakukan setiap hari untuk beberapa hari. Kata Tun Razak, tinggal di hospital membosankan, beliau memerlukan teman-teman untuk berbicara. Ketika itulah Tun Razak sekali lagi mendesak saya menerima jawatan kabinet. Kata beliau, dia akan pulang ke Malaysia tidak lama lagi dan akan mengisytiharkan rombakan kabinet.

Beberapa hari selepas itu Tun Razak menghembuskan nafasnya yang terakhir sebelum sempat pulang ke Malaysia.

Almarhum Tunku Abdul Rahman menasihatkan saya supaya menerima cadangan ini kerana ia adalah permintaan terakhir Tun buat saya. Kata Tunku, eloklah saya menunaikannya walaupun Tun Razak sudah tidak ada lagi dan kepimpinan kerajaan diambil alih oleh Tun Hussein Onn.

Tun Abdul Razak ialah mentor politik saya. Beliau mengajar erti perjuangan, pengorbanan dan keazaman. Bagi Tun Razak nasionalisme bukanlah sekadar cogan kata yang bersemangat tetapi mesti dipenuhi dengan pengisian yang bermakna. Kedudukan bukan kemegahan tetapi alat untuk mencurah bakti. Inilah yang ditunjukkan sepanjang era kepimpinannya. Sekiranya kepimpinan bererti keupayaan berpidato dan mengeluarkan kata-kata indah yang mempesonakan maka Tun Razak dianggap gagal kerana beliau bukanlah tokoh pidato ulung ketika itu. Sekiranya kepimpinan bererti keupayaan melaksanakan cita-cita mengenai masa depan negara serta kemampuan mengatasi pelbagai krisis maka beliau adalah pemimpin terunggul.

Inilah yang dibuktikan Tun Razak. Sejarah 25 tahun kepimpinan beliau iaitu dari tahun 1951 hingga 1976 bukan sekadar mencatatkan pelbagai jawatan dalam kerajaan dan parti yang disandangnya, tetapi juga mencatatkan peranan Tun Abdul Razak sebagai tulang belakang dalam menjana jentera penyelesai pelbagai krisis yang melanda negara, orang Melayu dan parti UMNO.



Menyambut Kelahiran Negara

Kepimpinan Tun Razak melalui tiga era utama. Pertama pada zaman sebelum merdeka, kedua pada zaman selepas merdeka dan ketiga era selepas tahun 1970 semasa Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Sekiranya negara diibaratkan seorang manusia, ketiga-tiga era memperlihatkan tahap perkembangan keperibadiannya. Ia bermula dari dalam kandungan ibu, penjagaan selepas dilahirkan dan bagaimana ia dibesarkan. Semua tahap ini mempunyai masalah tersendiri. Seperti anak kecil, negara yang baru dilahirkan juga memerlukan penjagaan rapi daripada pelbagai penyakit. Ketika itu pelbagai penyakit kronik melanda negara, termasuk kemiskinan, perkauman, ancaman komunis dan kemunduran akibat 400 tahun dijajah. Tun Razak dilihat sebagai seorang pemimpin yang tegas, tetapi beliau bukanlah diktator yang gila kuasa. Sebaliknya, beliau merupakan bapa yang mahu mendidik anak-anaknya supaya mereka menjadi orang dewasa yang baik dan berkeperibadian tinggi.

Dalam tahun 1951 sewaktu berusia 29 tahun, Tun Razak meninggalkan jawatan Menteri Besar Pahang untuk bergiat dalam UMNO. Tindakan ini adalah satu pengorbanan besar. UMNO ketika itu bukanlah sebuah pertubuhan yang berkuasa, sebaliknya ia bergerak sebagai pertubuhan yang banyak menjalankan aktiviti menentang kerajaan penjajah. Tidak ramai pembesar Melayu yang sanggup bersama UMNO ketika itu kerana masa depan yang tidak jelas. Tidak lama selepas itu Dato' Onn meninggalkan parti yang ditubuhkannya itu. Ketika itu nama Dato' Onn dan nama UMNO seiring. Dato' Onn itu UMNO dan UMNO itu Dato' Onn. Tanpa beliau, ramai yang menganggap UMNO akan berkubur.

Barisan pemimpin lain yang terdiri daripada orang-orang muda belum nampak kemampuannya untuk mengendalikan sebuah parti yang sedang mencabar kuasa penjajah. Pada saat inilah Tun memainkan peranannya memujuk Almarhum Tunku Abdul Rahman memimpin UMNO. Beliau sanggup menjadi orang nombor dua kepada Tunku. Ternyata sekali peranannya sebagai tulang belakang kepada pelbagai agenda penting seperti penubuhan Perikatan, perundingan kemerdekaan dan menghadapi ancaman komunis telah banyak membantu Tunku ketika itu.

Tengku Razaleigh mengalu-alukan kedatangan Tun Razak ke kediamannya di Kota Bharu untuk mesyuarat dengan ahli-ahli UMNO Kelantan.(1973)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Atas rekod kesetiaan itulah maka Tun Razak diamanahkan memegang jawatan Perdana Menteri dalam tahun 1959 sewaktu Almarhum Tunku bercuti untuk berkempen. Tun Razak menyerahkan kembali jawatan itu beberapa bulan kemudiannya. Baginya jawatan tidak penting, tetapi masa depan negara adalah segala-galanya.

Hampir 19 tahun era kepimpinan beliau,Tun Razak dilihat dari sudut peranannya sebagai orang nombor dua yang paling setia. Pada kedudukan itu, Tun Razak meninggalkan sumbangan yang tiada tolok banding dalam bidang pendidikan, pembangunan luar bandar, keselamatan dan dasar luar negara. Dasar Pelajaran Tun Razak terus menjadi teras sistem pendidikan negara. Sistem persekolahan hari ini, pengenalan mata pelajaran agama dan penggunaan bahasa Melayu adalah sebahagian daripada dasar itu.

Manakala Dasar Pembangunan Luar Bandar beliau mengagumkan dunia. Anugerah Magsasay yang dianggap seperti anugerah Nobel di peringkat Asia diterima Tun Razak pada tahun 1967 sebagai pengiktirafan terhadap usaha pembangunan luar bandar Tun Razak. Pendekatan ala tentera Tun Razak menubuhkan bilik gerakan di setiap peringkat pentadbiran negara untuk memerangi kemiskinan dan kemunduran luar bandar menjadi ikutan banyak negara lain. Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) adalah antara institusi yang diwujudkan oleh Tun Razak untuk memperkemaskan hasrat ini. Dasar inilah juga yang menjadi antara faktor penarik kepada kecenderungan Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia dalam tahun 1963. Tun Razak memainkan peranan besar dalam pembentukannya.

Pembinaan Bangsa

Ada yang menuduh Tun Razak sebagai pemimpin perkauman. Ini dilihat daripada ketegasannya mengenai soal kemelayuan. Sebenarnya Tun Razak ialah seorang yang paling memahami konsep pembinaan bangsa (*nation building*). Bagi beliau dasar bahasa, budaya dan langkah meningkatkan taraf hidup orang Melayu bukanlah merupakan cauvinis perkauman sebaliknya ia adalah usaha untuk menyatukan seluruh rakyat negara ini. Pengalaman beliau ketika belajar di United Kingdom banyak mencorakkan pemikiran ini. Beliau melihat negara itu juga didiami oleh masyarakat pelbagai kaum. Namun, mereka boleh bersatu untuk membentuk negara yang kuat dan demokratik. Asas kekuatannya ialah keupayaan rakyat menilai pentingnya penyatuan dan ketaatan nasional yang berasaskan kepada budaya dan bahasa yang sama.

Inilah kelemahan kita. Masing-masing mahu memelihara identiti tersendiri. Masing-masing mengagungkan bahasa dan budaya mereka. Rasa curiga di kalangan kaum menjadi punca perbalahan pelbagai krisis politik dan ekonomi ketika itu.

Kesukaran kebanyakan negara yang baru lahir ialah membentuk sebuah negara bangsa atau *nation-state*. Malaya atau selepas itu Malaysia hanyalah sebuah negara tetapi bukan

sebuah bangsa. Ini disebabkan setiap kaum mahu menuju ke arah yang berlainan. Bagi Tun Razak, bahasalah yang menjiwai sesuatu bangsa. Untuk bersatu sebagai sebuah bangsa di Malaysia, semua rakyat mestilah menerima bahasa Malaysia sebagai bahasa lingua franca dalam semua bidang termasuk pentadbiran, pendidikan dan perniagaan.

Proses penerimaan bahasa dan budaya Melayu bukanlah mudah. Ia dikaitkan dengan kedudukan orang Melayu itu sendiri. Perbezaan strata kelas masyarakat dilihat dari sudut perkauman. Piramid kekayaan negara memperlihatkan kedudukan orang asing di tingkat teratas, orang Cina di tingkat pertengahan dan kaum pribumi di tingkat terbawah. Oleh itu orang Melayu mesti dibebaskan daripada belenggu kemiskinan dan kemunduran supaya amalan bahasa dan budayanya tidak dipandang rendah. Bahasa dan budaya Melayu tidak akan dihormati sekiranya majoriti penggunanya miskin, tidak bersekolah dan meminta sedekah. Kaum pendatang yang pergi ke Amerika Syarikat atau Perancis tidak membantah sistem persekolahan berbahasa Inggeris atau Perancis kerana pengguna bahasa itu dikaitkan dengan kaum yang maju, kaya dan berkedudukan tinggi.

Kongres Ekonomi Bumiputera pertama pada tahun 1965 adalah ilham Allahyarham Tun Razak. Ia mencetuskan gagasan supaya orang Melayu mesti bersaing di bidang perniagaan. Ketika itu, tanggapan orang Melayu terhadap dunia perniagaan belum lagi positif. Tambahan lagi beberapa faktor asasi seperti kurang modal dan pengalaman telah menjadikan alam perniagaan seperti hutan belantara yang sukar diterokai. Majoriti tidak pernah menjejakkan kaki ke bank. Bahkan ada ajaran yang melarang anak-anak Melayu bekerja di bank.

Bermula dari sinilah idea Bank Bumiputra dicetuskan. Tujuan terpenting ialah untuk membawa institusi bank ke dalam kehidupan orang Melayu. Ini termasuklah mewujudkan cawangan-cawangan bank di seluruh pelosok negara, menggalakkan tabungan dan mengambil anak Melayu untuk bekerja dan menguruskan bank. Kecenderungan Tun Razak untuk melihat bank ini berjaya menjadi faktor utama kenapa sehingga hari ini Bank Bumiputra terus berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, bukannya di bawah Kementerian Kewangan seperti bank-bank lain.

Atas komitmen yang sama, peranan MARA diperluaskan untuk menyediakan bantuan teknikal, latihan dan kewangan bagi melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera. Pada awal tahun 1960-an penurunan nilai mata wang negara mencetuskan mogok umum di kalangan pekedai-pekedai bukan Melayu yang dipanggil "Hartal". Orang Melayulah yang paling menderita dari

tindakan itu kerana mereka terlalu bergantung kepada pekedai-pekedai ini untuk bekalan harian. Bertitik tolak dari sinilah Tun Razak menubuhkan Perbadanan Nasional (PERNAS) yang pada mulanya bertujuan mewujudkan rangkaian kedai membekal keperluan harian yang dikendalikan orang Melayu di seluruh negara. Selepas itu PERNAS diperluaskan peranannya hingga ke peringkat melahirkan kontraktor dan korporat Melayu yang mampu bertanding dengan rakan mereka daripada bangsa lain.

Mencorak Masa Depan Negara

Kemuncak kepada kepincangan ekonomi dan sosial ialah peristiwa hitam tanggal 13 Mei 1969. Rusuhan kaum selepas pilihan raya umum tahun itu mendesak kerajaan meng-isytiharkan darurat di seluruh negara. Parlimen dan kabinet digantung dan negara ditadbir di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Saat inilah yang paling genting dalam sejarah pembinaan negara Malaysia. Krisis ini meletakkan negara di persimpangan. Ia boleh menghancurkan negara dalam perang saudara yang berterusan atau melahirkan sistem pemerintah-an baru selepas itu. Sebagai Pengarah MAGERAN, sekali lagi



Tun Razak membuktikan keberkesanan beliau dalam mengendalikan krisis ini. Dalam tempoh kira-kira 20 bulan sahaja pemerintahan berparlimen dikembalikan apabila keamanan dipulihkan.

Tidak lama selepas itu, Tun Razak mengambil alih teraju kepimpinan kerajaan selepas Almarhum Tunku Abdul Rahman mengumumkan persaraannya sebagai Perdana Menteri. Di hadapan Tun Razak pelbagai cabaran sedang menunggu. Negara ketika itu sama seperti pesakit yang baru dibedah akibat peristiwa 13 Mei. Seperti doktor, tanggungjawab penjagaan rapi dipikul oleh Tun Razak. Reformasi dalam semua segi perlu diperkenalkan.

Malangnya, ketika itu juga Tun Razak telah didiagnosiskan menderita penyakit leukemia, iaitu sejenis barah yang biasanya dapat dianggar tempoh hayat penghidapnya. Tun Razak tahu masa tidak menyebelahinya. Panggilan Ilahi semakin hampir tetapi di hadapannya terlalu banyak agenda yang perlu diselesaikan. Langkah Tun Razak merahsiakan penderitaan itu membuktikan betapa tingginya azam dan semangat beliau memikul semua tanggungjawab tersebut bersendirian.

Dalam tempoh inilah Tun Razak mencurahkan seluruh dedikasi beliau kepada negara. Fikiran diperah sepenuhnya supaya idea-idea baru dicetuskan. Permasalahan politik diselesaikan melalui pendekatan politik. Ini termasuklah mengadakan siri perundingan dan muzakarah yang meletihkan dengan hampir semua parti-parti politik di negara ini. Hasilnya ialah penubuhan Barisan Nasional—gagasan Tun Razak untuk mengurangkan permainan politik sesama sendiri supaya seluruh tenaga dan sumber dikerahkan ke arah pembangunan negara.

Masalah ekonomi diselesaikan melalui perancangan ekonomi. Dasar Ekonomi Baru (DEB) Tun menjadi program kejuruteraan sosial atau *sosial engineering* yang paling unik di dunia bagi mengatasi kepincangan sosial. Dasar ini menerima pujian dan kritikan daripada pelbagai pihak. Ada yang menyokong kerana inilah formula terbaik supaya lapisan piramid masyarakat tidak lagi dilihat dari sudut perkauman. Sebaliknya, ada pula golongan menuduh dasar ini menyalahi agama Islam kerana kononnya ia diasaskan atas fahaman *assobiyyah*.

Kejayaan yang dibuktikan oleh dasar ini menutup kritikan tadi. Paling ketara adalah dalam bidang pendidikan. Di bawah dasar ini, beberapa universiti dan institusi pengajian baru dilahirkan dan memberi ruang terbesar kepada anak-anak Melayu menyertainya. Dalam setiap negeri sekolah-sekolah sains diwujudkan. Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) muncul untuk menyediakan taraf pendidikan yang lebih tinggi kepada anak-anak luar bandar. Paling mengagumkan ialah kejayaan

Tun Razak (duduk, ketiga dari kiri) mendengar ucapan Tengku Razaleigh sewaktu pembukaan rasmi Perkhidmatan Penasihat Bumiputera di Hotel Merlin, Kuala Lumpur. Tun Tan Siew Sin duduk di sebelah kiri beliau.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam semua kursus termasuk dalam bidang sains dan teknologi.

Ratusan ribu pelajar Melayu dihantar ke luar negeri bagi mengatasi kekurangan institusi pengajian tinggi tempatan. Pelbagai bentuk biasiswa dikeluarkan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan. Ketika itu Tun Razak berkali-kali memberitahu saya, kita boleh menghantar anak Melayu ke bulan tetapi ia tidak akan bermakna kalau hanya setakat menumpang roket orang lain. Kita hanya boleh berbangga kalau kita ke bulan menaiki roket yang kita cipta dan bina sendiri, yakni teknologi kita dan titik peluh kita. Keadaan ini hanya boleh berlaku kalau anak-anak kita pandai dan menjadi ahli sains yang mampu menandingi ahli-ahli sains lain. Hasil pandangan ini sebahagiannya dapat kita saksikan hari ini. Kepesatan ekonomi hari ni tidak mungkin dicapai tanpa adanya penjana yang terdiri daripada cerdik pandai anak Dasar Ekonomi Baru tadi. Apatah lagi, melalui dasar inilah Tun Razak meletakkan asas perindustrian negara.

Nasionalisme Ekonomi

Awal tahun 1970-an turut memaparkan pelbagai polemik mengenai masa depan dunia ketiga. Teori pascakolonialisme (*neo-colonialisme*), teori kebergantungan dan pelbagai pendekatan lain dalam menyelesaikan soal kemiskinan dan ketidakstabilan politik di negara-negara sedang membangun, bukanlah asing bagi Tun Razak. Pendedahan awal beliau ketika di United Kingdom, semasa menghadiri kuliah secara sukarela di London School of Economics di samping penglibatan dalam Fabian Society dan Parti Buruh, menjadikan pemikiran dan perdebatan intelektual mengenai masa depan dunia ketiga, bukan lagi sesuatu yang baru bagi beliau.

Tun Razak mengemukakan pandangan intelektual beliau yang tersendiri dalam menangani permasalahan ini. Tun Razak akui masalah di negara ini banyak persamaan dengan negara dunia ketiga lain. Mereka merdeka hanya dari segi politik tetapi ekonominya masih dikongkong oleh pemodal asing. Di negara kita, sektor perladangan mendapat untung besar tetapi ia dibolot oleh Sime Darby dan syarikat-syarikat besar lain. Timah dikuasai London Tin. Manakala konsesi minyak sudah diberikan kepada Esso dan Shell. Kesemuanya ialah syarikat gergasi asing.

Tun Razak mengajak saya dan beberapa pemimpin muda lain berfikir untuk mengatasi masalah ini. Bagi beliau selagi kekayaan negara masih dimiliki orang asing selagi itu kemerdekaan tidak bermakna dan maruah negara belum ditebus. Nasionalisme bukan hanya dalam bidang politik. Ia juga mesti dilihat melalui

bidang ekonomi. Tun Razak pula tidak mahu memilih jalan yang diambil oleh ramai pemimpin dunia ketiga lain iaitu memilik-negarakan kekayaan tadi (*nationalization*). Bagi Tun Razak, langkah untuk memilik negara hanyalah jalan singkat, bukan merupakan penyelesaian mutlak.

Tun Razak mengamanahkan kepada saya untuk menggaris strategi dan taktik terbaik untuk mengambil semula kekayaan negara ini. Atas restu beliau Sime Darby berjaya dikuasai oleh syarikat tempatan melalui proses yang rumit. Begitu juga dengan London Tin.

Paling mencabar ialah persoalan gas dan petroleum. Hal ini disebabkan perjanjian memberi konsesi kepada syarikat-syarikat tadi telah dimeterai dengan pihak British. Tempoh konsesi itu pula tidak terhad, yakni selagi ada matahari dan bulan. Dengan berani Tun Razak menggunakan kuasa Parlimen untuk membatalkan kontrak ini. Dalam masa yang sama Petrolium Nasional Berhad (Petronas) ditubuhkan walaupun kita tidak memiliki sebarang kepakaran dan modal yang banyak. Namun atas kecekalan Tun Razak, walaupun mendapat kritikan kuasa-kuasa besar, syarikat-syarikat tadi berjaya dipujuk menandatangani perjanjian perkongsian pengeluaran dengan Petronas. Hari ini bendera Petronas berkibar megah. Syarikat inilah juga yang paling banyak membiayai pertumbuhan ekonomi negara hari ini. Terima kasih kepada Tun di atas keberanian beliau.

Dalam masa yang sama Tun Razak mengarahkan beratus ribu hektar ladang getah dan kelapa sawit dibuka di bawah FELDA. Ladang-ladang ini dibuka di kawasan hutan belantara yang sebahagiannya menjadi tempat perlindungan pengganas komunis. Ladang yang diusahakan oleh tangan rakyat sendiri ini berjaya menjana lebih 80 peratus daripada pendapatan mata wang asing negara ketika di samping mengatasi masalah pengangguran dan kehausan tanah orang Melayu.

Patriotik Tulen

Tun Razak mengajar saya tentang dua jenis kepimpinan. Pertama pemimpin "populis" dan kedua pemimpin "patriotik". Pemimpin "populis" ialah pemimpin yang menggunakan kedudukannya untuk terus kekal di situ. Politiknya ialah politik *patronage* yakni menjaga kepentingan orang sekelilingnya supaya ia terus dikekalkan. Mereka tiada dasar dan program untuk bangsa dan negara.

Pemimpin "patriotik" ialah mereka yang banyak merancang dan melaksanakan program untuk kepentingan bangsa dan negara. Biarpun dalam proses mencapai matlamat itu ia tidak popular. "Populis" merestui rasuah sekiranya rasuah itu me-

nguntungkan dirinya dan orang sekelilingnya. "Patriotik" pula bencikan rasuah kerana rasuah adalah musuh nombor satu bangsa dan negara. Populisme banyak menghancurkan negara dunia ketiga, sebaliknya, patriotisme yang menyelamatkan negara.

Tun Razak melihat kelemahan dalam masyarakat Melayu yang sering mentafsirkan kepimpinan dari sudut kebolehan seseorang bergaul dan mengambil hati orang lain. Bagi Tun Razak, kebolehan seperti itu penting tetapi ia bukanlah matlamat kepimpinannya. Ia hanyalah alat untuk memahami permasalahan rakyat. Pokoknya ialah kebolehan seseorang pemimpin itu mencetuskan idea-idea bernas dan bekerja ke arah mengatasi masalah rakyat. Menurut Tun Razak pemimpin yang berkesan ialah pemimpin yang menjadi penyelesai masalah bukannya sekadar peninjau masalah.

Sebagai patriotik tulen Tun Razak telah memperlihatkan ketegasan beliau dalam memerangi rasuah. Di bawah Tun Razak, Biro Siasatan Negara (BSN) diberi nafas baru. Kuasa BSN ditambah dan kebebasan diberikan untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pegawai dan pemimpin yang rasuah, tanpa mengira kecil atau besar kedudukan pegawai dan pemimpin tersebut. Dalam masa yang singkat Tun Razak telah mencetuskan budaya baru di kalangan kakitangan awam dan pemimpin. Yakni takut melakukan rasuah dan berkhidmat hanya untuk negara.

Tun Razak sendiri diakui tidak menggunakan kedudukannya untuk memperkayakan dirinya, keluarga dan orang sekelilingnya. Cara hidup diri dan keluarganya yang sederhana membuktikan kenyataan ini. Kriteria ini turut menjadi asas penting dalam menentukan kepimpinan UMNO ketika itu. Anggota parti menyanjung mereka yang berjasa dan patriotik. Pemimpin dipilih bukan kerana wang, lesen dan kontrak yang diagih, sebaliknya kerana jasa, fikiran dan semangat kemelayuannya. Sebab itulah istilah politik wang tidak wujud ketika itu.

Kesemua ini menjadikan rasa cinta untuk berkhidmat dengan Tun Razak begitu mendalam. Ketekunan dan kesungguhan Tun Razak bekerja untuk negara menjadi sumber inspirasi semua pegawai dan pemimpin negara. Tidak hairanlah kalau ketika itu, pakaian busjacket beliau turut menjadi ikutan ramai. Keramahan dan kemesraan Tun Razak menjadi bualan ramai. Daya ingatan beliau yang luar biasa terhadap semua orang, walaupun hanya sekali berjumpa, menjadikan Tun Razak dianggap manusia luar biasa yang sukar ditandingi. Beliau adalah guru politik yang sukar dilupakan.

Perginya Seorang Negarawan

Tun Razak pergi tanpa meninggalkan harta pusaka yang banyak. Pusaka beliau ialah jasa dan bakti yang ditinggalkan untuk generasi akan datang. Tiada sebarang tanda kemajuan hari ini dapat dipisahkan dengan bakti Tun Razak. Petronas ialah Tun Razak, FELDA ialah Tun Razak, MARA ialah Tun Razak, PERNAS ialah Tun Razak, DEB ialah Tun Razak, Bank Bumiputra ialah Tun Razak, Dasar Perindustrian ialah Tun Razak, Dasar Pendidikan ialah Tun Razak, Dasar Pembangunan Luar Bandar ialah Tun Razak, universiti-universiti kebanyakannya ialah Tun Razak, dan banyak lagi tanda pusaka Tun Razak yang tidak boleh kita lupakan. Sebahagian besarnya dicipta pada saat Tun Razak sedang menderita sakit. Tun Razak meninggal dunia ketika berkhidmat untuk orang Melayu dan negara.

Tun Razak disemadi sebagai negarawan ulung yang tiada tolok banding walaupun cita-cita dan impiannya belum tercapai sepenuhnya. Menghapuskan rasuah, meningkatkan ekuiti orang Melayu sekurang-kurangnya 30 peratus, menjadikan bahasa Melayu unggul dalam semua bidang, menghapuskan kemiskinan, meletakkan taraf hidup luar bandar ke peringkat yang tinggi dan mewujudkan perpaduan sebenar adalah antara agenda Tun Razak yang perlu diteruskan. Tanggungjawab kita adalah untuk menyelami setiap apa yang tersurat dalam fikiran Tun Razak di samping menanam keazaman politik yang tinggi untuk menyempurnakan cita-cita Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Semoga Allah merahmatinya di alam yang kekal kelak. Al-Fatihah untuk roh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Nota Kaki

Ketika artikel ini ditulis, Tengku Razaleigh Hamzah ialah Presiden Parti Melayu Semangat 46.

Bersatu Bersama Rakyat

Oleh Tunku Tan Sri Dato' Shahriman bin Tunku Sulaiman

PERTAMA kali saya bertemu dengan Tun Razak, saya merasa terharu kerana keperihatinan beliau yang mendalam terhadap kemiskinan masyarakat luar bandar. Ketika itu tahun 1959, dan saya bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah yang bertanggungjawab ke atas daerah kecil Rompin, Tun Razak datang melawat ke kawasan tersebut selaku Menteri Pembangunan Luar bandar. Pada masa itu, untuk datang ke Rompin mestilah melalui Endau dan ini bermakna terpaksa menyeberangi Sungai Endau dengan menaiki rakit kerana tidak ada jambatan dan terpaksa pula melalui kawasan yang berlekak-lekuk kerana belum ada jalan sebenar.

Semua keadaan ini tidak sedikit pun menghalang semangat Tun Razak. Pada pagi tersebut, beliau tiba dengan Land Rover, kelihatan langsung tidak terjejas dengan perjalanan yang teruk itu. Beliau sudah terlalu biasa menjelajah ke seluruh negara dengan cara ini bagi memantau keadaan hidup rakyat dan status pembangunan di daerah luar bandar. Inilah yang menjadi ukuran betapa dedikasinya beliau terhadap tugas yang sering dilakukan.

Saya menyambut beliau dan memberi taklimat berhubung kemajuan projek pembangunan di kawasan itu. Beliau mendengar dengan penuh minat dan mengajukan beberapa soalan tajam. Selepas itu, kami melawat kawasan tersebut dan beliau mengambil kesempatan untuk bertemu dengan penduduk Rompin yang hampir kesemuanya bekerja sebagai nelayan dan hidup dalam keadaan sederhana. Beliau dengan senang hati melayan segala pertanyaan mereka dan saya dapat melihat yang beliau sangat mesra dengan mereka. Beliau sendiri telah dibesarkan dalam suasana persekitaran yang sederhana, dalam usia dua tahun beliau telah ditinggalkan di bawah jagaan datuk dan nenek beliau. Beliau membesar di Jambu Langgar, sebuah kampung di mana penduduknya mengusahakan sawah padi, di mana beliau membantu datuk beliau menjaga lembu. Setiap hari beliau berkaki ayam ke sekolah. Tidak hairanlah penduduk Rompin dapat menerima beliau dengan senang.

Saya menjemput Tun Razak makan tengah hari di rumah saya. Rumah kerajaan yang saya duduki mempunyai dua bilik





Kampung halaman—Tun Razak membesar di rumah usang milik datuknya, Haji Taib di Kampung Benta, Pekan, Pahang. (1978)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

dan merupakan rumah yang terbaik di bandar Rompin yang masih kekurangan kemudahan asas. Kami tidak mempunyai bekalan elektrik atau air paip. Tun Razak bercakap tentang rancangan beliau untuk pembangunan luar bandar. Beliau yakin peningkatan taraf kehidupan penduduk luar bandar adalah penting untuk kesejahteraan negara kita yang masih muda. Selaku seorang lepasan universtiti yang baru, saya turut bersemangat untuk berbuat sesuatu bagi memperbaiki keadaan hidup penduduk luar bandar yang terabai selama ini.

Beberapa bulan sebelum ini, saya telah menentang keputusan yang dibuat oleh Pegawai Daerah Pekan, iaitu untuk memindahkan tanah yang luas di Endau-Rompin kepada seorang peniaga dari Johor. Saya telah menerima arahan pegawai daerah tersebut untuk membuat laporan memperakukan pemindahan surat hak milik tanah berkenaan. Akan tetapi saya telah membantah. Saya tahu dengan jelas tentang tanah 3000 ekar itu dan saya berpendapat adalah lebih adil ia diberikan kepada penduduk yang tinggal di situ. Oleh itu, saya mengambil tindakan sendiri untuk membahagi-bahagikan tanah tersebut dan mengeluarkan lesen pendudukan sementara kepada mereka. Hampir setiap penduduk di situ mendapat bahagian mereka. Perbuatan saya itu bertentangan dengan arahan yang saya terima, namun saya yakin yang saya telah melakukan perkara yang betul.

Beberapa tahun kemudian, dalam tahun 1965, saya telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Saya diberitahu Tun Razak telah mencadangkan nama saya berasaskan antaranya ialah inisiatif saya dalam pembahagian tanah tersebut. Saya tidak pernah tahu bagaimana beliau mengetahui tentang perkara tersebut, tetapi dalam usia 33 tahun saya menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri yang termuda di negara ini—seperti juga Tun Razak sendiri yang menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1952, dalam usia 30 tahun.

Tun Razak dan saya menjadi rapat sejak itu dan semakin erat apabila saya dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan Pembangunan dalam tahun 1970. Pada masa itu beliau sudah pun menjadi Perdana Menteri. Saya akan menaiki kereta bersama-sama beliau semasa urusan rasmi dan semasa bercuti, dan beliau akan bercakap dengan saya tentang politik dan hal-hal peribadi. Hal ini terjadi mungkin kerana saya seorang yang suka mendengar tetapi tidak banyak bercakap. Kadang-kadang beliau menelefon dan menjemput saya ke Sri Taman untuk sarapan pagi bersama beliau, selalunya dihidangkan dengan kuih-muih, roti atau roti canai.

Penghormatan kepada yang menang—para penyokong menjulang Tun Razak keluar dari pusat pengiraan undi di Pekan, Pahang. (1969)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Tun Razak mungkin kelihatan seperti seorang yang serius tetapi beliau sebenarnya suka berjenaka, sama seperti orang lain.

Salah satu contoh kelucuan beliau ialah nama pendek yang beliau berikan kepada seorang kawan Cinanya—"Tetek"—satu sebutan yang sengaja disebut dengan nada yang salah. Bagaimanapun, beliau tidak mempunyai niat yang buruk dan kawannya juga tidak pernah mengambil hati kerana Tun Razak sentiasa menunjukkan kemesraan terhadapnya.

Tun Razak juga kadang-kadang tidak sunyi daripada omong kosong tentang cerita orang lain. Saya teringat beliau telah menceritakan tentang seorang kerabat diraja yang hendak berkahwin lagi. Isterinya yang terlalu sedih datang ke Sri Taman meminta beliau memberhentikan perkahwinan tersebut. Isteri kerabat tersebut memberitahu Tun Razak yang dirinya masih cantik dan untuk membuktikannya beliau sanggup mendedahkan badannya kepada beliau. Tun Razak memberitahu wanita tersebut, "Puan boleh berbuat demikian, tapi saya tak akan melihatnya." Selepas itu saya tidak tahu apa yang terjadi!

Tun Razak memang senang bermesra dengan orang ramai. Setiap kali beliau bercuti ke Bukit Fraser, yang gemar dikunjungi beliau, terutamanya semasa cuti Krismas, beliau akan menjemput kawan-kawannya bersama. Kami tinggal di rumah peranginan negeri dan bermain pakau untuk menghabiskan masa dengan pertaruhan hanya 20 sen untuk setiap kemenangan.

Banyak kali juga kami membuat lawatan ke Pulau Pinang menaiki kapal laut Hang Tuah. Kami akan singgah di Pulau Pangkor dan Tun mengambil kesempatan untuk meluncur air. Kami akan bermain pakau seperti biasa. Di Pulau Pinang, Tun Dr. Lim Chong Eu akan datang melawat kami di atas kapal dengan membawa rambutan.

Tun Razak memang gemar bermain pakau tetapi beliau tidak handal. Beliau selalu berkata secara berseloroh, "Shahriman selalu menang." Golf merupakan sukan kegemaran beliau dan beliau akan bermain sekurang-kurangnya dua kali seminggu untuk mengurangkan tekanan kerja.

Beban Negara

Kehidupan beliau sentiasa tertekan kerana tugasan berat sebagai seorang pemimpin negara. Masa yang paling rumit dalam kehidupan beliau adalah antara malam pilihan raya 1969 sehingga selepas kejadian 13 Mei 1969.

Tun Razak sedar yang pilihan raya 1969 adalah pilihan raya yang amat sukar tetapi beliau tidak pernah menjangkakan yang keputusannya sebegitu rupa. Kami berada di Pekan, di rumah rehat lama dan sepanjang malam 10 Mei sehingga pagi 11 Mei kami menunggu dengan cemas keputusan pilihan raya tersebut. Pada mulanya, Tun Razak kelihatan tenang dan masih boleh

berjenaka. Keputusan yang pertama diumumkan. Kawasan pilihan raya negeri Cameron Highlands telah jatuh ke tangan pembangkang. Tun kelihatan terkejut. Beliau terkejut kerana Cameron Highlands terletak di dalam negeri beliau sendiri, negeri Pahang, yang merupakan kubu kuat Perikatan.

Berita buruk ini merupakan permulaan bagi kekalahan lain Perikatan. Jam demi jam, Pulau Pinang nampaknya semakin berada dalam kedudukan yang berbahaya untuk jatuh ke tangan pembangkang. Begitu juga dengan Perak dan Selangor.

Saya masih ingat saat Tun Razak menunjukkan rasa lega beliau apabila mendapat tahu yang Tan Sri Khir Johari kekal mempertahankan kedudukannya di Kedah. Sebelum ini terdapat khabar angin yang Khir Johari mungkin akan menggantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan bukannya beliau. Namun, rasa lega yang Tun Razak tunjukkan apabila mendapat tahu kemenangan Khir Johari menunjukkan yang beliau tidak sedikit pun tergugat dengan khabar angin itu. Di samping itu, kemenangan Khir juga merupakan suatu perkara yang menggalakkan kerana sebelum pilihan raya, memang terdapat kempen memburuk-burukkan Khir Johari. Parti-parti pembangkang telah mengedarkan gambar Khir Johari dan isteri berpakaian tradisi Cina.

Menjelang subuh, apabila hampir semua keputusan telah diperoleh, jelas yang Perikatan akan terus memerintah dengan majoriti yang sederhana. *Champagne* kemenangan dihidangkan dengan ihsan Tunku Arif Bendahara Tengku Ibrahim. Namun, apabila minuman itu diedarkan Tun Razak tidak mahu menjamahnya. Saya lihat beliau sangat kecewa dengan keputusan keseluruhannya. Perikatan telah menang secara amnya tetapi tewas di Pulau Pinang, Perak, dan Selangor dan terdapat keadaan yang tidak menentu akan pihak mana yang harus menubuhkan kerajaan negeri.

Saya tidak pernah melihat Tun Razak berada dalam keadaan yang semurung ini. Saya menghantar beliau ke Lapangan Terbang Kuantan untuk penerbangan balik ke Kuala Lumpur dan beliau kelihatan lain daripada hari-hari biasa. Sepanjang masa beliau hanya mendiamkan diri. Beliau seolah-olah dapat merasakan sesuatu yang buruk akan berlaku. Hal ini nyata terbukti apabila dua hari selepas itu rusuhan berlaku.

Selepas itu, saya bertemu beliau pada 15 Mei dalam satu mesyuarat di bangunan Parlimen yang dihadiri oleh Menteri-menteri Besar dan jeneral-jeneral dari angkatan tentera bagi membincang tragedi yang tercetus itu serta mencari jalan untuk mengembalikan keamanan dan keselamatan. Beliau nampak muram. Beliau mempengerusikan mesyuarat tersebut tetapi tidak bercakap banyak. Beliau mendengar kebimbangan yang



disuarakan para jeneral tentang keadaan negara. Salah seorang daripada mereka memberitahu yang sesetengah pegawai muda tentera sudah tidak dapat bersabar lagi dan mereka menggesa satu tindakan yang keras diambil. Keadaan yang merbahaya ini membuatkan Tun Razak perlu berunding dengan berhati-hati supaya pihak tentera tidak mengambil alih kuasa pentadbiran. Seperti yang dapat dilihat beliau telah menanganinya dengan baik, tersangat baik.

Tun Razak seorang yang suka kepada sikap bertolak ansur. Beliau tidak suka pertelingkahan. Beliau juga percaya yang kita perlu berlaku adil kepada orang ramai dan cuba mengelakkan diri daripada mengambil tindakan yang ekstrem ke atas mereka. Berasaskan semangat tolak ansur dan kesederhanaan inilah beliau berjaya mendapatkan kemerdekaan bagi negara kita. Melalui semangat yang sama jugalah beliau telah memulihkan keadaan negara sehingga normal semula selepas rusuhan tersebut. Pada tahun-tahun berikutnya, beliau bekerja keras untuk mendapatkan semula sokongan rakyat kepada Barisan Nasional dan memastikan tragedi 13 Mei tidak akan berulang lagi.

Menang Tanpa Bertanding

Apabila pilihan raya yang berikutnya diadakan pada tahun 1974, beliau tahu yang kemenangan akan tercapai tetapi beliau masih menaruh kebimbangan kerana itulah pertama kali beliau menghadapi pilihan raya sebagai seorang Perdana Menteri. Hanya satu mandat besar dapat menunjukkan rakyat menerima kepimpinan beliau.

Dalam konteks itu, beliau sangat mengambil berat akan pengundian di kawasan Parlimen beliau, iaitu Pekan. Pada 8 Ogos, hari penamaan calon, saya pergi mencari beliau di Pejabat Daerah, di mana borang pencalonan dikemukakan. Terdapat seramai 1000 orang sedang berkumpul di situ. Saya bertanya kepada salah seorang daripada mereka sama ada Tun Razak telah mengemukakan kertas pencalonan beliau. Dia menjawab sudah dan menambah yang Tun Razak sudah kembali ke Ibu Pejabat UMNO Pekan.

Saya kemudiannya bertanya beliau sama ada terdapat calon lain yang akan bertanding menentang Tun Razak. Jawapan yang diberikan kapada saya benar-benar menunjukkan sentimen penduduk Pekan: "Siapa yang berani mencabar Bapa Pembangunan?" Dia menggunakan nama jolokan yang telah diberikan oleh penyokong Tun Razak kepadanya.

Sejurus kemudian saya menemui Tun Razak di Ibu Pejabat UMNO Pekan di mana terdapat kira-kira 500 orang berkumpul untuk menunjukkan sokongan mereka. Tun Razak dan rombo-

Menunaikan fardu haji bersama Tan Sri Mohd Khir Johari (kanan) dengan berpakaian ihram di Makkah.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

ngannya sedang menunggu di dalam pejabat untuk mengetahui sama ada beliau akan menerima sebarang tentangan. Kami menjangkakan seorang yang bernama Zulkifli Ahmad akan berbuat demikian kerana beberapa hari sebelum itu beliau telah membuat kenyataan akhbar bahawa beliau akan menentang "Gergasi Tun".

Kemudian pada jam 10.30 pagi, Setiausaha Politik Tun Razak, Annuar Jusoh, berjalan masuk dengan muka bimbang dan berbisik sesuatu kepada Tun Razak. Kebanyakan kami menjangkakan yang sudah tentu seseorang akan bertanding menentang Perdana Menteri. Kami berasa lega apabila mengetahui yang ia mengenai sesuatu perkara lain. Kertas pencalonan calon Barisan Nasional bagi Bukit Ibam, Rashid Mohd Aris—yang pada masa itu berada di bawah kawasan Parlimen Pekan tetapi sekarang di bawah Parlimen Rompin selepas pembahagian semula—dikatakan silap mengisi borang dan berkemungkinan tidak dapat bertanding.

Annuar menerima satu panggilan telefon daripada Khalil Akasah, Setiausaha Kerja Barisan Nasional dari Ibu Pejabat UMNO di Kuala Lumpur. Tun Razak menyemak salinannya dan menunjukkan kepada Timbalan Menteri Besar Pahang Dato' Mohamad Jusoh, yang kemudiannya memberikan kapada saya. Kemudian Annuar masuk semula ke dalam bilik itu dan memberitahu yang semuanya sudah dibereskan; Penyelia Pilihan Raya Negeri di Kuantan, Encik Singhe telah memutuskan yang kertas pencalonan itu berada dalam keadaan yang teratur. Malah, calon pembangkang juga telah menyerahkan kertas pencalonan mereka dalam keadaan yang serupa.

Sebaik sahaja Annuar meninggalkan bilik itu, Tun Razak telah membuatkan semua orang ketawa apabila beliau dengan nada yang ceria berkata, "Annuar kita ni cepat melatah, elok kalau kita kahwinkan dia dengan segera."

Menjelang jam 11.00 pagi, ternyata tidak ada orang yang akan menentang Tun Razak. Kami diberitahu Zulkifli ada berkejar ke pusat penamaan calon 15 minit sebelum tamat tempoh tetapi untuk mengemukakan borang pencalonan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Pekan melawan sepupunya sendiri Shamsiah. Tun Razak berasa sangat gembira. Disebabkan tidak ada orang menentang beliau, bererti rakyat di kawasannya memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada anak negeri mereka sendiri. Hal ini merupakan sesuatu yang memberangsangkan. Beliau berpaling kepada saya dan berjenaka, "Saya menang tanpa bertanding Shahriman kerana anda turut hadir."

Panggilan Terakhir

Saya rasa terkilan kerana tidak ikut bersama apabila Tun Razak pergi bercuti ke selatan Perancis dalam bulan Disember 1975. Saya sepatutnya berangkat bersama beliau tetapi terpaksa menundakan pemergian kerana terpaksa menguruskan beberapa urusan penting. Kemudian saya menerima sepucuk telegram yang membawa khabaran buruk daripada ADC Tun Razak yang memberitahu saya untuk tidak menyertai mereka di Perancis kerana Tun Razak akan berangkat ke London untuk rawatan perubatan.

Saya pernah merasakan ada sesuatu yang tidak kena dengan Tun Razak sebelum ini. Pejabat saya di Jabatan Perdana Menteri terletak tidak jauh dari pejabat beliau. Malah, kerana terlalu dekat ramai menteri yang datang untuk berjumpa dengan Tun Razak menggunakan bilik saya sebagai tempat menunggu. Saya berjumpa Tun Razak boleh dikatakan hampir setiap hari. Saya pernah ternampak bintik-bintik di tangan beliau semasa saya meminta beliau menandatangani beberapa dokumen. Saya bertanya kenapa. Beliau menjawab, "Mungkin kerana saya terlalu banyak terdedah kepada matahari, bermain golf." Pada masa itu pun saya tidak percaya dengan jawapan beliau.

Bagaimanapun, saya tidak terfikir yang rawatan di London tidak dapat memulihkan beliau. Berita kematian Tun Razak pada 16 Januari 1976 memang tidak pernah diduga sama sekali. Ia seolah-olah sebiji batu yang menghancurkan kaca. Saya menerima panggilan pada waktu petang yang memaklumkan saya akan berita buruk itu. Mata saya menjadi gelap dan kabur, bukan kerana kegelapan, saya kaku buat beberapa ketika, tidak tahu apa yang harus dilakukan, dan tidak tahu apa yang hendak difikirkan, hanya air mata sahaja yang mengalir. Buat dua tiga hari selepasnya, saya hilang minat dalam semua hal.

Apabila saya kenang semula, saya kesal kerana tidak bertemu beliau sebelum beliau meninggal. Namun, kadang-kadang saya rasa mungkin ada baiknya juga saya tidak berbuat demikian. Saya mendapat tahu pada hari-hari terakhir beliau, berat badan beliau menurun dengan cepat sehingga beliau cengkung. Saya ingin mengingati beliau seperti Tun Razak yang saya kenali, sihat dan bertenaga.

Buat saya, Tun Razak kekal sebagai pemimpin terkemuka dan seorang sahabat baik. Rasa hormat dan kemesraan saya terhadap Tun Razak bukan hanya kerana beliau menjadi ketua dan mentor saya. Ia adalah lebih dalam daripada itu. Sehingga sekarang saya masih menganggap beliau sebagai orang yang mempunyai pengaruh yang besar dalam hidup saya.

Tun Razak Menyentuh Nadi Masyarakat Desa

Oleh Tun Abdul Ghafar Baba

Bagi saya Tun Razak ialah seorang pemimpin yang sukar dicari ganti. Satu dalam seribu. Jasanya kepada negara terlalu besar—tak terhitung oleh kita. Memang sewajarnyalah jasa dan baktinya kita kenang dan hayati.

Bila mengenangkan saat-saat akhir beliau sebagai pemimpin, saya berasa sedih dan terharu kerana beliau meninggal di negara orang. Sakitnya dirahsiakan. Beliau tidak mahu orang lain susah. Beliau menanggung derita seorang diri. Semasa sakit, beliau tetap terus menjalankan tugas, membuat kerja untuk bangsa dan negara, tidak kira siang atau malam.

Seminggu sebelum beliau meninggal dunia, saya bermimpi. Dalam mimpi itu Tun Razak mengajak saya melihat sebuah taman bunga yang dipenuhi dengan aneka bunga yang berwarna warni. Taman itu sungguh cantik. Saya terpegun melihatnya.

Selepas tersedar, saya tertanya-tanya kepada diri sendiri apakah maknanya mimpi itu. Saya cuba mencari jawapan dan mentafsirkan sendiri; mungkin taman bunga itu membawa makna yang baik kepada Tun Razak, mungkin ia gambaran sebuah syurga—mudah-mudahan....

Pada hari beliau meninggal dunia saya sekali lagi bermimpi ketika tertidur di rumah. Mimpi yang kedua ini agak berlainan dari mimpi yang pertama. Kali ini, saya bermimpi seorang tua berjubah putih datang memberitahu saya dengan berkata: *Your friend is dead!*

Saya terkejut dan terjaga. Saya mengucap istighfar beberapa kali. Kata-kata orang tua itu bermain-main di kepala saya. Saya tertanya-tanya siapakah agaknya kawan saya yang telah mati itu. Lantas tiba-tiba saya teringat Tun Razak yang pergi ke England untuk rawatan. Hati saya mula berdebar-debar. Saya merasa resah dan gelisah dan tidak dapat menahan perasaan. Saya teringatkan Tun Razak. Apakah agaknya yang sudah terjadi kepadanya.

Sejurus kemudian saya menerima panggilan telefon dari rumah Dato' Hussein Onn. Saya dipanggil ke sana. Debaran jantung saya makin kencang dan rasa resah gelisah makin menjadi-jadi. Ketika saya sampai Hussein Onn memberitahu saya yang Tun Razak sakit kuat di London. Tersentak hati saya,



terasa sayu dan hiba. Tun Razak berada jauh di London, sedangkan kami di sini, di tanah air. Pada pendapat saya, tentulah pada waktu-waktu seperti itu, beliau memerlukan kawan-kawan di sampingnya tapi kami tidak dapat berbuat demikian. Hanya kepada Allah kami memanjatkan doa.

Dalam keresahan dan kegelisahan kami, muncul Tan Sri Ghazali Shafie memberitahu yang Tun Razak sudah tidak ada lagi. Sebak hati tidak terkata, mata Dato' Hussein Onn kelihatan merah dan saya yang tidak dapat berkata apa-apa dan lemah seluruh anggota berlari masuk ke bilik air dan menangis sepuas-puasnya.

Belum pernah saya menangis seteruk itu. Keluarga saya meninggal pun saya tidak menangis sampai begitu sekali. Saya berasa kehilangan tempat bergantung, seolah-olah tidak ada lagi pengganti.

Perasaan ini mungkin di sebabkan hubungan yang erat antara saya dengan Tun Razak. Saya menghormati Tun Razak sebagai negarawan terbilang yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dan rakan-rakan yang lain.

Dalam kepimpinan UMNO yang lalu, ada tiga pemimpin yang saya sangat hormati dan menganggap mereka sebagai pemimpin yang berwibawa dan banyak keistimewaannya. Mereka ialah, Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Tun Dr. Ismail dan Tun Abdul Razak.

Dalam perjalanan pulang bersama Menteri Besar Melaka, Tun Abdul Ghafar Baba (kiri), dan Menteri Kewangan Tun Tan Siew Sin (tengah) selepas menyerah 10 buah bot kepada golongan nelayan Tanjung Keling. (1967)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Ini bukan bermakna saya mengetepikan pemimpin-pemimpin yang lain seperti Dato' Onn Jaafar, Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan beberapa pemimpin lain. Mereka juga ada peranan masing-masing dalam memperjuangkan kemerdekaan negara, tetapi ketiga-tiga pemimpin yang saya sebutkan itu, mempunyai ciri-ciri yang istimewa, yang sukar dicari ganti.

Tun Razak umpamanya, kelebihan dan keistimewaannya sebagai seorang pemimpin yang berjiwa rakyat sukar ditandingi oleh orang lain. Dari seorang Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, beliau akhirnya meningkat ke jawatan tertinggi iaitu Perdana Menteri yang sangat kita sayangi.

Hubungan saya dengan beliau lebih daripada persahabatan politik—macam saudara. Beliau sentiasa menasihati dan memberi tunjuk ajar kepada saya terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik, khususnya UMNO. Beliau tidak lokek berkongsi ilmu.

Saya mula mengenali beliau pada tahun-tahun 1950-an. Dalam pilihan raya 1955, Tun Razak meminta saya bertanding di Melaka. Pada mulanya saya menolak kerana bimbang tidak dapat memberi sumbangan kepada negara. Pada tahun yang sama saya telah dilantik menjadi Ketua Bahagian UMNO Melaka. Pada masa itu Melaka hanya mempunyai satu bahagian sahaja. Tun Razak terus mendesak dan akhirnya saya bersetuju. Saya bertanding atas tiket Perikatan di kawasan Melaka Luar. Dalam pertandingan itu saya melawan Jaafar Mohd Tan dari Parti Negara. Alhamdulillah saya menang dengan majoriti 23 969 undi.

Pada tahun 1959, sekali lagi saya bertanding dalam pilihan raya, tapi kali ini untuk kawasan dewan undangan negeri. Saya bertanding di kawasan Tanjung Keling. Calon yang menentang saya ialah Mohd Nor Nordin dari Parti PAS. Saya menang dengan majoriti 2742 undi.

Pada tahun itu Tunku meminta saya menjadi Ketua Menteri Melaka. Saya menolaknya tapi Tunku tetap mendesak. Tun Razak pula meminta saya menerimanya. Beliau memberi pengakuan akan membantu saya. Akhirnya saya terpaksa menerima.

Sejak saya menjadi Ketua Menteri Melaka, perhubungan saya dengan Tun Razak semakin erat. Kami saling berhubung terutama mengenai perkara-perkara berkaitan UMNO dan masalah negara.

Melalui pergaulan itu saya dapati Tun Razak ialah seorang pemimpin yang ditakuti, bukan saja oleh kakitangan kerajaan malah oleh kalangan ahli-ahli parti. Tun Razak tidak suka sambil lewa semasa bekerja. Dia serius dalam menjalankan tugasnya. Anehnya, walaupun beliau seorang pemimpin yang ditakuti

tetapi ramai orang yang sayangkan beliau. Lazimnya, jika kita takut kepada seseorang, kita akan merasa benci terhadapnya. Tun Razak adalah sebaliknya, orang takut dan segan tapi orang sayang.

Perwatakan beliau sentiasa serius, dia jarang tersenyum. Memang sangat sukar untuk melihatnya tersenyum. Beliau tidak suka "main-main". Kata orang Inggeris *no nonsense.*

Kakitangan kerajaan atau ahli politik tidak boleh membohongi beliau. Mereka mesti jujur dan bercakap benar. Sesiapa cuba berbohong akan menerima padahnya.

Pernah terjadi seorang pegawai kerajaan cuba berbohong mengenai satu projek. Bila Tun Razak bertanya adakah projek tersebut telah siap pegawai itu menjawab sudah walaupun sebenarnya projek tersebut belum siap. Apabila Tun Razak pergi melawat ke tapak projek tersebut, beliau dapati projek tersebut belum siap. Tun Razak menunjukkan kemarahannya kerana beliau tidak suka dibohongi dan dipermainkan. Pegawai tersebut ternyata telah berbohong dan kerana itu pegawai tersebut telah ditukarkan dengan serta-merta.

Tun Razak sangat tegas dalam menjalankan kerja. Beliau sentiasa melakukan lawatan ke tapak projek, terutamanya di



kawasan luar bandar. Semasa lawatan ke luar bandar, beliau tidak mengambil kira mengenai soal makan dan tempat tidur. Apa yang rakyat makan, itulah yang dimakan beliau.

Perjuangan beliau adalah untuk membangunkan negara dan meninggikan kedudukan ekonomi orang Melayu, terutama penduduk luar bandar.

Oleh sebab beliau memberi tumpuan yang lebih untuk membantu orang Melayu di kampung-kampung, ada pihak yang tersalah anggap dengan mengecap beliau sebagai "ultra" dan "anti kaum Cina". Tuduhan seperti ini telah mula kedengaran sejak beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi. Akan tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah, disebabkan kedudukan ekonomi orang Melayu masih jauh ke belakang, maka Tun Razak berpendapat adalah wajar orang Melayu, khususnya yang tinggal di luar bandar diberikan perhatian dalam segala bidang, terutama sekali pendidikan.

Tun Razak juga sentiasa mengekalkan hubungan yang baik dengan Tunku. Hubungan mereka boleh dikatakan seperti isi dengan kuku. Mereka saling hormat-menghormati—tidak ada perselisihan antara mereka berdua. Jika Tunku melakukan kesalahan, Tun Razak akan menegurnya, begitu juga sebaliknya. Antara kedua-duanya saling tegur-menegur demi kepentingan rakyat dan negara.

Apabila Tunku berundur dan Tun Razak menjadi Perdana Menteri, tuduhan ultra dan anti kaum lain ternyata tidak benar sama sekali. Tun Razak meneruskan kepimpinannya dengan berpegang kepada dasar Perikatan yang dipersetujui oleh semua kaum. Malaysia adalah untuk semua kaum. Cuma yang berbeza mungkin pendekatan atau gaya kepimpinannya. Tun Razak serius dalam menjalankan tugas-tugas beliau.

Malah konsep Perikatan yang merupakan penggabungan antara UMNO, MCA dan MIC telah diperluaskan kepada konsep terbuka, yang dinamakan Barisan Nasional. Tun Razak sedar tentang bahaya "api perkauman", kerana itu beliau mengajak parti-parti lain yang berada di luar Perikatan supaya masuk dan bergabung di bawah Barisan Nasional.

Dengan terbentuknya Barisan Nasional (BN) menggantikan Perikatan, maka bertambahlah bilangan parti yang menjadi anggota dan ini menjadikan BN sebagai satu gabungan raksasa yang menyatupadukan seluruh rakyat.

Konsep kerjasama dan pembentukan BN dengan jelas membuktikan bahawa Tun Razak ialah pemimpin untuk semua kaum bukannya ultra atau anti kaum lain seperti tuduhan yang dilemparkan kepada beliau oleh sesetengah pihak.

Cuma dalam usaha beliau membangunkan negara, beliau tidak dapat tidak terpaksa memberikan tumpuan lebih kepada

Tun Abdul Ghafar Baba (kanan) mengiringi Tun Razak ke dalam Dewan Hang Tuah untuk merasmikan mesyuarat agung cawangan UMNO Melaka. Ketua Menteri Melaka, Datuk Haji Talib Karim berada di sebelah kanan Tun Razak.

(Ihsan daripada Utusan Melayu (M) Bhd.)



orang Melayu, terutama yang tinggal di luar bandar disebabkan kedudukan mereka pada masa itu masih jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan kaum lain.

Orang Melayu masih lagi mundur hampir dari semua sudut, terutama dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Berdasarkan hakikat itu kedudukan mereka ini perlu dibantu kerana kekuatan UMNO itu sendiri adalah berteraskan penduduk yang berakar umbi dari luar bandar. Kalau penduduk luar bandar lemah maka akan lemahlah UMNO. Sebagai parti yang menjadi tunggak kepada pemerintahan negara, kedudukan parti mesti kukuh. Untuk mengukuhkan kedudukan parti, orang Melayu mesti mempunyai kekuatan. Sebab itu Tun Razak merasakan bahawa kelemahan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan mesti diatasi.

Perkara seperti ini sudah difikirkan sejak zaman Tunku lagi dan apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri, kedudukan dan perancangannya diperkemaskan lagi.

Kewujudan Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah antara bukti yang menunjukkan niat suci kerajaan hendak membantu masyarakat Melayu di luar bandar.

Pada masa itu, sektor pertanian telah diberi penekanan yang lebih. Kempen menanam padi dua kali setahun, menanam kelapa sawit dan beberapa kempen lain diperkenalkan untuk menambah pendapatan. Semasa hendak memulakan projek kelapa sawit, berbagai-bagai pendapat telah disuarakan. Ada yang berpendapat kelapa sawit tidak sesuai ditanam tetapi Tun Razak tegas dengan keputusannya kerana menurut beliau

Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman mengangguk kepala mendengar pandangan yang diketengahkan dalam mesyuarat Wanita UMNO dan Gerakan Pemuda. Di sebelah kanan, Tun Razak tertunduk memegang kepala kerana berasa kecewa manakala Setiausaha Agung UMNO, Tun Abdul Ghafar Baba (kiri sekali) kelihatan tabah. (1968)

(Ihsan daripada Utusan Melayu (M) Bhd.)

keadaan iklim kita bersesuaian. Ternyata pendapat Tun Razak benar dan hari ini, kelapa sawit telah menjadi antara hasil penting negara.

Projek-projek lain seperti penubuhan FELDA, FELCRA, FAMA, MARA, BBMB, Kompleks Kewangan dan insurans MNI adalah merupakan di antara projek untuk membantu bumiputera.

Mereka yang menyertai rancangan FELDA dulu, tidak pernah terfikir yang satu hari nanti mereka akan menjadi jutawan, tetapi sekarang ternyata apa yang tidak pernah mereka fikirkan, kini menjadi kenyataan. Bila tanah mereka diambil untuk tujuan industri, mereka dibayar dengan harga berjuta-juta ringgit. Inilah yang dikatakan rezeki, berkat ketabahan dan ketekunan bekerja, telah membawa berkat kepada mereka.

Dalam bidang pendidikan, beratus-ratus buah sekolah didirikan di luar bandar. Maktab dan Universiti bertambah. Kelahiran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), telah membuka banyak peluang kepada anak-anak kampung untuk melanjutkan pelajaran.

Hasil dasar pelajaran yang tersusun, beribu-ribu pelajar termasuk pelajar-pelajar Melayu mendapat pendidikan yang sempurna. Bagi mereka yang berjaya ke menara gading mereka sudah tentu akan mendapat pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lumayan.


Pendidikan bukan saja tertumpu kepada golongan muda, Tun Razak juga melancarkan program membasmi buta huruf di kalangan orang dewasa terutama bagi penduduk luar bandar.

Program ini mendapat sambutan daripada rakyat jelata. Tun Razak percaya melaui "celik huruf", keadaan kehidupan rakyat boleh dipertingkatkan.

Tun Razak juga menyedari kelemahan orang Melayu dalam bidang ekonomi berbanding dengan kaum lain. Keadaan ini membuatkan kedudukan orang Melayu jauh ketinggalan. Tun Razak kemudiannya meminta saya menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera untuk mencari jalan bagaimana hendak membantu dan memperbaiki kedudukan orang Melayu dalam bidang ekonomi.

Hasil daripada Kongres ini, lahirlah MARA, Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB), Kompleks Kewangan dan beberapa agensi lain yang bertujuan membantu orang Melayu dalam dunia perniagaan.

Semasa rusuhan kaum berlaku dalam tahun 1969, Malaysia diletakkan di bawah pemerintahan MAGERAN (Majlis Gerakan Negara) di mana Tun Razak dilantik menjadi Pengerusi. Tunku menyerahkan tugas penting itu kepada Tun Razak. Mujurlah rusuhan itu tidak lama. Selepas negara kita aman semula Dasar



Tun Razak memberi ucapan dalam perhimpunan Barisan Nasional dengan disertai Timbalan Perdana Menteri, Tun Hussein Onn di sisi kiri dan Tun Abdul Ghafar Baba.

(Ihsan daripada Utusan Melayu (M) Bhd.)

Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan. Melalui dasar ini kedudukan ekonomi negara disusun semula. Kalau dulu hampir semua peluang perniagaan dikuasai oleh kaum Cina, maka melalui dasar baru ini, monopoli itu dipecahkan. Tidak boleh lagi terdapat keadaan di mana satu pihak menjadi kaya sedangkan satu pihak lain menjadi miskin.

Jika ekonomi itu diibaratkan sebiji kek, maka kek itu perlu dibahagikan. Hak orang Cina tidak diambil, tetapi mereka perlu memberi sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti kepada bumiputera.

Pada mulanya memanglah berat bagi kaum Cina hendak berkongsi "kek" itu kerana mereka telah bekerja keras dalam bidang tersebut tetapi atas dasar persefahaman dan persahabatan yang berkekalan, maka kekayaan negara perlulah dibahagikan. Tidak elok satu kaum saja yang memonopolikan kekayaan. Sikap memberi dan menerima serta berkongsi kekayaan ini juga menjadi faktor kepada keamanan dan perpaduan.

Dengan kebijaksanaan Tun Razak mengenai Dasar Ekonomi Baru, kedudukan ekonomi orang Melayu dapat dipertingkatkan. Perlahan-lahan kehidupan mereka bertambah baik. Kemudian kedudukan ekonomi bumiputera ini telah diperteguhkan lagi oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjalankan dasar-dasar yang pragmatik dan berkesan.

Tun Razak ialah seorang pemimpin yang dalam fikirannya sentiasa memikirkan untuk memajukan orang Melayu. Dalam hampir setiap ucapannya, beliau sentiasa menyeru orang Melayu supaya mengubah sikap dan berani menerima perubahan.

Oleh sebab ramai orang Melayu terlibat dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan pertanian dan menjadi nelayan, maka banyak badan-badan yang berkaitan dengan kegiatan tersebut ditubuhkan. Antaranya ialah FAMA, Koperasi, Pertubuhan Peladang, dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Beliau sentiasa bersedia masuk ke kampung-kampung tanpa jemu dan tanpa memikirkan penat lelah. Apabila berbincang tentang sesuatu projek luar bandar, sayalah yang menjadi tempat rujukan beliau. Saya ini dianggap orang kampung yang tahu mengenai rintihan orang kampung. Sebarang masalah yang melibatkan kawasan luar bandar, pendapat saya sering diminta.

Tun Razak (kiri sekali) berucap di upacara jamuan teh untuk meraikan ulang tahun ke-25 UMNO di Sri Taman. Tun Abdul Ghafar Baba di sebelah kanan beliau.

(Ihsan daripada Utusan Melayu (M) Bhd.)

Dalam mesyuarat UMNO atau mesyuarat apa sahaja, Tun Razak suka mendengar pendapat orang lain terlebih dahulu. Pendapat itu pula mestilah bernas kerana beliau tidak suka membuang masa. Kalau elok beliau akan menerimanya. Setiap orang bebas memberi pendapat dan beliau bersedia mendengarnya.

Tun Razak juga berfikiran jauh. Kadangkala apa yang beliau fikirkan tidak terjangkau oleh kita. Salah satu contoh yang dapat saya berikan ialah mengenai hubungan kita dengan negara China. Pada masa itu hubungan dengan China tidak begitu baik kerana China didapati membantu pengganas komunis yang bergerak di hutan negara kita.

Menurut Tun Razak kalau kita hendak melemahkan dan seterusnya menghapuskan gerakan komunis di negara kita, kita kenalah berbuat baik dengan negara China. Beliau mencadangkan supaya kita mengadakan hubungan diplomatik dengan negara China. Kita buat perjanjian dan kita ikat mereka supaya mereka jangan membantu Parti Komunis Malaya (PKM). Lama-kelamaan tentu PKM akan menjadi lemah. Pendapat Tun Razak ini tidak dipersetujui ramai termasuklah Tunku Abdul Rahman sendiri.

Bagaimanapun, apa yang dirancangkan oleh Tun Razak akhirnya diterima. Tun Razak melawat China dan hubungan dua hala dimeterai. China kemudian memberi jaminan tidak akan membantu lagi gerakan komunis di Malaya. Pengakuan itu secara tidak langsung melemahkan PKM. Bila tidak menerima bantuan, PKM tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Akhirnya pergerakan komunis menjadi lemah dan kini ia sudah pun dibubarkan. Ini membuktikan apa yang difikir dan dirancang oleh Tun Razak mempunyai kebenarannya. PKM musnah dan pemimpin-pemimpinnya berpecah.

Falsafah kepimpinan Tun Razak amat mudah; kurangkan bercakap lebihkan kerja. Orang yang banyak bercakap tentulah kurang berkerja—kerana asyik bercakap kerja tak jadi. Beliau juga menyeru supaya orang UMNO kurang bermain politik dan lebihkan kerja.

Ketegasan dan falsafah kerja yang dianuti beliau menyebabkan banyak orang takut kepadanya, sama ada pegawai kerajaan atau ahli politik. Kerana itu setiap projek yang dijalankan untuk rakyat perlu dijalankan dengan sempurna. Kakitangan kerajaan atau ahli politik memang suka kalau Tun Razak datang melawat projek mereka, kerana ia merupakan seolah-olah satu bonus kepada mereka dan sekiranya Tun tersenyum, mereka akan turut merasa gembira.

Walaupun Tun sentiasa kelihatan serius dan jarang tersenyum, tapi beliau sebenarnya seorang yang sangat baik hati dan lemah lembut. Tutur katanya bersopan dan beliau jarang marah. Kalau marah pun beliau tidak akan menunjukkan kemarahannya. Beliau hanya akan mendiamkan diri. Beliau bolehlah ditakrifkan sebagai *The Perfect Gentlemen.*

Kalau pegawai kerajaan atau ahli politik membuat kesilapan, Tun akan menegur dengan bahasa yang halus tapi dapat

menusuk ke pangkal hati. Sekali kena tegur mereka tidak akan mengulangi lagi kesalahan mereka. Beliau juga tidak pernah mengangkat suara.

Satu lagi keistimewaan beliau ialah beliau mempunyai daya ingatan yang kuat. Beliau mudah ingat dan kenal seseorang walaupun baru sekali berjumpa. Yang paling menakjubkan beliau bukan saja dapat mengingat nama pegawai kerajaan dan ahli politik, malah beliau juga mengetahui latar belakang mereka.

Daya ingatannya kepada seseorang membuatkan orang itu merasa dia diberi perhatian. Kerana itu kita dapati orang sentiasa menghormati beliau.

Tun Razak juga merupakan orang yang mudah didampingi dan tidak cerewet. Selalunya bila beliau hendak melakukan lawatan ke luar bandar, beliau suka mengajak saya. Sewaktu saya menjadi Ketua Menteri Melaka, beliau pernah mengajak saya ke Terengganu.

Waktu itu perjalanan ke Terengganu tidaklah semudah seperti hari ini. Kalau mengikut jalan darat kita terpaksa menaiki banyak feri kerana jambatan belum ada. Sungai-sungai dihubungkan melalui feri. Jalan raya pula kecil dan terpaksa melalui hutan rimba.

Kami bertolak dari Kuala Lumpur pada sebelah pagi dengan menaiki kapal terbang yang dipanggil Viva. Kapal terbang ini kecil dan hanya mempunyai satu kipas. Masa dulu memang tidak ada kapal terbang besar dan dengan kapal terbang kecil inilah kami selamat sampai di Terengganu.

Tujuan kami ke Terengganu adalah untuk memberi nasihat kepada kerajaan Terengganu pada waktu itu supaya jangan meminda perlembagaan. Kalau tak salah saya kerajaan Terengganu hendak meminda perlembagaan kerana hendak mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar. Malangnya UMNO yang memerintah Terengganu pada masa itu tidak mahu mendengar nasihat Tun Razak. Terengganu pada masa itu menerima saingan yang hebat daripada PAS.

Selepas nasihat kami tidak diterima, kami mengambil keputusan balik ke Kuala Lumpur. Malangnya kapal terbang yang membawa kami mengalami kerosakan enjin. Terpaksalah kami balik dengan kereta. Yang menyedihkan kerajaan Terengganu tidak mempunyai kereta rasmi kerajaan untuk menghantar kami balik ke Kuala Lumpur.

Akhirnya kami terpaksa menyewa teksi untuk balik ke Kuala Lumpur. Kami bertolak dari Kuala Terengganu di sebelah petang dan sampai ke Kuala Lumpur pada pukul 3.00 pagi. Bila diingat perjalanan tersebut memang ngeri dan mencemaskan. Bayangkanlah pada malam hari kami terpaksa merempuh jalan berliku

melalui hutan rimba yang tebal tanpa pengawal peribadi. Saya fikir pemandu teksi itu sendiri tidak mengetahui siapakah penumpangnya. Nasib baiklah kami selamat sampai. Tun Razak melalui peristiwa seperti itu tanpa sebarang kerenah.

Satu lagi peristiwa yang tidak dapat saya lupakan ialah ketika melawat sebuah daerah pedalaman di Sarawak bersama Tun Razak. Kalau tak salah saya tempat itu ialah Rejang. Di situ tidak ada hotel dan kami terpaksa menumpang bermalam di rumah Pegawai Daerah (DO). Rumah DO itu pula tak cukup katil—maklumlah rumah DO dulu tak macam rumah DO sekarang. Jadi kami terpaksa tidur berdua di atas satu katil. Tun Razak tidak mengambil kira mengenai perkara itu.

Sebelum tidur saya berkata kepada Tun, "Tun tidurlah dulu ... kerana saya ni tidur berdengkur." Tun menjawab yang beliau juga tidur berdengkur. Kami sama-sama ketawa. Jadi malam itu kami lawan berdengkur sampai ke pagi.

Saya menceritakan dua peristiwa ini semata-mata untuk menunjukkan betapa senangnya bergaul dengan Tun. Beliau tidak mementingkan pangkat dan darjat. Beliau boleh menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan. Beliau ialah pemimpin dan beliau juga ialah rakyat.

Satu lagi sifatnya ialah pemurah dan sentiasa menghargai jasa kawan dan sahabat handainya. Sahabat-sahabat yang pernah berjuang dengan beliau sentiasa diberi perhatian. Beliau tidak akan membiarkan mereka yang pernah berjasa hidup tanpa diberi perhatian. Mana yang belum ada tempat akan diberi tempat yang sesuai.

Beliau kadangkala tidak mempedulikan sangat tentang kesihatan dirinya. Beliau tidak akan menghebah atau menceritakan apa-apa mengenai penderitaannya. Walaupun sakit, walaupun pening, tugasnya akan terus dijalankan.

Sikapnya itu membuatkan rakyat suka kepadanya. Rakyat takut tapi sayang. Ketika jenazahnya sampai di lapangan terbang, puluhan ribu rakyat datang menyambut ketibaan jenazahnya dengan tangisan dan air mata. Begitu juga di kediamannya, puluhan ribu rakyat dari pelbagai kaum datang menziarahinya, termasuk anak-anak muda dengan wajah yang sugul membacakan doa untuknya. "Beliaulah pemimpin kesayangan rakyat, pemimpin yang sukar dicari ganti."

Menerajui Pentadbiran

Oleh Tun Ismail Mohamed Ali

ALLAHYARHAM Tun Razak ialah seorang yang bertanggungjawab. Sejarah membuktikan beliau adalah salah seorang daripada personaliti paling utama yang terlibat dalam pembangunan bangsa dan negara. Beliau juga seorang pentadbir yang cemerlang dan mengutamakan pembangunan politik, ekonomi, dan perkembangan sosial rakyat, terutamanya masyarakat Melayu.

Pertama kali kami berjumpa ialah ketika beliau sedang menuntut dalam jurusan undang-undang di London. Perang Dunia Kedua baru sahaja berakhir dan saya sedang menunggu masa untuk pulang setelah tamat pengajian. Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman juga bersama Tun Razak, berada di London ketika itu untuk meneruskan pengajian dan menjadi peguam. Peperiksaan mereka sangat susah, lebih-lebih lagi ujian akhir. Akan tetapi Tun Razak ialah pelajar yang cemerlang dan beliau telah lulus dengan mudah.

Penuntut Malaya selalu membuat perjumpaan di London dan Cambridge. Kami telah menubuhkan Kesatuan Melayu Great Britain. Saya menjadi setiausaha dan beliau menjadi ahli. Kami sering berjumpa untuk membincangkan isu kemerdekaan dan masa depan negara, dan komen kami disampaikan ke Pejabat Kolonial.

Pada masa yang sama, sekumpulan pelajar Indonesia di Belanda sedang menghadapi isu yang sama, iaitu keinginan untuk memperoleh kemerdekaan daripada Belanda. Mereka datang ke London untuk bertemu dengan kami dan membincangkan isu ini.

Tun Razak dan Tunku adalah antara tokoh utama dalam perjuangan menentang Malayan Union (MU) dan kemudian untuk kemerdekaan. Sementara Tunku bertanggungjawab menyatupadukan rakyat Malaysia, Tun Razak pula menyempurnakan usaha Tunku dengan menubuhkan sistem pentadbiran yang hebat. Beliau sendiri menyertai Perkhidmatan Awam Malaya setibanya beliau di Malaya. Oleh itu, beliau telah berada dalam kedudukan yang teguh untuk membangunkannya kerana beliau tahu kekuatan negara banyak bergantung kepada pentadbiran yang kukuh, terutamanya selepas peperangan.



Yang di-Pertuan Agong Malaysia ketika itu Sultan Abdul Halim Muadzam Shah mengurniakan surat perlantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri negara yang kedua.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Walaupun beliau amat mengutamakan kemajuan masyarakat Melayu, Tun Razak, seperti juga Tunku, tetap mesra dengan bangsa lain. Apabila Malayan Chinese Association (MCA) ditubuhkan oleh mendiang Datuk Tan Cheng Lock dan Tun Tan Siew Sin, kami telah bekerjasama dalam menggubal perlembagaan. Penganugerahan kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu di negara ini merupakan isu yang sensitif. Ia menjadi pengajaran yang sangat besar bagi kami dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia.

Selepas tahun 1970-an, menyatukan pelbagai bangsa di Malaysia bertambah sukar kerana satu bangsa dikaitkan dengan satu jenis pekerjaan. Kebanyakan orang Melayu ialah nelayan dan petani. Orang Cina pula terlibat dalam bidang perniagaan dan orang India bekerja di ladang. Masalah utamanya adalah untuk menghapuskan sikap mengaitkan bangsa dengan kegiatan ekonomi. Cabarannya adalah untuk memberi peluang kepada orang Melayu terutamanya di bahagian korporat.

Penubuhan Kongres Ekonomi Bumiputera menjadi perkara bersejarah yang penuh bermakna. Tun Razak mengaturkan mesyuarat pertama kongres tersebut. Beliau melantik saya menjadi pengerusi kepada Kumpulan Sekerja Ekonomi dan kami meneruskannya dengan menubuhkan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan pusat-pusat latihan.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dimajukan dan insan yang memainkan peranan utama dalam membangunkannya ialah Timbalan Perdana Menteri kedua, iaitu Tun Dr. Ismail Abdul Rahman.

Pada 22 September 1970, Tun Razak diisytiharkan sebagai Perdana Menteri negara yang kedua. Tun Razak merasmikan DEB yang telah dibentuk untuk membasmi kemiskinan dan menyatupadukan semua kaum di Malaysia. DEB juga bertujuan untuk mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk di kawasan luar bandar.

Saya masih ingat peristiwa di Parlimen sewaktu membuat undian bagi mendapatkan sumbangan untuk membiayai penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan dan sektor swasta. Kerajaan memiliki saham dalam syarikat-syarikat besar dan kami telah menjual saham-saham tersebut kepada individu Melayu.

Selaku pentadbir, Tun Razak mempunyai pekerja sendiri yang agak akrab dengan beliau. Beliau bekerja rapat bersama mereka dan membimbing mereka supaya membentuk badan pembangunan. Beliau mendorong ke arah memajukan kawasan luar bandar dan membentuk skim pembangunan tanah seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan

(FELCRA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Beliau merancang pembukaan tanah di Pahang dan Johor, dan telah mendorong orang ramai untuk menyertai skim ini. Beliau menggalakkan orang Melayu supaya melibatkan diri dalam sektor swasta. Beliau berusaha sedaya-upaya untuk meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu dan hingga ke tahap tertentu beliau telah berjaya. Pencapaian ini merupakan salah satu daripada pencapaian beliau.

Walaupun beliau nampak serius, Tun Razak sememangnya seorang yang mesra. Beliau telah menikmati kehidupan sepenuhnya. Beliau gemar menjemput rakan-rakan untuk berkumpul di rumah beliau bagi membincangkan dan mencadangkan idea untuk isu hangat pada masa itu. Beliau memang suka berbincang. Pada masa yang sama, beliau juga menjadi pendengar yang baik.

Mengenali Tun Razak

Oleh Tan Sri Abdul Samad Idris

PERSIDANGAN Tahun Kelima Mesyuarat Agung UMNO di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak pada 27-29 Ogos 1950, boleh dikira mengukir sejarah peribadi saya sendiri dalam kerjaya politik. Dalam ucapan penangguhan, saya bukan sahaja mengesyorkan supaya slogan UMNO "Hidup Melayu" ditukar kepada "Merdeka", tetapi pada sebelah malamnya saya dapat pula berkenalan dengan Tun Razak buat pertama kalinya secara dekat.

Dalam persidangan itu saya menjadi wakil tunggal UMNO Bahagian Kuala Pilah. Ini bermakna saya tidak mempunyai teman-teman yang datang bersama dari Kuala Pilah. Oleh itu saya berkawan dengan perwakilan yang datang dari luar Kuala Pilah untuk menjadi teman bertukar-tukar fikiran. Sebelum itu ramai yang saya tidak kenal.

Setelah selesai sahaja persidangan pada petang 29 Ogos 1950, saya keluar mengikut Dato' Yahya Mohd Seth, Yang Dipertua UMNO Temerloh dan Abdul Rahman Talib perwakilan dari Kuantan, Pahang. Saya mengenali kedua-dua mereka semasa Mesyuarat UMNO di Kuala Lumpur sebelumnya. Kemudiannya saya menumpang kereta Dato' Yahya ke Ipoh dan bermalam di bandar tersebut.

Pada malam itu Dato' Yahya memberitahu yang Tun Razak menjemput saya makan malam bersama. Ketika ini Tun Razak ialah pemimpin utama dalam kepimpinan UMNO dengan kedudukannya menjadi Ketua Perikatan Pemuda UMNO, dan merupakan salah seorang Naib Yang Dipertua (Pemuda).

Saya merasa bangga apabila diberitahu oleh Dato' Yahya mengenai jemputan Tun Razak yang tidak disangka-sangka itu. Sebagai pemimpin peringkat daerah saya merasakan jemputan itu suatu peluang keemasan untuk mendekati seorang pemimpin peringkat nasional seperti Tun Razak; lebih-lebih lagi beliau merupakan seorang pegawai tinggi kerajaan yang disegani.

Sewaktu majlis makan malam itulah saya dapat mengenali Tun Razak dengan lebih dekat. Wajah beliau yang sentiasa serius itu tidaklah melambangkan watak beliau yang keras. Sesekali beliau tersenyum dan ketawa tetapi tidak kuat. Beliau cepat mesra dengan sesiapa sahaja. Dalam jamuan makan itu ada beberapa orang teman Tun Razak yang saya tidak kenal, mungkin kawan-kawannya ketika bersekolah di Kolej Melayu,

Kuala Kangsar dulu. Demikian perkenalan saya dengan Tun Razak melalui Dato' Yahya.

Keesokan paginya 30 Ogos 1950, setelah minum pagi di hotel tempat penginapan, saya bersama Dato' Yahya, dan Abdul Rahman Talib bertolak ke Kuala Lumpur menaiki sebuah kereta. Tun Razak menaiki kereta berasingan. Di Kuala Lumpur kami berpecah, saya balik ke Negeri Sembilan manakala Tun Razak, Dato' Yahya dan Abdul Rahman Talib balik ke Pahang.

Dato' Yahya, tokoh UMNO Pahang menjadi pengurus Bank Kebangsaan Melayu di Temerloh. Dalam sejarah perbankan di negara ini orang Melayu berjaya mewujudkan perniagaan bank semasa zaman penjajah. Bank berkenaan diasaskan oleh Maarof bin Zakaria, seorang peguam Melayu berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Bagaimanapun bank tersebut tidak dapat berkembang kerana menghadapi persaingan dan masalah saham serta kewangan yang tidak seberapa. Akhirnya terpaksa ditutup dan Maarof Zakaria ditemui mati tergantung (ada sumber menyebut sebagai perbuatan khianat, tetapi laporan penjajah Inggeris sendiri adalah bertentangan). Sedangkan dalam laporan audit menunjukkan tidak kedapatan penyelewengan dalam kewangannya.

Semasa era Dato' Onn memimpin UMNO, pegawai-pegawai kerajaan dibenarkan aktif berpolitik. Dengan itu Tun Razak bergerak cergas dalam politik walaupun beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Setiap kali Mesyuarat Agung UMNO yang pada waktu itu diadakan dua kali setahun, saya sering bertemu dengan beliau tetapi kami belum begitu rapat. Setiap persidangan saya mengambil kesempatan berucap dan lama-kelamaan hubungan saya dengan beliau semakin akrab.

Apabila Dato' Onn mengambil keputusan keluar dari UMNO, Tun Razak mengambil sikap tegas untuk terus bersama UMNO. Malah beliau bersama Bahaman Shamsuddin mengambil inisiatif memujuk Tunku Abdul Rahman memimpin UMNO. Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Agung tahun keenam UMNO pada 25 dan 26 Ogos 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, kedua-dua tokoh ini telah memberikan ucapan sokongan padu walaupun Bahaman bercakap beberapa patah sahaja, "*Saya menyokong Tunku kerana dia kawan saya,*" katanya.

Sebelum Tunku bersetuju menerimanya, Tunku sendiri, mencadangkan Tun Razak mengambil alih sebagai Yang Dipertua Agung UMNO bagi menggantikan Dato' Onn. Tun Razak telah menolaknya dengan alasan dia terlalu muda untuk memimpin UMNO di peringkat negara, tetapi untuk negeri Pahang saja beliau tidak keberatan. Akhirnya, setelah beberapa

perwakilan lain turut memberi sokongan, maka Tunku pun bersedia untuk dicalonkan. Tunku Abdul Rahman menang bagi jawatan Yang Dipertua Agung mengalahkan C.M. Yusof dan Haji Ahmad Fuad Hassan. Manakala Tun Razak pula menang tanpa bertanding untuk jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung. Sementara jawatan Naib Yang Dipertua Agung dimenangi oleh C.M. Yusof.

Selepas Tun Razak memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung, beliau sering menjelajah ke seluruh negara bagi memulihkan perpaduan dalam UMNO yang mula terjejas akibat daripada tindakan Dato' Onn keluar parti. Apabila beliau membuat lawatan ke Negeri Sembilan, saya yang mengaturkan jadual dan mengiringinya. Ketika ini Tun Razak masih menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang beribu pejabat di Kuala Lipis.

Masalah Perlantikan Menteri Besar Pertama

Dalam pilihan raya umum pertama selepas merdeka iaitu dalam tahun 1959, semua 104 ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bagi 11 buah negeri adalah dipilih 100 peratus melalui pilihan raya mengikut amalan demokrasi berparlimen.

Negeri Sembilan yang mempunyai 24 kerusi Dewan Undangan Negeri juga memilih semua 24 anggota melalui sistem pilihan raya. Sebelumnya dalam pilihan raya umum 1955 hanya 12 orang anggota sahaja dipilih melalui pilihan raya, manakala 12 orang lagi dilantik oleh kerajaan Inggeris.

Menteri Besar sebelum pilihan raya 1959 dilantik oleh raja tiap-tiap negeri daripada kalangan pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Tetapi selepas pilihan raya 1959, Menteri Besar atau Ketua Menteri dipilih dari ahli parti yang memperoleh majoriti.

Seperti di negeri-negeri lain Parti Perikatan gabungan UMNO-MCA-MIC Negeri Sembilan telah mencapai kemenangan majoriti, 20 dari 24 kerusi di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun kemenangan di Negeri Sembilan pada waktu itu telah menimbulkan persoalan untuk memilih tokoh yang akan dilantik menjadi Menteri Besar.

Kalau sebelum pilihan raya 1955, posisi pentadbiran UMNO berdasarkan kepada bahagian-bahagian manakala peringkat negeri menjadi perhubungan. Tokoh yang dilantik oleh Yang Dipertua Agung (Presiden) menjadi Pengerusi Perhubungan Negeri dan secara automatik ialah ketua parti.

Tetapi sesudah tahun 1955 perubahan dibuat dengan mewujudkan UMNO negeri. Dalam sistem pentadbiran ini wakil-wakil ke Perhimpunan Agung tidak lagi daripada per-

wakilan bahagian seperti sebelumnya, tetapi merupakan perwakilan daripada UMNO negeri.

Calon-calon daripada UMNO adalah ditentukan dan diputuskan oleh UMNO negeri saja tidak perlu dirujuk kepada pusat, begitu juga dalam menentukan kawasan-kawasan bagi tiap-tiap seorang calon bertanding.

Tun Razak sering menelefon Datuk Idris Matsil dan saya untuk mendapat tahu nama-nama calon UMNO yang akan bertanding. Waktu itu saya belum menyedari maksud yang tersembunyi dalam lipatan hati Tun Razak yang mahukan nama tiap-tiap seorang calon, walaupun senarai calon-calon itu dihantar ke Ibu Pejabat UMNO.

Setelah berlaku krisis perlantikan Menteri Besar, barulah saya sedar maksud Tun Razak berkehendakkan nama-nama calon tersebut. Dalam perbualannya dengan saya, beliau menyebut nama Tan Sri Dr. Said yang bertanding dalam pilihan raya 1955 tetapi kemudiannya meletakkan jawatan. Tun Razak mencadangkan nama Tan Sri Dr. Said dimasukkan semula.

Dengan carta pentadbiran UMNO menjelang 1959 inilah menyebabkan masalah timbul bagi menentukan jawatan Menteri Besar. Ketika ini Ketua UMNO Negeri dipegang oleh Datuk Mohd Idris bin Matsil yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Pilah.



Pilihan raya umum 1959, tidak diadakan serentak seperti sekarang. Di Kedah dan Perlis diadakan pada 20 Mei 1959, Melaka 23 Mei 1959, Perak 27 Mei 1959, Selangor 30 Mei 1959, manakala Negeri Sembilan pada 2 Jun 1959. Negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang pada 6 Jun, Johor 10 Jun, Terengganu 20 Jun, Kelantan 24 Jun dan Pahang 27 Jun. Keputusan di Terengganu dan di Kelantan amat mengecewakan apabila dua negeri berkenaan jatuh ke tangan PAS.

Selepas Perikatan mencapai kemenangan di Negeri Sembilan pada 2 Jun 1959, Tun Abdul Razak mengarahkan satu perjumpaan pemimpin-pemimpin UMNO negeri yang diwakili semua ketua bahagian, ketua pemuda dan ketua wanita. Perjumpaan ini diadakan di Rumah Rehat Seremban.

Dalam pertemuan itu Tun Razak mencadangkan nama Tan Sri Dr. Mohd Said Mohamad dilantik menjadi Menteri Besar. Tan Sri Dr. Said telah memenangi kerusi kawasan Linggi setelah mendapat 1193 undi mengalahkan calon Bebas, Teh Seng Sum 638 undi dan calon Parti Negara, Syed Harun bin Tunku Hassan 300 undi.

Tun Razak memberitahu perlantikan itu telah dipersetujui oleh Tunku (Yang Dipertua Agung UMNO) dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (dipangku oleh Almarhum Tuanku Munawir, kerana Tuanku Abdul Rahman menjadi Yang Dipertuan Agong waktu itu). Bagaimanapun cadangan ini telah mendapat tentangan pemimpin-pemimpin UMNO negeri.

UMNO negeri bertegas mahukan Datuk Mohd Idris Matsil, Ketua UMNO negeri menjadi Menteri Besar. Dalam pilihan raya ini Mohd Idris menang di kawasan Pilah dengan undi 2328 mengalahkan Kok Leong Yin (Bebas), 1260 undi dan Abdul Majid Abdul Wahab (PAS) 699 undi.

Negeri-negeri lain yang sudah mengadakan pilihan raya, semua Ketua UMNO Negeri telah dipilih menjadi Menteri Besar, kecuali Selangor, Timbalan Ketuanya Dato' Abu Bakar bin Baginda dipilih memegang jawatan Menteri Besar. Atas alasan inilah, Negeri Sembilan mahukan ketuanya juga dipilih menjadi Menteri Besar.

UMNO negeri bertegas mahukan supaya Datuk Mohd Idris Matsil menjadi Menteri Besar. Tun Razak terpaksa balik ke Kuala Lumpur dengan tidak membuat apa-apa keputusan. Seminggu kemudian, hari Ahad juga, Tunku sendiri datang ke Seremban mengadakan perjumpaan dengan UMNO Negeri. Tunku juga membuat cadangan jawatan Menteri Besar diberikan kepada Tan Sri Dr. Mohd Said.

UMNO negeri terus berkeras dengan pendirian mahukan Datuk Mohd Idris Matsil, menyebabkan perbincangan dengan Tunku juga menghadapi kebuntuan. Seminggu kemudian pada

Turut membantu penduduk kampung menarik pukat ikan pada suatu sesi bertemu bersama rakyat di Kemendor, Melaka. (1966)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)



hari Ahad, Tun Razak sekali lagi mengadakan perjumpaan di Rumah Rehat Seremban dengan UMNO negeri.

Sebelum pertemuan itu Tun Razak terlebih dahulu menghadap Tuanku Munawir di Istana Hinggap. Dalam pertemuan itu Tun Razak mengambil jalan tengah tidak mencadangkan Tan Sri Dr. Said atau Datuk Mohd Idris Matsil, tetapi mengemukakan nama saya. Sebagai Ketua Pemuda UMNO Negeri, saya telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Seri Menanti dengan mendapat 2965 undi mengalahkan calon PAS, Jaalam bin Othman (1228 undi) dan calon Bebas, Raja Harun bin Raja Tacik (673 undi).

Nama saya dicadangkan oleh Tun Razak, dan ini diberitahu sendiri oleh Tuanku Munawir tidak lama kemudiannya. Baginda mengakui telah menolak nama saya apabila dikemukakan oleh Tun Razak, sekalipun telah dipersetujui oleh Tunku dan Tun Razak sendiri. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Abdul Rahman juga telah memperkenankannya.

Apabila Tun Razak datang dan mengadakan perjumpaan sekali lagi dengan kami di Rumah Rehat, beliau mengumumkan keputusan melantik Tan Sri Dr. Mohd Said yang telah dipersetujui oleh Tunku dan Tuanku Munawir. Keputusan ini terpaksa dipatuhi kerana ia merupakan arahan parti setelah tiga minggu selepas pilihan raya, Negeri Sembilan masih belum membentuk kerajaan.

Seorang yang biasa dengan kehidupan luar bandar, Tun Razak menoreh getah di Bukit Kuan, Jasin, Melaka. (1968)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Setelah persetujuan diperoleh, Tun Razak merasa gembira untuk balik ke Kuala Lumpur. Sebelum menaiki kereta, Tun Razak memanggil saya dan menjelaskan, "*Mad, perkara ini jangan ditimbulkan lagi kerana ia merupakan persetujuan bersama.*"

Saya akur menerima keputusan Tun Razak yang tidak mahu menimbulkan krisis kepimpinan. Beliau berharap isu perlantikan Menteri Besar mestilah dibendung bersama supaya tidak menimbulkan banyak masalah setelah tiga minggu bergolak.

Tun Razak memanggil saya bukan kerana hubungan rapat beliau dengan saya, tetapi kerana dalam dua kali perjumpaan dengan beliau dan sekali dengan Tunku, memang sayalah bersuara lantang membuat bantahan selaku Ketua Pemuda UMNO Negeri, dan juga sebagai pemberita Utusan Melayu. Beliau mahu supaya berita dapat disiarkan dengan baik.

Pemimpin-pemimpin lain sekadar mencelah sekali-sekala, sedangkan saya secara tidak langsung menjadi jurucakap mereka. Oleh sebab itu Tun Razak seolah-olah memujuk saya supaya tidak berterusan mengambil langkah-langkah yang menjejaskan perpaduan parti.

Timbul juga persoalan dan tanda tanya bagi kami semua, kenapa Tunku dan Tun Razak tidak bersetuju dengan Datuk Idris Matsil menjadi Menteri Besar sedangkan dia menjadi Ketua UMNO Negeri. Saya diberitahu oleh Tun Razak beberapa bulan kemudian, setelah saya tanyakan kepadanya, dan barulah saya memahami kenapa Tunku dan Tun Razak tidak mempersetujuinya. Kalaulah beliau membisikkan kepada saya sesudah perjumpaan kali pertama dengannya mungkin krisis ini tidak berpanjangan.

Kerajaan Negeri Sembilan selamat ditubuhkan dengan Tan Sri Dr. Mohd Said menjadi Menteri Besar yang pertama mengikut majoriti parti yang menang di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun Tun Razak telah mengarahkan tiga orang wakil rakyat dari Kuala Pilah dilantik menjadi *Exco*.

Selain daripada saya selaku Ketua Pemuda UMNO Negeri, Datuk Mohd Idris Matsil, Ketua UMNO Negeri dan Ariffin Ali (Hulu Muar) telah dilantik menjadi ahli *Exco*. Perlantikan Tan Sri Dr. Mohd Said ini menimbulkan kontroversi disebabkan beliau tidak aktif dalam UMNO sebelumnya, malah hanya seorang ahli biasa sahaja dalam parti dan pernah pula meletakkan jawatan sebagai ahli Dewan Undangan Negeri selepas pilihan raya 1955 setelah berkhidmat tidak sampai dua tahun.

Sesudah menjadi Menteri Besar juga beliau tidak aktif di bahagian mahupun cawangan. Keadaan ini memberikan

tamparan kepada Majlis Tertinggi akibat krisis yang berlaku di Negeri Sembilan. Oleh itu, perlembagaan parti dipinda supaya carta pentadbiran UMNO diletakkan kepada bahagian-bahagian semula.

Pengerusi Perhubungan

Peristiwa yang berlaku dalam perlantikan Menteri Besar Negeri Sembilan 1959 itu menimbulkan krisis yang mengancam perpaduan UMNO. Kata putus dalam melantik calon-calon terletak di tangan UMNO negeri termasuklah dalam hal menentukan perlantikan Menteri Besar juga.

Tunku dan Tun Razak menyedari bahawa UMNO negeri begitu kuat dan berkuasa untuk menentukan perlantikan Menteri Besar.

Dengan kesedaran ini, Tun Razak membangkitkan perkara ini dalam Majlis Tertinggi sambil mengusulkan pindaan dalam undang-undang tubuh UMNO supaya UMNO dikembalikan pentadbirannya kepada UMNO menurut sistem lama, iaitu UMNO Perhubungan seperti sebelum 1957 di mana pencalonan dibuat oleh bahagian tetapi diputuskan oleh pusat.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1960-an, pindaan perlembagaan dibuat bagi membolehkan pentadbiran bahagian-



bahagian berfungsi seperti sebelumnya. Pindaan ini juga menimbulkan masalah di Negeri Sembilan kerana siapakah tokoh untuk mengisi jawatan Pengerusi Perhubungan?

Pindaan ini berjalan kuatkuasanya pada awal tahun 1960. Bagi negeri-negeri lain semua Menteri Besar dilantik menjadi Pengerusi Perhubungan tetapi tidak bagi Negeri Sembilan.Tan Sri Dr. Mohd Said tidak dilantik menjadi Pengerusi.

Tun Razak memanggil saya bagi membincangkan perkara ini untuk mencari penyelesaian yang sebaik-baiknya. Saya mencadangkan Mohd Ujang yang menjadi anggota Parlimen Jelebu 1959 untuk dilantik kerana sebagai anggota Parlimen beliau tidak mempunyai kaitan dengan pentadbiran kerajaan negeri. Kalau salah seorang anggota *Exco* dilantik, tentulah agak mengelirukan. Syor ini telah diterima oleh Tun Razak dan Mohd Ujang dilantik menjadi Pengerusi Perhubungan tetapi hanya untuk setahun saja.

Waktu itu pemilihan Majlis Tertinggi diadakan setiap tahun, begitu jugalah dengan perlantikan Pengerusi Perhubungan tiap-tiap negeri.

Tun Razak memanggil saya sekali lagi untuk membincangkan perlantikan Pengerusi Perhubungan Negeri Sembilan. Tun Razak sendiri memikirkan supaya seorang ahli Majlis Tertinggi saja dilantik memegang jawatan Menteri bagi mengelakkan sebarang pergeseran berlaku di kalangan UMNO Negeri Sembilan, kerana seorang ahli Majlis Tertinggi yang bukan dari Negeri Sembilan tentunya tidak ada apa-apa kepentingan peribadi di Negeri Sembilan.

Saya akur dengan pendapat Tun Razak itu kerana inilah jalan keluar yang sebaik-baiknya. Tun Razak menamakan A. Rahman Talib, Ahli Majlis Tertinggi dan anggota kabinet untuk dibincangkan dengan Ketua-ketua UMNO Bahagian Negeri Sembilan kemudiannya.

Beberapa hari kemudian Tun Razak datang ke Seremban dan mengadakan perjumpaan dengan Ketua-ketua UMNO Bahagian, Pemuda dan Kaum Ibu, UMNO Negeri Sembilan telah menerima dengan baik cadangan Tun Razak itu, manakala Tan Sri Dr. Mohd Said dilantik menjadi Timbalan Pengerusi, A. Rahman Talib telah memegang jawatan tersebut sehingga tahun 1964.

Hubungan saya dengan Tun Razak memang rapat. Beliau melantik saya menganggotai jawatankuasa kecil yang dibentuk oleh Majlis Tertinggi di mana beliau menjadi pengerusi jawatankuasa berkenaan. Misalnya, dalam Jawatankuasa Kecil Penerangan, Tun Razak telah melantik saya menjadi salah seorang ahlinya. Begitu juga dalam jawatankuasa yang agak penting, iaitu Jawatankuasa Politik dan Pilihanraya, beliau telah melantik saya menjadi salah seorang ahlinya.

Tidak ada sesiapa yang menjangka inilah hari jadi ke-53 beliau yang terakhir.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Dalam Jawatankuasa Politik dan Pilihanraya ini, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri telah dilantik oleh Tun Razak menjadi ahli. Bagaimanapun beliau telah melantik saya sebagai wakil Negeri Sembilan dan tidak melantik Menteri Besar Tan Sri Dr. Mohd Said.

Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat setiap dua atau tiga bulan sekali di Sri Taman. Biasanya mesyuarat ini diadakan pada sebelah malam sewaktu dan selepas menikmati hidangan makanan. Di sinilah soal-soal politik dan pilihan raya dibincangkan dengan lebih terperinci sebelum dikemukakan kepada Majlis Tertinggi.

Hubungan saya dengan Tun Razak menjadi lebih akrab lagi menjelang pilihan raya 1964. Ketika ini Tun Razak sudah membayangkan kepada saya untuk mengambil alih jawatan Menteri Besar Negeri Sembilan daripada Tan Sri Dr. Mohd Said.

Memandangkan Tan Sri Dr. Mohd Said kurang aktif dalam parti, nama beliau telah tidak disenaraikan. Ketika ini Tan Sri Bahaman Shamsuddin, Menteri Kesihatan telah dilantik menjadi Pengarah Pilihan Raya.

Disebabkan suasana politik yang meruncing ketika itu dengan konfrontasi Indonesia, UMNO terpaksa membendung krisis dalaman di mana Tan Sri Dr. Mohd Said masih mahu mengekalkan jawatan Menteri Besar. Beliau hanya mendapatkan sokongan ahli-ahli UMNO Bahagian Seremban saja.

Pemimpin UMNO Bahagian Seremban bersama MCA dan MIC telah mengadakan pertemuan dengan Tunku di Kuala Lumpur mendesak supaya Tan Sri Dr. Mohd Said dikekalkan menjadi Menteri Besar, sekalipun namanya tidak disenaraikan.

Langkah yang diambil oleh penyokong-penyokong Tan Sri Dr. Mohd Said ini menimbulkan ketegangan sedikit. Tetapi saya tidak campur tangan lagi setelah menyerahkan segalanya kepada kebijaksanaan pucuk pimpinan parti di peringkat pusat terutama Tun Razak. Saya selalunya setia dengannya.

Bagaimanapun Tun Razak telah memanggil saya dan memberitahu, "Mad, biarlah Dr. Said sekali lagi, awak akan dilantik nanti menjadi Timbalan Menteri Besar, pada pilihan raya 1969, *you* ambillah jadi Menteri Besar," demikian Tun Razak memberitahu saya.

Tun Razak mengarahkan saya menjaga hal-ehwal politik di Negeri Sembilan yang sepatutnya Menteri Besarlah yang lebih bertanggungjawab, tetapi kerana Dr. Mohd Said tidak aktif dalam politik, Tun Razak menugaskan saya.

Jawatan Timbalan Menteri Besar seolah-olah merupakan jawatan peribadi kerana Negeri Sembilan sebagai negeri yang kecil ada seorang Timbalan sedangkan negeri-negeri yang lebih besar tidak ada. Sehingga sekarang pun jawatan tersebut tidak lagi diisi.

Sesudah pilihan raya 1964 itu, Pengerusi Perhubungan digantikan pula oleh Dato' Senu A. Rahman yang pada waktu itu memegang jawatan Menteri Penerangan sehingga 1969.

Dalam tempoh 1964-1969 Tun Razak banyak bergantung kepada saya dalam perkara yang berkaitan dengan politik di Negeri Sembilan. Apabila membuat lawatan ke Negeri Sembilan, Tun Razak sekadar memberitahu kepada Menteri Besar tetapi saya akan dibawa untuk mengiringi beliau.

Oleh sebab beliau juga memegang portfolio Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tun Razak meminta saya mengatur dan membincangkan lawatan beliau ke kampung-kampung bagi meninjau masalah rakyat di seluruh pelosok Negeri Sembilan. Hubungan demikian menjadikan saya lebih akrab dengan Tun Razak jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin lain di Negeri Sembilan.

Menteri Besar 1969

Menjelang pilihan raya 1969 sekali lagi timbul persoalan siapa yang akan menjadi Menteri Besar. Orang UMNO tidak tahu akan kata-kata Tun Razak yang telah mencadangkan saya menjadi Menteri Besar 1969. Orang ramai menduga bahawa Tan Sri Dr. Mohd Said tidak akan dilantik semula, tetapi Dr. Mohd Said masih lagi berminat dan mahu lagi meneruskan tugas. Ia disokong segelintir orang UMNO Seremban manakala sebahagian besar bahagian-bahagian UMNO menyokong saya.

Saya hanya diam dan tidak mahu bercakap banyak mengenainya. Orang ramai tahu saya bertugas sebagai Timbalan Menteri Besar, kalau ada pertukaran memang selayaknya orang nombor dua mengambil alih, lebih-lebih lagi saya sudah dijanjikan oleh Tun Razak sendiri. Malangnya tidak ada orang lain tahu selain daripada kami berdua sahaja.

Kira-kira tiga minggu lagi hari menamakan calon untuk pilihan raya 1969 saya dan Dato' Senu yang menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Sembilan waktu itu dipanggil Tun Razak ke pejabatnya di Jalan Dato' Onn pada satu petang.

Ketika saya sampai di luar pejabat Tun Razak, Dato' Senu sudah ada menunggu saya di luar bilik. Dato' Senu sejak dari awalnya mencadangkan saya menjadi Menteri Besar dan telah berbincang dengan Tunku dan Tun Razak sebelumnya.

Bila saya bertanya, "Sudah lama sampai?", beliau tidak menjawab pertanyaan, hanya menggeleng. Di sini saya dapat menangkap maksudnya, apa yang tersirat di hati Tun Razak dan apa yang akan diperkatakannya. Kami berdua terus masuk ke pejabat Tun Razak.

Dalam pertemuan ini Tun Razak telah memberitahu supaya saya setuju untuk bertanding kerusi Parlimen dan menganggotai Kabinet Kerajaan Pusat sebagai Menteri Muda.

Tun Razak pada mulanya begitu berat mulutnya menyampaikan berita ini kerana beliau sendiri pernah menjanjikan kepada saya pada tahun 1964 dulu, tetapi apa yang hendak disampaikannya lain daripada apa yang telah dijanjikan.

Tun seterusnya menyambung, "Macam mana *you* fikir?"

Saya dengan ringkas menjawab, "Tun usah kata bertanding Parlimen, lebih-lebih lagi nak jadi Menteri Muda, kalau Tun kata usah bertanding pun saya tidak membantah dan sedia menerimanya," Tun Razak melirik senyum begitu juga Dato' Senu.

Sebagaimana biasa saya sentiasa akur dengan arahan ketua, kerana saya tetap berpegang teguh dengan prinsip; saya berjuang dalam politik sejak akhir 1945 dulu tidak pernah bercita-cita untuk menjadi atau memegang satu-satu jawatan seperti menjadi wakil rakyat lebih-lebih lagi menjadi seorang anggota kabinet.

Bila persoalan ini selesai, timbullah soal siapa yang akan mengambil alih tugas Menteri Besar Negeri Sembilan, kerana Tan Sri Dr. Mohd Said memang sudah diputuskan tidak akan bertanding lagi.

Saya telah menyebut nama beberapa orang lama untuk mengambil alih jawatan Menteri Besar bagi menggantikan Dr. Mohd Said. Orang yang pertama sekali saya sebut ialah Datuk Idris Matsil, Mohd Ujang, Ariffin Ali dan Taha Talib. Tun Razak dengan tegas dan ringkas menjawab, "Orang lama selain dari *you* tak ada." Saya terus menjawab, "Kalau tidak ada orang lama, siapa Tun?"

"Cari orang baru," katanya.

Begitulah keputusan yang dibuat oleh Tun Razak.

Tun Razak seterusnya menyambung, "Minggu depan *you* datang balik, sementara itu cubalah fikirkan orang baru yang dianggap layak," katanya lagi.

Dato' Senu yang ikut sama hanya diam sahaja. Sesudah selesai perbincangan ini, saya dan Dato' Senu minta diri, sambil berjalan keluar dan sebelum masuk ke kereta, Senu bertanya dengan saya, "Siapa agaknya Mad orang baru." Dengan ringkas saya katakan, "Tengoklah, dalam kereta nanti saya cuba ingatkan mana orang baru yang dikehendaki Tun, minggu depan kita jumpa lagi," jawab saya ringkas.

Minggu depannya saya dan Dato' Senu sekali lagi datang menemui Tun Razak. Dalam kepala saya ada dua orang baru yang akan dikemukakan.

Bila duduk saja Tun Razak tidak berlengah lagi terus bertanya, "Dah ada orang baru?" Saya cadangkan dua nama, iaitu Tunku Mohamad bin Tunku Besar Burhanuddin dan Mohd Din bin Ali, bekas Setiausaha Majlis Bandaran Kuala Lumpur, bagaimanapun Tun mencadangkan nama "Mansur Othman". Tun meminta pendapat saya. Waktu itu Mansur menjadi Pengarah Pelajaran MARA.

Saya katakan saya tidak begitu kenal dengannya walaupun beliau dari Kuala Pilah. Tun mengenali Mansur kerana beliaulah yang melantiknya menjadi Pengarah Pelajaran MARA.

Saya seterusnya menjawab, "Kalau Tun sudah ada kepercayaan dengannya saya tidak ada halangan."

"Kalau begitu," kata Tun Razak, "Mansur bertanding di kawasan Pilah kerana dia orang Pilah. Idris Matsil bertanding kawasan *you* Seri Menanti kerana dia pun orang Tanjung Ipoh," katanya.

Tun Razak memang biasa dengan kami semua di Negeri Sembilan dan beliau cukup kenal dengan semua wakil rakyat yang ada dan nama kawasan yang kami wakili kerana itulah beliau dengan spontan menyebut kawasan-kawasan yang tersebut.

Bila Tun Razak mencadangkan begitu, saya terus berkata, "Saya fikir kawasan Pilah berat sedikit kerana ramai pengundi Cina. Daripada keputusan pilihan raya yang lalu orang Cina sebahagian besar tidak menyokong Perikatan. Kalau Mansur kalah nanti siapa nak jadi Menteri Besar?" kata saya. "Jadi bagaimana?" celah Tun Razak.

Saya seterusnya menjawab, "Saya cadangkan Idris Matsil kawasan Pilah, kawasannya tahun 1959 dan dia pun duduk di Kuala Pilah dan ramai kenalannya orang Cina. Mansur bertanding di Seri Menanti kawasan saya. Saya rasa kemenangannya insya-Allah, saya akan bertanggungjawab semuanya," kata saya.

"Kalau *you* dah setuju begitu, tak apalah," celah Tun Razak lagi dan seterusnya membuat keputusan muktamad. "Idris Matsil Pilah dan Mansur Seri Menanti." Dato' Senu hanya tersenyum dan mengangguk saja.

Saya bertanya, "Sesiapa calon lagi Tun?" Kemudian Tun mengeluarkan senarai dari satu fail khas rahsia nama-nama calon yang akan bertanding. Beliau menjelaskan, "Dua orang lama telah tidak lagi dipilih iaitu Ariffin Ali dan Siti Rahmah bt. Hj. Kassim," katanya.

Tun Razak seterusnya memberikan senarai tersebut dan melantik saya menjadi Pengarah Pilihanraya Negeri Sembilan. "Mansur akan saya beritahu," katanya.

Dalam perjalanan balik ke Seremban kepala saya berserabut memikirkan bagaimana caranya hendak meyakinkan orang UMNO Negeri Sembilan yang rata-rata berkehendakkan saya menjadi Menteri Besar menggantikan Tan Sri Dr. Mohd Said khususnya orang kuat UMNO kawasan saya Seri Menanti. Bagaimanapun ia dapat saya atasi dengan baik.

Esoknya saya mendapat panggilan telefon dari Dato' Mansur yang hendak menemui saya. Saya berjanji berjumpa di Rumah UMNO Kuala Lumpur di sebelah petang esoknya. Dalam pertemuan ini saya telah meminta Dato' Mansur datang ke rumah saya di Seremban malam berikutnya.

Saya telah menjemput semua Jawatankuasa Pemuda UMNO dan Kaum Ibu cawangan dan kawasan Seri Menanti ke rumah saya di Seremban. Semua jawatankuasa hampir 100 orang telah datang.

Dalam pertemuan ini saya memberitahu mereka tentang ketetapan yang telah dibuat oleh Tun Razak tentang kedudukan saya akan bertanding kerusi Parlimen. Tidak seorang pun dari mereka yang bersetuju tetapi keputusan telah dibuat oleh pucuk pimpinan, mahu tidak mahu mereka terpaksa menerimanya setelah saya jelaskan dengan panjang lebar. Begitu pun ramai di antara mereka yang balik tidak bersalaman dengan saya kerana terasa kesal yang amat sangat.

Menyambut Johnson

Seperkara lagi yang tidak seharusnya dilupakan begitu saja ialah lawatan Presiden Amerika L.B. Johnson ke Malaysia pada tahun 1966. Dalam lawatan tersebut Johnson telah diaturkan melawat tanah rancangan FELDA di Labu Jaya, Seremban, Negeri Sembilan. Waktu itu saya memangku jawatan Menteri Besar Negeri Sembilan.

Dua hari sebelum lawatan tersebut, Tun Razak telah bertanya saya mengenai persiapan untuk menyambut seorang Presiden dari sebuah negara besar dan maju di dunia.

Persiapan memang telah diatur terutama dari segi keselamatan. Sememangnya tidak ada apa-apa yang perlu dikhuatirkan. Sambutan yang dibuat juga akan memberikan gambaran sebenar keadaan dan kejayaan rancangan tanah sebagai satu usaha kerajaan membantu rakyatnya menikmati pembangunan ekonomi yang belum dibuat oleh mana-mana negara lain yang baru merdeka.

Tun Razak ingin melihat persiapan-persiapan yang diatur, dan beliau datang melihat persiapan dan memberikan tunjuk ajar mengenai cara bercakap dan melayani seorang Presiden dari sebuah negara besar.

Sambil menikmati minuman, timbul satu cadangan untuk menukar nama kampung ini sebagai mengambil sempena lawatan seorang Presiden. Kebetulan pula nama L.B. Johnson ini senama pula dengan nama kampung, iaitu Labu Jaya (L.B) dan kerana itu kami semua bersetuju dengan cadangan Tun Razak.

Dua hari kemudiannya, iaitu pada 30 Oktober 1966 L.B. Johnson bersama Tun Razak sampai dengan sebuah helikopter. Johnson juga telah memakai busjaket seperti yang dipakai oleh Tun Razak. L.B. Johnson seperti yang kita kenal tinggi dan besar orangnya, menurut maklumat yang kita terima tingginya 6' 3", di tangannya tidak lepas kipas kecil berbateri yang sentiasa didekatkan dengan mukanya kerana dia tahu negara kita adalah negara tropika yang berhawa panas.

Taklimat disampaikan oleh Che' Nasir Taha, Pegawai Kemajuan Negeri Sembilan waktu itu. Pada akhir ucapannya seperti yang diarahkan oleh Tun Razak, nama kampung ini ditukar kepada Kampung L.B.J. sempena lawatannya ke kampung tersebut. Nama ini kekal hingga sekarang.

Gesaan Ahli-ahli Parlimen

Tahun 1975, adalah era terakhir Tun Razak. Pada waktu itu, keadaan kesihatannya sudah ternyata semakin buruk. Tetapi beliau sebagai seorang pemimpin tidak mengambil hirau dan terus juga bekerja dan menghadiri Sidang Parlimen.

Kami daripada anggota-anggota Parlimen telah berbual sesama sendiri dan mengambil perhatian yang agak serius mengenai kesihatan Tun Razak, kerana beliau tidak mengambil cuti rehat. Dalam Sidang Parlimen pada akhir 1975 itu, kelihatan Tun Razak menaiki tangga Parlimen dan mengepit failnya. Kami menyaksikan dia berjalan terbongkok-bongkok dan ternyata kesihatannya agak jauh meruncing. Badannya kurus dan mukanya agak pucat. Tetapi beliau tetap juga ke Parlimen dan duduk di tempatnya sambil membelek-belek fail. Dia kelihatan menyembunyikan keadaan kesihatannya, tetapi kami semua nampak jelas akan perubahan kesihatannya.

Sebaik soal jawab tamat pada pukul 3.30 petang, seperti biasa saya memberi signal kepada beberapa orang kawan-kawan supaya keluar ke kantin belakang. Kami duduk di dua buah meja dan berbual-bual mengenai kesihatan Tun Razak. Kami mengambil keputusan meminta tiap-tiap seorang anggota Parlimen, bila bercakap hendaklah menumpukan ucapannya dan meminta supaya Tun Razak mengambil cuti panjang dan berehat.

Sesudah itu, ahli Parlimen Penyokong Kerajaan (*back bencher*) ketika berucap tidak lepas daripada menyelitkan

ucapan agar Tun Razak mengambil cuti panjang dan berehat. Saya kira luahan ucapan yang dikemukakan oleh anggota Parlimen itu menarik perhatian Tun Razak dan beliau kelihatan termenung dan sekali-sekala beliau mengorak senyum juga. Setelah Parlimen selesai bersidang, tidak beberapa hari kemudian Tun Razak mengumumkan, beliau akan mengambil cuti panjang dan berehat sambil menjalani pemeriksaan kesihatan di London.

Dari sini boleh diandaikan bahawa ucapan yang dikemukakan oleh anggota Parlimen itu telah menarik perhatian beliau. Jika tidak dengan gesaan daripada anggota-anggota Parlimen ini, kemungkinan beliau tidak terfikir untuk bercuti panjang dan berehat.

Beberapa hari kemudian, beliau dimasukkan ke Hospital Pakar di London dan keadaan kesihatannya semakin meruncing dan barulah diketahui ramai bahawa beliau menghidap penyakit leukemia (barah darah). Mungkin banyak antara kami yang menduga kemungkinan Tun Razak sukar dipulihkan kerana penyakitnya itu sudah agak parah tetapi kami semua berdoa agar Tun Razak kembali pulih dan dapat berkhidmat semula untuk bangsa dan negara.

Seperti yang sama-sama kita ketahui, rakyat Malaysia merasa amat hiba dan sedih yang amat sangat bila mengetahui Tun Razak telah meninggal dunia. Beliau telah pergi buat selama-lamanya dalam usia yang muda iaitu 53 tahun ketika khidmat dan bakti kepada negara masih amat diperlukan.

Pada malam beliau meninggal, saya telah menghubungi beberapa orang rakan kerana TV telah menyiarkan bacaan ayat al-Quran. Waktu itu berita kematian beliau belum lagi diumumkan tetapi saya telah diberitahu yang Tun Razak telah meninggal. Tidak berapa lama kemudian Dato' Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri waktu itu telah mengumumkan di kaca TV dan kita semua melihat bagaimana kehibaan Tun Hussein waktu mengumumkan berita itu.

Seperti yang kita sedia maklum, Tun Razak telah dibawa balik dan dimakamkan di pekarangan Masjid Negara di tempat yang khusus sebagai tokoh ternama. Sebelum itu Tun Dr. Ismail telah dimakamkan di tempat yang sama.

Satu lagi perkara yang saya rasa patut saya ceritakan disini, ialah mengenai kematian Tun Dr. Ismail. Ketika itu Tun Razak berada di Kanada menghadiri suatu mesyuarat penting. Tun Razak telah bergegas balik dan bila beliau melihat jenazah Tun Dr. Ismail akan dimakamkan di tempat yang biasa, walaupun dalam pekarangan Masjid Negara, beliau telah mengarahkan agar dipindahkan ke tempat khas dan kubur yang telah siap itu terpaksa ditimbus kembali.

Di makam ini telah bersemadi dua orang tokoh pemimpin UMNO dan negara yang telah berbakti kepada bangsa dan negara tanpa menghiraukan apa yang berlaku pada diri mereka dan kesihatan mereka. Kedua-dua pemimpin ini ialah tokoh yang amat berjasa kepada bangsa dan negara yang seharusnya menjadi contoh dan teladan kepada generasi muda akan datang.

Satu perkara yang amat penting dicatatkan di sini ialah Tun Razak telah mencurahkan segala tenaga, masa dan daya fikiran beliau untuk "Bangsa dan Negara" dengan mengetepikan soal-soal peribadi.

Seluruh hidup dewasanya dicurahkan demi bangsa khususnya orang Melayu. Beliau amat menyedari dan menginsafi betapa bangsa Melayu amat jauh ketinggalan dalam semua bidang kemajuan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

Yang amat ketara ialah bidang ekonomi dan pelajaran selain daripada sosiobudaya yang agak mundur terutama dalam cara berfikir dan bertindak akibat daripada sikap "telunjuk lurus kelengkeng berkait" penjajah Inggeris.

Bila beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran sesudah pilihan raya 1955, satu dasar pelajaran telah dibentuk di mana sekolah-sekolah menengah kebangsaan telah diwujudkan di luar bandar dan memberi peluang lebih luas kepada anak-anak Melayu belajar di sekolah-sekolah menengah selain daripada beberapa kemudahan yang lain.

Selepas pilihan raya 1959 beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri di samping menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bantuan ke kampung-kampung yang ramai didiami oleh orang Melayu disalurkan. Kemudahan asas seperti jalan-jalan raya, bekalan air dan api serta kemudahan kesihatan dan infrastruktur yang belum pernah dirasa dan dinikmati oleh orang kampung disediakan. Hasil daripada segala kemudahan ini, dalam pilihan raya 1964, 1969 calon-calon UMNO tidak banyak menghadapi masalah menentang calon parti-parti lain kerana orang kampung telah merasai nikmat pembangunan yang amat ketara.

Semuanya ini adalah hasil usaha dan pemikiran Tun Razak sendiri dan tentunya telah diluluskan dalam mesyuarat kabinet. Seorang pegawai yang dipanggil Pegawai Pembangunan Negeri telah diwujudkan dan diberi kuasa penuh untuk perlaksanaannya.

Seperkara lagi yang rasanya tidak lengkap bagi penulisan ini jika saya tidak menyebutnya ialah sepanjang pengetahuan saya, beliau tidak ada meninggalkan harta pusaka yang melimpah ruah. Kalau Tun Razak mahu, beribu-ribu ekar hutan kayu balak di Pahang yang amat berharga boleh menjadi miliknya. Menteri

Besar dan *Exco* sudah tentu tidak akan menolaknya. Begitu juga tanah-tanah yang bernilai komersial, tetapi Tun Razak seperti yang saya nyatakan di atas berjuang dalam politik dan memimpin kerajaan bukan untuk kesenangan peribadi tetapi demi kepentingan rakyat dan negara seluruhnya.

Inilah satu-satunya sikap yang seharusnya menjadi contoh dan teladan yang patut kita ambil ingatan dan perhatian.

Penampilan Pertama Membuahkan Kepercayaan

Oleh Tan Sri Jeneral (B) Benny Moerdani

Pertemuan kami yang pertama adalah singkat, hanya mengambil masa 20 minit. Dalam jangka masa yang pendek itu, Tun Razak meninggalkan kesan yang mendalam ke atas diri saya. Di sini terdapat seorang negarawan Malaysia yang sedang berkonfrontasi dengan negara saya. Saya bersimpati dengan beliau. Tun Razak memiliki keperibadian yang menarik. Raut wajah beliau kelihatan begitu tenang, menampilkan sikap beliau yang terbuka, dan kerelaan beliau mendengar pendapat orang lain. Pandangan kami tentang beliau pada perjumpaan pertama itu sangat penting, kerana ia merupakan salah satu kriteria yang kami perlukan untuk memulakan usaha berdamai demi menyelesaikan konfrontasi di antara Indonesia dengan Malaysia.

Perjumpaan tersebut telah diadakan di Bangkok, pada penghujung tahun 1965 atau mungkin awal tahun 1966 di sebuah hotel, yang hari ini dikenali sebagai Hotel Regent. Pada masa itu, Tun Razak "singgah sementara" selepas lawatan rasmi beliau ke Burma, sekarang dikenali sebagai Myanmar. Semasa itu, saya sedang bertugas sebagai ejen kepada Syarikat Penerbangan Garuda Indonesia, untuk memastikan "kargo" dihantar ke kawasan konfrontasi.

Setelah beberapa kali bertemu, saya semakin kagum dengan beliau. Beliau seorang yang bersopan santun dan bersikap lemah lembut. Saya juga boleh memperakukan kebenaran mengenai gambaran ramai berkenaan ketegasan beliau, terutamanya dalam perkara yang melibatkan perhubungan di antara Indonesia-Malaysia. Tun Razak menyerlah dengan penuh kuasa, seorang negarawan yang sentiasa yakin dan telus ketika bersemuka dengan isu-isu nasional.

Apabila dikenang kembali, kedudukan kami di pertemuan tersebut boleh dikatakan "pertemuan yang anih tapi positif". Hasil serta kesan jangka masa panjangnya dapat dilihat dengan jelas melalui keamanan di rantau ini, di mana konfrontasi antara dua rakyat dan negara sudah berakhir dan persahabatan peribadi kemudiannya dapat dijalinkan.

Setelah bertugas di Bangkok dan menjadi penghubung utama dengan Tun Razak, saya dilantik menjadi pegawai perhubungan dan dihantar ke Kuala Lumpur. Jelas sekali, tugas saya telah



Tanda persahabatan: Pegawai liaision Indonesia ke Malaysia, Kolonel Benny Moerdani, mendermakan 50 pikul kopi kepada Tabung Bencana Negara. (1967)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

membuka jalan kepada penubuhan kedutaan Indonesia selepas berakhirnya konfrontasi. Persahabatan saya dengan Tun Razak bertambah erat. Justeru, pendapat saya tentang beliau semakin baik, mengesahkan dan menguatkan lagi pandangan pertama saya terhadap beliau.

Saya boleh menyelami dengan lebih dalam lagi tentang sikap dan pandangan beliau terhadap konfrontasi tersebut. Beliau begitu bersungguh-sungguh dalam mempercepatkan proses penyelesaian muktamad konfrontasi Indonesia-Malaysia. Beliau sendiri cermat dalam menangani usaha perdamaian, dan beliau berazam untuk menyelesaikan konfrontasi di antara pihak-pihak yang berkenaan secara langsung. Beliau menolak segala tawaran daripada pihak ketiga yang mahu melibatkan diri sebagai pendamai. Satu peristiwa yang masih jelas dalam ingatan saya ialah beliau sering memastikan bahawa setiap langkah dalam usaha perdamaian tersebut disetujui terlebih dahulu oleh Pak Harto (Presiden Suharto), sebagaimana segala perkembangan juga harus dilaporkan kepada Pak Harto.

Dalam mengeratkan perhubungan Malaysia-Indonesia, keikhlasan Tun Razak serta kesungguhan beliau adalah nyata. Usaha gigih beliau menjadi teladan kepada generasi seterusnya. Saya rasa adalah tidak salah jika saya mengatakan bahawa dengan kehadiran Pak Harto di Indonesia dan Tun Razak di Malaysia, suasana kedamaian serta persahabatan semakin dapat dirasakan di rantau ini. Dengan wujudnya suasana begini, telah terbentuknya ASEAN yang mempunyai semangat kemesraan dan unik.

Persahabatan kami terjalin berasaskan keserasian. Walaupun saya dipindahkan ke Korea dan selepas itu, pada tahun 1974, saya dihantar balik ke Jakarta, persahabatan kami kekal akrab. Kami, secara rasmi, berkenalan sebagai wakil kerajaan masing-masing, dan sambil menjalankan tugas, ikatan peribadi antara kami memudahkan segalanya. Saya percaya bahawa keakraban ini benar-benar membantu kami dalam tugas kami. Saya mengingati masa-masa berharga itu dengan penuh kesyukuran kerana seumur hidup beliau, beliau bersifat belas kasihan.

Ke arah kedamaian: Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Luar Negeri, Tun Razak menandatangani persetujuan damai dengan Tun Adam Malik, di Kementerian Luar Negeri Indonesia, Jakarta. (1966)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Bila saya mendapat berita kematian Tun Razak, saya sungguh terkejut dan sedih sebab saya tidak pernah mengetahui tentang penyakit beliau. Kita boleh merancang, kita boleh mengharap tetapi hanya Allah yang Maha Berkuasa. Seperti kata pepatah Melayu, "Gajah mati meninggalkan gading, harimau mati meninggalkan belang." Dan saya ingin menambah di sini, "manusia yang mulia, mati meninggalkan nama baik."



Mengecapi kedamaian—Tun Razak dan Tun Adam Malik sedang rancak berbual tentang berakhirnya Konfrontasi, manakala Presiden Sukarno (tengah) penyokong Konfrontasi pada suatu ketika dahulu, khusyuk mendengar.

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

Prihatin Terhadap Kaum Wanita

Oleh Tan Sri Dato' Aishah Abdul Ghani

SAYA mula mengenali Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein pada tahun 1952, semasa saya menjadi wakil Pergerakan Kaum Ibu UMNO Selangor ke Perhimpunan Agung parti di Pulau Pinang. Persidangan Agung itu telah diadakan di rumah UMNO Pulau Pinang. Pada masa itu UMNO Pulau Pinang dianggap kuat kerana telah mempunyai bangunannya sendiri. Wakil-wakil yang menghadiri persidangan dianggarkan seramai 200 orang sahaja.

Dalam Perhimpunan Agung itu, saya telah membentangkan satu usul daripada Pergerakan Kaum Ibu UMNO Selangor yang meminta persidangan bersetuju untuk memberi kuasa kepada Pergerakan Kaum Ibu UMNO memilih dan meletak calon-calonnya sendiri dalam mana-mana pilihan raya yang akan diadakan. Usul ini ditentang hebat oleh wakil-wakil yang turut berucap kerana mereka berpendapat Kuam Ibu UMNO adalah sebahagian daripada UMNO dan pemilihan calon, termasuk calon daripada Kaum Ibu patut diputuskan oleh parti induk. Masih terbayang dalam ingatan saya betapa marahnya ahli persidangan yang turut membahaskan usul tersebut. Beberapa orang ahli Majlis Tertinggi UMNO turut berucap dan mereka mencadangkan supaya usul yang saya kemukakan itu dipinda sedikit dengan menambah ayat "tertakluk kepada persetujuan Majlis Tertinggi UMNO".

Pada masa itu, Puan Khatijah Sidek telah pun dipilih memegang jawatan Pengerusi Kaum Ibu menggantikan Ibu Zain Sulaiman. Dalam satu mesyuarat khas di Kuala Lumpur, Khatijah sendiri yang membuat usul tersebut dan meminta saya mengemukakannya dalam Persidangan Agung UMNO di Pulau Pinang itu. Beliau tidak bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan, dan beliau terus-menerus memberi isyarat kepada saya supaya tidak menerimanya.

Setelah melihat suasana persidangan menjadi kelam-kabut dan riuh-rendah kerana menyatakan penentangan mereka, saya telah bertindak sendiri dan tidak lagi menghiraukan isyarat daripada Khatijah Sidek.

Sebagai wakil, saya terpaksa membuat perhitungan sendiri, sama ada menerima pindaan yang dicadangkan atau tidak.



Sebenarnya, sejak awal lagi saya tahu usul seperti itu tidak mungkin dapat diterima dan diluluskan oleh Perhimpunan Agung UMNO kerana menyalahi perlembagaan parti, bukan kerana tidak mahu memberi peluang kepada Kaum Ibu untuk bertanding dalam pilihan raya. Oleh itu, apabila menggulung ucapan, saya terus menyatakan "Saya akan kalah, tetapi UMNO akan tetap menang, saya menerima pindaan yang dicadangkan." Tidak terkira tepukan gemuruh daripada perwakilan kerana saya telah menyelamatkan satu situasi yang sangat tegang.



Mesyuarat pertama Majlis tertinggi UMNO selepas pemergian Tun Dr. Ismail. Tan Sri Aishah Ghani ialah ketua Wanita UMNO yang baru. (1973)

(Ihsan daripada Utusan Melayu (M) Bhd.)

Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail datang menemui saya dan menyampaikan penghargaan mereka kepada saya kerana menyelamatkan UMNO daripada berpecah belah. Ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak memberitahu saya bahawa UMNO akan memberi peluang kepada Kaum Ibu untuk bertanding dalam pilihan raya di tempat-tempat yang sesuai.

Saya mendapat peluang yang lebih kerap untuk menemui Tun Razak semasa rombongan untuk merunding kemerdekaan Malaya datang beberapa kali ke London mulai tahun 1956, di mana ketika itu saya sedang melanjutkan pelajaran di London.

Kami ahli Jawatankuasa Persatuan Melayu Great Britain (PMGB) mengatur berbagai-bagai perjumpaan dan persidangan untuk penuntut Melayu di United Kingdom, dan inilah satu-satunya forum bagi pemimpin besar negara ketika itu untuk menerangkan kepada kami kemajuan yang telah dicapai dalam rundingan dengan kerajaan British berhubung tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu.

Bagi saya, apa yang menjadi kenangan seumur hidup ialah keprihatinan Allahyarham Tun Razak tentang diri saya yang bersusah payah belajar dengan perbelanjaan sendiri. Dalam satu kunjungan beliau ke London, beliau menyebut beliau akan cuba mendapatkan biasiswa untuk saya. Saya sedar untuk berjaya mendapat biasiswa ketika itu memang sangat susah, bukan sahaja kerana bilangannya terhad, tetapi juga sangat sukar bagi saya untuk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Wanita dalam Pilihan Raya

Sekembalinya saya ke tanah air pada tahun 1959, saya tetap menunggu kedatangan pilihan raya Parlimen yang pertama. Saya ingin melihat sama ada wanita akan berpeluang menjadi calon untuk bertanding di peringkat Persekutuan atau negeri seperti yang telah dijanjikan oleh Tun Razak dahulu.

Sebelum itu, pada tahun 1955 telah berlangsung pilihan raya untuk memilih wakil ke Dewan Perundangan Persekutuan. Allahyarhamah Datin Paduka Halimaton Abdul Majid berjaya dipilih bagi Kawasan Kuala Kubu. Wanita juga telah menang bertanding dalam pilihan raya Majlis Bandaran (*Municipality*) seperti Allahyarhamah Puan Hajah Encom bt. Haji Zainuddin yang memenangi kawasan Sentul.

Senator Tan Sri Aishah Ghani (kanan) membantu Tun Rahah membungkus kuih raya untuk askar-askar Malaysia yang sedang berkhidmat di hutan Sabah dan Sarawak.

(Ihsan daripada Utusan Melayu (M) Bhd.)

Dalam pilihan raya Parlimen yang pertama pada tahun 1959, tiga orang calon wanita bertanding untuk kerusi Parlimen, dan 10 orang untuk negeri. Malangnya, hanya lima orang sahaja yang menang. Bagi saya penyertaan Kaum Ibu dalam pilihan raya di pelbagai peringkat adalah bukti bahawa UMNO dan Tun Razak yang mengetuai urusan pilihan raya ketika itu telah memberi

peluang kepada wanita walaupun ramai yang tewas, terutama sekali di kawasan Pantai Timur.

Prestasi calon Wanita dalam pilihan raya 1959, 1964, dan 1969 yang tidak begitu menggalakkan, tidak sedikit pun menjejaskan kepercayaan Tun Razak terhadap Wanita. Perubahan yang ke-tara dapat dilihat apabila Tun Razak sudah menjadi Perdana Menteri. Dalam pilihan raya 1974, kerusi Parlimen untuk Wanita UMNO tidak lagi terhad kepada tiga, tetapi telah bertambah kepada lima. Begitu juga untuk kerusi Dewan Undangan Negeri.

Kedudukan saya sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO semenjak tahun 1960, membolehkan saya lebih mudah mengemukakan berbagai-bagai masalah Wanita kepada Tun Razak. Saya masih ingat, beliau pernah memarahi saya secara berseloroh kerana terlalu kerap menimbulkan masalah keruntuhan rumah tangga dan pelbagai kepincangan yang terjadi dalam masyarakat. Pernah pada satu ketika beliau memberitahu saya supaya mengemukakan masalah seperti itu kepada Tuanku Yang di-Pertuan Agong untuk tindakan yang lebih cepat.

Walau apa pun, daripada reaksi Tun Razak yang dapat saya lihat ketika itu, saya tetap yakin beliau akan memberi perhatian yang serius, apatah lagi tentang layanan buruk dan pincang yang diterima oleh kebanyakan wanita Islam yang menghadapi keruntuhan rumah tangga. Anak-anak terbiar dan tidak terurus kerana si suami tidak lagi memberi nafkah. Ramai yang menumpang berteduh di rumah saya dan saya cuba berikhtiar mencari tempat perlindungan atau menghantar mereka balik ke kampung asal.

Undang-undang Keluarga Islam

Saya masih teringat betapa buruknya keadaan mahkamah syariah ketika itu, bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi lebih teruk lagi kerana kekurangan kakitangan yang mahir untuk mengendalikan kes yang perlu dibicarakan. Apa yang berlaku ialah pendakwa dan hakim dijalankan oleh orang yang sama. Keputusannya selalu berat sebelah dan lebih memberi tekanan kepada pihak isteri. Suami kerap kali terlepas daripada beban dan tanggungjawab.

Yang lebih malang dan lebih merumitkan ketika itu ialah sikap masyarakat, termasuk sikap mahkamah syariah itu sendiri yang seolah-olah mengatakan dalam soal cerai-berai wanita harus dipersalahkan kerana ingkar dan tidak taat kepada suami. Tidaklah menghairankan jika tahun demi tahun Kaum Ibu UMNO membincangkan dan meluluskan usul supaya pihak kerajaan menggubal Undang-undang Keluarga Islam yang khas,

tidak lagi hanya mengandungi satu atau dua bab sahaja dalam Perundangan Islam 1951 (*Muslim Enacment 1951*) yang diamalkan di setiap negeri.

Apabila saya menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO pada tahun 1972, satu memorandum khas dihantar kepada Allahyarham Tun Razak berkaitan kewujudan Undang-undang Keluarga Islam yang bertujuan untuk mengawal sedikit sebanyak amalan yang tidak adil dalam masyarakat Islam. Pada waktu yang sama, saya telah membawa rombongan Pergerakan Wanita UMNO ke negeri-negeri, termasuk Sabah dan Sarawak untuk menemui Jawatankuasa Agama Negeri, termasuk mufti dan kadi.

Berkat desakan dan usaha yang bersungguh-sungguh ini, pada tahun 1973, Tun Razak melantik dua jawatankuasa khas bagi mewujudkan Rang Undang-undang Keluarga Islam, iaitu Jawatankuasa Memperketat Undang-undang Poligami dan Cerai yang dipengerusikan oleh Allahyarham Dato' Haji Wan Kadir Ismail, dan Jawatankuasa Mengkaji dan Memperbaiki Taraf Pentadbiran Mahkamah Syariah, yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Syed Nasir bin Ismail. Pusat Islam menjadi urus setia kepada kedua-dua jawatankuasa ini. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana sebahagian besar ahli jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada tokoh Islam yang progresif antaranya Tan Sri Prof. Jalil Hassan (Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), Ustaz Othman Ishak (Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya), Ustaz Abdul Kadir Hassan (Mufti Kerajaan Sarawak), Haji Mohamad Ahmad (Mufti Kerajaan Sabah), saya dan Datin Paduka Saliha Ali turut menganggotai jawatankuasa ini.

Setelah bersidang beberapa kali mengenai bentuk dan kandungan undang-undang keluarga itu, dengan tujuan memperkanun hukum-hukum syarak, mesyuarat bersetuju:

(i) Supaya dibuat sebuah Undang-undang Keluarga Islam yang lengkap meliputi semua perkara mengenai keluarga, tidak lagi terhad kepada soal cerai-berai dan poligami.

(ii) Dalam membuat undang-undang ini dipakai hukum-hukum dalam Mazhab Shafie dan jika sesuatu hukum itu tidak terdapat dalam Mazhab Shafie, maka dipakai mana-mana mazhab yang muktabar dalam Islam.

Saya yakin keputusan di atas akan dapat mengatasi masalah kebuntuan yang kerap kali dihadapi apabila menentukan satu-satu hukum.

Allahyarham Tun Razak dapat melihat betapa gigih dan kuatnya azam Pergerakan Wanita UMNO untuk memperjuang-

kan kewujudan Akta Undang-undang Keluarga Islam yang lengkap dan menyeluruh, dan mahkamah syariah pula boleh menjamin keadilan sosial kepada masyarakat Islam di setiap negeri. Namun, untuk diterima dan dilaksanakan di setiap negeri akan memakan masa yang agak panjang. Apatah lagi untuk memperbaiki taraf dan mengemas kini pentadbiran di mahkamah syariah.

Jawatankuasa yang ditubuhkan itu buat suatu ketika ibarat kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu. Wujudnya keadaan begini ialah disebabkan hal-ehwal, yang berkait rapat dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu, tertakluk di bawah kuasa negeri yang mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza-beza antara satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Walau bagaimanapun, Tun Razak dihormati oleh golongan pemimpin agama dan isu ini akhirnya dapat juga dibawa oleh Pusat Islam ke Persidangan Majlis Raja-Raja. Keputusan yang



diambil oleh Jawatankuasa Fatwa dibawa semula dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja yang memutuskan supaya perkara ini dibincangkan dengan lebih terperinci dan merujuk kepada DYMM Sultan Terengganu dan pegawai-pegawai yang berkenaan di Terengganu yang ketika itu sedang membuat kajian untuk meminda Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Terengganu.

Dengan Persetujuan Majlis Raja-Raja, suatu perjumpaan yang dipengerusikan oleh DYMM Tengku Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu telah diadakan pada 17 dan 18 Mei 1975 di Istana Maziah, Kuala Terengganu. Secara keseluruhannya baginda bersetuju skop undang-undang diperluas dan meliputi semua aspek Undang-undang Keluarga Islam yang lengkap. Baginda juga bersetuju dengan cadangan daripada jawatankuasa berkaitan poligami kerana asasnya untuk mencegah poligami yang tidak mengikut hukum Islam.

Saya telah diminta oleh Jawatankuasa pihak Pergerakan Wanita UMNO supaya merayu sekali lagi kepada Perdana Menteri, Tun Razak agar dapat diadakan perjumpaan antara Ahli Jawatankuasa Undang-undang Keluarga Islam dengan Majlis Agama dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang dipengerusikan oleh Sultan negeri masing-masing.

Namun, amat rumit untuk menembusi tembok sesetengah pejabat agama negeri kerana masih terlalu ramai golongan yang tidak bersetuju dengan Undang-undang Keluarga Islam seperti yang dicadangkan itu.

Berkat kegigihan dan usaha yang bersungguh-sungguh, akhirnya selepas lebih daripada 15 tahun, masyarakat Islam akhirnya dapat melihat negeri-negeri mempunyai Undang-undang Keluarga Islam yang lengkap dengan mengambil contoh Undang-undang Keluarga Islam yang telah digubal oleh Jabatan Perdana Menteri pada peringkat awalnya.

Sungguhpun hingga kini perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam masih lagi kabur dan belum sempurna serta kedudukan mahkamah syariah di kebanyakan negeri masih perlu dipertingkatkan dan diperbaiki, namun pengwujudan Undang-undang Keluarga Islam itu sendiri adalah hasil daripada sokongan daripada Allahyarham Tun Abdul Razak.

Kuasa Wanita

Bersua muka dengan kaum wanita di Sarawak. (1966)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Setiap kali saya mengenang peristiwa yang berlaku semasa Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, saya teringat pula peristiwa Sri Taman dikunjungi oleh begitu ramai pemimpin wanita daripada pelbagai organisasi dan persatuan wanita. Kedatangan mereka ke Sri Taman sebenarnya tanpa diundang, tetapi tidak pula disekat oleh pengawal. Saya juga sama seperti

mereka, turut berada di Sri Taman untuk bertemu dengan Tun Razak.

Mereka yang datang ini mempunyai tujuan yang sama, iaitu untuk menyampaikan bantahan atas ura-ura perkahwinan seorang pemimpin besar negara dengan seorang gadis rupawan sebagai isteri yang kedua. Saya kurang pasti sama ada Tun Razak diberitahu atau tidak tentang perkara yang akan kami sampaikan itu. Setelah menunggu beberapa ketika, akhirnya Tun Razak muncul dan menemui kami di ruang tamu di Sri Taman itu. Rakan-rakan saya telah meminta saya menjadi jurucakap kerana kedudukan saya sebagai menteri dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO. Hati kecil saya berbisik supaya lebih berani menghadapi situasi seperti itu kerana ada juga kemungkinan Tun Razak akan marah kepada kami kerana menyentuh soal yang dikira sensitif. Sebenarnya Tun Razak tidak marah, tetapi secara berseloroh telah memberitahu kami supaya jangan suka dengar khabar angin.

Saya memberanikan diri menarik keluar daripada beg tangan saya sekeping kad jemputan daripada gadis bertuah tersebut yang dialamatkan kepada kawannya supaya kawannya itu datang ke majlis perkahwinan yang dicadangkan itu. Saya tunjukkan kad jemputan itu kepada Tun Razak sambil menyatakan kepada beliau bahawa kami bukan mendengar khabar angin, tetapi kad ini boleh menjadi bukti kebenarannya. Rakan-rakan saya pemimpin wanita yang lain turut berani menghampiri Tun Razak dan memohon perkahwinan itu ditangguhkan dahulu, kalaupun tidak dibatalkan. Sampai di peringkat ini pun Tun Razak tidak juga marah kepada kami, malah dengan senyum lebar dan akhirnya ketawa meminta kami menjamah hidangan dan lepas itu bersurai.

Sejak awal lagi saya telah menyatakan Tun Abdul Razak ialah seorang pemimpin besar yang penyayang, dan sebagai seorang pemimpin tidak memandang remeh masalah yang dikemukakan oleh wanita, walau dalam bentuk apa sekalipun. Saya yakin bantahan pemimpin-pemimpin wanita yang disampaikan kepada beliau di Sri Taman itu diberi perhatian dan selang beberapa bulan kemudian berita tersebar lagi bahawa perkahwinan yang dicadangkan sudah senyap begitu sahaja.

Imej Baru

Elok juga saya rakamkan di sini bagaimana nama Pergerakan Kaum Ibu UMNO dapat ditukar kepada Pergerakan Wanita UMNO. Sebenarnya, ahli-ahli wanita dalam UMNO telah menuntut pertukaran nama ini semenjak tahun 1947 lagi. Tunku Abdul Rahman, Presiden UMNO tetap bertahan dan tidak setuju kerana sentimen terhadap peranan Kaum Ibu Melayu dan

sumbangan mereka kepada UMNO semasa penentangan Malayan Union dan hingga tertubuhnya UMNO pada tahun 1946.

Saya cuba merisik pendirian Tun Razak, sama ada beliau menyokong pertukaran nama ini atau tidak. Setelah saya yakin beliau sendiri merestuinya, maka dalam satu Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 8 dan 9 Mei 1971, semasa membincangkan pindaan Perlembagaan UMNO, Pergerakan Kaum Ibu UMNO telah berjaya mengemukakan sekali lagi usul untuk menukar nama Pergerakan Kaum Ibu UMNO kepada Pergerakan Wanita UMNO. Apabila usul ini dibentangkan dan selesai dibahas, seterusnya dikemukakan kepada perwakilan untuk diundi, saya berasa cukup lega kerana ternyata Tun Fatimah Hashim, Tun Razak, dan Tunku Abdul Rahman yang dahulunya menentang, kini menyokong dan mengundi.

Hasil daripada pengundian, didapati 141 menyokong dan 99 menentang. Mulai hari itu berakhirlah suatu perjuangan yang memakan masa 25 tahun lamanya. Maka berakhirlah nama Pergerakan Kaum Ibu UMNO dan hingga kini diabadikan sebagai Pergerakan Wanita UMNO. Saya yakin sepenuhnya usul seperti ini berjaya dibawa ke Perhimpunan Agung UMNO adalah atas restu Tun Razak yang begitu memahami dan prihatin terhadap masalah yang dikemukakan oleh wanita.

Melihat Anak Bulan

Saya masih ingat bagaimana beliau menyergah saya setiap kali saya datang ke pejabat beliau semata-mata untuk menyampaikan peristiwa yang menyayat hati, dan mungkin tiada siapa pun yang mahu mengambil tahu kisah seperti itu. Saya ceritakan kepada beliau bahawa di Kampung Cheras Baru, seorang kanak-kanak perempuan berumur lapan tahun, terlantar di Hospital Besar Kuala Lumpur dengan kepalanya luka teruk dipukul oleh ibu tirinya kerana kanak-kanak ini telah meminum beberapa botol air Coca-Cola yang disediakan untuk Hari Raya Puasa dalam tahun 1974. Ibu tirinya itu membeli beberapa botol air minum dan kuih-muih untuk hari raya yang dijangkakan pada keesokan harinya. Malangnya hari raya tidak jadi kerana anak bulan tidak kelihatan. Maka anak yang malang inilah yang menjadi korban kemarahan seorang ibu tiri kerana telah merosakkan persiapan hari raya.

Saya terangkan kepada beliau bahawa soal menentukan permulaan berpuasa dan berhari raya bukanlah suatu soal kecil, tetapi adalah suatu soal besar yang perlu diselaraskan kerana menyentuh kehidupan seluruh umat Islam, dan pihak alim ulama perlu mencari jalan bagaimana masalah permulaan

berpuasa dan berhari raya dapat ditentukan dengan cara yang tidak begitu banyak mendatangkan kesusahan kepada orang ramai. Pandangan yang saya beri nampaknya diterima baik, kerana pada tahun-tahun berikutnya hari memulakan puasa dan hari raya tidak lagi berkecamuk seperti sebelumnya.

Waktu Bekerja pada Bulan Ramadhan

Saya memberanikan diri menyatakan kepada Tun Razak mengenai bantahan saya berhubung masa bekerja dalam bulan puasa yang sejak zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri dipendekkan hingga pukul 1.30 tengah hari. Saya minta beliau mengkaji kelonggaran yang diberi kepada semua kakitangan kerajaan, termasuklah yang bukan Islam, dan bagaimana akibat buruk yang ditanggung oleh masyarakat kerana pejabat kerajaan ditutup begitu awal.

Saya juga menyatakan semua kakitangan kerajaan, termasuk pekerja wanita perlu bekerja seperti biasa. Ia tidak boleh dikecualikan kerana tidak mendatangkan apa-apa faedah, sedangkan mereka yang berpuasa itu perlu menguatkan iman, disiplin diri, dan takwa kepada Allah S.W.T. Alhamdulillah, pada tahun-tahun berikutnya dasar kerajaan berubah, masa bekerja bagi semua kakitangan kerajaan berjalan seperti biasa walaupun pada bulan puasa.

Hal inilah satu keganjilan yang saya dapat perhatikan dalam diri Tun Razak, marah tetapi sayang. Pada zahirnya beliau seolah-olah tidak gemar mendengar soal-soal wanita kerana remeh dan mungkin membosankan, tetapi dalam tindakan Tun Razak sangat pengasih dan simpati.

Arah Kiblat

Selain masalah kepincangan sosial (*sosial injustices*) yang kerap dilakukan ke atas wanita, saya mengemukakan juga dalam satu mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO soal penentuan arah kiblat di hotel-hotel di Malaysia. Biro Agama Pergerakan Wanita UMNO dalam satu mesyuaratnya pada tahun 1974, mengambil satu keputusan supaya pihak kerajaan menetapkan ia sebagai dasar supaya di setiap bilik hotel di negara ini ditunjukkan arah kiblat dengan meletakkan tanda di siling. Apabila cadangan ini saya kemukakan, ramai ahli Majlis Tertinggi yang ketawa. Mungkin mereka menganggap cadangan ini agak lucu. Syukur alhamdulillah, Tun Razak tidak mensia-siakan cadangan ini, malah tidak berapa lama selepas itu di bilik-bilik hotel tanpa mengira tarafnya, telah ada petunjuk arah kiblat, pada awalnya ditampal di siling dan buat masa kini dapat dilihat dalam laci.

Gaji yang Setaraf

Tidak lengkap agaknya catatan kenangan saya ini sekiranya saya tidak menyebut tentang masalah tuntutan gaji yang sama untuk pekerja wanita. Sebenarnya, tuntutan menghapuskan apa jua jenis diskriminasi terhadap wanita telah bermula dari tahun 1946 lagi dan telah ada suara-suara membangkang amalan yang tidak adil terhadap pekerja wanita yang sudah berkahwin.

Hal ini dapat dilihat dalam Laporan Jawatankuasa Benham yang diterbitkan kira-kira dalam tahun 1950, dengan jelas memperakukan gaji yang lebih rendah untuk wanita dalam perkhidmatan kerajaan dalam pelbagai kategori. Pada tahun 1961, satu peraturan telah dikeluarkan bagi guru-guru wanita. Mereka boleh mengajar di sekolah-sekolah yang dibantu sepenuhnya oleh kerajaan dan tidak boleh diberhentikan dengan sewenang-wenangnya, boleh naik pangkat, dan berpencen. Akan tetapi, apabila seseorang guru wanita itu berkahwin, dia dikehendaki meletak jawatannya dan selepas itu diambil semula memegang jawatan yang sama atas dasar sementara (*temporary basis*). Ertinya tidak ada pencen kerana dia sudah kahwin. Inilah yang menjadi bisul besar yang membengkak bertahun-tahun lamanya di kalangan guru-guru dan pemimpin-pemimpin wanita, termasuk saya sendiri.

Sumber kewangan kerajaan ketika itu yang sebahagian besarnya bergantung atas penjualan bahan mentah, menyebabkan mendiang Tun Tan Siew Sin, Menteri Kewangan ketika itu terus-terang menyatakan beliau tidak akan bersetuju memberi gaji yang sama kepada wanita walaupun pihak lain mungkin bersetuju. Akhirnya, apabila menghadapi pilihan raya 1969 yang sangat mencemaskan, Tun Abdul Razak sendiri mengumumkan di Kuala Krai, Kelantan bahawa kerajaan Perikatan telah bersetuju untuk melaksanakan dasar gaji yang sama untuk pekerja wanita dalam perkhidmatan kerajaan mulai bulan Ogos 1969.

Bagi saya sendiri, Tun Razak tetap dikenang sebagai pemimpin negara yang sangat saya hormati dan kasihi. Beliau menerima saya sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang baru pada 23 Jun 1972. Beliau juga melantik saya menjadi salah seorang Menteri Kabinet beliau tidak lama selepas itu. Dua jawatan penting ini merupakan puncak kejayaan politik kepada seorang wanita seperti saya. Saya berterima kasih kepada beliau dan bersyukur kepada Allah S.W.T kerana begitu banyak perkara yang saya kemukakan kepada beliau telah berhasil dan berjaya.

Andai air mata saya yang mencurah pada hari kepulangan beliau ke alam barzakh pada 1976 dapat ditadah, disimpan dan dijadikan tinta, maka coretan kasih, dendangan duka nestapa kerana kehilangan seorang pemimpin negara yang telah mengukir jasa kepada UMNO dan negara selama 30 tahun, akan diukir dengan tinta air mata itu.

Semoga Allah S.W.T akan mengampuni segala dosa dan mencucuri rahmat atas roh beliau. Amin.

Memujuk Sarawak

Oleh Tan Sri Datuk Dr. Ong Kee Hui

PERTAMA kali saya bertemu Allahyarham Tun Abdul Razak ialah pada 31 Ogos 1957—Hari Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Saya mengenali beliau dengan lebih rapat selepas penubuhan Malaysia—sebagai seorang ahli Parlimen dalam Parlimen Kedua Malaysia—dalam barisan pembangkang bersama dengan Lee Kuan Yew dan lain-lain dalam pergerakan Malaysian Malaysia sehingga Singapura berpisah dalam bulan Ogos 1965.

Parti saya, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) sedang berjuang untuk terus hidup hingga ke Pilihan Raya Umum 1969. Sebelum itu, satu pakatan pembangkang telah dibentuk antara Gerakan (percantuman antara Parti Barisan Sosialis dan Parti Demokrasi Bersatu), DAP (Parti Tindakan Demokrasi), dan PAS (Parti Islam Se-Malaya) dengan SUPP memainkan peranan sebagai orang tengah bagi semua perundingan.

Pilihan raya umum 1969 menyaksikan kekalahan teruk bagi Perikatan yang kehilangan dua per tiga majoriti di Parlimen. Kajian rapi menunjukkan komponan Perikatan kalah hampir secara langsung kepada saingan sesama bangsa daripada pihak pembangkang.

Kekalahan Perikatan adalah lebih teruk di peringkat pilihan raya negeri. Perikatan hilang kuasa di Kelantan kepada PAS walaupun mereka menawan semula Terengganu. Perikatan juga kehilangan kuasa di Pulau Pinang kepada Gerakan; semua calon-calon MCA dan MIC tewas, dan UMNO hanya berjaya mengekalkan empat kerusi sahaja. Di Perak Perikatan memenangi hanya 19 kerusi berbanding dengan 21 kerusi yang dimenangi oleh pembangkang (PPP 12 kerusi, DAP enam kerusi, Gerakan dua kerusi, dan PAS satu kerusi).

Selangor menjadi masalah kepada Perikatan kerana Perikatan hanya memenangi 14 kerusi (UMNO 12, MCA satu, dan MIC satu) berbanding dengan 13 kerusi yang dimenangi oleh pembangkang (DAP sembilan, dan Gerakan empat). Sungguhpun Perikatan mempunyai majoriti satu kerusi, terdapat desakan yang bertalu-talu daripada Setiausaha Agung DAP supaya Menteri Besar Selangor meletakkan jawatan dan mengadakan pilihan raya baru.

Parti pembangkang juga turut terperanjat dan berasa sangat gembira dengan kemenangan yang tidak diduga ini. Mendiang Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon, yang dianggap sebagai ketua barisan pembangkang membuat permohonan kepada pihak polis bagi mengadakan satu perbarisan menyambut kemenangan untuk berterima kasih kepada para pengundi. Permit dikeluarkan dengan syarat perarakan mengambil laluan tertentu, bermula dari Ibu Pejabat Gerakan pada hari Isnin, 12 Mei, 1969. Masanya telah diubah dari pukul 4.30 petang ke 5.30 petang, sejam lebih lewat bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, dan memberi laluan pekerja pejabat pulang ke rumah. Perarakan tersebut sepatutnya selesai pada jam 7.00 malam.

DAP juga mahu mengadakan perarakan menyambut kemenangan secara berasingan pada keesokkan harinya. Namun, akhirnya membuat keputusan menyertai perarakan anjuran Dr. Tan. Dianggarkan hanya kira-kira 500 orang yang akan mengambil bahagian tetapi jumlah tersebut telah bertambah sehingga melimpah ke Jalan Campbell dan Jalan Hale di pinggiran Kampung Baru di mana lebih daripada 3000 orang Melayu bermastautin. Kediaman Menteri Besar Selangor, Dato' Harun Idris juga terletak di situ. Sesetengah daripada peserta berlagak kasar dan bising, mengejek, dan mencerca orang Melayu yang mereka temui. Hal ini membuatkan orang Melayu



berasa cemas, takut dan akhirnya marah, terutamanya apabila ada peserta yang melaungkan dengan kuat supaya Menteri Besar Selangor meletakkan jawatan kerana Melayu sudah kalah dan orang Cina akan mengambil alih kerajaan. Penyokong Dr. Tan Chee Khoon mengambil kesempatan mengadakan perarakan berasingan di beberapa tempat lain tanpa mendapat kebenaran polis.

Penyokong Datuk Harun Idris dari dalam UMNO mengambil keputusan untuk mengadakan perarakan mereka sendiri pada keesokan petangnya. Datuk Harun terpaksa bersetuju dan polis tidak dapat tidak terpaksa memberi kebenaran. Tunku Abdul Rahman yang ketika itu berada di rumahnya di Kedah berasa amat bimbang dengan kejadian tersebut. Beliau bergegas balik ke Kuala Lumpur kerana beliau merasakan terdapat kemungkinan kekacauan akan berlaku. Beliau terus menuju ke ibu pejabat polis di Jalan Bandar tetapi sudah terlewat untuk menarik balik permit dan Tunku hanya dapat berdoa semoga tidak akan berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.

Apa yang sebenarnya telah berlaku ialah perarakan yang dianjurkan oleh UMNO itu telah menimbulkan rusuhan kaum antara orang Melayu dan Cina pada petang 13 Mei 1969. Negara yang baru merdeka yang berada dalam keadaan aman dan bahagia telah kehilangan 184 nyawa, 356 orang cedera, 733 kes kebakaran, dan 211 kenderaan musnah atau binasa.

Ia merupakan suatu peristiwa berdarah. Tragedi ini sepatutnya boleh dielakkan sekiranya pemimpin politik bersikap lebih matang dan berpandangan jauh.

Pihak polis tidak dapat menangani keganasan yang tercetus secara tiba-tiba. Pasukan keselamatan terpaksa dipanggil untuk memulihkan keamanan. Atas nasihat Perdana Menteri, darurat telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di seluruh negara pada 20 Mei 1969.

Tunku Abdul Rahman menyarankan supaya Timbalan Perdana Menterinya yang juga Menteri Pertahanan, Tun Razak dilantik sebagai pengarah pergerakan. Tunku menyifatkan Tun Razak sebagai seorang nasionalis dan patriot serta seorang yang berdedikasi dan adil. Tunku telah mengenali Tun sebagai seorang sahabat dan rakan setugas sejak mereka sama-sama menuntut di London.

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan dengan berpandukan kepada sebuah organisasi yang mempunyai nama yang sama yang beroperasi pada zaman darurat di Malaya dari tahun 1948 hingga 1960. Ia ditubuhkan untuk menyelaraskan tugas-tugas tentera dan polis. Bagaimanapun, Tun Razak diberi kuasa mutlak dan beliau muncul sebagai orang terpenting yang membuat semua keputusan kerajaan.

Tun Razak dan Toh Puan Rahah (kanan) menyambut tetamu di rumah terbuka hari raya di Sri Taman. (1974)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Di bawah Tun Razak, MAGERAN berjaya mengembalikan keyakinan rakyat dan memulihkan keamanan walaupun masih terdapat keganasan secara kecil-kecilan di sana sini, dan beberapa serangan oleh pihak komunis di sepanjang sempadan Thailand.

Pemimpin daripada semua parti politik di Sarawak, kecuali Parti Bumiputera, menuntut supaya Kerajaan Pusat menyambung semula dan menyempurnakan pilihan raya negeri dan Parlimen yang terbengkalai dengan pengisytiharan darurat. Antara parti yang mahukan pilihan raya disambung semula ialah Parti Pesaka Sarawak dan Persatuan Cina Sarawak (SCA) yang bergabung di bawah Perikatan Sarawak, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), dan SUPP. Kekacauan yang berlaku selepas pilihan raya 1969 tidak berlaku di Sarawak dan kerana itu pilihan raya Sarawak tidak perlu digantung.

Tunku dan Tun Razak, khuatir akan keputusan pilihan raya Sabah dan Sarawak memandangkan situasi keputusan pilihan raya di Semenanjung. Hanya Tun Dr. Ismail sahaja yang bersedia untuk menyambung semula pilihan raya tersebut, tertakluk kepada beberapa pertimbangan yang telah beliau fikirkan dengan serius. Beliau merasakan pilihan raya boleh diadakan dengan selamat sekiranya perkara yang sensitif bagi orang Melayu seperti kedudukan dan hak istimewa mereka, bahasa kebangsaan, agama, dan kedudukan raja-raja diharamkan daripada disentuh oleh pihak pembangkang. Hal ini memerlukan penegahan menerusi undang-undang darurat oleh MAGERAN dan kemudiannya menerusi pindaan undang-undang sekiranya Perikatan memperoleh semula dua per tiga majoriti.

Sementara itu, perpecahan mula berlaku dalam UMNO. Suatu pihak mahu mengekalkan keadaan darurat yang diketuai oleh pemimpin yang berjiwa Melayu dan apa yang dikenali sebagai "ultra" yang menentang kepimpinan UMNO di bawah Tunku Abdul Rahman. Suatu pihak lain pula terdiri daripada penyokong sederhana Tunku yang pada 20 Februari mengumumkan pilihan raya Sabah dan Sarawak akan disambung semula dalam tempoh dua bulan. Langkah tersebut adalah untuk menyahut rayuan yang dibuat oleh Pesaka, SNAP, dan SUPP.

Tunku Abdul Rahman sendiri telah membuat lawatan ke negeri-negeri di Semenanjung yang menentang beliau dan berjaya memenangi semula ramai antara mereka untuk kembali memihak kepada beliau. Tindakan tegas Tun Razak sebagai Pengarah MAGERAN banyak menolong membantu mengawal keadaan. Pihak ultra mengharapkan yang Tun akan mengetuai rampasan kuasa terhadap Tunku tetapi ini tidak berlaku. Sebaliknya, Tun Razak telah mengisytiharkan sokongan beliau kepada Tunku. Tindakan ini menjadi penentu kepada pemulihan

semula demokrasi berparlimen di Malaysia. Pilihan raya baru diadakan dari 6 hingga 27 Jun di Sabah dan dari 6 hingga 24 Julai di Sarawak.

Ibu Pejabat Perikatan menghantar satu pasukan yang berdaya tinggi ke Kuching untuk menasihat Perikatan Sarawak dan membuat penilaian bebas tentang peluang untuk menang dalam pilihan raya tersebut. Apabila pasukan ini mengunjungi rumah saya di Kuching, saya memberitahu mereka bahawa sebarang campur tangan kerajaan Persekutuan yang menyebelahi Stephen Kalong Ningkan dalam krisis perlembagaan tidak akan diterima oleh rakyat Sarawak. Ia akan melemahkan sokongan kepada parti-parti dalam Perikatan Sarawak dan akan menambahkan kekuatan Parti SNAP yang pada masa itu sudah berada di pihak pembangkang. Mereka bersetuju dengan penilaian saya dan saya menasihatkan mereka supaya memberitahu pemimpin mereka sewajarnya.

Pemimpin tinggi UMNO tidak begitu optimistik dan mereka menjangkakan yang Sabah akan kehilangan beberapa kerusi Parlimen dan berkemungkinan akan kalah di Sarawak. SNAP di bawah pimpinan Stephen Kalong Ningkan yang muncul sebagai seorang wira dalam kalangan orang Iban akibat pemecatannya sebagai Ketua Menteri Sarawak semasa krisis perlembagaan tahun 1966, dan SUPP yang telah menunjukkan pengaruhnya dalam kalangan orang Cina Sarawak dijangka akan lebih berjaya berbanding dengan masa yang lalu.

Sementara itu, Tun Razak yang berada di Kuching untuk pilihan raya, mencadangkan pertukaran pendirian SUPP yang anti-Malaysia dan memujuk mereka untuk menyertai kerajaan negeri. Beliau nampaknya sudah diberitahu akan kemungkinan kemenangan SUPP di peringkat negeri. Tun Razak meyakinkan pemimpin parti tersebut bahawa penyertaan SUPP adalah baik untuk masa depan Sarawak. Tun Razak diiringi oleh Senu Abdul Rahman datang ke rumah saya dan meminta saya segera menemui beliau selepas pilihan raya dengan reaksi SUPP berhubung dengan cadangan beliau itu.

Pada 4 Julai, hari terakhir kempen pilihan raya di Kuching, saya terperanjat melihat Tun Razak menemani calon lawan saya di peringkat negeri dan berkempen dengan aktif supaya memberi undi kepada beliau. Berdasarkan perbincangan kami terdahulu untuk bekerjasama dengan Perikatan, tindakan Tun Razak berkempen menentang saya pada saat-saat akhir memang tidak saya duga sama sekali. Saya berasa tersinggung dengan apa yang saya sifatkan sebagai ketidakjujuran daripada pihak beliau dan salah anggap saya terhadap sikap yang saya lihat seperti "gergaji dua mata". Akibatnya, saya tewas di peringkat negeri tetapi mengekalkan kerusi saya di Parlimen.

Keputusan pilihan raya Sabah dan Sarawak menggembirakan Perikatan dan dilihat sebagai sesuatu yang meningkatkan semula semangat mereka yang sudah mula luntur. Hal ini menyegerakan pemulihan demokrasi. Persatuan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang terikat dengan Persatuan Cina Sabah (SCA) dalam Perikatan, memenangi kesemua 16 kerusi Parlimen.

Di Sarawak, parti-parti di bawah Perikatan menang 10 daripada 24 kerusi Parlimen: lima dimenangi Parti Bumiputera, tiga oleh Pesaka, dan dua dimenangi SCA. 14 kerusi lagi jatuh ke tangan pembangkang (SUPP lima kerusi dan SNAP sembilan kerusi).

Perikatan juga menempa sejarah dengan memenangi sejumlah 24 daripada 48 kerusi dalam dewan negeri (Dewan Perundangan Negeri), dengan Parti Bumiputera memenangi 12 kerusi, Pesaka sembilan dan SCA tiga kerusi. Pengundian di satu kawasan pedalaman ditunda dan keputusan dari kawasan ini (Bengoh) akan menimbulkan kekeliruan sekiranya dimenangi pembangkang.

Bagaimanapun, Parti Perikatan yang telah memenangi 24 kerusi dijangka dapat menubuhkan kerajaan campuran yang terdiri daripada Parti Bumiputera, Pesaka, dan SCA. Parti Bumiputera mencalonkan Abdul Rahman bin Yaakub, bekas Menteri Pelajaran dalam Kabinet Persekutuan yang telah dibubarkan, sebagai Ketua Menteri kerana mereka yang paling banyak memenangi kerusi. Bagaimanapun, Parti Pesaka mendesak bahawa Ketua Menteri mesti daripada seorang Iban kerana Gabenor pada masa itu sudah pun daripada kalangan orang Melayu. Temenggung Jugah tidak begitu gembira dan kerana itu usaha dibuat untuk menggabungkan Pesaka, SNAP, SCA, dan SUPP.

Di rumah Setiausaha Persekutuan di Jalan Reservoir pada keesokan paginya, Tun Razak mencadangkan supaya kerajaan Negeri Sarawak ditubuhkan oleh Parti Bumiputera, SUPP, Pesaka, dan SCA. Butir-butir lanjut akan dirundingkan kemudian sekiranya persetujuan secara prinsip tercapai. Semasa perjumpaan di rumah Stephen, terdapat seorang yang membantah dengan keras terhadap kemasukan SCA, musuh ketat kami, sebagai parti yang mewakili kaum Cina Sarawak. Keputusan dicapai; kami hanya akan menyertai perikatan tersebut dengan syarat kami diiktiraf sebagai rakan kongsi yang setaraf dengan Parti Bumiputera.

Dalam masa beberapa jam sahaja, Stephen menerima panggilan telefon daripada James Wong, pemimpin SNAP, menjemput beliau menghadiri satu mesyuarat di rumah Jugah yang turut dihadiri oleh wakil-wakil Pesaka dan SNAP pada

malam itu. Oleh sebab Pesaka ialah anggota Perikatan, Stephen Yong berasa hairan dengan kehadiran kedua-dua parti Iban itu.

Stephen Kalong Ningkan memulakan mesyuarat dengan menuntut supaya beliau dilantik menjadi Ketua Menteri dan semua portfolio penting diberikan kepada SNAP. Parti Bumiputera diketepikan. Hal ini bertentangan dengan keputusan yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin SUPP dalam mesyuarat parti mereka sendiri sebelum ini. Stephen Yong mengingatkan yang Malaysia masih lagi di bawah pemerintahan NOC dan peminggiran orang Melayu daripada kerajaan negeri tidak dapat diterima.

Pada pagi 6 Julai 1970, apabila pemimpin-pemimpin SUPP dijadualkan bertemu Tun Razak, Stephen Kalong Ningkan datang ke rumah Stephen Yong dan mencadangkan supaya SUPP menyertai SNAP menubuhkan kerajaan. Apa yang dapat dilakukan oleh Stephen Yong ialah berdalih dan tidak memberi sebarang jawapan. Saya meminta pemimpin-pemimpin SUPP supaya dengan jelas meletakkan syarat penyertaan mereka seperti berikut:

1. Parti Bumiputera akan melantik Ketua Menteri dan SUPP melantik Timbalan Ketua Menteri. Jumlah menteri dalam kabinet mestilah dibahagikan sama rata dan kedua-dua pihak juga patut berkongsi jawatan dalam kerajaan.
2. Jika boleh, kaum Iban patut mempunyai seorang wakil dalam kerajaan.
3. SCA patut diketepikan daripada kerajaan.

Saya memberitahu pemimpin-pemimpin SUPP bahawa saya perlukan mandat daripada mereka. Kami tidak mempunyai banyak masa dan mesti mengelakkan sebarang cubaan SNAP untuk mensabotaj persetujuan ini.

Kami bertiga bertemu Tun Razak, Senu bin Abdul Rahman, dan Abdul Rahman Yaakub seperti mana yang dirancangkan. Saya memberitahu Tun Razak yang kami menghadapi kesukaran dengan cadangan beliau menamakan Abdul Rahman Yaakub sebagai Ketua Menteri kerana kedua-dua kumpulan, Iban dan Cina menganggap beliau sebagai orang Melayu yang terlalu bersifat perkauman. Namun, disebabkan mereka tidak mempunyai calon lain, mereka terpaksa menerima beliau dan mengharapkan yang beliau akan bertukar pandangan.

Tun meminta saya menyampaikan berita tersebut kepada Abdul Rahman Yaakub sendiri. Saya menoleh ke arah Rahman dan memberitahunya yang kami bersetuju menerima beliau "bukan kerana kami sayangkan beliau tetapi kerana kami sayangkan Sarawak".

Tun Razak bersetuju dengan syarat yang disarankan oleh SUPP kecuali berhubung SCA. Oleh sebab beliau terpaksa balik ke Kuala Lumpur dengan segera, beliau telah meminta kami berbincang dengan lebih lanjut bersama Senu dan Abdul Rahman. Kami memberitahu kedua-dua mereka bahawa parti kami tidak akan bersetuju dengan penyertaan SCA kerana kami merasakan mereka tidak boleh dipercayai dan akan membawa kepada keadaan yang tidak stabil. Setelah bertelagah, Abdul Rahman membuat keputusan dan memberitahu Senu yang beliau sendiri akan menyampaikan berita tersebut kepada Tun Razak dan akan bertanggungjawab sepenuhnya tentang perkara tersebut.

Saya kemudiannya mencadangkan supaya Stephen Yong dan Abdul Rahman merangka satu perjanjian di mana Senu boleh menjadi saksi bagi pihak Tun Razak dan kerajaan Persekutuan, dan saya sendiri menjadi saksi untuk SUPP. Dua orang Iban terpilih untuk menduduki kerusi dewan negeri, Penghulu Abok a/k Jalim dan Simon Dembak yang telah keluar daripada Pesaka dan akan menyertai kerajaan bersekutu. Kami menuju ke Astana untuk upacara mengangkat sumpah ahli-ahli baru kerajaan.

Dengan dua ahli Pesaka, 12 ahli Parti Bumiputera, 12 ahli SUPP, terdapat jumlah 26 kerusi, iaitu majoriti dua orang dalam Dewan Negeri yang mempunyai 48 buah kerusi. SNAP, Pesaka, dan SCA telah terkeluar dan Stephen Kalong Ningkan serta



Temenggong Jugah sangat marah dengan keadaan ini. Berhadapan dengan keadaan sama ada menyertai kerajaan dengan mengiktiraf Penghulu Abok dan Simon Dembak, atau meletak jawatan daripada kerajaan Persekutuan, Temenggong Jugah memilih untuk kekal dalam kerajaan sebagai Menteri Persekutuan.

Penubuhan kerajaan Sarawak dengan Parti Bumiputera dan SUPP sebagai tonggaknya, dan dengan penyertaan dua orang Iban yang berpaling tadah daripada Parti Pesaka bukan sahaja tonggak kepada politik masa hadapan SUPP tetapi juga kepada keadaan politik yang stabil di Sarawak. Ia juga satu permulaan bagi perhubungan yang menguntungkan antara Sarawak dan Kuala Lumpur.

Bukanlah suatu perkara yang mudah bagi Stephen Yong, sebagai Setiausaha Agung SUPP dan Timbalan Ketua Menteri untuk bekerja bersama Ketua Menteri Abdul Rahman Yaakub. Pada masa yang sama juga beliau terpaksa mengatasi tentangan daripada elemen-elemen pelampau dalam SUPP kerana bukan semua orang dapat menerima hakikat yang mereka sekarang memainkan peranan dalam kerajaan dan tidak lagi bertindak sebagai pembangkang.

Tanggapan Tun Razak yang memahami kesukaran yang dihadapi pemimpin-pemimpin sederhana SUPP dan langkah-langkah serta tindakan perdamaian Tunku Abdul Rahman telah membantu melicinkan keadaan. Dalam salah satu lawatan ke Sarawak, Tunku memeranjatkan saya semasa menghadiri satu jamuan di Kelab Sarawak apabila beliau menarik saya ke sebelah dan memberitahu saya yang beliau telah mencalonkan saya sebagai salah seorang perwakilan ke Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-25. Beliau tidak mahu saya mengatakan "tidak" dan Stephen Yong sendiri berpendapat adalah baik bagi Pengerusinya menjadi salah seorang perwakilan Malaysia.

Sebelum ini, sebagai menghargai peranan saya yang berjaya membentuk Kerajaan Campuran Negeri Sarawak, Perikatan telah memperakukan saya dan dianugerahkan dengan Panglima Negeri Bintang Sarawak yang membawa gelaran Datuk. Tuan Yang Terutama Gabenor Tun Abang Haji Openg sangat gembira. Beliau sudah lama hendak menganugerahkan penghormatan tersebut kepada saya tetapi telah ditolak oleh Perikatan dan diberikan kepada ramai yang lain.

Satu telegram rasmi telah dihantar oleh Wisma Putra kepada saya mengandungi tawaran perjalanan pergi balik dari Malaysia ke New York dan elaun harian US$35 sehari bagi menghadiri Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-25. Memandangkan ia bukan suatu perlantikan tetap, saya menerima tawaran tersebut.

Tan Sri Temenggong Jugah (kedua dari kanan, baris depan) mengalu-alukan kedatangan Tun Razak (tengah) ke Kapit dengan motobot untuk memulakan lawatan beliau ke Sarawak. (1967)

(Ihsan daripada Memorial Tun Razak)

Pada masa itu, saya tidak mengetahui yang Tunku Abdul Rahman telah mengambil keputusan untuk bersara. Beliau meletakkan jawatan pada 21 September 1970, sehari sebelum anak saudara beliau Sultan Kedah menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong Kelima.

Kelewatan penyampaian surat Tunku kepada saya telah menimbulkan banyak kerumitan. Setelah tiba di New York, saya telah dikejutkan daripada tidur pada tengah malam untuk menjawab satu panggilan telefon yang penting dari Kuching. Panggilan tersebut adalah daripada Stephen Yong. Beliau memberitahu yang beliau telah menerima sepucuk surat rahsia, rasmi dan peribadi, dan meminta saya segera pulang untuk menanganinya sendiri.

Bagi memendekkan cerita, saya mendapat kebenaran untuk kembali semula ke Sarawak. Kami berjumpa Tun Razak dan beliau bersetuju dengan saya supaya Stephen Yong merujukkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pusat SUPP dan memberikan jawapan kepada Tun Razak. Sementara itu, saya telah meminta kebenaran Tun Razak untuk kembali ke New York bagi menyambung misi saya.

Pada akhir Oktober, sekali lagi saya dipanggil pulang. Tun Razak kurang senang kerana beliau masih lagi belum menerima apa-apa jawapan daripada Stephen Yong. Tun Razak memutuskan yang beliau akan menemani saya ke Kuching di mana beliau dengan baik hati telah mengulangi tawaran beliau dan meminta komen mereka. Akhirnya, setelah lama mendiamkan diri dan bagi saya ia adalah sesuatu yang amat memalukan. Khoo Peng Lin, seorang ahli Parlimen dan Naib Presiden SUPP berkata, "Sekiranya Tun Razak mahukan Kee Hui dalam kabinet beliau, kami tidak membantah."

Disebabkan yang lain-lain tidak berkata apa-apa, Tun Razak menoleh kepada Datuk Abdul Rahman dan berkata perkara ini telah dipersetujui dan diterima. Beliau kemudian memberitahu saya supaya berpindah dan tinggal di Kuala Lumpur. Saya berasa marah dengan semua rakan sejawat saya dalam SUPP kerana tidak berterus terang untuk meluahkan perasaan dan bantahan mereka, tetapi mereka meyakinkan saya yang mereka menyokong perlantikan tersebut dan mereka mengucapkan tahniah kepada saya dan ini telah menenteramkan saya.

Saya tidak akan lupa hari saya mengangkat sumpah. Hujan turun dengan lebatnya dan Kuala Lumpur dilanda banjir. Saya orang yang pertama tiba di Istana Negara dan diikuti oleh Tun Razak dan Tun Dr. Ismail. Kami hampir terpaksa menunda upacara mengangkat sumpah tersebut kerana Peguam Negara lambat sampai. Kemudian kedua-dua Tun memutuskan supaya kami segera ke pejabat mereka untuk membincangkan tindakan

segera bagi menangani keadaan banjir yang serius di bandar raya dan untuk memulihkan perhubungan antara kerajaan dan Istana Negara. Beginilah perkenalan pertama saya dengan mesyuarat tergempar Kabinet.

Banyak perkara lain timbul pada tahun-tahun berikutnya. Saya cuba memperkenalkan *tai chi* kepada kedua-dua Tun dan Tun Sambanthan tanpa menyedari yang ia sudah terlambat untuk mereka.

Kematian mengejut Tun Dr. Ismail pada 2 Ogos 1973 adalah suatu kehilangan besar. Tun Razak kembali ke tanah air setelah menerima berita tersebut. Kabinet memutuskan agar jenazah Tun Dr. Ismail dikebumikan di laman Masjid Negara sebagai seorang wira negara. Tun Razak tidak bersetuju dengan keputusan kabinet, beliau mahukan Tun Dr. Ismail dikebumikan di dalam masjid. Oleh sebab lantai daripada batu marmar yang pejal terpaksa dipecahkan, pengkebumian itu lewat buat beberapa jam tetapi ia dapat dilangsungkan juga.

Dato' Hussein Onn telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Perdagangan dan Industri. Dalam suatu rombakan kabinet, saya diberi portfolio perumahan. Tun Razak mengambil perhatian berat tentang perumahan kerana akibat daripada pembangunan ekonomi dan penghijrahan dari luar bandar ke bandar, berlaku kekurangan tempat tinggal di Kuala Lumpur dan ini mengakibatkan banyak rumah setinggan dibina di ibu kota.

Tun Dr. Ismail tidak mahu kerajaan tempatan kerana Perikatan telah tewas dalam Pilihan Raya Majlis Tempatan. Pada pendapat saya Perikatan tewas kerana parti tersebut tidak mengambil berat tentang kepentingan penjaja-penjaja miskin dan penduduk setinggan. Tun Razak menyokong saya. Saya mempunyai pengalaman luas sebagai Datuk Bandar Kuching selama enam tahun dan Sarawak mempunyai sistem kerajaan tempatan yang baik.

Pegawai-pegawai bandar raya kurang senang dengan peraturan saya, iaitu supaya memperkemaskan penjaja-penjaja kecil dengan mengeluarkan lesen berniaga kepada mereka. Saya menjelaskan pegawai-pegawai tersebut adalah salah apabila mereka mengatakan penjaja-penjaja kecil mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Hanya dengan mengeluarkan lesen kepada mereka sahajalah baru kita dapat meletakkan mereka di tempat menjaja yang sesuai. Dalam keadaan sekarang pihak pentadbiran bandar raya kehilangan setengah daripada pendapatan yang sepatutnya diterima. Kita juga akan dapat menghalang perbuatan membayar wang perlindungan daripada kumpulan samseng dan mungkin dapat juga mengelakkan pertempuran kaum antara mereka dengan pihak polis dan pegawai penguat kuasa yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu.

Tun Razak berbincang dengan saya penyelesaian kepada masalah perumahan. Kerajaan Persekutuan mesti berkuasa ke atas tanah. Untuk tujuan itu, Wilayah Persekutuan perlu ditubuhkan di Kuala Lumpur.

Beberapa tahun lalu, kerajaan Persekutuan telah cuba mendapatkan persetujuan Sultan Selangor menyerahkan Kuala Lumpur untuk dijadikan Wilayah Persekutuan tetapi gagal. Saya pernah terdengar Sultan Selangor merancang untuk membina istana baru di Shah Alam. Sultan mungkin dapat dipujuk sekiranya kerajaan Persekutuan menawarkan bantuan kewangan, bukan sahaja untuk membina istana baru tetapi juga untuk membangunkan ibu negeri baru apabila baginda berpindah ke Shah Alam. Dengan yang demikian, Kuala Lumpur dapat diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.

Beberapa hari kemudian Tun Razak memberitahu saya bahawa semasa menghadiri jamuan makan malam bersama Sultan Selangor, beliau secara bersahaja menyebut tentang perkara tersebut. Beliau mendapati yang baginda Sultan bersedia menerimanya dan memahami masalah yang dihadapi Kerajaan Pusat. Sultan Selangor mencadangkan supaya perkara tersebut dibincangkan lebih lanjut dengan Menteri Besarnya, Dato' Harun Idris. Apabila saya mendengarnya, saya terus ketawa dan saya memberitahu Tun Razak yang beliau sudah tentu boleh mendapatkan persetujuan Dato' Harun dengan mudah kerana Dato' Harun ialah ahli UMNO. Tun Razak akhirnya berjaya mendapat persetujuan dan saya diberitahu untuk terus membuat persiapan menjadikan Kuala Lumpur sebuah Wilayah Persekutuan.

Satu dokumen perpindahan kuasa ke atas kawasan seluas 90 batu persegi, iaitu Kuala Lumpur ditandatangani dan perisytiharan Wilayah Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong telah dibaca oleh Perdana Menteri dalam satu upacara yang gilang-gemilang di Parlimen.

Keadaan darurat ditamatkan pada 19 Februari 1971. Parlimen berjaya memperoleh dua per tiga majoriti dan mula bersidang pada 17 Mei. Satu rang undang-undang pindaan perlembagaan diluluskan di semua peringkat, dan diperkukuhkan, tanpa boleh dipersoalkan lagi. Semua undang-undang darurat tersebut digubal oleh NOC. Ia telah diluluskan dengan 125 undi bersetuju dan 17 undi menentang. Mereka yang menentang ialah 13 DAP, PPP, dan Barisan Sosialis.

Oleh sebab saya mempunyai hubungan yang baik dengan pembangkang di Semenanjung, Tun Razak bertanya sama ada saya dapat membantu mendapatkan sokongan mereka untuk bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan. Saya berkawan baik

dengan Tun Dr. Lim Chong Eu, Pengerusi Parti Gerakan yang pada masa itu menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang, juga dengan D.R. dan S.P. Seenivasagam yang menguasai Majlis Perbandaran Ipoh dan PPP di Perak.

Saya tidak dikenali sangat oleh PAS dan sebarang hubungan dengan mereka perlulah dilakukan oleh UMNO. Tun Razak memberi saya laluan untuk bertindak dan saya memberitahu beliau tentang reaksi positif mereka. Ia membuka jalan untuk dialog antara pemimpin pembangkang dengan ahli-ahli kerajaan Perikatan.

Pada 13 Februari 1972, Tun Razak dan Dr. Lim Chong Eu mengumumkan persetujuan secara prinsip sebuah kerajaan campuran di Pulau Pinang. Seterusnya, ini diikuti dengan pengumuman oleh Tun Razak pada 15 April 1972 bahawa satu persetujuan secara prinsip telah dicapai antara Perikatan dan PPP untuk menubuhkan satu kerajaan campuran di Perak, berkuatkuasa pada 1 Mei 1972.

Perbincangan antara UMNO dan PAS mengambil masa yang lebih lama dan perundingan yang dimulakan pada bulan April hanya selesai pada 28 Disember 1972 dengan 13 pernyataan ditandatangani oleh Tun Razak dan Dato' Mohamad Asri yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1973. Melalui persetujuan ini kerajaan Barisan Nasional ditubuhkan di Malaysia.

Pada mulanya nama Barisan Nasional tidak dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin Perikatan yang konservatif kerana perkataan "Barisan" lebih terkenal dalam kalangan komunis dan mereka yang berhaluan kiri. Akan tetapi Tun Razak berpendapat ia adalah suatu idea yang baik untuk menanamkan tentang satu gerakan patriotik dalam fikiran rakyat. Kemudian persoalan lambang yang sesuai pula dibincang. Dalam suatu jamuan koktel yang dihadiri pemimpin parti campuran di Sri Taman, dicadangkan konsep Dasar Ekonomi Baru dan Rukun Negara—sebuah masyarakat yang sama rata yang berbilang kaum, terutama untuk mereka yang mundur dalam ekonomi—adalah paling sesuai.

Konsep ini dapat dilihat dengan jelas daripada lambang "dacing keadilan". Ia adalah suatu idea yang amat menarik. Tan Sri Manickavasagam dengan segera pergi ke kedai seorang bangsa India yang berdekatan untuk meminjam dacing.

Akhirnya, sebuah kerajaan nasional dibentuk. Tun Razak mengumumkan pada April 1974, bahawa semua parti komponan Barisan Nasional akan menggunakan lambang yang sama dalam pilihan raya umum yang akan berlangsung pada hujung tahun itu. Lambang dacing keadilan akan menggantikan perahu layar yang selama ini menjadi lambang Parti Perikatan. Tidak akan ada lagi lambang-lambang parti yang berasingan.

Pada awal bulan Mei, satu perhimpunan besar-besaran diadakan di Alor Setar, Kedah. Pada 1 Jun 1974, Barisan Nasional diberi sijil pendaftaran dengan sembilan parti politik sebagai ahli, iaitu UMNO, MCA, MIC, PAS, PPP, Gerakan, SUPP, PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu), dan Perikatan Sabah. Ekoran itu, Barisan Nasional sah menjadi sebuah badan politik.

Sepanjang tempoh jawatan beliau sebagai Perdana Menteri, saya dapati Tun Razak seorang pemimpin yang saksama dan progresif walaupun beliau tidak menunjukkan sifat ramah dan mesra seperti Tunku Abdul Rahman. Tugas beliau sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar merapatkan beliau dengan rakyat miskin dan memupuk keperihatinannya ke atas masalah setinggan dan penjaja kecil.

Saya sangat terharu kerana Tun Razak mengambil berat tentang kesihatan saya apabila saya diserang penyakit jantung akibat tekanan kerja dan aktiviti politik. Beliau memasang sebuah lif di pejabat beliau di Jalan Dato' Onn dan mengarahkan anggota polis yang bertugas supaya golongan seperti saya diiring masuk ke lif untuk datang ke pejabat beliau atau ke bilik kabinet. Kami tidak dibenarkan menaiki tangga dari aras bawah.

Begitulah cerita penglibatan saya dengan Tun Razak hinggalah beliau meninggal dunia pada 14 Januari 1976, setelah sebulan berada di Perancis dan Britain untuk rawatan penyakit leukemia. Negara berkabung.

Jejak Bertapak di atas Pasir

Oleh Tan Sri Mazlan Nordin

TUN Razak berkaki ayam ke sekolah Melayu di Langgar, Pahang, semasa zaman pemerintahan penjajah. Beliau bukan miskin kerana bapanya Dato' Hussein ialah Orang Kaya Indra Shahbandar, salah seorang daripada orang besar jajahan di Pahang.

Hal ini hanyalah disebabkan oleh murid-murid lain terlalu miskin dan tidak mampu membeli walaupun sepasang kasut getah. Bagi menghormati rakan-rakan sekolah beliau, Tun Razak turut tidak memakai kasut.

Keadaan ini menunjukkan pemahaman awal dan sifat timbang rasa beliau terhadap masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan harapan serta cita-cita mereka. Ia juga dapat memperjelaskan kepada kita kenapa selepas beliau menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar, beliau telah menjelajah lebih daripada 60 000 batu setahun ke seluruh pelosok negara bagi melihat sendiri kejayaan perlaksanaan beberapa projek luar bandar.

J.J. Raj, yang pernah menjadi Ketua Polis Pahang, teringat kepada suatu peristiwa pahit. Dalam tahun 1962, lima tahun selepas merdeka, Tun Razak melawat ibu pejabat polis di Kuala Lipis. Di situ tidak ada kemudahan rumah istirahat pegawai polis pada masa itu. Tidak jauh dari situ terdapat sebuah bangunan besar, yang suatu masa dahulu digunakan sebagai kediaman rasmi Pesuruhjaya British. Bangunan tersebut digunakan sebagai asrama untuk pelajar Melayu dari kampung-kampung sekitar. Raj mencadangkan supaya bangunan tersebut dijadikan rumah istirahat polis dan pelajar-pelajarnya dipindahkan ke tempat lain. Tun Razak dan Raj melawat serta meninjau bangunan tersebut. Mereka bertemu dengan pelajar-pelajar tersebut. Seperkara yang Raj ingat, Tun Razak dengan lemah lembut bersuara, "Walaupun hanya 10 peratus daripada pelajar Melayu miskin ini menjadi siswazah Melayu pada satu hari nanti, saya akan berasa sangat-sangat gembira." Cadangan itu akhirnya diketepikan dan Raj meminta maaf kepada Tun Razak.

Raj beberapa tahun kemudiannya dapat melihat beribu-ribu pelajar Melayu lulus universiti, dari dalam dan luar negeri. Hal ini mengingatkan beliau kepada kata-kata Tun Razak yang bukan sahaja merupakan "satu ramalan yang tepat tetapi juga menunjukkan pengamatan dan pandangan jauhnya yang tajam."



Tonggak negara.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Satu perkara yang tidak dapat dielakkan ialah persoalan yang ditimbulkan tentang hubungan Tun Razak dengan Tunku. Kedua-duanya daripada keturunan orang bangsawan. Seorang daripadanya ialah putera Sultan dan dengan itu kehidupannya agak senang. Tunku mendapat ijazah undang-undang pada kali kedua beliau menduduki peperiksaan. Sementara Tunku kelihatan sebagai seorang diktator yang bersahaja, Tun Razak langsung tidak menunjukkan kuasa beliau walaupun selepas dilantik menjadi Pengarah MAGERAN selepas rusuhan 1969.

Tunku pernah berkata tentang Tun Razak, "Tun Razak bukan sahaja seorang kawan dan rakan sejawat saya tetapi juga mewakili peribadi saya dan merupakan bayangan saya sepanjang tahun-tahun penting kami bekerja bersama. Dalam diri Tun Razak, anda dapat melihat seorang yang baik, jujur dan adil, tidak pernah penat menyumbangkan tenaganya kepada negara, seorang yang sudah 15 tahun mempunyai pengalaman sebagai timbalan saya ... dan saya berani berkata bahawa tidak ada orang yang lebih baik daripada Tun Razak yang patut mengambil tugas Perdana Menteri selepas saya."

Tun Razak pula semasa majlis menyambut hari jadi Tunku yang ke-63 pada 8 Februari 1966, memberi pujian kepada Tunku dengan berkata, "Tunku adalah lebih daripada seorang ketua. Beliau telah menjadi sahabat baik saya sejak zaman kami menuntut di London. Beliau ialah sumber ilham saya dan juga kepada rakyat Malaysia umumnya. Beliau mendapatkan kemerdekaan bagi kita dan menjadi arkitek Malaysia. Saya juga menganggap beliau sebagai seorang bapa. Sekiranya bapa saya masih hidup, beliau mungkin lebih kurang sebaya dengan Tunku."

Sesungguhnya, keadaan hidup Tun Razak adalah jauh berbeza daripada Tunku. Tun Razak berjalan kaki sejauh empat batu tiap-tiap hari—dua batu pergi dan dua batu balik dari sekolah rendah di Langgar. Kemudian ditambah pula dengan dua batu lagi ke kelas al-Quran pada sebelah petang. Dalam poket beliau hanya ada satu sen untuk beliau membeli nasi dagang dan setiap hari beliau mandi di sungai.

Semasa menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), beliau belajar dengan bersungguh-sungguh sehingga mendapat kenaikan darjah berganda, dari darjah satu ke darjah tiga, ke darjah lima dan sekali lagi ke darjah tujuh. Kenaikan darjah seperti ini mengakibatkan beliau lemah dalam mata pelajaran Ilmu Hisab. Beliau ialah seorang murid yang aktif dan bergiat cergas dalam sukan. Dalam tahun-tahun akhir di sana beliau menjadi Ketua Pengawas di Maktab itu.

Lama selepas itu, beliau lulus bahasa Latin dalam tempoh empat bulan sahaja dan ini membolehkan beliau menamatkan





Sekolah Rendah Langgar di mana Abdul Razak ketika kecil menghabiskan tahun-tahun awalnya.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

pengajian undang-undangnya dalam tempoh lapan belas bulan.

Beberapa peristiwa tertentu yang dilalui beliau semasa zaman kanak-kanak telah mempengaruhi pandangan beliau tentang masa hadapan. Dalam usia semuda 10 tahun, beliau sudah menghadiri upacara pertabalan Sultan Pahang di Pekan. Berhimpun di Balairong Seri ialah para pembesar dengan pakaian tradisi, termasuklah bapa beliau sendiri. Semuanya berdiri. Turut hadir ialah Gabenor yang diiringi oleh Residen British. Semua duduk kecuali pembesar Melayu yang terus berdiri. Ia adalah suatu suasana yang sentiasa terukir dalam ingatan Tun Razak yang masih muda itu.

Apabila beliau melanjutkan pelajaran ke Britain, Parti Buruh sedang berkuasa di sana. Apa yang dilakukan oleh Harold Laski dan anggota Persatuan Fabian meninggalkan pengaruh yang besar kepada penuntut Malaysia, termasuklah Tun Razak. Tun Razak memandang tinggi Perdana Menteri Clement Attlee, dan Menteri Kewangan, Sir Stafford Cripps. Kedua-dua pemimpin ini bertanggungjawab ke atas kemerdekaan India dan kewujudan Pakistan.

Politik Awal

Pergaulan rapat antara Tunku dan Tun Razak bermula di London dan ini akhirnya membawa kedua-dua mereka memainkan peranan penting dalam sejarah Malaysia. Tun Razaklah orang yang memujuk Tunku untuk mengambil alih tugas Presiden UMNO apabila Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan. Pada mulanya Tunku menolak dan mencadangkan supaya Tun Razak sendiri bertanding jawatan Presiden, suatu idea yang terus ditolak oleh Tun Razak kerana usia beliau. Pada masa itu, beliau baru berusia 29 tahun. Tunku kemudiannya berjaya memujuk Tun Razak untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO. Kedua-dua mereka menang dengan majoriti tipis.

Setelah empat belas tahun air mengalir di bawah jambatan, seluruh generasi politik menjadi lebih dewasa. Pada masa tercetusnya rusuhan 13 Mei 1969, seorang menteri kanan ketika itu menceritakan yang beliau pernah menemui Tunku dan secara diplomatik mencadangkan supaya Tunku bersara semasa masih berada di mercu tertinggi sebagai Perdana Menteri. Tunku menerima dengan baik cadangan tersebut dan berjanji akan menimbangkannya, tetapi tidak berapa lama kemudian Tunku memberitahu menteri tersebut bahawa beberapa orang rakannya memberitahu beliau yang Tun Razak bersifat perkauman dan kerana itu Tunku terpaksa kekal sebagai Perdana Menteri.

"Yang ini khas buatmu, kawan lama." Perdana Menteri Pertama Tunku Abdul Rahman (kiri) menyampaikan salam kepada pengganti setianya.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Terdapat sebuah cerita yang menarik seperti yang terkandung dalam bab terakhir buku Tan Sri Ghazali Shafie, *Kisah tentang penubuhan Malaysia* (Universiti Kebangsaan Malaysia

1998) berhubung keputusan menunda tarikh Hari Malaysia dari 31 Ogos ke 16 September. Pilihan raya telah pun diadakan lebih awal bagi Majlis Perundangan Sarawak di mana parti-parti Perikatan yang pro-Malaysia mendapat kemenangan. Stephen Kalong Ningkan, seorang bangsa Dayak ialah Ketua Menteri Sarawak sebelum Malaysia ditubuhkan.

Tiba-tiba tersebar maklumat bahawa ada usaha hendak "memperakukan kepada kerajaan Inggeris supaya melantik Temenggung Jugah sebagai Gabenor pada hari Malaysia." Hal ini bertentangan dengan persefahaman tidak bertulis bahawa jika seorang Dayak menjadi Ketua Menteri, maka seorang Melayu akan menjadi Gabenor, begitu jugalah sebaliknya.

Tunku sangat marah dengan cadangan yang dikemukakan pihak Inggeris. Beliau segera memanggil kabinet untuk mesyuarat tergempar. Beliau mengisytiharkan yang Malaysia akan tetap ditubuhkan pada 16 September dengan Singapura dan Borneo Utara, tetapi agak susah bagi sebuah negara untuk hidup sekiranya terdapat campur tangan luar. "Beliau lebih suka tidak memasukkan Sarawak ke dalam Malaysia," tambah Tan Sri Ghazali Shafie dalam buku beliau.

Rakan kabinet menggesa beliau meneruskan idea "Malaysia tanpa Sarawak". Akan tetapi Tun Razak marah dengan idea tersebut dan menentangnya dengan keras. Dalam konteks peristiwa nasional, mereka memerlukan antara satu sama lain. Sudah menjadi takdir mereka dan juga negara. Negara beruntung dengan perkongsian mereka berdua.

Tun Razak melantik Tun Hussein Onn sebagai timbalan beliau ekoran kematian Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman dalam tahun 1973. Ia membawa akibat tertentu apabila Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri selepas Tun Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976. Tiba-tiba, beberapa penangkapan dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Antara yang ditahan ialah Tan Sri Abdullah Ahmad, pada masa itu ialah seorang Timbalan Menteri, Datuk Abdullah Majid, juga seorang Timbalan Menteri, dan Tan Sri Samad Ismail, Pengarang Kanan di Kumpulan New Straits Times. Menteri Dalam Negeri pada masa itu ialah Tan Sri Ghazali Shafie. Mereka ialah orang daripada pihak berkuasa dan misteri tahanan mereka masih tidak jelas hingga ke hari ini.

Tun Razak diingati dalam banyak perkara: sementara kerajaan penjajah membina 2000 sekolah dalam tempoh 100 tahun; beliau membina 3000 sekolah dalam tempoh hanya 10 tahun; lebih kurang dua juta orang dewasa yang buta huruf diajar menulis dan membaca. Beliau membuka 200 000 ekar tanah daripada 75 rancangan tanah untuk beribu-ribu keluarga yang tidak mempunyai tanah. Dalam tempoh perkhidmatan beliau,

Bank Bumiputra, MARA, ITM (sekarang UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), RISDA, FELDA, PERNAS, Petronas, dan MAS adalah antara yang telah ditubuhkan atau yang telah diperbaiki kedudukannya.

Dalam gambaran yang lebih luas, kita dapat melihat peranan Tun Razak dalam memulihkan semula kerajaan demokrasi berparlimen selepas hanya 21 bulan pemerintahan darurat. Tun Razak mengeluarkan arahan yang menteri-menteri boleh menerima gaji mereka tetapi mereka tidak diberikan apa-apa tugas.

Beliau juga telah memperbesarkan Perikatan menjadi Barisan Nasional dan cuba memujuk PAS menyertainya. Datuk Asri Muda, Presiden PAS pada masa itu dan juga Menteri Besar Kelantan, teringat yang PAS tidak mempunyai cukup wang untuk membina sebuah jambatan menghubungi Kelantan dari timur ke barat dengan perbelanjaan sebanyak RM5 juta. Malah kedudukan kewangan Kelantan berada dalam keadaan meruncing sehinggakan Datuk Asri terpaksa meminta bantuan Tunku untuk menolong membayar gaji kakitangan kerajaan pada penghujung tahun kewangan tertentu. Projek jambatan itu, bagaimanapun diluluskan. Datuk Asri berjaya mendapat pinjaman dari sebuah bank perdagangan dan jambatan itu dinamakan Jambatan Sultan Yahya Petra dan dibuka dengan rasminya pada tahun 1964. Ia masih ada hingga ke hari ini.

Gabungan antara kedua-dua parti tersebut bagaimanapun tidak kekal lama selepas kematian Tun Razak. Dalam tahun 1977, dengan perasaan marah Datuk Asri bertindak membawa PAS keluar daripada Barisan Nasional. Beliau kemudian berkata, "Cuaca berubah-ubah. Ada masanya panas dan ada masa hujan lebat sehingga mengakibatkan banjir."

Konfrontasi!

Tun Razak memainkan peranan penting dalam menamatkan konfrantasi antara Indonesia-Malaysia. Semasa ulang tahun ke-30, Des Alwi, bekas pegawai kanan Kementerian Luar Indonesia membuat penayangan filem istimewa yang menunjukkan adegan rundingan damai di Bangkok dan kemudiannya upacara menandatangani Permuafakatan Jakarta pada 11 Ogos 1966, menamatkan permusuhan dan kekejaman. "Ramai antara mereka yang sudah tidak ada lagi, mereka sudah meninggal dunia. Kita berada di mana kita berada sekarang ini adalah disebabkan hasil usaha mereka. Mereka sudah tentu mahukan kita menjamin dan mengekalkan persahabatan dan perpaduan antara kedua-dua negara kita," kata Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie dengan disambut dengan tepukan para hadirin.

Jalan untuk mencapai perdamaian adalah berliku-liku. Pada peringkat awal konfrontasi, pihak Indonesia mendakwa bahawa lebih daripada 21 juta sukarelawan telah mendaftar bagi kempen mengganyang Malaysia. Kemudian beberapa faktor menyumbang untuk suasana berbaik-baik semula: kegagalan rampasan kuasa oleh pihak komunis pada 30 September 1965, keinginan mendalam rakyat Malaysia dan Indonesia yang inginkan kedamaian tanpa campur tangan pihak ketiga, kehendak Presiden Suharto supaya ia ditamatkan, dan juga pemisahan Singapura dari Malaysia. Apa yang kurang terserlah sebagai sebab perdamaian termasuklah keperluan untuk Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) menyelerakkan tenteranya "ke luar tanah Jawa" untuk melawan Malaysia dan sekutunya, dan ini akan meninggalkan Jakarta dalam keadaan tidak terlindung. Keadaan ini sangat berbahaya kerana keadaan politik parti komunis sedang berada dalam keadaan yang kukuh.

Titik permulaan perdamaian dilakukan oleh Des Alwi. Tun Razak memberi tindak balas positif yang segera. Des Alwi memberitahu beliau yang inisiatif ini datangnya daripada Jeneral Suharto sendiri. Sebelum itu Tun Razak telah berjumpa Suharto di Jogjakarta, sewaktu beliau mengetuai satu delegasi dan Suharto berada dalam Divisyen Diponegoro.

Pertemuan yang sebenarnya, diadakan di Hotel Erawan, Bangkok, di mana Mejer Benny Moerdani, yang menyamar sebagai pegawai tiket dengan penerbangan Garuda Indonesia berpangkalan di Bangkok bertemu Tun Razak selama 45 minit dan mereka membuat penilaian sesama sendiri. Beberapa pesanan dan sepucuk surat telah diberikan kepada Tun Razak.

Sebagai sebahagian daripada usaha perdamaian, satu delegasi khas Angkatan Tentera Indonesia telah dijemput bersarapan pagi di Sri Taman bersama Tun Razak dan kemudiannya mereka berangkat ke Alor Setar untuk menemui Tunku. Pada malam kapal terbang Hercules akan tiba, satu siaran radio khas Indonesia telah kedengaran di Kuala Lumpur: "Daripada keluarga Sumolang kepada keluarga Mogot, Bapak dan Ibu Sumolang esok akan menuju Menado." Mejer Moerdani mendengar siaran tersebut dan memberitahu Tan Sri Ghazali Shafie akan ketibaan mereka dan bersamanya terdapat pesanan kepada rakyat Malaysia bahawa "di samping rakyat awam, pihak tentera juga mahukan perdamaian."

Penerbangan ke Alor Setar juga berbahaya kerana kapal terbang terpaksa melalui pengkalan tentera udara Australia di Butterworth. Tan Sri Ghazali Shafie menghantar pesanan, "Semasa kapal terbang melalui ruang udara Butterworth, saya berada dalam kapal terbang itu, tembaklah kalau mahu."

Beribu-ribu orang termasuk Tunku menyambut delegasi dari Indonesia itu. Setiap orang, termasuk Tun Razak dan Tan Sri Ghazali Shafie, dihadiahkan jam Rolex sebagai tanda terima kasih dan jaminan persahabatan.

Diplomasi dengan China

Tun Razaklah orang yang bertanggungjawab menjalinkan hubungan diplomatik dengan negeri China komunis—negara ASEAN pertama yang berbuat demikian. Tidak lama selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 20 September, 1970, Tun Razak telah memanggil rakan sedarjahnya di Maktab Melayu, Raja Tun Mohar bin Raja Badiozaman yang pada masa itu mengetuai Kementerian Perdagangan. Arahan beliau kepada Raja Mohar adalah jelas, "Pergi berjumpa Zhou Enlai dan buatlah tinjauan berhubung keinginan Malaysia untuk mengadakan hubungan diplomatik. Kita tidak boleh bersikap tidak menghiraukan China yang mempunyai 800 juta penduduk."

Raja Mohar bertemu dengan Zhou Enlai di kediaman beliau dari jam 9.00 malam hingga selepas tengah malam. Zhou Enlai memberi delegasi Malaysia masa yang secukup-cukupnya yang diperlukan. Isu-isu tentang kedudukan orang Cina di Malaysia dan status kerakyatan mereka di Malaysia dibangkitkan. Berhubung permintaan delegasi Malaysia supaya China menolak Parti Komunis Malaya (PKM), Zhou Enlai menjelaskan bahawa ia tidak dapat dibuat. "Ia sama seperti Islam. Seseorang tidak boleh meminta seorang Islam supaya menolak orang Islam dari negara lain," kata Zhou Enlai bersungguh-sungguh. Zhou Enlai telah menyampaikan penghargaan beliau kepada Malaysia yang bersama-sama dengan Albania mencadangkan China diterima masuk ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam tahun 1971.

Sekembalinya ke Malaysia, Raja Mohar terus ke Sri Taman pada jam 10.00 malam itu juga untuk memberi taklimat kepada Tun Razak.

Pada akhir bulan Mei 1974, Tun Razak mengetuai satu delegasi rasmi ke China untuk bertemu dengan Zhou Enlai dan Pengerusi Mao Zedong. Zhou Enlai ketika itu sudah sakit dan apabila Tun Razak kembali ke tanah air, beliau berkata yang beliau tahu itu adalah pertemuan terakhir mereka. Tun Razak sangat menghargai tindakan Zhou Enlai menyambut beliau secara rasmi untuk berunding tentang status penduduk Cina di Malaysia. Kesannya, PKM menjadi tidak relevan.

Kedua-dua kerajaan juga bersetuju tentang beberapa prinsip asas. Kedua-dua negara tidak mengiktiraf dua kerakyatan. Kaum Cina pada masa itu berjumlah 30 peratus daripada jumlah seluruh penduduk Malaysia. Sesiapa sahaja yang berasal dari

China yang dengan rela hati memilih untuk menjadi rakyat Malaysia akan kehilangan hak untuk menjadi rakyat China.

Sebagai balasan, Malaysia mengiktiraf hanya satu China, iaitu Republik Rakyat China, dengan Taiwan merupakan salah satu daripada wilayahnya. Konsulat Malaysia di Taipei ditutup.

Hasil daripada lawatan bersejarah itu, Barisan Nasional menang besar dalam pilihan raya 1974. Undi orang Cina menyumbang ke arah kemenangan ini.

Tuntutan Sabah

Tuntutan Filipina ke atas Sabah merumitkan lagi hubungan luar bagi Tun Razak. Dalam tahun 1962, Presiden Diosdado Macapagal membangkitkan isu ini berdasarkan kepada tuntutan oleh pewaris Sultan Sulu. Dalam bulan Januari 1963, Macapagal mengisytiharkan kemasukan Sabah ke dalam Malaysia adalah berbahaya kepada Filipina kerana ia membuka jalan kepada penyebaran komunisme ke negaranya. Ucapan itu memburukkan hubungan antara Kuala Lumpur dengan Manila.

Hal ini adalah suatu perkara yang aneh. Gerakan komunis Hukbalahap di bahagian utara Luzon telah pun dikalahkan oleh Presiden Ramon Magsaysay sepuluh tahun yang lalu. Apa yang lebih peliknya, Kesultanan Sulu sendiri sudah tidak ada lagi sejak tahun 1936 dan tidak lagi menjadi sebuah wilayah berdaulat lebih daripada setengah abad yang lalu.

Maphilindo, sebuah gabungan tiga negara rumpun Melayu, kurang mendapat sambutan. Walaupun Malaysia mahukan perdamaian dan kestabilan tetapi Malaysia tidak boleh "menyerah suku daripada wilayahnya hanya semata-mata kerana ingin mewujudkan perdamaian dan persahabatan," kata Tun Razak. Malaysia tidak akan berkompromi berhubung kedaulatan dan integriti.

Dalam tahun 1977, Presiden Ferdinand Marcos menyatakan kesediaan beliau untuk menarik balik tuntutan Filipina ke atas Sabah. "Secara jujur saya benar-benar percaya sekiranya tuntutan ke atas Sabah tidak dibangkitkan, pertempuran di sebelah selatan tidak akan bermula langsung," kata beliau.

Tun Razak sendiri menjadi Perdana Menteri semasa berusia 48 tahun, pada 22 September 1970, selepas menunggu selama 13 tahun. Sepanjang masa itu, beliau ialah seorang timbalan yang setia kepada Tunku.

Semua keputusan yang dibuat Tun Razak telah menjadi sangat penting kepada negara. Di negara lain, ramai yang bertindak mahukan kuasa tetapi Tun Razak melakukannya demi membentuk masa depan negara.

Keperibadian yang Sukar Dicontohi

Oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

AYAH saya tidak pernah berniat untuk saya menyertai politik. Persoalan sama ada beliau mahu mendidik saya untuk menjadi ahli politik—seperti keturunan beberapa dinasti Asia yang berkuasa, contohnya keluarga Ghandi India—tidak timbul sama sekali. Malah, apabila saya memikirkannya kembali, beliau sebenarnya tidak menggalakkan saya terlibat dengan politik.

"Saya mahu anda menceburi bidang perakaunan," kata beliau semasa menyuruh saya pergi ke England. Beliau sudah tentu kecewa kerana saya sebaliknya memilih bidang ekonomi. Beliau beranggapan dunia korporat paling sesuai untuk saya.

Bagaimanapun, secara tidak langsung, ketika di universiti, kesedaran politik saya meningkat melalui interaksi bersama pelajar lain dan penglibatan kami dalam pelbagai jenis aktiviti.

Meninjau kembali, ia bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Saya rasa, dorongan ini bermula tanpa disedari ayah mahupun saya sendiri. Hal ini mungkin kerana sebagai kanak-kanak, saya mengikuti ayah dalam lawatan-lawatan beliau ke kampung-kampung dan kawasan pedalaman dan melihat bagaimana beliau berinteraksi dengan orang ramai. Beliau seperti mempunyai misi tertentu dalam perkara yang dilakukan. Saya menyedari betapa bangganya saya dengan beliau. Secara perlahan-lahan tanpa saya sedari, saya bukan sahaja dibangkitkan dengan kesedaran berpolitik tetapi juga keinginan yang tidak terhingga untuk meneruskan impian beliau.

Ayah saya tidak pernah cuba membebankan nilai kehidupan beliau ke atas diri kami. Seingat saya, beliau membentuk keperibadian kami melalui perlakuan dan amalan beliau. Akan tetapi beliau tidak pernah lupa mengingatkan kami tentang asal usul beliau yang miskin, bagaimana beliau terpaksa bersusah payah semasa masih kecil, dan kemudian semasa bertugas sebagai pemimpin dan pentadbir.

Beliau membesar di kawasan luar bandar—dan ini sentiasa berada di hati beliau. Kawasan luar bandar sering dikunjungi dan kadang-kadang kami dibawa bersama untuk mengingatkan tentang asal usul kami. Pandangan beliau tentang orang kampung berubah sejak beliau menjadi sebahagian daripada kepimpinan negara. Beliau melihat mereka sebagai orang yang tidak bernasib baik dan terbiar.



Oleh itu, tidak hairanlah apabila beliau menjadikannya sebagai tujuan utama untuk cuba mengubah persekitaran kawasan tersebut dan memperbaiki mutu kehidupan mereka. Beliau berpeluang berbuat demikian apabila beliau dilantik menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar. Semangat beliau amat saya kagumi. Walaupun saya masih kecil pada masa itu, saya berjanji pada diri sendiri supaya berusaha sedaya upaya untuk membantu penduduk luar bandar.

Pada asalnya, saya merancang untuk menceburi bidang lain terlebih dahulu dan selepas itu baru menyertai politik. Saya tidak pernah membayangkan saya akan menjadi ahli Parlimen pada usia yang begitu muda. Namun, bak kata orang tua-tua, kita hanya mampu merancang. Dalam kes saya pula, peluang tersebut datang mendadak. Akhirnya, hanya Allah yang Maha Kuasa menentukan segalanya.

Sejurus selepas ayah meninggal dunia, saya terpaksa membuat keputusan yang pada hari ini saya anggap paling penting dalam hidup saya. Saya dikehendaki memutuskan sama ada untuk menerima atau tidak tawaran bertanding di kawasan Pekan menggantikan tempat ayah saya, pada usia 22 tahun—usia yang sangat muda dan idealistik.

Saya memberitahu diri sendiri, "UMNO merupakan parti demokrasi dan terdapat pilihan raya umum setiap empat atau lima tahun. Jika saya tidak mencapai taraf yang dikehendaki, lambat laun saya akan sedar. Sama ada diberitahu orang atau saya akan mengetahui melalui keputusan undi, dalam pilihan raya nasional ataupun pilihan raya parti, yang saya sudah tidak dapat berkhidmat lagi." Hal itu akan menjadi isyarat kepada saya supaya mengundur diri.

Pada masa itu saya boleh dikatakan berdikari dan tersendiri. Akhirnya, saya membuat keputusan untuk menerima tawaran tersebut. Selepas itu, saya menghadapi dua pilihan—untuk menjadi kurang aktif atau melibatkan diri dengan serius. Saya pilih yang terkemudian.

Ketika itu, ramai orang memuji keluarga saya kerana dorongan yang diberi untuk saya mewarisi tempat ayah saya di kawasan pengundian beliau. Hal ini sebenarnya tidaklah seperti yang disangkakan. Saya tahu ibu saya agak risau tentang saya pada masa itu. Beliau tidak berapa yakin sama ada saya mampu bertahan dalam dunia politik tetapi beliau tidak menyuarakan perasaan beliau kepada saya. Adik-adik saya terlalu muda pada masa itu untuk memberi pendapat. Jadi saya terpaksa membuat keputusan sendiri.

Potret keluarga! bersama putera-putera beliau! Nazim, Najib, Johari, Nizam dan Nazir di tengah-tengah.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Secara peribadi, saya memasuki politik bukanlah kerana peluang untuk mencapai kejayaan sahaja. Tarikan yang jauh lebih kuat adalah untuk menyambung tugas yang telah di-


1241



Bercuti di luar negeri atas nasihat doktornya: menikmati udara sejuk lagi segar bersama Najib di Tasik Lugano di Switzerland.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

tinggalkan oleh ayah saya—perancangan dan wawasan beliau. Ini lebih bermakna bagi saya. Akan tetapi beliau tidak pernah menyebut ini merupakan tanggungjawab saya ataupun takdir saya untuk mengambil alih apa yang telah dimulakan beliau.

Saya meluangkan sedikit masa bersama beliau di London semasa beliau sedang dalam rawatan, beberapa hari sebelum beliau meninggal dunia. Ketika itu, saya bertugas di Petronas dan tidak dapat mengambil cuti untuk jangka masa yang tidak menentu. Beliau menghembuskan nafas terakhir hanya beberapa hari selepas saya kembali bertugas.

Sewaktu kami bersama, beliau bercakap hanya tentang apa yang ingin beliau lakukan untuk negara. Perkara ini sahaja yang sering bermain dalam fikiran beliau. Beliau berharap untuk pulih dengan segera supaya dapat kembali bertugas sebagai pemimpin negara. Beliau terlalu bimbangkan keadaan politik—bahawa ada orang akan melemahkan kestabilan negara dan mengambil kesempatan dengan ketiadaan beliau untuk kepentingan diri sendiri. Perkara itu menjadi perkara utama yang mengganggu fikiran beliau.

Kata-kata terakhir beliau kepada saya ialah beliau mengharapkan sedikit masa lagi; terdapat perkara tertentu yang ingin beliau selesaikan. Beliau tidak menyatakan apa perkara itu. Beliau, ketika itu sedang mengusahakan beberapa perkara, termasuk, saya rasa, pemulihan kabinet yang sehingga sekarang tidak pernah terlaksana. "Saya memerlukan lebih masa," beliau berkata.

Mengingati kembali, semua ini telah membantu saya dalam membuat keputusan. Saya menganggap dengan menjadi ahli Parlimen saya boleh, sekurang-kurangnya dengan cara saya tersendiri, menyumbangkan usaha saya ke arah mencapai matlamat beliau. Setiap kali beliau berpeluang bersama kami, beliau mesti akan memberitahu kami bagaimana beliau terpaksa bersusah payah untuk mendidik diri sendiri dan kemudian berjaya dalam kehidupan serta kerjaya beliau.

Mencapai impian peribadi—Tun Razak, setelah dipanggil untuk menghadap ke Bar di Makhamah Tinggi Persekutuan Malaya dengan Toh Puan Bunny Suffian dan Tun Mohd Suffian Hashim di sisinya. Toh Puan Rahah berada di sebelah kanan manakala Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen Ismail berdiri di tengah, baris kedua. Dato' Sri Mohd Najib berdiri di latar belakang (jauh ke kanan). (1975)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Beliau sentiasa meminta kami supaya tidak lupa daratan dan "kaki hendaklah selalu menjejak bumi". Beliau tidak mahu kami diberi layanan istimewa. Beliau inginkan kami berjaya dengan cara yang normal—setakat yang boleh bagi anak-anak kepada pemimpin negara.

Oleh sebab itulah beliau sentiasa memujuk dan menyuruh kami supaya cuba mencapai tahap tertinggi di sekolah. Contohnya, beliau mahu kami sentiasa menjadi antara tiga pelajar terbaik di dalam kelas kami. Jika tidak, beliau akan kecewa.

Beliau mempunyai sistem ganjarannya juga. Kalau kami mendapat tempat pertama, beliau akan memberi kami RM30.

Ia merupakan ganjaran yang menurun. Tempat kedua diberi 20 ringgit dan ketiga pula 10 ringgit. Skala ganjaran tersebut telah meningkat kemudian. Beliau benar-benar kecewa sekiranya kami tidak dapat berada di tempat tiga ke atas.

Beliau sendiri ialah pelajar yang cemerlang. Beliau berjaya dalam sukan dan pelajaran. Oleh sebab latar belakang beliau yang kurang bernasib baik, beliau berusaha dengan giat untuk mencapai tahap tertinggi. Beliau juga mahukan kami untuk berbuat demikian. Bagi beliau ia sangat penting. Saya rasa beliau tidak mahu nanti orang beranggapan bahawa pencapaian kami disebabkan oleh latar belakang kami yang mempunyai hak istimewa.

Kesedaran tersebut menjadi dorongan kepada beliau. Kami menerimanya kerana kami memahami perasaan beliau. Setelah mengetahui tentang penyakit yang dihidapi dan kesuntukan masa untuk hidup, beliau bekerja dengan lebih kuat. Beliau mengetahui tentang penyakit leukemia beliau sejak 1969.

Ibu saya pula sentiasa memberi belaian kasih sayang dan beliau mengamalkan pengaruh yang berlainan, dengan lebih lembut. Beliau sentiasa dalam keadaan tenang dan tenteram. Saya sangat menyayangi dan menghormati beliau. Beliau memberi keseimbangan dalam kehidupan kami.

Walaupun beliau tidak masuk campur dengan keputusan penting yang dibuat pada tahun 1976, beliau merestuinya. Saya masih memerlukan restu beliau untuk segala keputusan yang harus dibuat. Beliau tidak pernah mengatakan "boleh" atau "tidak boleh". Bagi beliau, biar apa pun keputusan yang saya buat, ia hak saya. Namun, saya berasa lebih senang hati jika mendapat restu beliau. Ia amat bermakna bagi saya.

Selepas memasuki dunia politik, saya cuba menangani setiap urusan dengan cara yang ayah mungkin akan restui. Namun, hanya satu yang pasti: saya tidak mahu menjadi ahli politik yang hanya pandai mengambil hati masyarakat sahaja. Saya tidak mahu dianggap sebagai ahli politik yang sanggup berbuat apa sahaja untuk mendapat sokongan dan mendorong cita-cita sendiri. Kebajikan negara sepatutnya menjadi faktor utama. Seseorang itu harus mempunyai semangat dan keyakinan dengan pendirian sendiri.

Ada kalanya saya akan bertanya dengan diri sendiri, "Bagaimana agaknya Tun Razak akan menangani situasi sebegini?" Beliau membuat banyak keputusan yang sukar semasa menjadi Perdana Menteri dan kadang-kadang saya akan cuba menyelami fikiran beliau semasa beliau membuat keputusan tersebut.

Satu lagi perkara yang saya sedari ialah beliau akan cuba sedaya upaya untuk tidak memalukan ataupun menjatuhkan maruah orang lain secara terbuka. Jika beliau terpaksa memecat

seseorang, beliau berusaha memudahkan keadaan untuk orang itu. Ia adalah prinsip yang baik dan sesuai sekali pada masa itu.

Selain itu, Tun Razak sentiasa mempunyai masa untuk rakyat biasa walaupun beliau sibuk. Saya cuba mencontohi cara beliau ini. Biarpun berada di rumah di Sri Taman dan sibuk, beliau akan tetap berjumpa dengan sekumpulan orang kampung yang menunggu untuk berjumpa dengan beliau di pondok pengawal.

Jika ada yang datang seorang diri, beliau akan menjemputnya untuk sama-sama menikmati hidangan, terutamanya jika orang tersebut dari Pekan. Ada kalanya beliau meminta supaya orang itu dibawa ke dapur dan dihidangkan makanan sebelum berjumpa dengan beliau.

Saya kagum dengan sikap beliau yang prihatin dengan perkara-perkara kecil seperti itu sambil menangani urusan negara. Walaupun tekanan kerja yang banyak, beliau masih mempunyai masa untuk rakyat biasa. Hal ini banyak mempengaruhi diri saya. Walaupun saya sibuk bertugas, saya akan tetap meluangkan masa untuk berjumpa dengan mereka yang menunggu di luar, kecualilah sekiranya saya terlampau sibuk. Oleh sebab itu, masa yang terluang di pejabat agak lama tetapi itulah kerja saya dan telah menjadi sebahagian daripada hidup saya sekarang.

Bagi ayah saya, imej memainkan peranan penting dan pendapat orang awam perlu diberi perhatian. Ada masanya ia merupakan sifat yang sangat sukar dicontohi. Apa sahaja yang beliau lakukan, beliau tidak mahu ia disalah anggap atau dilihat seperti beliau menyalahgunakan kuasa. Tentu sekali situasi ini terjadi pada zaman beliau.

Saya ingat lagi semasa saya kecil, kami inginkan sangat kolam renang. Beliau telah mengambil masa sehingga satu bulan untuk mempertimbangkan kehendak kami sebelum beliau menolak. Setelah membaca beberapa taksiran yang diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), beliau akhirnya berkata, "Tak boleh. Nanti apa orang kata?"

Beliau mengekalkan sikap ini sehingga ke tahap mengorbankan hampir semua yang digemari beliau dan apa yang dikehendaki keluarga hanya semata-mata untuk mengelak daripada diumpat orang. Justeru, orang ramai akan melihat beliau sebagai pemimpin yang mudah dan hanya memerlukan keperluan asas yang ringkas.

Begitulah Tun Razak. Beliau tidak mengambil kesempatan dengan kelebihan yang ada. Beliau hanya menghisap cerut yang murah. Beliau tidak memiliki cita rasa yang mahal seperti membeli kereta. Beliau sudah cukup gembira dengan bermain golf.

Semasa saya menuntut di England, beliau tidak selalu melawat saya kerana "nanti apa orang kata." Walaupun anak kepada

Perdana Menteri, saya pulang menaiki *charter* bukan komersial.

Mengambil penerbangan *charter* pada masa itu bermaksud kami terpaksa menunggu di lapangan terbang sehingga pagar dibuka dan selepas itu bergegas untuk merebut tempat duduk yang terbaik di atas kapal terbang. Ia merupakan salah satu perkara yang terpaksa kami harungi. Tiada penerbangan komersial untuk kami. Kecuali ketika saya ke England untuk pertama kali, masa-masa berikutnya saya menaiki kapal terbang *charter* sehingga perkhidmatan itu dihentikan.

Tun Razak ialah seorang insan yang sukar dicontohi. Oleh itu, tidak hairanlah jika beliau begitu dihormati. Saya banyak berjumpa dengan mereka daripada generasi beliau yang mengingati beliau dengan penuh rasa kasih, kagum, dan hormat. Antara mereka ialah kakitangan kerajaan yang merasakan ayah saya telah menempatkan mereka di situ. Walaupun mereka diberi arahan supaya ditukarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, mereka yakin Tun Razak ada membantu dalam perlantikan mereka. Mereka sangat menghargainya.

Kebanyakan dasar yang beliau mulakan masih bertahan lama selepas kematian beliau. Ia menjadi panduan kepada kami, lebih-lebih lagi Dasar Ekonomi Baru (DEB). Jika ada sesiapa yang menyuruh saya menamakan satu dasar beliau yang tahan lama, saya akan terus menjawab DEB. Malah, ia masih diperkatakan orang sehingga ke hari ini. Perdana Menteri Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad masih menyebut tentang DEB dalam ucapan-ucapan beliau walaupun ia tidak digelar DEB lagi. Kita perlukan kesederhanaan, pertumbuhan yang seimbang, dan keadilan dalam pengagihan kekayaan—semua itu telah difikirkan beliau apabila DEB dibentuk. Keseimbangan dalam segala perkara adalah sangat penting dan menjadi falsafah hidup yang boleh membawa keharmonian antara kaum di tanah air.

Saya tahu betapa pencapaian cita-cita—matlamat serta impian—amat bermakna bagi beliau. Walaupun ayah saya sentiasa sibuk dengan tugas dan jarang bersama kami, beliau telah memainkan peranan penting dalam hidup saya. Bagi kami adik-beradik, kehilangan beliau adalah traumatik. Beliau sentiasa berada dalam hati kami dan tidak seorang pun daripada kami yang pernah membayangkan hidup tanpa beliau. Namun, kehidupan perlu diteruskan. Kami harus tabah menghadapi segalanya.

Kehalusan dan Wawasan

Oleh Tan Sri Dato' Musa Hitam

KETIKA itu tahun 1959—dua tahun selepas merdeka. Bagi saya, itulah perlantikan pertama saya dalam Perkhidmatan Awam Johor. Saya menjadi Penolong Pegawai Daerah Kluang dan pada masa yang sama memegang beberapa jawatan lain.

Kerajaan pada masa itu berpendapat adalah sesuai untuk meniru strategi yang digunakan semasa menentang pengganas komunis, dipergunakan pula untuk membasmi kemiskinan. Seluruh sumber kerajaan diubahsuai seolah-olah seperti memerangi sesuatu, siap dengan "Bilik Gerakan Negara", dengan dokumen perancangannya, peta, dan "laporan situasi" serta "Buku Merah" untuk rujukan segera ke atas setiap kemajuan pembangunan di peringkat kampung, daerah, dan negeri.

Sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Daerah, salah satu tugasan saya ialah bertanggungjawab untuk menjamin bahawa di peringkat kampung dan daerah, semua maklumat sentiasa dikemaskinikan dan semua pegawai kerajaan akan menjalankan tugas dengan tekun.

Kesungguhan mereka boleh dikatakan setanding dengan Tun Razak. Sebagai Menteri Luar Bandar, beliau sendiri akan memastikan perlaksanaan semua janji kerajaan Perikatan pimpinan UMNO untuk membawa pembangunan kepada rakyat. Tun Razak melawat setiap daerah dalam negara. Beliau memeriksa projek besar dan kecil, dan beliau melakukannya dengan menaiki helikopter, kereta atau berbasikal, dengan bot dan kadang-kadang berjalan kaki.

Gambaran Tun Razak yang sebegini meninggalkan kesan yang mendalam kepada saya. Selepas itu, dalam kerjaya politik saya, ia mendorong saya untuk sentiasa berkhidmat demi kepentingan rakyat biasa.

Pada masa itu, saya belum mengenali Tun Razak secara peribadi. Bagaimanapun, apabila beliau melawat Johor, beliau telah menjadikan Kluang sebagai pusat operasi dan saya melihat bagaimana beliau bekerja. Beliau bukan hanya setakat memberikan idea tetapi juga seorang pelaksana. Beberapa hari sebelum lawatan beliau, saya terpaksa menyemak dan menentukan yang semuanya telah dikemas kini. Peta bertanda dengan pin berwarna-warni untuk menunjukkan peringkat

pembangunan yang telah dicapai bagi sesuatu projek Buku Merah. Semuanya ini akan dibuka untuk diperiksa, disoal, dan disemak oleh beliau.

Dalam suatu lawatan, selepas mendengar taklimat daripada ketua-ketua jabatan, Tun Razak menyemak laporan tentang pembinaan sebuah pusat kesihatan yang dilaporkan hampir siap. Selepas selesai mendengar taklimat, Tun Razak membuat keputusan untuk melawat tapak binaan tersebut. Beliau dan rombongan mendapati kerja pembinaan pusat kesihatan tersebut belum pun lagi bermula. Pegawai berkenaan menjadi pucat dan gementar kerana tidak dapat memberi penjelasan tentang laporan yang dibuat dalam Buku Merah dan taklimatnya sendiri berlainan daripada apa yang benar-benar berlaku di tapak berkenaan.

Peristiwa itu sudah cukup memberi pengajaran. Ekoran tindakan Tun Razak melakukan lawatan mengejut ke projek-projek pembangunan pada bila-bila masa, maka pegawai kerajaan di seluruh negara perlu memastikan yang pelaksanaan sesuatu projek berjalan dengan lancar dan mesti mengikut perancangan pembangunan luar bandar.

Penyertaan saya dalam politik adalah sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Pengangkutan pada masa itu, Datuk Sardon Jubir, dalam tahun 1964. Oleh sebab pada masa itu bilangan Setiausaha Politik tidak ramai, hubungan kami rapat, terutamanya hubungan saya dengan Setiausaha Politik Tun





Razak, Tan Sri Abdullah Ahmad. Saya berkesempatan berkhidmat untuk Tun Razak beberapa kali.

Kepemimpinan Tun Razak yang mementingkan sifat bermusyawarah membawa erti yang kami mesti mengatur banyak mesyuarat dengan wakil-wakil daripada pelbagai peringkat masyarakat. Umumnya, sebulan sekali kami akan mengumpulkan pelbagai kumpulan seperti ketua kampung, golongan akademik, pegawai tinggi kerajaan, guru sekolah, dan aktivis UMNO, sama ada secara berasingan atau duduk bersama di kediaman Tun Razak dan bertukar fikiran tentang pelbagai perkara. Tun Razak akan menggalakkan mereka untuk memberi pandangan mereka beliau mendengar sahaja dan kami membuat catatan.

Tun Razak menggubal dasar dan strategi beliau tentang kesihatan, pelajaran, dan pembangunan tanah yang lebih banyak melibatkan penduduk luar bandar berasaskan keputusan perbincangan tersebut. Selepas tragedi 13 Mei 1969, apabila Tun Razak mengambil alih keseluruhan pentadbiran negara sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), tidak susah bagi beliau melalui Majlis Perundingan Negara (MPN) mendapatkan persetujuan tentang perkara seperti yang berikut:

1. Mengembalikan pemerintahan kepada rakyat setelah dua tahun Parlimen digantung.
2. Menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.
3. Memperkenalkan idea baru yang radikal, dipanggil "diskriminasi positif" menerusi penggubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Bagi saya sendiri, selepas tragedi 13 Mei, saya dijadikan korban sebagai salah seorang yang dipanggil *young Turks*, menentang Tunku, Perdana Menteri kita yang pertama, bersama-sama dengan Tun Dr. Mahathir yang ketika itu digelar ketua kepada *young Turks*. Saya tidak hendak menyentuh tentang perkara ini, yang mahu saya rakamkan di sini ialah bagaimana Tun Razak dengan kehalusannya telah berjaya menangani kes ini.

Tun Razak menjadi orang tengah dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Cara beliau menanganinya menjadi petunjuk tentang dilema hubungan beliau dengan Tunku. Kesetiaan beliau kepada Tunku memang tidak berbelah bahagi. Saya boleh memperakukan hakikat ini. Beberapa orang pemimpin kuat UMNO bercadang memujuk Tunku supaya meletak jawatan. Akan tetapi Tun Razak meminta mereka bersabar dan memberi beliau peluang untuk berurusan dengan Tunku dengan cara beliau yang tersendiri.

Penghormatan yang setaraf. DYMM Sultan Raja Azlan Shah selaku Naib Presiden Persekutuan Hoki Malaysia menunjukkan trofi Piala Dunia kepada Tun Razak, Presiden Persekutuan Hoki Malaysia. Di sebelah kanan pegawai FIH, En. A. Lathawors (berpakaian baju sut) dan Tan Sri P. Alagendra (dalam pakaian seragam). (1975)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)





Menyahut seruan tugas—Tun Razak berjalan dalam hujan ke Sekolah Kampung New Zealand. (1966)

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Mengetahui bahawa Tunku mahu saya disingkirkan, Tun Razak telah meluangkan banyak masa dengan saya, cuba memujuk saya untuk menangani masalah dengan Tunku mengikut "cara orang Melayu". Bagi menyelesaikan masalah saya, beliau menggesa saya berjumpa Tunku untuk meminta maaf dan mencium tangan Tunku. Mengapa? Sehingga sekarang saya masih tidak tahu.

Malah, Tun Razak yakin yang Tunku akan memaaf dan melupakannya. Sebenarnya, saya terus memberi persetujuan untuk berjumpa Tunku. Akan tetapi hasrat saya adalah untuk berbincang dengan penuh hormat dan berterus terang dari hati ke hati. Sebenarnya, ini bertentangan dengan rancangan Tun Razak yang hanya mahukan saya meminta maaf dan mencium tangan Tunku. Tun Razak menyatakan hasratnya untuk menemani saya berjumpa dengan Tunku! Saya terperanjat dan terharu dengan perhatian dan kebimbangan yang ditunjukkan secara peribadi ke atas diri saya. Saya menjelaskan kepada Tun Razak yang saya ingin menemui Tunku bersendirian dan ini akan mengelakkan perkara yang memalukan dan juga perkara yang mungkin membuatkan Tun Razak merasa bertanggungjawab atas apa yang hendak saya suarakan kepada Tunku.

Sebenarnya, atas sebab yang sama jugalah—untuk mengelakkan saya daripada menyuarakan perasaan saya—Tun Razak mahu menemani saya berjumpa dengan Tunku. Akhirnya, disebabkan saya berkeras hendak berjumpa Tunku sendirian, Tun Razak tidak mengatur pertemuan tersebut. Hari ini saya masih memikirkan apa agaknya yang terjadi sekiranya saya pergi menemui Tunku, sama ada sendirian atau ditemani Tun Razak. Perkara yang paling saya ingat daripada episod ini ialah sikap tanggungjawab dan keperihatinan Tun Razak terhadap saya, seorang *young Turk*. Perhatian peribadi diberikan kepada saya walaupun pada masa itu beliau sedang memikul tanggungjawab yang berat selepas tragedi 13 Mei.

Tun Razak sentiasa mencari bakat baru dan menyediakan golongan muda untuk kepemimpinan masa depan. Suatu ketika beliau menghabiskan masa menjelaskan kepada saya akan pentingnya, "Buat kerja anda dan parti akan mengenali anda." Tun juga berkebolehan untuk membariskan orang muda yang berpotensi dan kemudian mendedahkan mereka ke kancah politik yang bergelora dan kepada kerajaan.

Bersama menjamah pulut kunyit dengan rakan dan ahli keluarga menandakan hari ulang tahun Tun Razak yang terakhir. Tun berusia 53 tahun pada 11 Mac 1975.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

Saya menganggap banyak pengalaman berpunca daripada keinginan Tun Razak secara sedar yang ingin menyediakan saya, dan beberapa orang lain, untuk menerima lebih banyak tanggungjawab. Bermula sebagai Setiausaha Politik kepada Datuk Sardon, saya menjadi Setiausaha Kerja UMNO, menjelajah ke

seluruh pelosok negara menganjurkan UMNO di peringkat akar umbinya. Penglibatan saya dalam forum pelajar di universiti mahasiswa pada masa itu adalah lebih agresif—juga adalah atas arahan Tun Razak.

Beliau melantik saya menjadi Pengerusi FELDA, Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri, dan Menteri Perusahaan Utama, kesemuanya ini membuatkan kedudukan saya lebih kukuh. Semasa saya menjadi Menteri Perusahaan Utama, Tun Razak telah memanggil saya untuk menangani demonstrasi di Sik dan Baling dan juga perhimpunan mahasiswa di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Beliau dengan pantas mengetepikan keraguan tentang kemampuan saya dengan berkata, "*You* pandai cakap." Beliau meyakinkan saya, "*You* tahu bagaimana menghadapi mahasiswa dan demonstrasi!" Sesungguhnya galakan dan keyakinan beliau seperti itulah yang membuatkan saya dapat menangani tugas-tugas saya dengan jaya.

Tun Razak ialah orang yang pertama yang membuatkan orang Malaysia berbangga menjadi rakyat Malaysia. Tun Razak menukar orang Melayu daripada sebuah masyarakat tradisional, konservatif, dan feudal pada suatu masa dahulu, menjadi masyarakat moden seperti hari ini. Menyesuaikan orang Melayu ke dalam masyarakat Malaysia yang luas, dengan keyakinan melalui pelajaran dan pembangunan, telah banyak menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan Malaysia yang kita nikmati sekarang.

"Banyak Lagi yang Perlu Dilaksanakan"

Oleh Datuk Harris Mohamed Salleh

PALING penting, Tun Razak ialah seorang pekerja—dan sangat kuat bekerja. Pendekatan beliau terhadap kehidupan ialah, "banyak lagi yang perlu dilaksanakan."


Selepas diberitahu yang beliau menghidap leukemia dan mempunyai harapan untuk hidup selama hanya lebih kurang enam tahun lagi, beliau semakin tekun bekerja. Tidak ramai yang tahu tentang penyakit beliau. Saya sendiri mengetahuinya lama selepas itu.

Dalam bulan Disember 1975, beliau berangkat ke London untuk satu lagi pemeriksaan biasa yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Beliau yakin yang beliau akan segera balik untuk menyambung kerja-kerja yang telah beliau tetapkan untuk diri sendiri. Beliau percaya yang penyakitnya boleh diubati dan sebelum beliau berangkat, beliau memberitahu saya yang beliau berharap akan segera pulang untuk menyambung kerja-kerja beliau yang bertambah banyak.

Malangnya, pemergian tersebut menjadi pemergian terakhir....

Kali pertama saya bertemu Tun Razak adalah dalam tahun 1961. Pada masa itu, beliau sudah pun menjadi Timbalan Perdana Menteri sedangkan saya hanyalah seorang kerani di Majlis Perundangan Negeri Sabah. Hal ini berlaku sebaik sahaja pengumuman Tunku Abdul Rahman tentang penubuhan Malaysia bagi menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak, dan Brunei disiarkan sebagai tajuk utama secara besar-besaran di Singapura. Tun Razak sebagai seorang yang menjalankan tugas dengan setia datang ke Jesselton (nama lama untuk Kota Kinabalu) sebagai ahli Majlis Perundingan Perpaduan Malaysia, yang ditugaskan untuk memperkenalkan idea penubuhan sebuah persekutuan yang lebih besar. Salah satu daripada tugas saya kepada majlis tersebut pada masa itu ialah menjadi pegawai protokol kepada orang kenamaan dari luar Sabah.

Tun Razak sudah pun menjadi seorang pemimpin terkemuka pada masa itu dan kehadiran beliau dalam majlis tersebut telah mempertingkatkan martabat majlis. Apa yang membuatkan saya tertarik kepada beliau dengan serta-merta ialah sifat rendah diri



beliau. Beliau bercakap dengan semua orang, tidak kira orang itu berpangkat tinggi atau rendah. Mungkin juga ia adalah sebahagian daripada tugasan beliau sebagai ahli majlis tersebut—untuk bercakap dengan seramai mungkin. Akan tetapi mereka yang pernah bercakap dengan beliau, berpendapat yang beliau ikhlas berbuat demikian.

Kebanyakan tugas untuk negara dan pembangunan luar bandar telah disempurnakan beliau semasa pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama, yang agak lama. Peristiwa berdarah 13 Mei 1969, telah meyakinkan Tun Razak bahawa suasana politik yang mudah sudah berakhir. Setiap masalah perlu ditangani secara berhadapan. Selepas itu, lahirlah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Barisan Nasional—satu gabungan yang lebih besar yang bukan sahaja melibatkan parti-parti penaja utama Perikatan, UMNO, MCA, dan MIC tetapi juga terbuka kepada parti lain yang mempunyai pemikiran yang serupa di rantau ini dan di peringkat kebangsaan.

Ramai orang mempunyai pendapat yang berbeda tentang kelainan sifat beliau tetapi tentang sesetengah perkara, semua akan bersetuju Tun Razak ialah seorang pejuang negara yang ulung dan seorang nasionalis tulen. Saya juga dapati beliau

Bersolat bersama rakyat—Tun Razak (di hadapan duduk di atas sejadah) semasa bersolat Jumaat di Masjid Kampung Sembilan, Sabah. (1964)

(Ihsan daripada Memorial Tun Abdul Razak)

seorang Islam yang sejati, seorang Melayu yang sangat sayangkan bangsanya, dan orang Malaysia yang komited. Memang tidak dapat diragukan yang beliau juga ialah seorang pegawai kerajaan dan pentadbir yang berdedikasi. Melalui kerja kuat dan dedikasi, beliau telah meletakkan batu asas untuk pembangunan negara ini dan beliau juga bertanggungjawab mengasaskan corak bagaimana politik Malaysia bergerak pada hari ini.

Kami bertemu banyak kali selepas saya menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Sabah Bersatu Kebangsaan (USNO) yang ditubuhkan pada Disember 1961. Pertemuan itu lebih kerap apabila USNO menyertai Perikatan Sabah, yang mengambil alih pentadbiran kerajaan Sabah daripada British pada hari penubuhan Malaysia. Dalam Kabinet Perikatan Sabah, saya menjadi Menteri Kerajaan Tempatan. Apabila USNO semakin penting, maka pemimpinnya juga, Tun Datu Mustapha Datu Harun menjadi penting. Saya meninggalkan perkhidmatan kerajaan dalam tahun 1968 dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Ketika itu, hubungan saya dengan Tun Razak sudah bertambah erat dan kami selalu bertemu walaupun saya tidak lagi menjadi pegawai kerajaan. Saya bukan orang asing kepada Sri Taman, kediaman rasmi Tun Razak. Malah, pada masa itu saya sudah pun hampir menjadi seorang sahabat. Saya tidak berani menyebut yang beliau sahabat saya kerana saya sangat mengagumi beliau. Semua pegawai keselamatan beliau mengenali saya dan saya akan dibenarkan masuk dengan segera setiap kali saya berada di depan pintu masuk Sri Taman.

Apabila beliau mendengar yang Tun Datu Mustapha hendak menarik Sabah keluar dari Malaysia, beliau meminta pembantu peribadi yang sangat dipercayainya, Tan Sri Datuk Abdullah Ahmad memanggil saya ke rumah beliau dengan segera. Pertemuan tersebut akhirnya melahirkan Parti Berjaya yang dapat mengalahkan USNO dan membentuk kerajaan baru Sabah pada April 1976. Akan tetapi Tun Razak tidak sempat melihat penubuhan kerajaan baru ini. Beliau meninggal dunia tiga bulan lebih awal, iaitu pada 14 Januari di sebuah klinik di London. Beliau telah memberi seluruh kehidupannya kepada negara dan rakyatnya sejak beliau memasuki perkhidmatan Kerajaan Negeri Pahang dalam usia 28 tahun dan telah bekerja kuat sehingga beliau meninggal dunia pada usia 53 tahun, selepas enam tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Saya menangis apabila mendengar berita tersebut. Beliau telah menjadi mentor dan penasihat saya. Kesedihan saya semasa kematian beliau bercampur dengan rasa kecewa. Kecewa kerana Parti Berjaya baru sahaja hendak mengadakan pilihan rayanya, tiba-tiba orang yang telah memberi sokongan kuat kepada Sabah dan orang yang menjadi inspirasi kepada Parti

Berjaya sudah tidak ada lagi. Namun, semua penyokong kuat Parti Berjaya telah berhimpun dan mengambil keputusan cara yang terbaik untuk menunjukkan penghormatan dan rasa terima kasih kepada Allahyarham Tun Razak iaitu dengan memenangi pilihan raya tersebut. Dengan izin Allah kami menang. Tun Razak yang telah beberapa kali dimalukan oleh Tun Datu Mustapha telah mendapat pembelaan.

Negara berkabung atas kehilangan seorang pemimpin negara yang terkemuka. Tanpa diundang, beribu-ribu orang datang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan keesokannya pula beribu-ribu orang juga berbaris di sepanjang jalan untuk memberi penghormatan terakhir kepada beliau.

Saya akan sentiasa mengingati dua daripada sifat beliau—beliau pandai memujuk dan pada masa yang sama pandai memberi galakan, ditambah pula dengan cara lembut dan berdiplomasi. Semua inilah yang telah membantu beliau dalam usaha menyatukan Perikatan dan parti-parti yang sefahaman dalam satu ikatan yang besar—Barisan Nasional. Beliau ialah seorang perunding yang agung.

Bagaimanapun, pada pandangan saya beliau bukan seorang ahli politik. Ramai yang tidak bersetuju dengan pendapat saya tetapi saya tetap yakin yang beliau bukan seorang ahli politik. Mungkin pada masa dahulu, sewaktu kehidupan masih bersifat sederhana, tidak banyak perkara yang hendak dipolitikkan. Apabila saya menjadi Ketua Menteri Sabah, saya cuba mengikut cara dan gaya Tun Razak—bekerja dan tidak bermain politik. Saya percaya sekiranya saya bermain politik dan tidak mengikut jejak Tun Razak dengan meletakkan diri saya pertama sekali sebagai Melayu Islam, saya sudah tentu kekal lebih lama sebagai Ketua Menteri. Akan tetapi saya tidak pernah berasa kesal kerana cuba mengikut jejak Tun Razak. Tidak ada kesalan sama sekali!

Tun Razak, walaupun tidak pernah bertindak mengikut apa yang sering diamalkan oleh seorang ahli politik, beliau masih dapat menjalankan tugas beliau dengan jaya melalui cara yang lembut dan berdiplomasi. Saya pernah melihat sendiri bagaimana sopannya beliau semasa beliau menjadi ahli dalam Majlis Perundingan Perpaduan Malaysia. Saya juga pernah mendengar betapa halus dan diplomatiknya beliau semasa mengadakan rundingan dengan negara lain, terutama sekali dalam rundingan yang akhirnya dapat menamatkan konfrontasi.

Kualiti lain yang banyak membantu beliau ialah kejujuran, yang membuatkan beliau menjadi terkenal, dan keikhlasan beliau. Pendek kata beliau ialah seorang yang boleh dipercayai. Sepanjang penglibatan saya dengan beliau, terutama sekali semasa penubuhan Parti Berjaya untuk menentang USNO yang mengepalai Perikatan Sabah, saya menaruh sepenuh keper-

cayaan kepada beliau. Tidak sesaat pun saya meragui motif beliau.

Satu lagi perkara yang benar-benar saya kagumi ialah wawasan beliau tentang penguasaan orang Melayu. Perkara ini timbul dalam perbincangan secara peribadi dengan beliau dan juga dalam perbincangan kumpulan kecil yang beliau sertai. Bagi beliau, Malaysialah satu-satunya negara yang dimiliki oleh orang Melayu dan dengan itu ia patut menjadi sebuah negara yang majoritinya ialah orang Melayu beragama Islam. Beliau banyak melibatkan diri berbincang akan hal ini sebelum beliau menjadi Perdana Menteri. Sudah tentu ramai yang mengetahui tentang "pemikiran" beliau tetapi kerana tidak mengetahui secara langsung daripada mulut beliau sendiri maka mereka terdedah kepada versi yang telah rosak, bukan versi yang sebenarnya. Oleh itu, mereka memandang beliau sebagai orang Melayu yang radikal.

Hal inilah yang menyebabkan ramai yang berasa bimbang apabila beliau menjadi Perdana Menteri. Namun, perasaan tersebut lama-kelamaan hilang apabila beliau mempamerkan corak kepimpinan beliau yang hanya dapat dilaksanakan oleh seorang negarawan Malaysia sejati. Beliau jauh berbeda berbanding dengan apa yang pernah dibisikkan tentang beliau. Sekali beliau mula bertugas, ternyata beliau ialah ketua kepada semua rakyat Malaysia, tidak kira dari mana asal usulnya. Beliau telah menyerahkan seluruh kehidupan beliau untuk kesejahteraan dan kesenangan mereka.

Melalui wawasan beliaulah Malaysia sedikit demi sedikit menjadi sebuah negara Melayu Islam yang kuat dengan bilangan orang Melayu lebih daripada 65 peratus daripada jumlah penduduknya. Semua kaum mempunyai tempat di bawah sinaran matahari Malaysia. Bukan Melayu dan bukan bumiputera akan terus-menerus berkongsi kemakmuran dan pembangunan negara. Menurut beliau, golongan bukan bumiputera tidak patut berasa terancam atau tergugat dalam negeri yang jumlah bumiputeranya ramai. Mereka sebaliknya perlu berasa selamat dengan majoriti yang besar ini berbanding dengan keadaan majoriti yang kecil semasa mencapai kemerdekaan dan jumlah bumiputera pada hari Malaysia ditubuhkan. "Kalau jumlah kita tidak besar, bagaimana kita dapat memberi perlindungan kepada golongan minoriti?" beliau bertanya kepada saya.

Sewaktu Tun Datu Mustapha bercakap untuk mengeluarkan Sabah dari Malaysia, Tun Razak memberitahu saya yang perkara ini tidak boleh berlaku dan ia mungkin suatu percubaan yang akan berulang lagi. Pemimpin Islam lain sudah tentu ingin mencubanya. Ia hanyalah suatu impian untuk melihat Sabah dan Sarawak berada dalam Persekutuan sepanjang masa, tetapi

langkah untuk kemerdekaan hanya patut dilakukan apabila orang Islam menjadi majoriti—mungkin dalam 30-50 tahun yang akan datang.

Semasa Tun Datu Mustapha cuba mengembangkan idea beliau untuk kemerdekaan Sabah, jumlah penganut Islam hanya kira-kira 37 peratus daripada jumlah penduduknya. Nasihat beliau kepada saya ialah orang Islam patut menunggu masa dan memajukan diri mereka semasa berada dalam Persekutuan. Sesungguhnya, salah satu daripada objektif penubuhan Malaysia adalah untuk memajukan rakyat dan negara yang pernah menjadi tanah jajahan British.

Tun Razak juga pernah menyebut tentang Persekutuan Negeri-Negeri Islam Borneo. Dalam wawasan beliau, beliau menjangkakan dalam tempoh 30 ke 50 tahun, Kalimantan mungkin akan menjadi sebuah negara yang merdeka. Dengan itu, sudah tentu menjadi satu perkara yang natural untuk Kalimantan, Sabah, Sarawak, dan Brunei menubuhkan sebuah persekutuan.

Dalam tahun 1975, Tun Razak memberitahu saya yang beliau ada terdengar khabar yang Tun Datu Mustapha sedang memperkembangkan idea asas untuk Sabah dikeluarkan daripada Malaysia, dan beliau juga telah memberitahu saya yang beliau mungkin mengisytiharkan keadaan darurat di Sabah. Saya akan dilantik menjadi pentadbirnya. Terus-menerus apa yang terlintas dalam fikiran saya, "Matilah saya kali ini." Saya sudah tentu akan dibunuh oleh Tun Datu Mustapha.

Nasib baik Tun Datu Mustapha tidak meneruskan hajat beliau setelah beliau dipujuk dan dinasihat oleh satu-satunya rakyat Malaysia yang dihormati beliau iaitu Tunku Abdul Rahman, yang pada masa itu menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC). Namun, beliau berada dalam keadaan yang sangat marah. Beliau bercakap menentang Tun Razak dalam mesyuarat dengan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Rahman Yaakub dari Sarawak, Tun Abdul Ghafar Baba, Tun Fuad Stephens yang menjadi Yang Dipertua Negeri Sabah, dan saya sendiri.

Saya masih ingat semasa mesyuarat tersebut hanya Datuk Zulkifly Hamid, salah seorang daripada menteri USNO yang menyokong idea tersebut. Saya sendiri berpendapat idea itu adalah baik tetapi hanya masanya sahaja belum sesuai. Apabila saya pulang ke rumah pada jam 3.00 pagi, Tun Razak yang berada di London menelefon saya dan bertanyakan kenapa saya tidak menelefon beliau. Saya memberitahu beliau yang Tun Datu Mustapha tidak akan mengisytiharkan kemerdekaan Sabah. Saya dapat merasakan betapa leganya perasaan beliau ketika itu.

Gaya pemerintahan kerajaan Tun Datu Mustapha selalunya bertentangan dengan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan pusat. Situasi tersebut merupakan gambaran ringan tentang keadaan sebenarnya. Tun Datu Mustapha ialah seorang yang degil dan beliau

sudah terlalu biasa bertindak mengikut caranya sendiri. Kuala Lumpur sudah tidak dapat lagi melayani kerenah orang kuat Sabah ini. Dengan itu, selepas pilihan raya 1974, keputusan dibuat untuk membawa beliau ke Kuala Lumpur sebagai Menteri Pertahanan, yang menduduki tempat ketiga dalam hierarki Kerajaan Persekutuan. Melalui langkah tersebut, diharapkan tanggungjawab secara kolektif ini akan membuatkan beliau lebih mudah untuk mematuhi dasar kerajaan dan dengan itu, ketegangan di antara Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu dapat ditangani. Sungguhpun beliau tidak menolak perlantikan ini secara formal, tetapi beliau tidak mengambil apa-apa langkah untuk menerima perlantikan tersebut. Beliau juga tidak meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri.

Pada Januari 1975, Tun Datu Mustapha telah bertelagah secara serius dengan Tun Razak, yang juga Menteri Kewangan dan Kerajaan Pusat berhubung soal kewangan. Pertelingkahan tersebut menemui jalan buntu dan akhirnya beliau telah membawa Perikatan Sabah keluar daripada Barisan Nasional. Beliau kemudiannya bercakap dengan bebas dan terbuka akan niat beliau untuk membawa Sabah keluar daripada Malaysia. Pada peringkat tersebutlah, timbul cadangan untuk menubuhkan sebuah parti lawan yang kuat di Sabah.

Akhir kata, ingin saya tegaskan di sini, bahawa Tun Razak ialah seorang yang tinggi moralnya. Beliau juga tidak akan menerima rasuah. Pada zaman tersebut, memegang jawatan tinggi bukan untuk mengumpul harta. Ia adalah soal tanggungjawab dan dedikasi kepada sebuah perjuangan—perjuangan untuk Malaysia. Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak mempunyai pendirian yang sama dalam perkara ini. Mereka tidak pernah memikirkan tentang kekayaan. Hal ini disebabkan mereka membesar tanpa memikirkan masalah wang ringgit. Mereka lahir di tengah-tengah keluarga aristokrat pada zaman itu. Justeru, mereka memilih menyerahkan diri mereka untuk berjuang demi rakyat dan negara.

Hari Terakhir Ayah di London:

Hadiah Perpisahan

Oleh Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak


DISEMBER 1975: Kedinginan pagi musim sejuk itu amat terasa, dengan langit mendung yang menjadi kebiasaan di London. Saya bangun awal, seronok kerana berpeluang menjemput ayah saya di Lapangan Terbang Heathrow dan kemudian dapat pula meluangkan masa bersama beliau di London. Ketika itu, saya berusia 21 tahun, pelajar guaman (Bar) dalam tahun akhir dan sedang membuat persediaan untuk peperiksaan undang-undang. Saya mengingati ayah saya sebagai seorang yang sentiasa sibuk. Saya telah menyesuaikan diri dengan keadaan itu dan saya sangat menghargai masa-masa yang dapat diluangkan bersama beliau.

Pada waktu itu, lawatan ayah saya ke London nampak seperti lawatan biasa. Saya tidak mengesyaki langsung ia merupakan lawatan beliau yang terakhir, bahawa tiga minggu berikutnya, terbukti menjadi gempar bukan sahaja buat saya, tetapi juga untuk keluarga saya dan seluruh negara.

Bilik VIP di Lapangan Terbang Heathrow, sesak dengan pegawai Kedutaan Malaysia dan sahabat-sahabat ayah saya. Penerbangan dari Paris mendarat tepat pada waktunya. Ayah kelihatan letih, sedikit tegang, tetapi pada zahirnya tidak kelihatan sakit untuk membimbangkan saya. Beliau sendiri tidak nampak risau.

Adik-adik saya, Nizam dan Nazim juga telah datang untuk berjumpa dengan ayah. Kami, adik-beradik, waktu itu menuntut di peringkat pembelajaran yang berlainan. Nizam dan Nazim di Sekolah Oundle. Najib, abang sulung saya telah tamat pengajian beliau dan berada di Kuala Lumpur, di samping ibu saya dan adik bongsu saya, Nazir.

Setelah bersalaman dan berbalas ucapan seperti biasa, tanpa saya sangka, kami semua menuju ke arah London Clinic di Harley Street. Saya tidak diberi amaran bahawa kami akan pergi terus ke hospital swasta. Saya ingat, saya memang terfikir yang perkara itu agak ganjil tetapi saya tidak memikirkannya dengan lebih lanjut. Hospital London terletak di bangunan yang kurang menarik di Harley Street, jalan yang menempatkan pakar-pakar perubatan yang terkenal di London. Saya diberitahu bahawa ayah saya akan menjalani pemeriksaan perubatan biasa.



Ayah saya menyatakan beliau hanya sakit selesema, mengenepikan sebarang andaian bahawa ia lebih serius, apatah lagi penyakit yang memudaratkan. Sejak kecil, saya tidak pernah melihat ayah saya masuk hospital—beliau sentiasa kuat dan sihat—saya tidak menyangka langsung beliau berada dalam keadaan tenat.

Memori saya tentang minggu pertama itu agak kabur. Penantian yang lama di hospital, ujian-ujian yang dilakukan oleh doktor dan ayah saya diziarahi ramai sahabat handai. Suatu peristiwa yang masih jelas dalam ingatan saya ialah ketika menyambut Krismas di hospital. Kami duduk berkumpul menikmati ayam belanda, sambil cuba menunjukkan keriangan demi kebaikan beliau. Ia bukan suatu perkara yang mudah kerana suasana hospital yang begitu muram.

Tidak lama selepas Krismas, ayah saya dibenar meninggalkan hospital. Kami menginap di Hotel Park Towers, London, di mana kami disertai ibu saya dan Najib, yang baru tiba dari Kuala Lumpur. Saya gembira kerana ayah saya kelihatan sudah sembuh dan seluruh keluarga saya berada di London. Masa inilah yang paling seronok. Kami pergi membeli-belah, menikmati makanan di restoran-restoran yang bagus, dan bersiar-siar di taman. Berat badan ayah saya telah banyak susut. Apabila

Bersama keluarga—dari kiri: Rahah, Nizam, Najib, Johari dan Tun Razak.

(Ihsan daripada Arkib Negara Malaysia)

beliau hendak membeli sepasang pakaian di sebuah kedai ternama di London, mereka enggan menjualkannya kepada beliau sebab pakaian itu tidak melengkapi diri beliau dengan sesuai dan akan menjejaskan nama baik kedai tersebut.

Kami banyak kali berjalan-jalan di Hyde Park. Beliau akan bercerita tentang zaman persekolahan beliau di London. Jelas sekali, hari-hari yang tenang bagi beliau mengembalikan kenangan manis. Itulah satu-satunya masa dalam kehidupan dewasa beliau yang beliau bebas daripada tanggungjawab berat kerana sebaik sahaja beliau tamat pengajian dan pulang ke tanah air, beliau terus dilantik menjadi Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Ketika itu, beliau berusia 28 tahun. Bermula dari masa itu, tanggungjawab beliau telah bertambah.

Ayah saya sentiasa diziarahi sahabat handai dan rakan-rakan sekutu politik beliau: Tun Omar Ong Yoke Lin, Tun Haniff Omar, Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Taib Andak, Khalil Akasah dan ramai lagi. Saya masih ingat mesej daripada Tun Hussein Onn mengucapkan selamat dan menyatakan harapan beliau bahawa ayah saya sedang berehat. Tun Hussein memberitahu ayah supaya jangan risau tentang keadaan di tanah air kerana sudah memastikan semuanya berada dalam kawalan—*save for the weather*.

Walaupun keadaan nampak tenang dan tenteram, saya dapat merasakan kebimbangan yang semakin bertambah terhadap ayah saya oleh doktor-doktor beliau. Saya mula mengesyaki ayah saya sedang menghidap penyakit yang lebih serius, bahawa hanya selesema atau pemeriksaan perubatan rutin tidak menjelaskan perhatian perubatan yang diterima oleh beliau serta kesusutan berat badan beliau.

Pada masa inilah, doktor peribadi ayah saya dari Malaysia, Dr. McPherson, memanggil saya ke bilik hotel beliau. Dr. McPherson berasal dari Scotland, berusia lewat lima puluhan dan kelihatan sedikit botak di sebahagian kepalanya. Beliau mula bercakap dengan nada yang perlahan dan terkawal. Apa yang telah didedahkan beliau amat mengejutkan. Saya terduduk kebingungan, hampir-hampir tidak percaya. Ayah saya sudah menghidap penyakit leukemia selama enam tahun.

Meskipun dalam keadaan sedih dan terkejut, saya tetap mendengar penjelasan beliau dengan teliti, sambil cuba untuk berpura-pura tenang. Leukemia ialah sejenis barah yang melibatkan tulang sumsum, menyebabkan terhasilnya sel-sel darah putih yang luar biasa. Pada masa yang sama, ia akan mengurangkan penghasilan sel-sel darah biasa: sel darah merah, sel darah putih biasa dan platelet. Kekurangan sel darah merah boleh menyebabkan anemia, sementara kekurangan sel darah putih biasa boleh membuat seseorang itu senang dijangkiti

penyakit. Kekurangan platelet pula sering kali menyebabkan pesakit mengeluarkan lebih banyak darah kerana platelet lazimnya membantu dalam pembekuan darah.

Ayah saya disahkan menghidap penyakit leukemia dalam tahun 1969, setelah pemeriksaan perubatan di Malaysia. Doktor-doktor yang mengesahkannya telah diminta supaya merahsiakan perkara ini, dan pemeriksaan-pemeriksaan seterusnya telah dijalani hanya di London. Pada tahun 1970, ayah saya telah pergi ke London untuk menjalani rawatan, dan penyakit tersebut, menurut doktor, sudah berkurangan. Penyakit ini merebak dengan perlahan dan dijangka bertahan selama dua hingga empat tahun sebelum ia sampai ke tahap kritikal dan memudaratkan.

Berita yang paling mengecewakan ialah tidak ada ubatan yang boleh memulihkan leukemia. Hingga ke saat itu, saya telah menganggap dengan agak lurus bahawa terdapat ubat untuk semua jenis penyakit. Ketika itu, di London, dengan dikelilingi pakar-pakar termahir, saya dimaklumkan bahawa tiada proses perubatan yang boleh memulihkan beliau.

Pada mulanya, doktor-doktor yang merawat ayah saya telah menjangka beliau hanya mempunyai dua tahun untuk hidup. Sebaik sahaja mendengar ini, ayah saya dengan segera menjawab, "Saya akan hidup lebih lama daripada itu." Beliau memang hidup lebih lama—tetapi sekarang, ayah saya seolah-olah sedang tewas dalam perjuangan beliau.

Memang pelik tetapi kadang-kadang seseorang mengharapkan dapat menghibur hati walaupun dalam keadaan yang paling sedih. Ayah saya telah hidup lebih lama daripada jangkaan doktor. Beliau berkemungkinan sudah meninggal dunia pada tahun 1969 lagi ataupun dalam lingkungan dua tahun selepas itu. Beliau mungkin juga tidak berpeluang menjadi Perdana Menteri kerana beliau hanya menjawat jawatan tersebut pada bulan September tahun 1970.

Saya sering tertanya-tanya pada diri sendiri, mengapa ayah saya merahsiakan penyakit beliau. Boleh jadi beliau tidak mahu keluarga kami dibelenggu kerisauan. Mungkin juga untuk mengelak daripada kepincangan politik disebabkan maklumat ini.

Saya cuba membayangkan perasaan beliau apabila pertama kali beliau mendengar keputusan diagnosis dalam tahun 1969. Selepas kejutan pertama itu, sudah tentu beliau berasa lemah semangat setelah diberitahu bahawa beliau mempunyai masa yang singkat untuk hidup. Untuk menjadi Perdana Menteri dengan memegang kuasa tertinggi dalam negara, sementara berada dalam genggaman penyakit yang melemahkan, semestinya sukar untuk ditanggung. Beliau seperti mempunyai

semangat yang luar biasa kerana telah berupaya menerima kesemua ini. Oleh sebab beliau tidak pernah berbincang dengan saya tentang penyakit beliau, bukan senang untuk mengetahui apa yang bermain dalam fikiran beliau pada masa itu. Secara luarannya, beliau telah menghadapi situasi ini dengan bekerja bersungguh-sungguh demi negara.

Saya masih mengingati saat-saat gembira bersama beliau. Memori indah seperti semasa kami bermain bola di halaman rumah kami, semasa beliau dengan bangganya melambai tangan tanda selamat tinggal kepada saya pada hari pertama saya di asrama—Maktab Melayu, sekolah di mana beliau sendiri pernah belajar—betapa gembiranya beliau apabila saya lulus dalam peperiksaan dan banyak lagi kenangan manis yang biasa dilalui seorang ayah bersama anaknya. Terdapat juga kenangan percutian bersama keluarga, bermain-main di tepi pantai dekat Port Dickson, bermain golf di Cameron Highlands, dan berjalan-jalan di pesisiran pantai dekat Pulau Tioman. Betapa berharganya sekarang kenangan-kenangan tersebut.

Beliau sering bercakap tentang apa yang ingin dilakukan apabila beliau kembali ke tanah air. Beliau ingin pulang ke kampung di Pekan dan memancing serta bertani. Beliau ingin bertanggungjawab dalam membangunkan Bukit Fraser, di mana beliau boleh menikmati udara segar dan keindahan alam. Beliau mahu membuka firma guaman bersama saya dan menamakannya "Razak & Razak". Kini, baru saya sedar bahawa jauh di sudut hati beliau, beliau tahu segalanya adalah impian semata-mata. Ayah saya telah memberikan gambaran kepada kehidupan yang ingin dinikmati jika diberi peluang untuk hidup lebih lama lagi.

Beliau ialah seorang ayah yang sangat baik dan kami amat mengagumi beliau. Ayah tidak pernah meninggikan suara kepada kami walaupun tidak setuju dengan cara-cara kami. Hanya dengan pandangan tajam, beliau boleh membuatkan kami gementar. Beliau seorang yang mesra dan murah hati dan selalu meluangkan masa untuk mendengar masalah kami serta berbual-bual. Beliau sentiasa memberi perhatian kepada kami tetapi bukan sehingga ke tahap terlalu memanjakan. Beliau mendidik kami dengan memberi contoh atau teladan, dan kami mencuba sedaya upaya untuk mencapai taraf yang telah ditetapkan beliau.

Walaupun secara semula jadi beliau bukan seorang yang mudah menunjukkan emosi, kami adik-beradik tahu bahawa beliau sentiasa bangga dan gembira apabila salah seorang daripada kami lulus dalam peperiksaan atau berjaya di sekolah.

Dr. McPherson telah meminta saya supaya berjanji untuk merahsiakan penyakit ayah saya dengan alasan yang ayah saya



telah mendesak beliau supaya tidak memberitahu sesiapa pun. Jika beliau mendapati salah seorang daripada anak beliau sudah mengetahui tentang penyakit yang dihidapi, beliau tentu menyedari doktor yang merawat beliau sudah tidak yakin yang beliau akan bertahan lebih lama lagi. Dr. McPherson tidak mahu beliau berputus harapan. Saya telah menyimpan rahsia ini.

Ketika itu, Dr. McPherson masih yakin ayah saya boleh hidup lebih lama lagi. Najib, yang telah memegang jawatan di Petronas pada masa itu, terpaksa pulang ke Malaysia kerana perlu menangani beberapa perkara penting.

Sekitar 7 Januari 1976, ayah saya sakit semula. Kami berbincang sesama sendiri sama ada perlu atau tidak ayah kami dibawa pulang ke tanah air. Dr. McPherson menyokong cadangan kami untuk membawa ayah pulang kerana pakar perubatan di London sudah tidak mampu untuk melakukan apa-apa lagi dengan penyakit leukemia beliau. Akan tetapi ayah saya tidak bersetuju. Beliau hanya akan pulang jika beliau cukup sihat untuk bertemu dengan rakyat jelata. Beliau masih sempat menyakat doktor dengan berkata, "Memang mudah untuk anda, *Doc*. Anda boleh pulang dengan diam-diam. Saya seorang pemimpin. Saya tidak boleh keluar masuk negara saya dengan senyap dan sesuka hati."

Pada masa itu pula, pakar perubatan yang merawat ayah saya demam dan seorang doktor yang lebih muda telah mengganti tempat doktor tersebut untuk merawat ayah saya di hotel. Se-

Selepas diberitahu yang beliau menghidap penyakit leukemia, Tun Razak dan Johari bercuti ke luar negeri untuk menikmati saat-saat "ayah dan anak" yang jarang dikecapi bersama.

(Ihsan daripada Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak)

telah doktor tersebut memeriksa ayah, saya bertanya kepadanya dengan penuh harapan, atau mungkin dengan kepiluan, sama ada ayah mempunyai harapan untuk hidup beberapa tahun lagi. Dia berterus terang dengan saya, "Dia hanya menunggu hari," dan tambah beliau "saya rasa ayah anda tak mungkin dapat meneruskan tugas beliau sebagai Perdana Menteri." Saya amat terkejut, bukan sahaja dengan jawapan yang diberi, tetapi juga dengan cara penyampaiannya. Tidak ada kata-kata yang dapat menenangkan atau menyedapkan hati, cuma kebenaran yang pedih.

Secara kebetulan, Datuk Abdullah Ali yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London ada berhampiran. Saya tidak dapat menyembunyikan riak wajah saya ketika itu. Beliau bertanya tentang perkara yang baru diperkatakan oleh doktor. Beliau sendiri nampaknya sudah bersedia untuk mendengar yang terburuk dan saya memberitahu beliau perkara sebenar. Beliau menitiskan air mata tetapi apa yang menyentuh perasaan saya ialah janji beliau untuk membantu ayah dan seluruh keluarga saya dengan sedaya upaya. Beliau dan kesemua pegawai rasmi kedutaan banyak membantu kami.

Apabila penyakit ayah saya bertambah buruk, kami membuat keputusan supaya ayah dimasukkan ke Hospital London kerana beliau mungkin terlalu uzur untuk berulang-alik. Ayah terpaksa dibawa ke hospital menaiki ambulans dan saya berasa pilu apabila melihat ayah terpaksa diusung masuk ke hospital.

Dengan kemasukan kembali ayah saya ke hospital, suasana muram dengan serta-merta menyelubungi kami. Saya menerima panggilan daripada Tun Hussein dan beliau kedengaran cemas dengan risau, apabila bertanyakan keadaan ayah saya. Saya memberitahu beliau ayah telah diserang penyakitnya kembali. Saya tidak begitu pasti apa lagi yang boleh dikatakan melalui telefon. Beliau memberitahu beliau akan menghantar Tengku Rithauddeen, Menteri Luar pada masa itu, dan Tan Sri Kadir Samsuddin, Ketua Setiausaha Kabinet ketika itu, untuk menaksir keadaan di London dan melaporkan kepada beliau.

DYMM Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, juga telah menelefon. Memandangkan ayah tidak berupaya untuk berbicara dengan Baginda, saya telah menerima panggilan tersebut. Saya ingat lagi Baginda berkata dengan nada yang sedih, "Cakap dengan ayah anda, kami semua di sini mendoakan supaya beliau sembuh."

Perbualan terakhir antara saya dengan ayah adalah pada sekitar 12 atau 13 Januari. Ketika itu, saya berada di dalam bilik beliau, dan kami sedang membincangkan tentang pembelajaran saya. Beliau memandang saya dan memberitahu saya bahawa saya perlu membeli sepasang pakaian baru kerana saya akan

menjadi seorang peguam tidak lama lagi dan dengan itu, diperlukan memakai pakaian kemas. Beliau menyuruh saya mengambil beg bimbit dan memberi saya 40 paun untuk tujuan tersebut. Apa yang menyedihkan ialah ia merupakan pemberian terakhir beliau kepada saya. Pakaian tersebut saya beli sebulan kemudian dan saya telah memakainya ke setiap majlis rasmi sehingga ia tidak muat lagi.

Malam 13 Januari, saya berasa terlalu letih, dan memutuskan balik ke flat saya untuk berehat. Ibu saya dan Nizam menemani ayah. Saya menelefon kawan saya, Hashim Natt dan mengajak beliau ke rumah untuk menemani saya. Saya menyedari ayah saya mungkin akan meninggal dunia pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, saya tidak ingin berseorangan. Kami berbual-bual sehingga ke larut malam lalu saya tertidur kerana keletihan fizikal dan emosi. Saya terjaga secara tiba-tiba oleh bunyi deringan telefon. Hari masih gelap, dan dengan perasaan berdebar-debar dan terpaksa, saya mengangkat gagang telefon. Nordin, ADC ayah saya, memberitahu bahawa keadaan ayah saya



sudah bertambah tenat dan meminta saya ke hospital segera. Saya terpandang ke arah jam saya, jam 4.30 pagi.

Keadaan ayah nyata sekali sudah sampai ke titik penghujung. Saya memakai baju dan terus keluar dari flat. Cuaca semasa itu suram, berangin, lembap dan dingin. Walaupun memakai kot yang tebal, saya tetap kesejukan. Saya memandu melalui jalan yang lengang ke hospital di mana Nizam dan ibu menunggu. Mereka sedang membaca *Surah Yasin*. Antara kami tidak perlu berkata-kata lagi. Wajah kami telah menggambarkan segalanya.

Lewat pagi itu, saya telah pergi ke Suruhanjaya Tinggi Malaysia untuk menelefon Najib di Kuala Lumpur dan menyuruh beliau serta Nazir menaiki pesawat ke London secepat mungkin.

Sejurus selepas itu, terdapat panggilan menyuruh saya bergegas kembali ke hospital. Saya memandu dengan cemas melalui trafik dan tanpa menunggu lif, saya berlari menaiki tangga ke bilik ayah. Setibanya saya di sana, semua orang sedang menangis. Ketika itu, saya menyedari ayah saya telah kembali ke Rahmatullah. Ibu dan Nizam berada di sisi ayah ketika beliau menghembuskan nafas terakhir, pada pukul 11.00 pagi, 14 Januari, 1976. Beliau meninggal dunia dengan tenang.

Doktor-doktor menyatakan kematian beliau disebabkan oleh pendarahan serebrum, iaitu pendarahan otak. Ayah saya menumpukan seluruh kehidupan dewasa beliau kepada negara dengan jujur dan ikhlas. Beliau ingin sangat untuk hidup lebih lama. Terlalu banyak yang beliau hendak lakukan. Beliau ingin melancarkan Rancangan Ekonomi Lima Tahun yang ketiga. Beliau hendak menghadiri persidangan kemuncak Perdana Menteri ASEAN di Bali. Beliau mahu menyelesaikan masalah pemberontakan komunis, memutuskan pertelingkahan politik yang tercetus disebabkan pendakwaan Datuk Harun Idris dan masalah dengan Tun Datu Mustapha Datu Harun di Sabah. Kesemua perkara tersebut dan beberapa perkara lain ingin dilaksanakan beliau.

Kematian adalah satu tragedi yang akan melanda setiap insan di bumi ini. Ia kehendak Allah. Ayah saya meninggal dunia pada usia 53 tahun, usia yang boleh dianggap masih muda. Saya tetap bersyukur kerana beliau telah dapat menikmati kehidupan penuh, mencapai tahap yang tertinggi dalam bidang politik, dan telah berjaya melaksanakan dasar yang banyak membawa faedah kepada rakyat.

Saya diselubungi kesedihan apabila ayah meninggal dunia. Saya merindui beliau ketika itu, dan masih merindui beliau sekarang. Masa boleh mengurangkan keperitan, tetapi tidak akan dapat menghapuskannya sama sekali.

Bersiar-siar pada musim sejuk di taman: (Duduk dari kiri) Tan Sri Taib Andak, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain Datuk Abdullah Ali, dan Allahyarham Tun Razak. Pengawal peribadi yang disediakan pihak British, Nizam, Nazim, dan penulis.

(Ihsan daripada Datin Kalsom Taib)

Biografi Pengarang

YMM Tuanku Jaafar ibni al-Marhum Tuanku Abdul Rahman—telah dilahirkan pada 19 Julai 1922 di Klang, Selangor. Baginda merupakan rakan sekolah Abdul Razak ketika menuntut di Kolej Melayu Kuala Kangsar antara 1933-1940 dan telah dilantik sebagai ketua pelajar pada tahun akhir. Apabila Malaya mencapai kemerdekaan pada 1957, Tuanku Jaafar menyertai perkhidmatan diplomatik dan berkhidmat di United Kingdom, Mesir, dan Nigeria. Baginda kembali ke Bandar Diraja Sri Menanti setelah kemangkatan pemerintah terdahulu negeri, al-Marhum Tuanku Munawir. Beliau seterusnya dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-10 negara ini. Antara kegemaran Tuanku Jaafar ialah bermain golf dan melukis.

Prof. Tan Sri Maurice Baker—dilahirkan pada 24 Mac 1920 di Alor Star, Kedah. Beliau mengikuti pengajian bahasa Inggeris di Kolej Raffles pada 1938. Beliau telah mendapat tempat pertama dan dianugerahkan Biasiswa Diraja (*Queen's Scholarship*). Malangnya, Perang Dunia Kedua telah menghalang hasrat beliau untuk melanjutkan pengajian di Cambridge dan dalam tempoh itu Baker menghabiskan masanya di Cameron Highlands. Sewaktu beliau melanjutkan pengajian di University of London, arus nasionalis sudah begitu kuat. Maurice Baker merupakan Presiden Malayan Students' Union (Gabungan Pelajar-pelajar Malaya) dan adalah salah seorang yang mengasaskan Malayan Forum (*Forum Malaya*). Kerja-kerja penyuntingan *Suara Merdeka* dibuat di bilik tidur Maurice Baker. Beliau tidak mempunyai pekerjaan buat seketika sekembalinya ke Singapura. Hanya pada 1955, beliau dapat menyertai Jabatan Bahasa Inggeris, yang diketuainya dari 1971-1977. Beliau juga dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India, Malaysia, sebagai Duta Besar Singapura ke Filipina dan sekali lagi ke Malaysia. Prof. Tan Sri Maurice Baker telah dilantik sebagai Pro-Canselor National University of Singapore dari 1992-2002, jawatan yang disandang sehingga persaraan beliau pada Julai 2002.

Tan Sri Mohd Ghazali bin Shafie—dilahirkan pada 22 Mac 1922. Anak kelahiran Pahang ini mengikuti pengajian undang-undang, sains politik, dan pengajian antarabangsa di United Kingdom. Sekembalinya ke tanah air pada 1955, beliau menumpukan sepenuh masa berkhidmat dalam pelbagai jawatan kerajaan, terakhir sekali di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Luar Negeri. Namun, beliau akan sentiasa dikenang sebagai penggerak utama di sebalik pemerintahan Tun Razak sehingga sekurang-kurang-nya satu dekad lagi selepas itu. Dalam Jemaah Kabinet, beliau pernah memegang jawatan Menteri Penerangan, Menteri dengan Tugas-Tugas Khas, Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri dan Luar Negeri. Beliau merupakan Ahli Parlimen bagi kawasan Kuala Lipis untuk sekurang-kurangnya empat penggal.

Tan Sri Dato' Michael Chen—berumur 72 tahun, merupakan seorang peguam tetapi pada zaman mudanya, beliau banyak melibatkan diri dalam politik. Beliau ialah anak kepada Chen Hon, "Kepala" pelombong bijih timah di Chenderiang, Perak. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Tinggi Chung Ling sebelum menerima LLB dari Lincoln's Inn. Beliau merupakan Pengerusi MCA bahagian Cheras. Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen dari tahun 1964-1969. Dari tahun 1974-1979, beliau dilantik sebagi Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Desa. Beliau kemudiannya dilantik sebagai senator dan terpilih sebagai Presiden Dewan Negara pada Disember 2000. Beliau juga merupakan Pengerusi Pihak Ber-kuasa Pelabuhan Klang. Pada hari ini, beliau menguruskan firma guaman beliau yang terletak di Kuala Lumpur.

Tan Sri Robert Kuok—Kuok Hock Nien dilahirkan di Johor Bahru pada 1923. Keluarga beliau merupakan imigran dari Fuzhou, China. Beliau kini merupakan seorang jutawan. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah bahasa Inggeris, dan kemudian bertugas selama 18 bulan di sekolah rendah Cina, juga di Johor Bahru. Meliau melanjutkan pelajaran di Kolej Reffles, Singapura pada awal 1941 tetapi Perang Dunia Kedua mem-bantutkan pengajian beliau. Beliau bersaudara telah menubuh-kan Kuok Brothers Ltd. Di Johor Bahru pada 1949, yang pada hari ini telah berkembang menjadi Kuok Group of Companies, empayar perniagaan dengan pelbagai jenis aktiviti perniagaan yang menjangkau Malaysia, Singapura, Hong Kong, Tahailand, dan China hinggalah ke Filipina. Pada 1974, beliau menubuhkan

Kerry Trading Co. Ltd. Di Hong Kong, yang terlibat dengan Kerry Group Ltd. di mana Kuok menjadi pengerusinya.

Tan Sri Dato' Seri Abdullah Ahmad—merupakan seorang wartawan, ahli korporat, diplomat dan pada umumnya seorang ahli politik yang handal. Beliau dilahirkan pada 4 Julai 1937 di Machang, Kelantan, negeri di mana beliau menjadi ahli Parlimen selama dua penggal bagi kawasan Machang dan Kok Lanas. Antara lainnya, beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Syarikat Permodalan Kebangsaan Bhd., Gadek, dan SPK Sentosa. Semasa usianya mencecah 25 tahun, Tun Razak telah mengambil beliau sebagai setiausaha politik dan penasihat, dan jawatan itu disandangnya selama 11 tahun (1963-1974). Beliau merupakan graduan Universiti Cambridge. Beliau pernah memegang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri daripada 1974-1976 dan sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO. Pada November 1976, beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berikutan perebutan kuasa dalam pucuk pimpinan UMNO. Beliau telah dibebaskan pada 1981. Pada 1996, beliau bersara daripada arena politik dan dilantik sebagai utusan khas ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sepanjang tempoh itu, Tan Sri Abdullah meneruskan sumbangannya sebagai penulis ruang yang prolifik. Setelah pulang ke tanah air, beliau, antara lainnya, telah dilantik sebagai Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press sehingga akhir 2003.

Datin Kalsom Taib—dilahirkan pada 18 Ogos 1942 di Muar, Johor. Ayahanda beliau, Allahyarham Tan Sri Taib Andak, adalah antara rakan karib Tun Razak. Mereka mendiami flat yang sama ketika menuntut di London, dan kekal sebagai rakan karib walaupun Tun Razak menerajui negara sebagai Perdana Menteri. Mereka kembali bersatu di London pada hari-hari terakhir Tun Razak. Tun Razak telah melantik Taib sebagai Pengerusi FELDA dari 1958-1971. Keakraban pertalian keluarga diperkuatkan lagi apabila Tun Razak melantik suami Kalsom, Datuk Shafee Yahaya, sebagai setiausaha peribadi sejurus selepas peristiwa 13 Mei 1969, kedudukan berlandaskan kepercayaan yang diberi dan jawatan itu dipegang selama enam bulan sebelum kematian Tun Razak. Anak sulung lima beradik, Kalsom mempunyai kelayakan sebagai guru dan telah memperluaskan kebolehan beliau dalam bidang sumber manusia dengan bertugas di syarikat Shell, Malaysian Mining Corporation

dan bersara ketika memegang jawatan Pengarah Sumber Manusia di Syarikat Nestle. Kini, beliau menerajui syarikat Skysha Holdings Sdn. Bhd., sebuah syarikat perunding dan latihan sumber manusia miliknya sendiri. Kalsom terkenang dengan penuh penghargaan kerana setiap tahun diundang ke majlis tahlil Allahyarham Tun Razak.

Tun Hajjah Rahah bte Tan Sri Haji Noah—dilahirkan pada 11 Jun, 1933 di Muar, Johor. Ayahanda beliau ketika itu merupakan pengerusi UMNO Johor dan kakak beliau, Tun Suhaila pula isteri kepada Allahyarham Tun Hussein Onn. Dengan perwatakan Tun Razak yang sopan serta berkedudukan baik dalam UMNO, rakan karibnya Tan Sri Taib Andak, membawa Tun Razak yang masih muda untuk melihat Rahah buat pertama kali ketika Rahah berada pada tahun akhir persekolahannya. Rahah berusia 19 tahun sewaktu berkahwin dengan Tun Razak. Perkahwinan mereka dikeurniakan lima orang anak lelaki dan berkongsi hidup bersama selama 24 tahun dengan bahagia.

Des Alwi Abu Bakar—pernah menjadi seorang nasionalis, diplomat, penerbit filem, dan ahli perniagaan. Des Alwi merupakan anak angkat kepada bekas Perdana Menteri Indonesia, iaitu Sutan Shahrir dan Naib Presiden Indonesia yang pertama, iaitu Mohammad Hatta. Beliau dilahirkan pada 17 November 1927 di Banda Naira, Kepulauan Banda, Maluku, Indonesia. Setelah menamatkan pendidikan awal beliau di Europese Lagha School, beliau meneruskan pengajian beliau di Jakarta. Antara umur 18-20 tahun beliau bergiat sebagai seorang pejuang kemerdekaan. Pada 1947, beliau dihantar oleh kedua-dua bapa angkatnya ke British Institute of Technology di London. Beliau kemudiannya menyertai Departmen Luar Indonesia (Diplu) pada 1952 dan ditempatkan sebagai atase penerangan ke Switzerland, Hungary, dan Austria dan pada 1957 ke Manila. Apabila tercetusnya konfrontasi pada awal tahun 1960-an, beliau bertindak sebagai penghubung antara Kuala Lumpur dan Jakarta, dan dengan itu membantu dalam menamatkan ketegangan dua hala. Pada hari ini, beliau melibatkan diri dalam penyelidikan dan penerbitan filem dokumentari. Beliau merupakan Pengarah Urusan PT Avisarti Films, Jakarta. Beliau juga menguruskan resort di Kepulauan Banda. Beliau digelar sebagai "Raja Buah Pala" kerana sumbangan beliau dalam memajukan Banda Naira sebagi pengeluar buah pala. Des Alwi

juga dilantik sebagi Pengerusi Yayasan Kebudayaan dan Warisan Banda.

Mendiang **Dato' K. Pathmanaban**—mengabdikan dirinya dalam perkhidmatan awam. Dilahirkan pada 10 Jun 1937, beliau memegang jawatan Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Manusia. Beliau memasuki arena politik pada 1978 apabila dipilih sebagai ahli Parlimen bagi kawasan Teluk Kemang selama 12 tahun. Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian yang beliau cukup arif, iaitu Kementerian Buruh dan Tenaga Manusia. Seterusnya beliau telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Kesihatan (1981-1989) dan Timbalan Menteri Buruh (1989-1990). Beliau juga pernah menjadi ahli dalam Majlis Perunding Ekonomi Kebangsaan.

Dato' P.G. Lim—dilahirkan di London dan telah mengikuti pengajian undang-undang di Lincoln's Inn. Peringkat awal kerjaya beliau tertumpu kepada penglibatan aktif dalam membantu pembentukan beberapa kesatuan sekerja di Persekutuan Tanah Melayu. Beliau pernah bertanding sekali dalam pilihan raya di Sentul pada 1964, namun tewas. Pada 1970, beliau diundang menjadi ahli dalam Majlis Perunding Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Razak. Pada 1971, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, suatu permulaan kerjaya diplomatik yang berlanjutan selama lapan tahun setengah, yang telah membawa beliau ke Yugoslavia dan Austria (1973-1977) dan ke Belgium dan Kesatuan Negara-Negara Eropah atau EEC (1977-1979). Sekembalinya ke tanah air, beliau dilantik sebagai Pengerusi Regional Court of Arbitration yang berpengkalan di Kuala Lumpur. Beliau kini merupakan ketua atau prinsipal syarikat P.G. Lim & Co.

Mendiang **Tan Sri Lee Siew Yee**—tokoh yang dianggap dilahirkan untuk bidang kewartawanan. Kerjaya beliau bermula di *Penang Gazette* pada 1936, dan kemudiannya menyertai *Straits Echo*. Pada 1952, beliau dinaikkan pangkat sebagai editor Singapore Free Press. Pada Tahun 1954, beliau dilantik sebagi Penolong Editor dan Ketua Penulis di akhbar yang dulunya dikenali sebagai *Straits Times*. Pada 1955 beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarang akhbar tersebut. Pada 1970, beliau memegang jawatan Ketua Pengarang dan bertanggung jawab secara keseluruhan ke atas kerja-kerja penyuntingan edisi *The*

Straits Times di Malaysia dan Singapura. Pada Oktober 1972, apabila operasi penerbitan surat khabar dipindahkan ke Kuala Lumpur beliau dilantik sebagai Editor Kumpulan dan bertanggung jawab ke atas kesemua perihal penyuntingan berita sehingga beliau mencapai umur persaraan. Beliau juga adalah salah seorang ahli Board of Financial Publishers yang menerbitkan akhbar *Business Times*.

Tun Datuk Seri Dr. Lim Chong Eu—menumpukan kehidupan awal beliau sebagai seorang doktor. Menjelang persaraannya, beliau telah menunjukan kebolehan sebagai negarawan dan ahli politik veteran. Dilahirkan pada 28 Mei 1919 di Pulau Pinang, beliau merupakan Serjana Diraja (*Queen's Scholar*) dan menduduki MBCh di Sekolah Perubatan Universiti Edinburgh pada 1944. Pada penghujung tahun tersebut, beliau ke negara China. Beliau bertugas di Kolej Perubatan Shanghai dan antara jawatan yang pernah disandang beliau di sana ialah pakar perubatan peribadi kepada Jeneral Chen Cheng dalam pasukan Tentera China yang menentang Jepun. Sekembalinya ke Malaya pada 1947, beliau meneruskan penglibatan dalam bidang perubatan di dispensari keluarga milik bapanya di Pulau Pinang. Beliau juga telah berkhidmat selama 16 tahun dalam Majlis Perubatan Malaysia (*Malaysian Medical Council*), memegang pelbagai jawatan dalam Persatuan Perubatan Malaya (*Malayan Medical Association*), dan pernah menjadi Presiden Persatuan Pengamal Perubatan Pulau Pinang (*Penang Medical Practitioners' Society*). Pada 1951, beliau mengasaskan Penang Radical Party; menyertai MCA pada 1954, dan dipilih sebagai presiden parti itu pada 1958. Beliau meletak jawatan pada 1961 dan menubuhkan United Democratic Party (UDP). Pada 1968, UDP meluaskan sayapnya dan dikenali sebagai Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Pada 1969, parti Gerakan memenangi pilihan raya negeri Pulau Pinang. Tun Dr. Lim telah meninggalkan kesan yang begitu mendalam di Pulau Pinang kerana beliau telah memegang jawatan Ketua Menteri paling lama di negeri itu dari 1969-1990.

Mendiang **Tan Sri Datuk Amar Ling Beng Siew**—merupakan salah seorang jutawan terawal Malaysia. Bermula di tempat kelahiran beliau di Sibu, Sarawak, beliau memcatat nama dalam bidang pembalakan, perbankan, dan perlombongan emas. Beliau merupakan Pengerusi Hock Hua Bank, Kong Thai Sdn. Bhd., dan Bukit Young Goldmine Sdn. BHd. Beliau juga

telah mengasaskan *Malaysia Daily News*, akhbar berbahasa Cina. Sebagai ahli Majlis Perundangan Sarawak yang mewakili kaum Cina pada tahun 1960-an, beliau menandatangani Perjanjian Malaysia di London pada 9 Julai 1963. Beliau meninggal pada usia 86 tahun di California pada Disember 2004.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah—lebih dikenali sebagai Ku Li di negeri asalnya, Kelantan. Beliau dilahirkan pada 13 April 1937. Menyertai UMNO pada 1962, namun mengambil keputusan untuk meneruskan penglibatan beliau dalam sektor perbankan dan separa kerajaan sehingalah kematian Tun Razak. Beliau secara rasminya memegang portfolio kewangan dari 1976-1984. Tengku Razaleigh begitu dikenali di Parlimen. Beliau telah dipilih sebagai ahli Parlimen Ulu Kelantan dalam pilihan raya umum pada 1969, 1974, 1978, dan 1982, dan sebagai ahli Parlimen Gua Musang pada 1986, kawasan pilihan raya yang telah digariskan semula. Dalam UMNO, Tengku Razaleigh pernah menjadi ahli Majlis Tertinggi, Bendahari, dan Naib Presiden. Beliau tewas kepada sekutu politik lamanya, iaitu Tan Sri Musa Hitam dalam perebutan jawatan timbalan presiden parti pada 1981 dan 1984. Pada tahun 1987, beliau tewas dalam percubaan menduduki kerusi presiden parti kepada penjawat ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad, dengan bilangan undi yang cukup mendebarkan, iaitu 43 undi. Beliau kemudiannya meninggalkan UMNO untuk mengasaskan parti pembangkang Semangat 46, yang mana beliau telah dua kali dipilih mewakili kawasan pilihan raya Gua Musang (1990 dan 1995). Beliau menyertai UMNO semula pada 1996 dan dipilih mewakili kubu kuatnya Gua Musang, pada kali ini atas tiket UMNO. Tengku Razaleigh pernah dilantik sebagai Pengerusi UMNO Kelantan dan dipilih sebagai ahli Majlis Tertinggi.

Tunku Tan Sri Dato' Shahriman bin Tunku Sulaiman—dilahirkan pada 4 Februari 1932 di Sri Menanti, Negeri Sembilan. Memulakan kerjaya sebagai kakitangan awam di pejabat daerah, beliau kemudiannya memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 1968. Beliau telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Kabinet di Jabatan Perdana Menteri pada 1961-1963, dan merupakan Ketua Pengarah pertama ICDAU (kini dikenali sebagai *ICU/ Implementation & Coordination Unit*) di Pejabat Perdana Menteri pada 1971-1974. Sehubungan itu, beliau merupakan pembantu khas kepada Tun Razak, kedudukan berteraskan

kepercayaan. Pada tahun-tahun berikutnya, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi United Malayan Banking Corporation Bhd., dan juga sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Nasional Bhd. (PERNAS) untuk tempoh beberapa tahun.

Tun Abdul Ghafar bin Baba—sejarah hidupnya bermula agak sederhana. Dilahirkan pada 18 Februari 1925 di Negeri Sembilan, Abdul Ghafar mendapat latihan sebagai guru. Sewaktu pendudukan Jepun, beliau merupakan salah seorang pegawai Melayu yang berpotensi dan dipilih untuk menyertai Kua Kunrensho, iaitu pusat latihan bagi pegawai-pegawai kerajaan Jepun, yang menawarkan pengajaran bahasa Jepun dan *seishin* (semangat). Beliau kemudiannya memegang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam, termasuk sebagai Ketua Menteri Melaka pada 1959-1967, dan selepas itu sebagai Menteri Kabinet. Beliau telah memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dari 1986-1993.

Allahyarham **Tun Ismail Mohamed Ali**—dilahirkan pada 16 September di Port Klang, Selangor. Mendapat pendidikan awal di batu Road Boy's School dan Victoria Institution di Kuala Lumpur. Beliau mendapat Ijazah ekonomi dari Universiti Cambridge pada 1941, dan kemudiannya mengikuti pengajian undang-undang di Middle Temple, Inn of Court pada 1943. Beliau dilantik sebagai menteri di Kedutaan Malaysia di Washington pada 1957 dan kemudian sebagai Pengarah Eksekutif di Bank Dunia dan anggota gabungannya pada tahun berikutnya. Sekembalinya ke tanah air, pada 1960 beliau telah dilantik sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara dan menjawat jawatan Gabenor Bank Negara dari tahun 1962-1980, tempoh perkhidmatan paling lama berbanding mana-mana gabenor bank pusat di Asia. Setelah bersara, beliau dilantik sebagai Lembaga Pengarah Sime Darby, sebelum dilantik sebagai pengerusi pada 1988. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi Permodalan Nasional Bhd., sebuah syarikat yang kukuh. Pada 1998 beliau meninggal dunia ketika berumur 79 tahun.

Allahyarham **Tan Sri Abdul Samad Idris**—memulakan kerjaya sebagai wartawan akhbar *Majlis* dan kemudian *Utusan Melayu*. Dilahirkan pada 13 Oktober 1923 di Seri Menanti dan menunjukkan minat awal beliau dalam politik Melayu. Pada 1955, beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan dan pada tahun yang sama terpilih sebagai ADUN Johol, dan

Seri Menanti (1959-1969), dan seterusnya dilantik sebagi *Exco*. Walaupun menjadi Timbalan Menteri Besar pada tahun 1964, tetapi beliau tidak dilantik menjadi Menteri Besar sebaliknya terpilih sebagai ahli Parlimen bagi Seri Menanti (1969-1978) dan Jelebu pada 1978. Portfolio beliau termasuklan sebagai Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (1969), Pembangunan Bandar dan Desa (1969), Timbalan Menteri Pertanian dan Tanah (1971), dan Timbalan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri (1973). Pada tahun 1976 beliau dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Beliau bersara daripada politik pada 1982. Veteran UMNO ini telah dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Pertanian Malaysia, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Negara, Bank Pembangunan Malaysia, dan MWE Holding Bhd. Beliau juga menjadi Pengarah Utusan Melayu (M) Bhd. Beliau gemar bermain golf dan badminton, dan sangat suka menulis. Beliau telah menulis empat buah buku berkaitan kebudayaan dan sejarah Negeri Sembilan.

Tan Sri Jeneral (B) Benny Moerdani—Leonardus Benjamin Moerdani dilahirkan pada 2 Oktober 1932. Ketika berumur 20 tahun, beliau dihantar ke Pusat Latihan Pegawai Tentera di Bandung, dan pada tahun 1960-an beliau mengikuti pelbagai kursus ketenteraan di Amerika Syarikat. Kebanyakan pengalaman beliau adalah sewaktu dalam Special Forces and Strategic Reserve Command, dengan pengkhususan dalam perisikan ketenteraan. Beliau berpangkat Letenan Kolenal sehinggalah dilantik sebagai Penolong Ketua Misi di Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur dari tahun 1967-1971. Kemudiannya, beliau ditempatkan di Seoul sebagai Konsul Jeneral. Dari tahun 1983-1988, beliau menjawat jawatan Panglima Besar Angkatan Bersenjata Republik Indionesia. Setelah itu, beliau dilantik menjadi Menteri Pertahanan dan Keselamatan Republik Indonesia dari tahun 1988-1993.

Tan Sri Dato' Aishah bt Abdul Ghani—dilahirkan di Selangor pada 1924. Penglibatan beliau secara tergesa-gesa dalam politik bermula sekembalinya ke tanah air selepas tamat pengajian di United Kingdom pada 1959. Tan Sri Aishah bekerja keras dalam pergerakan Wanita UMNO, bermula dari bawah sehinggalah beliau mendapat kedudukan tinggi dalam parti. Beliau merupakan ahli Majlis Tertinggi UMNO dan naib pengerusi dalam pucuk pimpinan Wanita UMNO pada 1972. Beliau telah dilantik sebagai Menteri Kebajikan dalam kabinet pertama

Tun Razak, jawatan yang dipegang sehinggalah persaraan pada 1984.

Tan Sri Datuk Dr. Ong Kee Hui—dilahirkan pada 1914 dalam sebuah keluarga Hokkien yang memiliki keistimewaan. Beliau ialah cicit kepada Kapitan Cina pertama Sarawak, iaitu Ong Ewe Hai. Beliau memulakan kerjaya selaku pegawai pertanian pada tahun 1936. Pada 1953, beliau diserap ke Majlis Perbandaran Kuching dan berkhidmat dalam Majlis Negeri dari tahun 1956-1963. Beliau terpilih sebagai ahli Parlimen pada 1963-1982, dan bersara kemudiannya. Beliau merupakan Pengerusi Pengasas Sarawak United People's Party (SUPP) yang menentang keras pembentukan Malaysia, nemun pembentukkan Malaysia berjaya juga. Beliau mengepalai golongan profesional berpendidikan Inggeris yang berfahaman sederhana dalam SUPP untuk mengimbangi golongan berhaluan kiri. Sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, beliau beliau menjadi saksi penyerahan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan oleh Selangor. Beliau meninggal pada usia 86 tahun pada tahun 2000.

Dato' Mazlan Nordin—seorang wartawan veteran yang dilahirkan pada 14 Oktober 1925 di Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Kerjaya kewartawanan beliau menjangkau setengah abad. Bermula sebagai pemberita di akhbar *Utusan Melayu* pada 1950-an, beliau kemudiannya diberi peluang bertugas dalam bidang penyiaran di New York dan setelah itu kembali semula ke *Utusan Melayu*. Pada 1970, beliau dilantik sebagai editor berita am akhbar *Berita Harian*, Ketua Pengarang Bernama, Ketua Pengarang dan seterusnya Pengarah Urusan Utusan Melayu (M) Bhd. Setelah bersara daripada jawatan Pengerusi Bernama, beliau melibatkan diri sebagai penulis kolumnis untuk akhbar *New Straits Times*, *Mingguan Malaysia*, dan *The Sun*. Beliau kini menjadi Pengerusi Institut Akhbar Malaysia serta Pemangku Pengerusi Yayasan Akhbar Asia (*Press Foundation of Asia*).

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak—dilahirkan pada 23 Julai 1953, telah dilantik sebagai Orang Kaya Indera Shahbandar selepas kematian ayahanda beliau. Beliau mengambil tempat arwah ayahandanya dalam pilihan raya kecil kawasan Pekan pada tahun 1976 yang tidak ditandingi. Kerusi ahli Parlimen kawasan Pekan didudukinya selama enam

penggal. Pada 1978, Dato' Sri Mohd Najib dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, dan dua tahun selepas itu sebagai Timbalan Menteri Pendidikan. Pada 1981, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan, jawatan yang dipegang selama setahun. Pada 1982, beliau bertanding di Bandar Pekan, Pahang dan seterusnya dilantik sebagai Menteri Besar Pahang sehingga 1986. Dato' Sri Mohd Najib kemudiannya bertanding untuk kerusi Parlimen kawasan Pekan dan telah dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 1986. Pada 1990, beliau ditugaskan sebagai Menteri Pertahanan, Menteri Pendidikan (1995-1999) dan kembali memegang jawatan Menteri Pertahanan selepas pilihan raya umum 1999. Dato' Sri Mohd Najib, yang pernah memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO dari 1987-1993 dan dari 1993 hingga awal 2004, juga merupakan naib presiden dengan cara tersendiri. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia ke-9 pada 7 Januari 2004.

Tan Sri Dato' Musa Hitam—dilahirkan pada 18 April 1934 di Johor dan memasuki perkhidmatan awam pada 1958. Menjelang 1968, beliau merupakan ahli Parlimen bagi kawasan Segamat Utara. Pada tahun berikutnya beliau dilantik sebagai timbalan menteri. Menjelang 1974, beliau dinaikkan pangkat ke taraf menteri penuh, pertama sebagai Menteri Perdagangan dan Industri, Menteri Perusahaan Utama, Menteri Pelajaran dan kemudiannya Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri. Tan Sri Musa telah dipilih sebagai Naib Presiden UMNO pada 1978. Peningkatan beliau begitu cepat setelah menewaskan Tengku Razaleigh dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO pada 1981 dan sekali lagi pada 1984. Bagaimanapun, pada 1987, Tan Sri Musa kehilangan jawatan parti itu kepada Tun Abdul Ghafar Baba dengan 40 undi. Tan Sri Musa kemudiannya berganding bahu dengan Tengku Razaleigh dalam Parti Semangat 46. Perkongsian tersebut bagaimana pun hanya bertahan selama satu dekad. Setelah mengundur diri daripada arena politik, Tan Sri Musa dilantik sebagai utusan khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kemudiannya sebagai Ketua Perwakilan Malaysia ke Suruhanjaya mengenai Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Antara jawatan lain yang pernah disandang Tan Sri Musa ialah sebagai Pengerusi Suruhanjaya Mengenai Hak-Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

Datuk Harris bin Mohamed Salleh—adalah salah seorang pengasas Parti Berjaya, yang telah menyingkirkan Parti United Sabah National Organisation dalam pilihan raya umum 1976. Datuk Harris pernah menjadi anggota kabinet di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha tetapi meletakkan jawatan tidak lama kemudian. Beliau merupakan ADUN Tenom dan dipilih sebagai ahli Parlimen Keningau pada satu pilihan raya kecil. Datuk Harris merupakan Timbalan Ketua Menteri Sabah dan Timbalan Presiden Parti Berjaya di bawah pucuk pimpinan Tun Fuad Stephens. Beliau seterusnya memegang jawatan Presiden Parti Berjaya dan Ketua Menteri Sabah—jawatan terakhir beliau dalam perkhidmatan awam—sehingga beliau tewas dalam pilihan raya 1985.

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak—dilahirkan pada 29 November 1954 di Kuala Lipis, Pahang, beliau ialah anak kedua daripada lima adik-beradik. Seorang peguam, Dato' Johari tamat pengajian undang-undang di Universiti Kent, United Kingdom, dengan ijazah Bachelor of Law (Hons.). Beliau telah dipanggil untuk berkhidmat di Bar of England dan Wales pada November 1976. Beliau telah diserapkan ke Mahkamah Tinggi Malaya pada Julai 1977 dan berkhidmat sebagai peguam bela dan peguam cara di Messrs. Shearn Delamore & Co. bermula pada 1979. Beliau menjadi rakan kongsi syarikat tersebut dari 1981-1994. Beliau kini menjadi Pengarah Urusan Kumpulan Ancom Bhd.

Indeks

A

A Team, 113
A.V. Aston, 139
Abang Haji Openg, Tun, 247
Abdul Ghafar Baba, Tun, 29, 290
Abdul Latiff, 60
Abdul Majid Ismail, Tan Sri, 9
Abdul Rahman bin Yaakub, 244, 245, 247, 290
Abdul Rahman Talib, 199, 200, 207
Abdul Rahman, Tunku, 9, 10, 15-17, 22, 33, 35, 39, 44, 49, 51, 59, 65, 87, 89, 99, 103, 111, 117, 123, 125-127, 139, 142, 147, 154, 155, 159, 171, 180, 193, 200, 201, 203, 232, 241, 242, 247, 248, 252, 285, 286, 290, 291
Abdullah Ahmad, Tan Sri, 260, 279
Agan bin Abu Sammah, 96
Agus Salim, 87
Ahmad Fuad Hassan, 201
Ahmad Shah, Tengku, 7
Aishah Ghani, Tan Sri Dato', 126
Akta Undang-undang Keluarga Islam, 230
Ali Moertopo, 102
Annuar Jusoh, 174
Anugerah
Kepimpinan, 79
Magsasay, 156
ASEAN, 102, 221, 263, 303, 305
Asia Tenggara, 101, 101, 102, 104, 134, 87, 96, 97, 99
Asia Timur, 102
Asia, 65
Asri Haji Muda, Datuk, 63, 261

Astana, 246
Azah Aziz, 127

B

Badan Pembangunan Bandar (UDA), 54
Bahaman Shamsuddin, 200
Bank Bumiputra (Malaysia) Berhad (BBMB), 153, 157, 163, 185, 195, 261
Bar, 121, 17, 295
Barisan Nasional, 33, 41, 44, 61, 63, 64, 115, 139, 142, 159, 173, 174, 183, 251, 252, 261, 264, 286, 291,
Barisan Sosialis, 125
Benny Moerdani, 102, 105, 262
Biasiswa Queen, 17
Bilik Gerakan Negara, 277
Biro Siasatan Negara (BSN), 162
Buku Merah, 277
Burhanuddin Helmi, Dr., 99, 181
busjaket, 45, 59

C

C.L. Robless, Dr., 113
C.M. Yusof, 201
Charter, 274
Ching Peng, 147
Clement Attlee, 123, 259

D

D.J. Ambler, 6
Daan Yahya, Let. Kol., 97
Darma Setiawan, Dr., 97
darurat, 158, 241, 250
Dasar
  Ekonomi Baru (DEB), 41, 66, 113, 141, 126, 159, 160, 163, 187, 195, 251, 274, 279, 286
  Pembangunan Luar Bandar, 156, 163

Pendidikan Negara (DPN), 141, 163
Perindustrian, 163
Des Alwi, 9, 88, 105, 107, 261, 262
Dewan
Negara, 32, 33
Perundangan Negeri, 244
Perundangan Persekutuan, 227
Undangan Negeri (DUN), 201, 205

E

Empat Sekawan, 89
Esso, 160
Exco, 205, 207, 216

F

F.C. Arulanandom, 18, 21
FAMA, 185, 187
Forum Malaya, 9, 18, 91, 123
Fuad Stephens, Tun, 290
Fujiwara, 29

G

G. Thaver, 125
Ghandi, 267
Ghazali Shafie, Tan Sri, 9, 88, 102, 149, 180, 259, 260, 262
Goh Keng Swee, 17, 18, 89, 123
Gurkha, 6

H

Haniff Omar, Tun, 297
Hanna Nimpuno, 91
Hari Malaysia, 260
Harry Kawilarang, 108
Hartal, 157
Harun Idris, Datuk, 9, 33, 240, 241, 250, 303

Hu Yaobang, 36
hua yu, 143
Hukbalahap, 264
Hussein Onn, Tun, 30, 121, 142, 153, 179, 180, 214, 249, 260, 297

I

Ibrahim bin Ali, Tan Sri, 27, 29
Ibrahim Haji Yaakub, 27, 99
Insurans MNI, 185
Irian Barat, 99
Ishak Mohammad, 29
Ismail Abdul Rahman, Tun Dr., 21, 53-55, 106, 114, 126, 180, 195, 214, 227, 242, 248, 249, 260
Istana Negara, 248, 249
ITM, 261

J

J. Leimena, Dr., 97
Jabatan
  Kerja Raya (JKR), 273
  Perdana Menteri, 113, 175, 231
  Perkhidmatan Awam, 274
Jawatankuasa
  Agama Negeri, 229
  Ekonomi, 126
  Kecil Penerangan, 207
  Memperketat Undang-undang Poligami, 229
  Mengkaji dan Memperbaiki Taraf Pentadbiran Mahkamah Syariah, 229
  Pembangunan Daerah, 277
Joe Bugner, 106
Johari, 80

K

kabinet, 45, 51, 62, 113, 153, 158, 249, 260, 271
Kabinet
  Persekutuan, 244
  Pertama, 131
  Pra-Merdeka, 11
Kampung Baru, 240
Kaum Ibu Melayu, 232
Kaum Ibu UMNO, 225, 227
Kelab
  Golf Diraja Selangor, 22
  Taman Perdana, 15, 16, 23
Kementerian Perdagangan, 263
Kertas Perbendaharaan, 113
Kesatuan
  Melayu Great Britain (KMGB), 97, 193
  Melayu Muda (KMM), 29
  Melayu Raya, 99
  Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)
Kesultanan
  Bulungan, 101
  Sulu, 264
Ketua
  Hakim Negara, 39
  Menteri, 149
Khalil Akasah, 174, 297
Khir Johari, Tan Sri, 104, 171
Kolej
  Melayu Kuala Kangsar, 3, 5, 59, 61, 185, 200, 257, 299
  Perubatan, 15, 16
  Raffles, 5, 15, 16, 21, 27, 51, 49, 59
Kongres India Malaysia (MIC), 61, 114, 115, 117, 183, 208, 239, 252, 286
Komanwel, 39, 55
Kompleks Kewangan, 185

konfrontasi, 65, 101, 104, 262, 219, 221
Kongres Ekonomi Bumiputera, 195
koperasi, 187
Kumpulan Sekerja Ekonomi, 195

L

L.B. Johnson, 212, 213
Lady Winstedt, 92
Laporan
  Ibrahim Ali, 131
  Jawatankuasa Benham, 235
  Razak, 11
Lee Kuan Yew, 51, 89, 53, 125, 239
Lembaga
  Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), 187
  Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), 28, 41, 161, 163, 185, 196, 212, 261
  Kemajuan Tanah Persekutuan, 156
  Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), 185, 196
leukemia, 159, 297, 298
Lim Chong Eu, Tun Dr., 170, 251
London Tin, 160, 161

M

Maarof bin Zakaria, 200
Mahathir Mohamad, Tun Dr., 33, 36, 45, 64-66, 142, 274, 279
Majlis
  Amanah Rakyat (MARA), 104, 157, 156, 163, 185, 195, 261
  Bandaran, 227
  Gerakan Negara (MAGERAN), 22, 32, 125, 141, 158, 185, 242, 241, 257
  Keselamatan Negara, 73
  Persekutuan Undang-undang, 10
  Perundingan Perpaduan Malaysia, 147, 285
  Majlis Perundingan Negara (MPN), 53, 134, 142, 126, 279

Raja-Raja, 231
Tertinggi UMNO, 33, 206, 207, 225, 228, 234
Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), 159
Malayan Union (MU), 6, 193
Malaysian Malaysia, 239
Manickavasagam, Tan Sri, 251
Mao Zedong, 36, 43, 134, 150, 263
Maphilindo, 102, 264
Masyumi, 98
Maurice Baker, Prof. Tan Sri, 89
Mazhab Shafei, 229
McPherson, Dr., 101, 106, 279, 299
Meja Bulat The Hague, 96
Memorial Tun Abdul Razak, 81
Menteri
Dalam Negeri, 62, 260
Kabinet, 80
Kewangan, 17, 43, 235, 259
Luar Bandar, 277
Luar Negeri, 36, 62, 261
Pelajaran, 11, 40, 215, 244
Pembangunan Luar Bandar, 40, 62, 167, 252, 269,
Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 209, 215
Pengangkutan, 278
Perdagangan dan Industri, 249
Pertahanan, 62, 241, 291
Perusahaan Utama, 282
merdeka 199
Mesyuarat Kabinet Hari Rabu, 113
Middle Temple, 69
Mimi Shahrir, 7, 89, 93, 95, 97
Mohamad Sopiee, 18, 88, 123
Mohammad Ali, 106
Mohammad Hatta, 95-99
Mohd Idris Matsil, Datuk, 202-205, 210, 211

229, 236, 239, 242, 243, 250-252, 259, 269, 277, 279, 282, 286,
Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), 244, 287, 288
Peladang, 187
Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), 290
Perundangan Islam 1951, 229
Petroliam Nasional Berhad (Petronas), 153, 161, 261
Philip Hoalim Jr, 18
pinisi, 103
populis, 161

R

Rahah, Toh Puan, 10, 19, 45, 51, 69, 73, 103, 108
Rancangan
Buku Merah, 112
Ekonomi Lima Tahun, 303
Lima Tahun Malaya, 141
Pembangunan Lima Tahun, 112
Rang Undang-undang Keluarga Islam, 229
Ratu Juliana, 97
Razaleigh Hamzah, Tengku, 45, 63, 150, 297
RISDA, 261
Rukun Negara, 126, 142, 151

S

S.P. Seenivasagam, 115
Saidon Kecut, 33
Samad Ismail, Tan Sri, 260
Sardon Jubir, Datuk, 278, 281
Senu A. Rahman, Dato', 209-211, 245, 246
Shell, 160
Sime Darby, 160, 161
Soeharto, 101, 262
Soekarno, 35, 98, 99, 101, 102

Sri Taman, 19, 22, 73, 81, 169, 231, 232, 251, 263, 273
Stephen Kalong Ningkan, 243
Suara Merdeka, 18
Subandrio, 97, 99
Sukan Olimpik 1948, 89
Sutan Shahrir, 7, 9, 87-89, 98, 99, 101
Suwito Kusumowidaglo, 98, 99
Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), 55
Syarikat Penerbangan Malaysia Singapura (MSA), 55

T

Taib Andak, Allahyarham Tan Sri, 9, 21, 69, 77, 88-89, 97,123, 241, 297
Tan Chee Khoon, Tan Sri Dr., 125, 240, 241
Tan Cheng Lock, Datuk, 195
Tan Siew Sin, Tun, 43, 113, 121, 195
Taty Suwandi, 89
Temenggong Jugah, 247
Thong Yaw Hong, Tan Sri, 113
Toh Chin Chye, 89, 123
Tragedi 13 Mei 1969, 19, 21, 41, 44, 173, 279, 281

U

Undang-undang Keluarga Islam, 228, 229
Ungku Abdul Aziz, 27, 127
Unit Perancangan Ekonomi (EPU), 113, 115
Universiti
    Kebangsaan Malaysia (UKM), 160, 185, 261
    Nottingham, 7

V

V. Manickavasagam, Tan Sri, 115, 116
V.T. Sambanthan, Tun, 116, 249
Viva, 189

W

Wan Daud, 88, 89, 93, 96
Wanita UMNO, 127, 228, 229, 231-235
Wataniah, 6, 30
Wilayah Persekutuan, 250
Winston Churchill, 9, 123
Wisma Putra, 247

Y

Yahya Mohd Seth, Dato' 199
Yang di-Pertuan Agong, 44, 63
Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, 11
Yeop Mahidin, 30
young Turks, 279, 281
Yudo Sumbono, 105

Z

zhong xiao, 143
Zhou Enlai, 43, 134, 150, 263
Zon Bebas Cukai, 142

TUN ABDUL RAZAK
POTRET DALAM KENANGAN

Koleksi esei ini telah ditulis oleh mereka yang betul-betul mengenali Allahyarham Tun Razak bin Dato' Hussein secara rapat. Antara mereka ialah para sahabat, rakan-rakan sekerja dan ahli keluarga. Mereka ialah golongan yang sangat menghargai kenangan manis yang ditinggalkan oleh seorang insan yang banyak mempengaruhi kehidupan mereka semasa beliau membentuk negara.

Bila dikenang kembali, buku ini mungkin sepatutnya telah ditulis sendiri oleh Allahyarham Tun Razak sekiranya beliau masih hidup. Mungkin sesudah bersara beliau mempunyai masa untuk menulis memoir ini. Malangnya beliau menghidap penyakit leukemia. Beliau meninggal dunia dua bulan sebelum tarikh lahir beliau yang ke-54 dalam kesejukan suasana di kota London—kota yang sangat beliau sayangi semasa menuntut dalam jurusan undang-undang pada dekad sebelum kemerdekaan Malaya.

Kompilasi ini adalah satu penghargaan kepada seorang insan yang telah memberi sepenuh pengorbanan kepada negara. Dedikasi beliau telah menjadikan beliau seorang patriotik. Tun Razak merupakan seorang insan yang unik. Beliau sangat tekun bekerja, gemar bermain golf, mempunyai pembawaan diri yang serius tetapi masih mampu berjenaka dengan bersahaja. Pegawai kerajaan bimbang dengan kritikan beliau dan dianggap sebagai orang yang baik hati yang telah memberi pertolongan yang tidak terhingga untuk meringankan keperitan hidup mereka.

Beliau menjadi Arkitek Malaysia. Pada tahun-tahun akhir hayatnya, beliau terus bekerja dengan lebih tekun. Dengan merahsiakan sakitnya, beliau bekerja tanpa penat lelah untuk membentuk Barisan Nasional.

Semasa melalui saat-saat ini, beliau tidak mempunyai banyak masa bersama keluarga. Bagaimanapun beliau sentiasa memastikan masa yang terluang dengan keluarga adalah masa yang berkualiti. Toh Puan Rahah dan anak-anak lelaki beliau yang sekarang ini berjaya dalam kerjaya masing-masing, mengingati saat-saat tersebut dan mereka sangat menyayangi beliau.

Semua kisah beliau ini merupakan satu lakaran yang sudah disentuh oleh peredaran masa. Bagaimanapun kisah seorang kanak-kanak yang ke sekolah berkaki ayam dan kemudian membesar sebagai seorang manusia yang berintegriti tinggi, telah menjadi sebuah legasi.

ISBN 967-61-1785-4
9 789676 117854
www.mybooks.com.my